KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Perak

FORMAT KSSM
MULAI 2021

# TICKET TO VICTORY

# BAHASA MELAYU

## TINGKATAN 4 & 5

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH

**EDISI MURID**




PELBAGAI LATIHAN
PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH
SOALAN KBAT

Sektor Pembelajaran

We Deliver

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Jabatan Pendidikan Negeri Perak

# AMANAT & PENGHARGAAN





**Dr Mohd Suhaimi bin Mohamed Ali, PCM**

*Pengarah Pendidikan Negeri Perak*

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK
We Deliver

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Setinggi-tinggi kesyukuran kita merafakkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan belas ihsan, limpah kurnia dan izin-Nya, Modul Ticket To Victory Bidang Bahasa yang merangkumi mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Arab, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil dapat dihasilkan. Modul ini selaras dengan format KSSM oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) dan format pentaksiran yang baharu bagi SPM tahun 2021 oleh Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Penghasilan modul ini merupakan usaha murni yang memerlukan kolaboratif akrab antara Sektor Pembelajaran, Jabatan Pendidikan Negeri Perak, Pejabat Pendidikan Daerah dan guru-guru yang berpengalaman dalam menterjemahkan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menyediakan dan melahirkan murid holistik yang dapat bersaing di peringkat global.

Diharapkan penghasilan modul ini dapat merealisikan misi dan visi pendidikan negeri Perak dan mengangkat kecemerlangan pendidikan negeri ini. Pegawai di JPN, PPD dan pentadbir sekolah serta warga pendidik perlu memastikan *Modul Ticket To Victory* dapat dioptimumkan penggunaannya agar matlamat untuk merealisasikan misi iaitu penyampaian pendidikan berkualiti untuk membangun sekolah unggul bagi menyediakan murid kalis masa hadapan terlaksana.

Setinggi-tinggi ucapan tahniah dan syabas kepada para pegawai Sektor Pembelajaran JPN dan PPD serta guru-guru yang bergabung tenaga dan idea dalam penghasilan modul ini. Sesungguhnya besar harapan kita agar *Modul Ticket To Victory* ini dapat dimanfaatkan oleh semua guru dan murid dengan sebaik-baiknya sehingga dapat memberi impak besar kepada kemenjadian murid khususnya dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Akhir kata bersamalah kita memohon hidayah daripada Allah SWT, semoga segala usaha murni yang dilakukan ini akan menghasilkan kejayaan yang berterusan bagi pendidikan di negeri Perak.

Sekian, terima kasih.

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Jabatan Pendidikan Negeri Perak

# AMANAT & PENGHARGAAN



Rahimah

**PUAN HJH. RAHIMAH BINTI MOHAMED, AMP**
*Timbalan Pengarah Pendidikan,*
*Sektor Pembelajaran*
*Jabatan Pendidikan Negeri Perak*

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK
We Deliver

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh dan Salam *"We Deliver"*

Alhamdulillah dengan izin dan inayah-Nya, Modul *Ticket To Victory* bidang Bahasa Sektor Pembelajaran telah dihasilkan dan melibatkan mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Arab, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil. Saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan penghargaan terima kasih kepada pegawai mata pelajaran Sektor Pembelajaran, pegawai SISC+ dan guru-guru berpengalaman yang sentiasa memberikan sokongan kepada Jabatan Pendidikan Negeri Perak sehingga terhasilnya modul ini.

Calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2021 ini merupakan calon pertama yang akan menggunakan format SPM baharu Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) apabila pelaksanaan KSSM yang mula diperkenalkan pada tahun 2017 menggantikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Format baharu peperiksaan SPM mula diperkenalkan sejajar dengan pengenalan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). Sehubungan dengan itu, penghasilan Modul *Ticket To Victory* ini sangat sesuai dan relevan untuk dijadikan panduan kerana kandungannya menepati format SPM baharu 2021. Modul ini juga merupakan salah satu strategi untuk membantu meningkatkan pencapaian SPM di negeri Perak yang selari dengan visi Jabatan Pendidikan Negeri Perak, "Pendidikan Berkualiti, Sekolah Unggul dan Murid Holistik".

Saya berharap agar kita bersama-sama mengamalkan prinsip *Open The New Horizon* iaitu dengan menilai dan menganalisis strategi dan taktikal agar dapat melakukan penambahbaikan dalam pendidikan. Prinsip ini menjadi batu loncatan dan motivasi untuk kita melakukan inisiatif dan tindakan yang *challenge the process*. Usaha gigih dan komitmen daripada semua yang terlibat menggambarkan kualiti para pendidik di negeri Perak berada pada tahap yang sangat cemerlang. Teruskan usaha murni dengan menyediakan modul-modul berinovasi dan kompetitif yang dapat memberikan impak besar kepada kecemerlangan murid-murid di negeri Perak.

Semoga matlamat dan usaha murni ini dapat membantu murid-murid menggapai cita-cita mereka untuk cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia nanti.

Insya-Allah.




# Isi Kandungan

**Prakata Pengarah Pendidikan Negeri Perak**

**Prakata Timbalan Pengarah Sektor Pembelajaran, Jabatan Pendidikan Negeri Perak**


| | | | |
|---|---|---|---|
| i | Latar Belakang Modul | ii - xii | Panel Penggubal Modul |
| 1-42 | Modul Latihan Kertas 1<br>Bahagian A<br>PPD Perak Tengah | 43 - 57 | Modul Latihan Kertas 1<br>Bahagian A<br>PPD Hilir Perak |
| 58 - 74 | Modul Latihan Kertas 1 Bahagian A<br>PPD Larut, Matang & Selama | | |
| 75 - 137 | Modul Latihan Kertas 1<br>Bahagian B<br>PPD Bagan Datuk | 138 - 170 | Modul Latihan Kertas 1<br>Bahagian B<br>PPD Kinta Selatan |
| 171 - 275 | Modul Latihan Kertas 1 Bahagian B<br>PPD Batang Padang | | |
| 276 - 356 | Modul Latihan Kertas 2<br>Bahagian A<br>PPD Larut, Matang & Selama<br>PPD Perak Tengah<br>PPD Hilir Perak | 357 - 437 | Modul Latihan Kertas 2<br>Bahagian B<br>PPD Manjung<br>PPD Hulu Perak<br>PPD Kuala Kangsar |
| 438 - 496 | Kertas Soalan Mirip SPM<br>PPD Manjung<br>PPD Hulu Perak<br>PPD Kuala Kangsar<br>PPD Larut, Matang & Selama | | |
| 498 | Pembelajaran Berasaskan Projek<br>PPD Kinta Utara | | |
| 499 - 500 | Pengenalan PBL | 501 - 514 | Paket PBL 1<br>Penawar Dalam Sajian |
| 515 - 524 | Paket PBL 2<br>PdPR Lagi! | 525 - 538 | Paket PBL 3<br>Malaysia Syurga Makanan |
| 539 - 552 | Kemahiran Belajar Cara<br>Belajar : TEKNIK BACAAN | 553<br><br>554 | SENARAI PANEL<br>PEMURNIAN<br>PENGHARGAAN |






# Latar Belakang Modul

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran untuk mata pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Menengah telah mula diperkenalkan pada tahun 2016 (untuk Tingkatan 1). Kemudian, setahun demi setahun satu per satu DSKP untuk tingkatan 2 hingga tingkatan 5 diperkenalkan. Oleh kerana DSKP ini menggantikan Sukatan Pelajaran (KBSM), para guru perlu melakukan anjakan ketika merancang dan melaksanakan PdP Bahasa Melayu.

Perubahan kepada kerangka kurikulum yang baharu ini sudah tentu digandingkan dengan perubahan cara dan format pentaksiran dan peperiksaan yang akan dilaksanakan. Justeru, satu panduan yang komprehensif perlu diwujudkan bagi membantu guru dan murid bersedia dari aspek peperiksaan awam. Maka dengan itu, lahirlah modul idea atas inisiatif dan karya para guru di negeri Perak.

Modul Bahasa Melayu Ticket to Victory ini disediakan dalam 2 edisi iaitu Edisi Guru dan Edisi Murid. Susunan bahan adalah berteraskan buku teks (rujukan terpilih Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5) untuk para guru memahami pemetaan isi kandungan pembelajaran selama lima tahun di peringkat sekolah menengah. Selain itu, bahan ini disediakan sedemikian rupa bagi memudahkan ia digunakan samada sebagai bahan PdP (PdPR), pembelajaran kendiri murid mahu pun latih tubi berfokus. Semoga modul ini memberi manfaat kepada semua guru di negeri Perak dan murid-murid Tingkatan 5 (Kohort 2021 khasnya) dalam persiapan menduduki SPM pada 2022 nanti.

**Objektif:**

1. Membantu guru-guru Bahasa Melayu khasnya yang mengajar kelas Tingkatan 4 dan 5 memahami kandungan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP), Buku Teks dan format kertas peperiksaan SPM 2021

2. Meningkatkan pemahaman murid-murid melalui nota-nota dan petua-petua yang disediakan di dalam modul ini - berpandukan buku teks (Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5).

3. Membantu para guru dan murid dari aspek latih tubi untuk meningkatkan keupayaan memahami kehendak soalan dan skema pemarkahan.






# PANEL PENGGUBAL MODUL TICKET TO VICTORY 2021

## *Kinta Utara*



**PUAN MISAH BT SULAIMAN**

Bertugas sebagai seorang Pegawai SISC+ bidang Bahasa di Pejabat Pendidikan Daerah Kinta Utara



**PUAN KHOLIJAH BT MOHAMAD NOOR**

Bertugas sebagai seorang guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Lahat, Ipoh. Beliau juga merupakan Jurulatih Utama Penataran Kurikulum KSSM BM Sekolah Menengah 2021 dan PBL Daerah Kinta Utara



**PUAN SITI KHALIJAH BT OTHMAN**

Bertugas sebagai seorang guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Raja Perempuan, Ipoh. Beliau juga merupakan Jurulatih Utama Penataran Kurikulum KSSM BM Sekolah Menengah 2021 dan PBL Daerah Kinta Utara



**PUAN NURHAFIZAH BT ABDULLAH**

Bertugas sebagai seorang guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Lahat, Ipoh. Beliau juga merupakan Jurulatih Utama PBL Daerah Kinta Utara



**ENCIK FADZAL FIRDAUS BIN MUSTAFA KAMA**

Bertugas sebagai seorang guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Pasir Puteh, Ipoh. Beliau juga merupakan Pegawai Teknikal Koakademik dan Jurulatih Utama PBL Daerah Kinta Utara

# PANEL PENGGUBAL MODUL TICKET TO VICTORY 2021

## *Batang Padang dan Mualim*

**ENCIK ABDUL RAHIM BIN GHAZALI**
Bertugas sebagai seorang Pegawai SISC+ Bidang Bahasa Pejabat Pendidikan Daerah Batang Padang dan Mualim





**PUAN MARDIANA BT OMAR**
Bertugas sebagai seorang Guru Kanan di Sekolah Menengah Kebangsaan Methodist, Tanjung Malim. Beliau juga merupakan mantan Guru Cemerlang Bahasa Melayu dan Jurulatih Utama PBL Daerah Batang Padang dan Mualim

**ENCIK MOHD KHAIRUL NIZAM BIN HAMAT @ MAT RONI**
Bertugas sebagai seorang guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Syeikh Abdul Ghani, Bidor. Beliau juga merupakan Jurulatih Utama Bahasa Melayu dan PBL Daerah Batang Padang dan Mualim



# PANEL PENGGUBAL MODUL TICKET TO VICTORY 2021

## *Kerian*

**PUAN ANIS OWEEDA BT ISMAIL**

Bertugas sebagai seorang Pegawai SISC+ bidang Bahasa Pejabat Pendidikan Daerah Kerian





**PUAN MASNI BT KARATE**

Bertugas sebagai seorang guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Abu Bakar Al-Baqir, Bagan Serai. Beliau juga merupakan Jurulatih Utama Kebangsaan HEBAT dan Jurulatih Utama Bahasa Melayu Daerah Kerian






# PANEL PENGGUBAL MODUL TICKET TO VICTORY 2021

## *Hilir Perak*

**PUAN PUTRI FARIDAH HANIZAH BT DAHALAN**

Bertugas sebagai seorang Pegawai SISC+ Bidang Bahasa di Pejabat Pendidikan Daerah Hilir Perak





**PUAN ROOSEZAH BT SABRI**

Bertugas sebagai seorang Guru Kanan Bahasa di Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Manik, Teluk Intan. Beliau juga merupakan ahli Jawatan Kuasa Task Force Bahasa Melayu Daerah Hilir Perak

**PUAN NUR SYAHIRA BT MOHD SHABUDIN**

Bertugas sebagai seorang guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Convent, Teluk Intan. Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Task Force Bahasa Melayu dan Jurulatih Utama Penataran Format KSSM Daerah Hilir Perak





**ENCIK MOHAMAD NAZMI BIN AZRA'AI**

Bertugas sebagai seorang guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Abdul Aziz, Teluk Intan. Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Task Force Bahasa Melayu dan Jurulatih Utama Bahasa Melayu Daerah Hilir Perak

**ENCIK MOHAMAD YUSUF BIN OMAR**

Bertugas sebagai seorang guru di Kolej Vokasional Pertanian, Teluk Intan. Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Task Force Bahasa Melayu dan Jurulatih Utama Bahasa Melayu Daerah Hilir Perak








# PANEL PENGGUBAL MODUL TICKET TO VICTORY 2021

## *Hulu Perak*

**PUAN ROSIMAH BT MOHAMED**
Bertugas sebagai seorang guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Ahmad, Lenggong. Beliau juga merupakan Jurulatih Utama Penataran Kurikulum KSSM BM Sekolah Menengah 2021 Daerah Hulu Perak





**PUAN NAFISAH BT MAT ALWI**
Bertugas sebagai seorang guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Kenering. Beliau juga merupakan Jurulatih Utama Bahasa Melayu Daerah Hulu Perak

**PUAN RAFIDAH BT OSMAN**
Bertugas sebagai seorang guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Tan Sri Abdul Aziz, Lenggong. Beliau juga merupakan Jurulatih Utama Bahasa Melayu Daerah Hulu Perak





**PUAN NOR LAILAWATI BT MOHD GHAZALI**
Bertugas sebagai seorang guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Pengkalan Hulu. Beliau juga merupakan Jurulatih Utama Bahasa Melayu Daerah Hulu Perak Hulu Perak






# PANEL PENGGUBAL MODUL TICKET TO VICTORY 2021

## *Kuala Kangsar*

**PUAN ZAILEHA BT HASINE**

Bertugas sebagai seorang Pegawai SISC+ bidang Bahasa di Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Kangsar





**ENCIK MD NOR HISHAM BIN MUSA**

Bertugas sebagai seorang Guru Kanan di Sekolah Menengah Kebangsaan Toh Muda Abdul Aziz merupakan Jurulatih Utama Bahasa Melayu Daerah Kuala Kangsar

**PUAN MASHETAH BT JAMALUDIN**

Bertugas sebagai seorang Guru Kanan di Sekolah Menengah Kebangsaan Raja Perempuan Kelsom merupakan Jurulatih Utama Bahasa Melayu Daerah Kuala Kangsar





**PUAN AZILAH BT AJIB**

Bertugas sebagai seorang Guru Kanan di Sekolah Menengah Kebangsaan Temenggong merupakan mantan Jurulatih Utama Bahasa Melayu Daerah Kuala Kangsar

**PUAN HARTINI BT ALI OSMAN**

Bertugas sebagai seorang Penolong Kanan Kokurikulum di di Sekolah Menengah Kebangsaan Raja Perempuan Kelsom dan merupakan Jurulatih Utama Bahasa Melayu dan PBL Daerah Kuala Kangsar








# PANEL PENGGUBAL MODUL TICKET TO VICTORY 2021

## *Kinta Selatan*

**PUAN NOR'AINI BT AHMAD**

Bertugas sebagai seorang Ketua Panitia Bahasa Melayu di Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Yussof, Batu Gajah merupakan Jurulatih Utama Bahasa Melayu Daerah Kinta Selatan





**PUAN ASLILA BT ABU SARI**

Bertugas sebagai seorang guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Toh Indera Wangsa Ahmad, Batu Gajah merupakan Jurulatih Utama PBL Daerah Kinta Selatan

**PUAN NURUL HUDA BT MOHD SUHAIMI**

Bertugas sebagai seorang guru di Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Pei Yuan, Kampar  merupakan Jurulatih Utama Bahasa Melayu Daerah Kinta Selatan





**PUAN KHAIRUN NADZIRAH BT MOHD SAID**

Bertugas sebagai seorang guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Malim Nawar merupakan Jurulatih Utama Bahasa Melayu Daerah Kinta Selatan

**PUAN HAJAH ZAITON BT AHMAD ZAHARI**

Bertugas sebagai seorang guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Methodist ACS Kampar merupakan Jurulatih Utama Bahasa Melayu Daerah Kinta Selatan dan Negeri serta Jurulatih Utama Kebangsaan KSSM








# PANEL PENGGUBAL MODUL TICKET TO VICTORY 2021

## Manjung

PUAN ROSE NIZA BT SALLEH
Bertugas sebagai seorang Pegawai SISC+ bidang Bahasa Pejabat Pendidikan Daerah Manjung





DR NOR SAMSIAH BT M. HORSI
Bertugas sebagai seorang Penolong PPD Manjung (USTP). Beliau juga merupakan Ketua Editor Modul Bahasa Melayu Daerah dan Pemenang Anugerah Emas Karnival Inovasi Pembelajaran Perak

PUAN ZURAINI BT GHAZALI
Bertugas sebagai seorang Ketua Panitia Bahasa Melayu di Sekolah Menengah Kebangsaan Ahmad Boestamam, Sitiawan. Beliau juga merupakan Guru PASCA BAHASA MELAYU dan penggubal Ujian SPM Daerah





PUAN SHARIFAH BT DERAMAN
Bertugas sebagai seorang guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Ahmad Boestamam, Sitiawan. Beliau juga merupakan Penggubal Soalan Ujian SPM Daerah Manjung

PUAN TENGKU ZAINURIANI BT TENGKU PUTEH
Bertugas sebagai seorang guru di Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Nan Hwa, Sitiawan. Beliau juga merupakan Penggubal Modul Bahasa Melayu Daerah dan Guru PASCA BAHASA MELAYU Daerah Manjung








# PANEL PENGGUBAL MODUL TICKET TO VICTORY 2021

## *Larut Matang dan Selama*

**DR HAJI RAMAN BIN NISI**
Bertugas sebagai seorang Pegawai SISC+ bidang Bahasa di Pejabat Pendidikan Daerah Larut Matang dan Selama





**PUAN RODZLINA BT ABU BAKAR**
Bertugas sebagai seorang guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Tasik, Taiping merupakan Jurulatih Utama Bahasa Melayu Daerah Larut Matang dan Selama dan Negeri serta Penilai Buku Teks

**PUAN HASANAH BT SHAHIDAN**
Bertugas sebagai seorang guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Panglima merupakan Jurulatih Utama Bahasa Melayu Daerah dan Negeri serta Penilai Buku Teks





**PUAN SAADIAH BT ALI**
Bertugas sebagai seorang guru di Sekolah Menengah Kebangsaan King Edward VII merupakan Jurulatih Utama Bahasa Melayu dan Jurulatih Utama PBL Daerah Larut Matang dan Selama

**PUAN AIZA BAITI BT ABU BAKAR**
Bertugas sebagai seorang guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Tasik, Taiping merupakan Jurulatih Utama Bahasa Melayu dan Jurulatih Utama PBL Daerah Larut Matang dan Selama



# PANEL PENGGUBAL MODUL TICKET TO VICTORY 2021

## *Perak Tengah*

**ENCIK MEOR ZAIYAN BIN ASHAARI**
Bertugas sebagai seorang Pegawai SISC+ bidang Bahasa di Pejabat Pendidikan Daerah Perak Tengah dan merupakan Penyelaras Jurulatih Utama Bahasa Melayu Daerah Perak Tengah





**ENCIK AHMAD SIRAJUDDIN SHAH BIN MOHD TAHIR**
Bertugas sebagai seorang guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sultan Azlan Shah, Seri Iskandar merupakan Jurulatih Utama PBL Daerah Perak Tengah

**PUAN MARINA BT TAIB**
Bertugas sebagai seorang guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Abdul Jalil Shah, Seberang Perak merupakan Pembina Modul Bahasa Melayu Daerah Perak Tengah dan Pembina JSU Negeri Perak





**PUAN NORHAYATI BT RAMLI**
Bertugas sebagai seorang guru di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan Maahad Ehyak Diniah Islamiah merupakan Pembina Modul Bahasa Melayu KSSM Daerah Perak Tengah

**PUAN SHARIFAH BT PUTEH ZAHARI**
Bertugas sebagai seorang guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Iskandar Shah, Parit merupakan Jurulatih Utama PBL Daerah Perak Tengah



# PANEL PENGGUBAL MODUL TICKET TO VICTORY 2021

## *Bagan Datuk*

**ENCIK MOHD HELMI BIN MUSA**

Bertugas sebagai seorang Pegawai SISC+ Bidang Bahasa di Pejabat Pendidikan Daerah Bagan Datuk





**ENCIK RUSLI BIN MOHD YUSOF**

Bertugas sebagai seorang Pegawai SISC+ Bidang Bahasa di Pejabat Pendidikan Daerah Bagan Datuk

**PUAN SERI SULESTERY BT MOHD SABARI**

Bertugas sebagai seorang Guru Kanan di Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Muara. Beliau juga merupakan Jurulatih Utama Bahasa Melayu Daerah Bagan Datuk





**ENCIK MOHAMAD DAMANHURI BIN HAMZAH**

Bertugas sebagai seorang guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Muara. Beliau juga merupakan Jurulatih Utama Bahasa Melayu dan Jurulatih Utama PBL Daerah Bagan Datuk

**ENCIK RASIS MUHAMAD BIN ROSDI**

Bertugas sebagai seorang guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Khir Johari. Beliau juga merupakan Jurulatih Utama Bahasa Melayu dan Jurulatih Utama PBL Daerah Bagan Datuk






# MODUL LATIHAN
# KERTAS 1
# BAHAGIAN A

# BAHASA MELAYU 2021
# KARANGAN PELBAGAI BAHAN RANGSANGAN

## EDISI MURID

PANEL:

PASUKAN GURU DARI

PPD PERAK TENGAH

## FORMAT INSTRUMEN PEPERIKSAAN SPM 2021

## BAHASA MELAYU KERTAS 1 (1103/1)

## BAHAGIAN A KARANGAN KEPELBAGAIAN BAHAN RANGSANGAN






# CONTOH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN KEMAHIRAN MENULIS BERDASARKAN BUKU TEKS BAHASA MELAYU








# PANDUAN UMUM MEMBINA KARANGAN A

**FORMAT PENTAKSIRAN**

Soalan ini diajukan dalam Kertas 1, Soalan Bahagian A

Markah : 30 markah

Masa dicadangkan : 30 minit

Respons Terhad

- Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 150 – 200 patah perkataan.
- Satu soalan daripada kombinasi kepelbagaian bahan rangsangan. Sekurang-kurangnya dua bahan berbentuk grafik, gambar, keratan akhbar dan sebagainya.
- Soalan tidak mempunyai kata kunci seperti faedah-faedah, langkah- langkah, punca-punca, faktor-faktor, kesan-kesan.
- Tidak berformat dan berformat.
    - ✓ Tidak berformat – arahan soalan umum / berfokus
    - ✓ Berformat – surat kiriman rasmi dan tidak rasmi, resume, e-mel, dan lain-lain.

**KEMAHIRAN**

Mendengar dan bertutur, membaca, menulis

**KONSTRUK DAN ASPEK YANG DITAKSIR**

1. KEMAHIRAN MENULIS

- ❑ Mengaplikasi – menggunakan pengetahuan
- ❑ Menganalisis – mencerakinkan maklumat
- ❑ Menilai – membuat pertimbangan dan keputusan
- ❑ Mencipta – menghasilkan idea

2. PENGETAHUAN SISTEM BAHASA DAN NILAI






**TIP-TIP UNTUK MENJAWAB**

1. Baca dan teliti maklumat yang terdapat dalam setiap bahan.
2. Kenal pasti TEMA, ISU dan KEHENDAK SOALAN.
3. Kenal pasti FOKUS dalam setiap bahan.
4. Karangan lengkap mengandungi pendahuluan, isi dan penutup.
5. Masukkan sekurang-kurangnya satu ungkapan menarik
6. Untuk cemerlang, setiap bahan ada dinyatakan dalam karangan
7. Idea dalam setiap bahan boleh dijadikan contoh dalam karangan.
8. Boleh menggunakan TEKNIK IMBaKUP untuk pelajar CEMERLANG dan TEKNIK ACUAN untuk pelajar HALUS.

| Strategi Tiga Isi | Strategi Dua Isi |
|---|---|
| Pendahuluan – 30 patah perkataan | Pendahuluan – 50 patah perkataan |
| Isi 1 – 50 patah perkataan<br><br>Isi 2 – 50 patah perkataan<br><br>Isi 3 – 50 patah perkataan | Isi 1 – 60 patah perkataan<br><br>Isi 2 – 60 patah perkataan |
| Penutup – 20 patah perkataan | Penutup – 30 patah perkataan |

**CIRI-CIRI KARANGAN CEMERLANG (BAHAGIAN A)**

1. Karangan menepati tugasan bahan rangsangan.
2. Bahasa gramatis daripada aspek kata dan ayat.
3. Penggunaan tanda baca betul dan tepat.
4. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru.
5. Penggunaan kosa kata luas dan tepat.
6. Pemerengganan yang seimbang.
7. Unsur bahasa yang digunakan pelbagai dan menggunakan ungkapan menarik *(SIMPULAN BAHASA / COGAN KATA / PERIBAHASA)
8. Idea relevan dengan tugasan bahan rangsangan.
9. Dihuraikan dengan jelas dan matang.

# TEKNIK MENULIS

**A. Analisis Bahan**

1. Tema:…………………………………………………………

2. Fokus : Bahan 1 - ……………………………………………

   Bahan 2 - ……………………………………………

   Bahan 3 - ……………………………………………..

3. Tugasan :

4. Berformat / Tidak berformat

**B. Penulisan Pendahuluan**

1. Ayat tema
2. Ayat huraian tema
3. Ayat isu
4. Ayat masalah tentang isu
5. Kehendak soalan

**C. Penulisan Perenggan Isi**

1. Menggunakan **Teknik IMBaKUP**

   Rujuk : https://www.youtube.com/watch?v=2pDNOc6Pz0c

I = Idea (apa) - (1 ayat)
M = Mengapakah - (1 ayat)
Ba = Bagaimanakah (contoh) - 1 ayat)
K = Kesan contoh yang menyokong isi - 1 ayat)
U = Ungkapan Menarik (1 ayat)
P = Penegasan (1 ayat)






**Perenggan isi 1**

| Ayat | Penanda Wacana | Ayat Lengkap |
|---|---|---|
| Ayat topik (apa) | Idea pertama | |
| Ayat mengapa | Rasionalnya kerana | |
| Ayat bagaimana | Tindakan ini | |
| Ayat contoh | Misalnya | |
| Ayat kesan | Lantaran itu | |
| Ayat penegas | Tegasnya | |

**Perenggan isi 2**

| Ayat | Penanda Wacana | Ayat Lengkap |
|---|---|---|
| Ayat topik (apa) | Mauduk seterusnya | |
| Ayat mengapa | Realitinya | |
| Ayat bagaimana | Berlandaskan hal ini | |
| Ayat contoh | Buktinya | |
| Ayat kesan | Oleh sebab itu | |
| Ayat penegas | Jelaslah | |

**Perenggan isi 3**

| Ayat | Penanda Wacana | Ayat Lengkap |
|---|---|---|
| Ayat topik (apa) | Idea seterusnya | |
| Ayat mengapa | Hal sedemikian kerana | |
| Ayat bagaimana | Dalam hal ini | |
| Ayat contoh | Sebagai contoh | |
| Ayat kesan | Hakikatnya | |
| Ayat penegas | Terbuktilah | |

- Penanda wacana boleh ditukar mengikut pilihan pelajar. Boleh rujuk *Gerbang Maklumat BMSPM Di Hujung Jari Sejak Oktober 1998*.

**D.** **Perenggan kesimpulan**

Kaedah Mudah Menulis Penutup (**PeCaH**)

**Pe**ndapat

**Ca**dangan

**H**arapan

## KAEDAH PENULISAN LAIN:

## KAEDAH : IHCPU (ISI/ HURAIAN/CONTOH/PENEGASAN/UNGKAPAN)

1. Pastikan ISI bertepatan dengan bahan yang dikemukakan
2. Ayat HURAIAN menerangkan tentang idea dengan jelas
3. Ayat CONTOH yang sesuai
4. Ayat PENEGASAN kecil bagi setiap isi yang dikemukakan
5. Masukkan UNGKAPAN menarik yang bersesuaian SEKURANG-KURANGNYA SATU.






Sila baca dan teliti bahan di bawah:

Menulis

## Manfaat Berekreasi

**AKTIVITI**

Tulis kerangka penulisan berdasarkan teks.

Salam sejahtera saya ucapkan kepada pengacara majlis, panel hakim, guru-guru, dan rakan-rakan yang saya hormati sekalian. Hadirnya saya di pentas yang indah ini bertujuan untuk menyampaikan syarahan yang bertajuk, "Rekreasi Dapat Memberikan Manfaat kepada Masyarakat".

Hadirin sekalian,

Rekreasi atau riadah ialah kegiatan yang menyeronokkan, yang boleh menyegarkan badan dan melapangkan fikiran melalui istirahat dan aktiviti yang menghiburkan hati. Oleh itu, masyarakat hari ini tidak boleh menjadikan kesibukan bekerja sebagai alasan untuk tidak berekreasi. Kita akan memperoleh pelbagai manfaat apabila melakukan aktiviti rekreasi.

Aktiviti seperti berjoging, berbasikal, dan mendaki gunung boleh menyihatkan tubuh badan. Hal ini dikatakan demikian kerana, apabila kita beriadah, kadar lemak yang terkumpul di dalam badan dapat dikurangkan. Badan kita akan berpeluh. Apabila badan kita sihat, penyakit berbahaya seperti penyakit jantung, kencing manis, dan darah tinggi dapat dihindari, bak kata pepatah Melayu, mencegah lebih baik daripada mengubati.

Hadirin sekalian,

Selain itu, aktiviti riadah yang dilakukan pada setiap hujung minggu juga mampu menjadi pemangkin untuk mengurangkan tekanan perasaan atau stres dalam diri seseorang. Keletihan dan bebanan kerja yang berterusan menyebabkan seseorang menghadapi kemurungan, lesu, dan tidak bersemangat. Hal ini secara tidak langsung menyebabkan prestasi kerja merosot dan mengundang pelbagai impak negatif seperti mendapat teguran daripada pihak atasan, dilucutkan jawatan, dan sebagainya. Oleh itu, kita perlu menenangkan fikiran dengan melakukan aktiviti riadah.

Kebanyakan ibu bapa pada zaman sekarang sibuk bekerja menyebabkan masa untuk bersama-sama dengan anak-anak begitu terhad. Oleh itu, aktiviti riadah yang dilakukan bersama-sama dengan keluarga dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan. Semasa beriadah, ibu bapa boleh menasihati anak-anak tentang nilai murni dalam kehidupan sehari-hari.

Hadirin sekalian,

Akhir kata, kita perlu mempunyai kesedaran tentang kepentingan berekreasi. Amalkan aktiviti berekreasi dalam kehidupan sehari-hari. Negara yang maju lahir daripada masyarakat yang sihat dan cergas.

Sekian, terima kasih.

**TEROKA MINDA**

Pada pendapat anda, bagaimanakah kita boleh menangani masalah stres melalui aktiviti berekreasi?

TEMA 12

136 3.4.1

**Contoh Aktiviti Pengukuhan 1:**

Senaraikan tiga isi berdasarkan manfaat berekreasi yang terdapat dalam petikan?

| | |
|---|---|
| (i) | dapat menyihatkan tubuh badan |
| (ii) | mampu menjadi pemangkin untuk mengurangkan tekanan perasaan atau stres dalam diri seseorang |
| (iii) | dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan |

**CONTOH 1: Teknik Mengolah Isi (*Berdasarkan dalam teks)* TEKNIK IHCPU**

| | |
|---|---|
| ISI 1 | dapat menyihatkan tubuh badan |
| HURAIAN | hal ini dikatakan demikian kerana apabila kita beriadah kadar lemak yang terkumpul di dalam badan dapat dikurangkan. |
| CONTOH | berjoging, berbasikal dan mendaki gunung |
| PENEGASAN KECIL | apabila badan kita sihat, penyakit berbahaya dapat dihindari |
| UNGKAPAN MENARIK | mencegah lebih baik daripada mengubati |

# CONTOH APLIKASI TEKNIK PENULISAN:

Gambar dan maklumat di bawah menunjukkan masalah jalan raya rosak yang dihadapi oleh penduduk di kawasan tempat tinggal anda.

Huraikan pendapat anda tentang masalah jalan raya rosak yang berlaku. Panjangnya huraian anda hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.

## MASALAH JALAN RAYA ROSAK





Kenderaan berat antara punca jalan raya rosak - PKMM

Untung atas angin






## A. Analisis Bahan

| | |
|---|---|
| **1.Tema:** | Keselamatan Jalan Raya |
| **2. Fokus :** | Bahan 1 – Kenderaan berat punca jalan raya rosak |
| | Bahan 2 – Sistem turapan jalan yang tidak berkualiti |
| | Bahan 3 – paip air pecah punca jalan raya rosak dan tanah mendap |
| **3. Tugasan :** | Menulis surat rasmi tentang punca masalah jalan raya rosak |
| **4. Berformat / Tidak berformat** | Berformat |

## B. Penulisan Pendahuluan (ATHIMKE)

| | |
|---|---|
| **1. Ayat tema (AT)** | sistem jalan raya merupakan salah satu fasiliti penting kepada rakyat di negara ini |
| **2. Ayat huraian tema (H)** | struktur jalan raya yang sempurna merupakan faktor penting untuk menjamin keselamatan pengguna jalan raya |
| **3. Ayat isu (I)** | amat malang sekali kerana banyak struktur jalan raya di negara ini rosak sehingga memberi ancaman keselamatan kepada pengguna |
| **4. Ayat masalah tentang isu (M)** | semua pihak perlu mengenal pasti sebab yang membawa kerosakan terhadap struktur jalan raya di negara ini |
| **5. Kehendak soalan (KE)** | punca-punca jalan raya di negara ini rosak |

**Penulisan Pendahuluan Lengkap:**

Sistem jalan raya merupakan salah satu fasiliti penting kepada rakyat di negara ini. Struktur jalan raya yang sempurna merupakan faktor penting untuk menjamin keselamatan pengguna jalan raya sama ada penunggang motosikal atau pemandu kereta. Namun, amat malang sekali kerana banyak struktur jalan raya di negara ini rosak sehingga memberi ancaman keselamatan kepada pengguna. Oleh yang demikian, semua pihak perlu mengenal pasti sebab yang membawa kerosakan terhadap struktur jalan raya di negara ini. Persoalannya, apakah punca-punca jalan raya di negara ini rosak?

**C. Penulisan Perenggan Isi**

1. Menggunakan **Teknik IMBaKUP**

I = Idea (apa) - (1 ayat)
M = Mengapakah - (1 ayat)
Ba = Bagaimanakah (contoh) - 1 ayat)
K = Kesan contoh yang menyokong isi - 1 ayat)
U = Ungkapan Menarik (1 ayat)
P = Penegasan (1 ayat)

**Isi penting 1: Kenderaan berat punca jalan raya rosak**

| **Ayat** | **Penanda Wacana** | **Ayat Lengkap** |
|---|---|---|
| Ayat topik (apa) | Idea pertama | punca kerosakan jalan raya ialah kenderaan berat |
| Ayat mengapa | Rasionalnya kerana | berat kenderaan berat yang boleh menjangkau 40 tan sudah pasti akan merosakkan struktur jalan raya |
| Ayat bagaimana | Tindakan ini | akan membahayakan pengguna kenderaan yang lain sehingga jalan raya yang elok menjadi rosak sehingga membahayakan nyawa |
| Ayat contoh | Misalnya | di kawasan perindustrian Tasek, Ipoh Perak, lori-lori treler yang membawa muatan berat telah merosakkan permukaan jalan |
| Ayat kesan | Lantaran itu | penunggang motosikal telah menjadi mangsa kerana acap kali melanggar lopak air akibat permukaan jalan yang berlubang kerana dilalui kenderaan berat |
| Ayat penegas | Tegasnya | kenderaan berat merupakan punca jalan raya menjadi rosak |

**Penulisan perenggan isi yang lengkap:**

Idea pertama yang menjadi punca kerosakan jalan raya ialah kenderaan berat. Rasionalnya kerana berat kenderaan berat yang boleh menjangkau 40 tan sudah pasti akan merosakkan struktur jalan raya. Tindakan ini akan membahayakan pengguna kenderaan yang lain sehingga jalan raya yang elok menjadi rosak sehingga membahayakan nyawa. Misalnya, di kawasan perindustrian Tasek, Ipoh Perak, lori-lori treler yang membawa muatan berat telah merosakkan permukaan jalan. Lantaran itu, penunggang motosikal telah menjadi mangsa kerana acap kali melanggar lopak air akibat permukaan jalan yang berlubang kerana dilalui kenderaan berat. Tegasnya, kenderaan berat merupakan punca jalan raya menjadi rosak.

**Isi penting 2: Sistem turapan jalan yang tidak berkualiti**

| Ayat | Penanda Wacana | Ayat Lengkap |
|---|---|---|
| Ayat topik (apa) | Mauduk seterusnya | tentang punca kerosakan jalan raya ialah sistem turapan jalan yang tidak berkualiti |
| Ayat mengapa | Realitinya | sistem penurapan jalan perlu mengikut aspek kawalan kualiti yang telah ditetapkan dan dikawal selia oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) |
| Ayat bagaimana | Berlandaskan hal ini | terdapat kontraktor penyelenggaraan jalan yang tidak mengikut aspek kualiti yang ditetapkan oleh JKR dan jelas telah menyalahi undang-undang |
| Ayat contoh | Buktinya | banyak struktur jalan raya yang rosak tidak sampai 36 jam dilalui oleh pengguna jalan raya kerana turapan yang digunakan tidak berkualiti |
| Ayat kesan | Oleh sebab itu | sistem penurapan yang berkualiti amat penting dalam memastikan permukaan jalan selamat dan tahan lama |
| Ayat penegas | Jelaslah | sistem turapan jalan yang tidak berkualiti menjadi punca kerosakan jalan raya |

**Penulisan isi yang lengkap:**

Mauduk seterusnya tentang punca kerosakan jalan raya ialah sistem turapan jalan yang tidak berkualiti. Realitinya sistem penurapan jalan perlu mengikut aspek kawalan kualiti yang telah ditetapkan dan dikawal selia oleh Jabatan Kerja Raya (JKR). Berlandaskan hal ini terdapat kontraktor penyelenggaraan jalan yang tidak mengikut






aspek kualiti yang ditetapkan oleh JKR dan jelas telah menyalahi undang-undang. Buktinya banyak struktur jalan raya yang rosak tidak sampai 36 jam dilalui oleh pengguna jalan raya kerana turapan yang digunakan tidak berkualiti. Oleh sebab itu sistem penurapan yang berkualiti amat penting dalam memastikan permukaan jalan selamat dan tahan lama. Jelaslah sistem turapan jalan yang tidak berkualiti menjadi punca kerosakan jalan raya

**Isi penting 3: Paip air pecah punca jalan rosak dan tanah mendap**

| Ayat | Penanda Wacana | Ayat Lengkap |
|---|---|---|
| Ayat topik (apa) | Idea seterusnya | yang menjadi punca kerosakan jalan raya ialah paip air pecah punca jalan rosak dan tanah mendap |
| Ayat mengapa | Hal sedemikian kerana | paip air bawah tanah yang pecah ibarat "bom jangka" yang boleh mengakibatkan bencana berlaku bila-bila masa sahaja |
| Ayat bagaimana | Dalam hal ini | jalan raya di kawasan bandar berisiko tinggi untuk mengalami kebocoran paip bawah tanah kerana proses urbanisasi yang tidak terkawal |
| Ayat contoh | Sebagai contoh | bandar raya Kuala Lumpur sering menghadapi tanahmendap sehingga menyebabkan struktur jalan raya rosak akibat tekanan proses pembandaran sehingga menyebabkan paip bawah tanah rosak dan pecah |
| Ayat kesan | Hakikatnya | jalan raya yang rosak akibat paip bawah tanah bocor bukan sahaja merosakkan struktur jalan, malah boleh mengancam nyawa sehingga membawa kerugian akibat kerosakan harta benda |
| Ayat penegas | Terbuktilah | paip air pecah merupakan punca kerosakan jalan raya di negara ini |






**Penulisan isi yang lengkap:**

Idea seterusnya yang menjadi punca kerosakan jalan raya ialah paip air pecah punca jalan rosak dan tanah mendap. Hal sedemikian kerana paip air bawah tanah yang pecah ibarat "bom jangka" yang boleh mengakibatkan bencana berlaku bila-bila masa sahaja. Dalam hal ini jalan raya di kawasan bandar berisiko tinggi untuk mengalami kebocoran paip bawah tanah kerana proses urbanisasi yang tidak terkawal. Sebagai contoh bandar raya Kuala Lumpur sering menghadapi tanahmendap sehingga menyebabkan struktur jalan raya rosak akibat tekanan proses pembandaran sehingga menyebabkan paip bawah tanah rosak dan pecah. Hakikatnya jalan raya yang rosak akibat paip bawah tanah bocor bukan sahaja merosakkan struktur jalan, malah boleh mengancam nyawa sehingga membawa kerugian akibat kerosakan harta benda. Terbuktilah paip air pecah merupakan punca kerosakan jalan raya di negara ini.

**D. Perenggan kesimpulan**

Kaedah Mudah Menulis Penutup (**PeCaH**)

**Pe**ndapat

**Ca**dangan

**H**arapan

| | |
|---|---|
| **Ayat Pendapat (Pe)** | Kesimpulannya, sistem jalan raya yang selamat merupakan aspek penting dalam memastikan keselamatan dan nyawa pengguna jalan raya di negara ini selamat. Keselamatan bukanlah sesuatu yang boleh dikompromi oleh semua pihak. |
| **Ayat Cadangan (Ca)** | Pihak berkuasa khususnya Jabatan Kerja Raya (JKR) dan pihak berkuasa tempatan (PBT) menjadi harapan rakyat di negara ini untuk mewujudkankan sistem perhubungan jalan raya yang sempurna dan selamat serta bertaraf antarabangsa. |
| **Ayat Harapan (H)** | Semua pihak janganlah terus berpeluk tubuh membiarkan isu ini berlanjutan tanpa tindakan sewajarnya. Kerjasama pengguna juga amatlah diharapkan dengan membuat laporan jika berlakunya kerosakan jalan raya dan sekali gus akan membina fasiliti jalan raya yang selamat untuk rakyat Malaysia. |






**Penulisan penutup lengkap:**

Kesimpulannya, sistem jalan raya yang selamat merupakan aspek penting dalam memastikan keselamatan dan nyawa pengguna jalan raya di negara ini selamat. Keselamatan bukanlah sesuatu yang boleh dikompromi oleh semua pihak. Pihak berkuasa khususnya Jabatan Kerja Raya (JKR) dan pihak berkuasa tempatan (PBT) menjadi harapan rakyat di negara ini untuk mewujudkankan sistem perhubungan jalan raya yang sempurna dan selamat serta bertaraf antarabangsa. Semua pihak janganlah terus berpeluk tubuh membiarkan isu ini berlanjutan tanpa tindakan sewajarnya. Kerjasama pengguna juga amatlah diharapkan dengan membuat laporan jika berlakunya kerosakan jalan raya dan sekali gus akan membina fasiliti jalan raya yang selamat untuk rakyat Malaysia.

## HASIL PENULISAN KARANGAN YANG LENGKAP

Sistem jalan raya merupakan salah satu fasiliti penting kepada rakyat di negara ini. Struktur jalan raya yang sempurna merupakan faktor penting untuk menjamin keselamatan pengguna jalan raya sama ada penunggang motosikal atau pemandu kereta. Namun, amat malang sekali kerana banyak struktur jalan raya di negara ini rosak sehingga memberi ancaman keselamatan kepada pengguna. Oleh yang demikian, semua pihak perlu mengenal pasti sebab yang membawa kerosakan terhadap struktur jalan raya di negara ini. Persoalannya, apakah punca-punca jalan raya di negara ini rosak?

Idea pertama yang menjadi punca kerosakan jalan raya ialah kenderaan berat. Rasionalnya kerana berat kenderaan berat yang boleh menjangkau 40 tan sudah pasti akan merosakkan struktur jalan raya. Tindakan ini akan membahayakan pengguna kenderaan yang lain sehingga jalan raya yang elok menjadi rosak sehingga membahayakan nyawa. Misalnya, di kawasan perindustrian Tasek, Ipoh Perak, lori-lori treler yang membawa muatan berat telah merosakkan permukaan jalan. Lantaran itu, penunggang motosikal telah menjadi mangsa kerana acap kali melanggar lopak air akibat permukaan jalan yang berlubang kerana dilalui kenderaan berat. Tegasnya, kenderaan berat merupakan punca jalan raya menjadi rosak.

Mauduk seterusnya tentang punca kerosakan jalan raya ialah sistem turapan jalan yang tidak berkualiti. Realitinya sistem penurapan jalan perlu mengikut aspek kawalan






kualiti yang telah ditetapkan dan dikawal selia oleh Jabatan Kerja Raya (JKR). Berlandaskan hal ini terdapat kontraktor penyelenggaraan jalan yang tidak mengikut aspek kualiti yang ditetapkan oleh JKR dan jelas telah menyalahi undang-undang. Buktinya banyak struktur jalan raya yang rosak tidak sampai 36 jam dilalui oleh pengguna jalan raya kerana turapan yang digunakan tidak berkualiti. Oleh sebab itu sistem penurapan yang berkualiti amat penting dalam memastikan permukaan jalan selamat dan tahan lama. Jelaslah sistem turapan jalan yang tidak berkualiti menjadi punca kerosakan jalan raya.

Idea seterusnya yang menjadi punca kerosakan jalan raya ialah paip air pecah punca jalan rosak dan tanah mendap. Hal sedemikian kerana paip air bawah tanah yang pecah ibarat "bom jangka" yang boleh mengakibatkan bencana berlaku bila-bila masa sahaja. Dalam hal ini jalan raya di kawasan bandar berisiko tinggi untuk mengalami kebocoran paip bawah tanah kerana proses urbanisasi yang tidak terkawal. Sebagai contoh bandar raya Kuala Lumpur sering menghadapi tanahmendap sehingga menyebabkan struktur jalan raya rosak akibat tekanan proses pembandaran sehingga menyebabkan paip bawah tanah rosak dan pecah. Hakikatnya jalan raya yang rosak akibat paip bawah tanah bocor bukan sahaja merosakkan struktur jalan, malah boleh mengancam nyawa sehingga membawa kerugian akibat kerosakan harta benda. Terbuktilah paip air pecah merupakan punca kerosakan jalan raya di negara ini.

Kesimpulannya, sistem jalan raya yang selamat merupakan aspek penting dalam memastikan keselamatan dan nyawa pengguna jalan raya di negara ini selamat. Keselamatan bukanlah sesuatu yang boleh dikompromi oleh semua pihak. Pihak berkuasa khususnya Jabatan Kerja Raya (JKR) dan pihak berkuasa tempatan (PBT) menjadi harapan rakyat di negara ini untuk mewujudkankan sistem perhubungan jalan raya yang sempurna dan selamat serta bertaraf antarabangsa. Semua pihak janganlah terus berpeluk tubuh membiarkan isu ini berlanjutan tanpa tindakan sewajarnya. Kerjasama pengguna juga amatlah diharapkan dengan membuat laporan jika berlakunya kerosakan jalan raya dan sekali gus akan membina fasiliti jalan raya yang selamat untuk rakyat Malaysia.

## KARANGAN TEMA: KESIHATAN DAN KEBERSIHAN

| | |
|---|---|
| **SK** | 3.5 Menulis untuk mengolah maklumat bagi menghasilkan pelbagai bentuk penulisan dan grafik. |
| **SP** | 3.5.1 Menulis untuk mengolah maklumat dan membuat justifikasi daripada pelbagai bahan dan sumber bagi menghasilkan pelbagai bentuk penulisan dan bahan grafik dengan menggunakan ayat yang sesuai. |

# SOALAN MODEL 1

Bahagian A
30 markah

Maklumat di bawah tentang kesihatan diri. Huraikan pendapat anda **tentang kesihatan diri**.Panjangnya huraian hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan.**

**Bahan 1**

**Pantun Gaya Hidup Sihat**

Ikan di air melompat-lompat,
Ikan bernama si ikan laga;
Amalkan gaya hidup sihat,
Makan minum hendaklah jaga.

Ikan bernama si ikan laga,
Ikan dibeli si anak Sahlan;
Makan minum hendaklah dijaga,
Makanan berkhasiat jadi amalan.

Ikan dibeli si anak Sahlan,
Dibeli juga si ikan jenahak;
Makanan berkhasiat jadi amalan,
Elak makanan banyak lemak.

Sumber : *http://siti042915.blogspot.com*

**Bahan 2**




**Sumber : *Buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 5***

**SEREMBAN:** Kurang bersenam serta amalan pemakanan tidak sihat antara punca masyarakat Malaysia terdedah kepada risiko penyakit sindrom metabolik, kata Pakar Kardiologi Klinikal, Insititut Jantung Negara, Dr Lim Kien Chien.

Beliau berkata kewujudan pelbagai makanan yang tidak sihat menjadi trend pemakanan dalam kalangan masyarakat walaupun menyedari kandungan makanan tersebut mempunyai lemak, gula dan garam yang tinggi kerana boleh memberi kesan buruk kepada kesihatan. “Kebanyakan masyarakat sibuk dengan kehidupan sendiri sehingggakan tiada masa untuk bersenam dan menjaga kesihatan diri. Hal ini semua menyumbang kepada risiko sindrom metabolik yang mempunyai lima komponen seperti diabetes, tekanan darah tinggi, obesiti, kolesterol tinggi dan hati bengkak.

Sumber:*https://berita.mediacorp.sg/mobile*






**Analisis Bahan**

| | |
|---|---|
| 1.Tema: | |
| 2. Fokus : | |
| | |
| | |
| 3. Tugasan : | |
| 4. Berformat / Tidak berformat | |

**Penulisan Pendahuluan (ATHIMKE)**

| | |
|---|---|
| 1. Ayat tema (AT) | |
| 2. Ayat huraian tema (H) | |
| 3. Ayat isu (I) | |
| 4. Ayat masalah tentang isu (M) | |
| 5. Kehendak soalan (KE) | |






**Penulisan Perenggan Isi** (Menggunakan Teknik IMBaKUP)

**Perenggan isi 1 –** ____________________

| Ayat | Penanda Wacana | Ayat Lengkap |
|---|---|---|
| Ayat topik (apa) | Idea pertama | |
| Ayat mengapa | Rasionalnya kerana | |
| Ayat bagaimana | Tindakan ini | |
| Ayat contoh | Misalnya | |
| Ayat kesan | Lantaran itu | |

**Perenggan isi 2 –** ____________________

| Ayat | Penanda Wacana | Ayat Lengkap |
|---|---|---|
| Ayat topik (apa) | Mauduk seterusnya | |
| Ayat mengapa | Realitinya | |
| Ayat bagaimana | Berlandaskan hal ini | |
| Ayat contoh | Buktinya | |
| Ayat kesan | Oleh sebab itu | |

**Perenggan isi 3 –** ______________________________________________

| Ayat | Penanda Wacana | Ayat Lengkap |
|---|---|---|
| Ayat topik (apa) | Idea seterusnya | |
| Ayat mengapa | Hal sedemikian kerana | |
| Ayat bagaimana | Dalam hal ini | |
| Ayat contoh | Sebagai contoh | |
| Ayat kesan | Hakikatnya | |

**Perenggan Kesimpulan**

Kaedah Mudah Menulis Penutup (**PeCaH**)-**Pe**ndapat, **Ca**dangan, **H**arapan

| | |
|---|---|
| **Ayat Pendapat (Pe)** | |
| **Ayat Cadangan (Ca)** | |
| **Ayat Harapan (H)** | |




## KARANGAN TEMA: KESELAMATAN

| | |
|---|---|
| **SK** | 3.5 Menulis untuk mengolah maklumat bagi menghasilkan pelbagai bentuk penulisan dan grafik. |
| **SP** | 3.5.1 Menulis untuk mengolah maklumat dan membuat justifikasi daripada pelbagai bahan dan sumber bagi menghasilkan pelbagai bentuk penulisan dan bahan grafik dengan menggunakan ayat yang sesuai. |

# Soalan Model 2

Maklumat di bawah berkaitan dengan sekolah selamat.
Huraikan pendapat anda tentang **sekolah selamat**.
Panjangnya huraian hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan.**

**Bahan 1**




**Sumber: PKJR**

**Bahan 3**

Tumbuh melata ulam pegaga,
Tanam dicelah pokok telang,
Keselamatan murid harus dijaga,
Pembelajaran berkesan diri cemerlang.

Kuning emas padi huma,
Tanda dah masak tunduklah amat,
Aspek keselamatan perlu diutama,
Diri terpelihara sentiasa selamat.

**Sumber : Fail Pengarang**

**Bahan 2**

Sejak kebelakangan ini media massa sering membuat liputan tentang keadaan keselamatan di sekolah. Beberapa sekolah rendah dan menengah yang dikatakan tidak selamat akan ditutup kerana pelbagai masalah seperti dinding dan tiang retak, sistem pendawaian lama, kebocoran di bahagian bumbung dan siling serta masalah anai- anai. Keselamatan sekolah merupakan satu isu penting dalam pengurusan sekolah kerana boleh mencegah kemalangan di kawasan sekolah, mencegah kebakaran, menghindari jenayah dan gangguan, mengawal salah laku pelajar, dan mengurangkan liabiliti sekolah terhadap tindakan saman dan tuntutan ganti rugi yang mungkin berlaku.

**Sumber : https://dokumen.tips/documents/definisi-dan-konsep-sekolah-selamat.html**






## Analisis Bahan

| | |
|---|---|
| 1.Tema: | |
| 2. Fokus : | |
| | |
| | |
| 3. Tugasan : | |
| 4. Berformat / Tidak berformat | |

## Penulisan Pendahuluan (ATHIMKE)

| | |
|---|---|
| 1. Ayat tema (AT) | |
| 2. Ayat huraian tema (H) | |
| 3. Ayat isu (I) | |
| 4. Ayat masalah tentang isu (M) | |
| 5. Kehendak soalan (KE) | |






**Penulisan Isi**

Teknik Mudah Menulis Perenggan Isi (**Kaedah IMBaKUP**)

Perenggan isi 1 – ____________________________________________

| Ayat | Penanda Wacana | Ayat Lengkap |
|---|---|---|
| Ayat topik (apa) | Idea pertama | |
| Ayat mengapa | Rasionalnya kerana | |
| Ayat bagaimana | Tindakan ini | |
| Ayat contoh | Misalnya | |
| Ayat kesan | Lantaran itu | |

Perenggan isi 2 – ____________________________________________

| Ayat | Penanda Wacana | Ayat Lengkap |
|---|---|---|
| Ayat topik (apa) | Muaduk seterusnya | |
| Ayat mengapa | Realitinya | |
| Ayat bagaimana | Berlandaskan hal ini | |
| Ayat contoh | Buktinya | |
| Ayat kesan | Oleh sebab itu | |

Perenggan isi 3 – ______________________________________________

| Ayat | Penanda Wacana | Ayat Lengkap |
|---|---|---|
| Ayat topik (apa) | Idea seterusnya | |
| Ayat mengapa | Hal sedemikian kerana | |
| Ayat bagaimana | Dalam hal ini | |
| Ayat contoh | Sebagai contoh | |
| Ayat kesan | Hakikatnya | |

**Penulisan Kesimpulan**

Kaedah Mudah Menulis Penutup (**PeCaH**)

**Pe**ndapat

**Ca**dangan

**H**arapan

Kaedah Mudah Menulis Penutup (**PeCaH**)-**Pe**ndapat, **Ca**dangan, **H**arapan

| | |
|---|---|
| **Ayat Pendapat (Pe)** | |
| **Ayat Cadangan (Ca)** | |
| **Ayat Harapan (H)** | |






## KARANGAN TEMA: PERTANIAN, PENTERNAKAN DAN PERIKANAN

| | |
|---|---|
| **SK** | 3.5 Menulis untuk mengolah maklumat bagi menghasilkan pelbagai bentuk penulisan dan grafik. |
| **SP** | 3.5.1 Menulis untuk mengolah maklumat dan membuat justifikasi daripada pelbagai bahan dan sumber bagi menghasilkan pelbagai bentuk penulisan dan bahan grafik dengan menggunakan ayat yang sesuai. |

# Soalan Model 3

**Tingkatan 4 (Tema 4) : Menjulang Harapan Di Bumi Bertuah – muka surat 43**



Maklumat di bawah berkaitan dengan Pertanian di Malaysia

Huraikan pendapat anda tentang **Pertanian Di Malaysia.**

Panjangnya huraian hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan.**

| **Bahan 1** | **Bahan 2** |
|---|---|
| Jika petani kerja bersungguh,<br>Rezeki mengalir tidak bertangguh.<br><br>Jika kerajaan datang membantu,<br>Hasil bertambah sudahlah tentu.<br><br>Jika teknologi turut dipakai<br>Kerja yang berat mudah selesai.<br><br>Gurindam Petani<br>Koleksi Pengarang | Kerajaan sedar dan percaya bidang bioteknologi mampu menjadi pemacu ekonomi negara meskipun dalam era globalisasi. Melalui Kementerian Sains, Teknologi and Inovasi (MOSTI) dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), kerajaan menaja usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D), terutama kepada institusi penyelidikan dan universiti, serta membantu petani dan agensi perniagaan dengan menyediakan perkhidmatan sesuai dalam meningkatkan kuantiti dan kualiti produk pertanian. sedia ada. Teknik moden pertanian oleh Universiti Malaysia Sabah yang mampu memperbaiki keselamatan makanan dan meningkatkan produktiviti hasil tani bagi penanaman nanas dan cendawan<br><br>https://www.bharian.com.my/kolumnis/2017/01/231311/inovasi-pertanian-tingkat-ekonomi-rakyat-negara |

**Bahan 3**




**https://www.ipendidikan.my/langkah-memajukan-sektor-pertanian.html**






**Analisis Bahan**

| | |
|---|---|
| **1.Tema:** | |
| **2. Fokus :** | |
| | |
| | |
| **3. Tugasan :** | |
| **4. Berformat / Tidak berformat** | |

**Penulisan Pendahuluan (ATHIMKE)**

| | |
|---|---|
| **1. Ayat tema (AT)** | |
| **2. Ayat huraian tema (H)** | |
| **3. Ayat isu (I)** | |
   - Murid perlu menyenaraikan sekurang-kurangnya **tiga** atau **empat** isi yang relevan berdasarkan tugasan yang dikehendaki.

3. **Menulis Karangan (60 minit)**
   - Murid perlu menulis satu perenggan karangan berdasarkan tema dan tugasan.
   - Murid perlu menulis **tiga** ataupun **empat** perenggan isi yang mengandungi (isi, huraian, contoh dan penegasan isi) dalam setiap perenggan.
   - Murid perlu menulis perenggan penutup yang mengandungi (penegasan isi, cadangan dan harapan).

4. **Membuat Semakan (10 minit)**
   - Murid perlu memastikan ayat tiada terlalu panjang, dan tiada ayat tergantung.
   - Murid perlu memastikan tiada kesalahan tatabahasa.
   - Murid juga perlu menggunakan tanda baca yang sesuai.

**PANDUAN MENULIS ISI KARANGAN BERDASARKAN KATA TUGAS:**

**JELASKAN/BINCANGKAN/ HURAIKAN/NYATAKAN**

1. Karangan jenis ini memerlukan pelajar mengemukakan hujah, ulasan atau pandangan berkenaan sesuatu tajuk. Merupakan karangan tidak berformat.
2. Murid memerlukan pengetahuan yang luas dalam pelbagai bidang bagi memudahkan murid mengemukakan hujah yang tepat dan padat.
3. Karangan jenis ini biasanya berkaitan dengan isu-isu semasa yang diperdebatkan oleh masyarakat umum. Oleh itu, biasanya murid memberikan pandangan pro dan kontra.
4. Murid perlu memilih tajuk yang benar-benar dikuasai untuk memudahkan mereka memberikan isi dan hujah.
5. Kata kunci yang sering digunakan dalam soalan ialah:
   a) Bincangkan.
   b) Setujukah anda?
   c) Beri pandangan anda.
   d) Nyatakan kebaikan dan keburukan.
6. Hujah murid mestilah logik dan bersesuaian dengan tajuk supaya menggambarkan kematangan. Bagi memantapkan hujah, anda digalakkan memberikan bukti, contoh atau pendapat tokoh tertentu.
7. Murid perlu menggunakan bahasa yang mudah difahami, tepat, ringkas dan padat.
8. Murid perlu bijak dan memahami kehendak soalan, sama ada menyokong atau membangkang.
9. Walau bagaimanapun, kadang-kadang murid diminta untuk memberikan hujah yang neutral, iaitu tidak menyebelahi mana-mana pihak dengan memberikan hujah kepada kedua-dua belah pihak. Contohnya, bincangkan buruk dan baiknya televisyen kepada murid.
10. Murid perlu mengikuti format umum penulisan karangan berkenaan, iaitu:
    a) Pendahuluan - menyatakan skop yang akan dibincangkan dan menggambarkan tajuk secara tepat dan padat.

    b) Isi - memberikan hujah, ulasan dan pendapat tentang isu yang dibincangkan. Setiap isi ditulis dalam perengggan yang berasingan dan isi disusun mengikut kepentingan.






c) Penutup - menyimpulkan perkara yang telah dibincangkan tetapi mestilah bersesuaian dengan tajuk dan nyatakan pendirian anda tentang isu yang dibincangkan.

Contoh karangan dalam buku teks.

**PANDUAN MENULIS ISI KARANGAN JENIS ULASKAN/ KOMENTAR**

1. Ulasan bermaksud huraian, komentar, kupasan, atau tafsiran berkenaan sesuatu. Oleh itu, karangan dalam bentuk ulasan memerlukan anda memberikan komen dan pandangan tentang sesuatu isu atau perkara yang diulas.
2. Terdapat dua jenis karangan berbentuk ulasan yang ditanyakan dalam peperiksaan, iaitu:
    a) Mengulas sesuatu topik atau isu.
    b) Mengulas karya seperti cerpen, novel, drama, buku, filem, dan sebagainya.
3. Format karangan ulasan sesuatu topik atau isu sama seperti karangan berbentuk perbincangan. Bagaimanapun, olahan karangan ulasan agak berbeza.
4. Karangan ulasan karya memerlukan anda menulis butir-butir karya yang diulas pada permulaan karangan.

**PANDUAN MENULIS ISI KARANGAN DENGAN KATA TUGAS: BERI PENDAPAT/ SEJAUH MANA/ SARANKAN**

1. Isi karangan anda mesti mempunyai fakta atau buah fikiran utama. Biasanya ayat yang menunjukkan fakta ini diletakkan pada ayat yang pertama.
2. Ayat yang mengandungi fakta itu perlu dihuraikan supaya karangan tersebut berkembang. Untuk menghuraikan fakta tersebut anda mungkin perlu bertanya kepada diri sendiri soalan-soalan seperti mengapa, di mana, apakah puncanya, bagaimana, dan sebagainya. Apabila anda menjawab soalan-soalan ini dalam ayat-ayat yang seterusnya, anda dianggap sudah menghuraikan fakta tersebut.
3. Masukkan juga contoh-contoh yang sesuai. Contoh-contoh ini mungkin ditandai dengan perkataan seperti, misalnya, seperti, contohnya, dan sebagainya.






4. Tulis beberapa pernyataan yang dikeluarkan oleh mana-mana jabatan, kementerian, dan tokoh-tokoh penting mengenai tajuk utama atau fakta yang telah dinyatakan itu.
5. Sekali-sekali selitkan dengan simpulan bahasa yang sesuai dengan tajuk karangan anda.

6. Elakkan kesalahan bahasa yang serius dan sekiranya anda mampu, tulislah ayat yang pelbagai. Ini bermakna karangan anda mengandungi beberapa ayat yang pendek dan beberapa ayat yang panjang dengan menggunakan kata hubung yang sesuai.
7. Tulis dengan tulisan yang mudah dibaca oleh pemeriksa. Tidak berfaedah anda menulis karangan yang panjang sekiranya tulisan anda tidak dapat dibaca.
8. Sekali-sekala anda bolehlah mencantumkan dua isi pendek dalam satu perenggan tetapi biasakan menulis satu perenggan satu isi.
9. Susunan isi tidak perlu ditulis dalam satu cara sahaja. Ini bermakna anda perlu menulisnya dengan pelbagai cara.
10. Pada ayat yang terakhir dalam perenggan isi, anda bolehlah menulis pendapat anda sendiri, atau anda boleh memberikan bayangan bagi fakta anda yang seterusnya.

**Contoh-contoh Karangan Dalam Buku Teks**

| | |
|---|---|
| Kemahiran | Menulis |
| Buku Teks | Tingkatan 4 |
| Muka surat | 38 |
| Tugasan | Menulis untuk menghasilkan karangan jenis ulaskan/ huraikan/bincangkan |

**Soalan 2**

*Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis karangan dengan menggunakan ayat yang gramatis.*

1. Sukan lasak seperti kembara, mendaki gunung, berkayak, dan lumba basikal dapat membentuk individu yang mempunyai ketahanan diri dan berani menghadapi cabaran. Ulas pernyataan tersebut.
2. Kebanyakan remaja mempunyai impian untuk menceburi dunia kerjaya yang dapat menjamin masa hadapan mereka.
Huraikan persediaan untuk memenuhi kerjaya impian anda.
3. Pembelajaran secara maya telah diperkenalkan dan kian banyak dilaksanakan di sekolah dan institusi pengajian tinggi.
Bincangkan kelebihan pembelajaran secara maya.

| | |
|---|---|
| Kemahiran | Menulis |
| Buku Teks | Tingkatan 4 |
| Muka surat | 141 |
| Tugasan | Menulis untuk menghasilkan karangan jenis pendapat/bincangkan |

**Soalan 3**

*Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis karangan yang lengkap.*

a. Permainan moden seperti permainan video, permainan elektronik, dan permainan komputer semakin diminati oleh generasi muda. Mereka semakin melupakan permainan tradisional yang tidak kurang hebatnya.

Pada pendapat anda, apakah kelebihan permainan tradisional berbanding dengan permainan moden? Jelaskan pendapat anda.

b. Jiran sangat penting kerana mereka ialah sahabat kita dan orang yang akan memberikan bantuan apabila kita menghadapi kesusahan.

Bincangkan langkah-langkah untuk meningkatkan semangat kejiranan.

| | |
|---|---|
| Kemahiran | Menulis |
| Buku Teks | Tingkatan 4 |
| Muka surat | 97 |
| Tugasan | Menulis untuk menghasilkan karangan jenis jelaskan |

**Soalan 2**

*Pilih satu daripada soalan di bawah. Kemudian, senaraikan isi-isi penting dalam bentuk rangka karangan dan tulis karangan dengan menggunakan ayat yang gramatis serta menarik.*

1. Di tepi rumah anda terdapat sebuah kawasan lapang. Anda bercadang untuk bercucuk tanam di kawasan itu.
Jelaskan tindakan-tindakan yang anda ambil bagi merealisasikan cadangan tersebut.

3. Sektor penternakan berpotensi untuk berkembang maju.
Huraikan usaha-usaha yang perlu dilaksanakan untuk memajukan sektor ini.






| Kemahiran | Menulis |
|---|---|
| Buku Teks | Tingkatan 5 |
| Muka surat | 219 |
| Tugasan | Menulis untuk menghasilkan karangan jenis pendapat/ cadangan |

**1. Contoh Soalan Karangan Jenis Pendapat**

Tema 5: Memacu Produktiviti (Usaha-Usaha Memajukan Industri Kraf Tangan)

**Soalan 2**

*Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis karangan yang panjangnya antara 350 patah perkataan hingga 500 patah perkataan.*

(i)

> Setiap bakal pekerja harus menerima hakikat bahawa era globalisasi pastinya membawa perubahan dalam aliran pemikiran. Majikan lebih cenderung untuk memilih dan memerlukan calon pekerja yang memiliki kepakaran serta pemahaman merangkumi pelbagai aspek kemahiran. Beberapa ciri penting perlu ada, iaitu berdikari, berinisiatif, mahir berkomunikasi, pandai menyesuaikan diri, berdisiplin, dan mengamalkan etika berpakaian.
>
> (Sumber: Diubah suai daripada *https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/09/84480/tip-kerjaya-ciri-pekerja-pilihan-majikan*)

Berdasarkan maklumat dalam bahan di atas, kemukakan pendapat anda tentang ciri-ciri yang perlu ada pada setiap bakal pekerja yang cemerlang.

(ii)

> Karya sastera sememangnya kurang mendapat tempat di hati masyarakat kerana mereka lebih berminat dengan bahan bacaan ringan. Penyuburan minat terhadap karya sastera perlu bermula dari sekolah lagi dengan memperbanyak naskhah di perpustakaan supaya mudah diakses oleh murid dan guru.
>
> – Datuk Dr. Zurinah binti Hassan, Sasterawan Negara

Sasterawan Negara berpendapat bahawa penyuburan minat terhadap karya sastera perlu bermula dari sekolah.

Berdasarkan pendapat tersebut, kemukakan cadangan kepada pihak sekolah tentang usaha-usaha yang perlu dilakukan untuk menyuburkan minat murid terhadap karya sastera.

**Soalan 3**

*Berdasarkan bahan, jawab soalan-soalan di bawah.*

(i) *Pilih dua kata kerja terbitan dan dua kata nama terbitan yang terdapat dalam bahan. Kemudian, bina ayat untuk menunjukkan bahawa anda faham maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

> Pelbagai kemudahan telah disediakan oleh kerajaan kepada usahawan Perindustrian Kecil dan Sederhana. Antaranya termasuklah penyediaan kios niaga di pasar raya besar bagi memasarkan produk terbaharu mereka. Yang penting, mereka perlu melakukan penambahbaikan dalam setiap kelemahan yang dikenal pasti.

219 KPM

Buku Teks tingkatan 4

Tema 5: Memacu Produktiviti (Usaha-Usaha Memajukan Industri Kraf Tangan) Teks tingkatan 4

> Tenunan merupakan lambang kehalusan seni masyarakat Melayu yang diwarisi zaman berzaman. Kemahiran dan kreativiti penenun terserlah melalui pengolahan motif dan hasil tenunan yang indah lagi menarik. Kain Songket Melayu merupakan tenun berkualiti tinggi yang ditenun menggunakan alat tenun tradisional. Seni tenunan dipercayai berasal dari Pantai Timur iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang. Lazimnya ia digunakan semasa majlis-majlis rasmi seperti perkahwinan atau penganugerahan majlis penganugerahan pingat kebesaran oleh raja.
>
> Dipetik daripada portal rasmi Perbadanan Kraftangan Malaysia

Sebagai respons terhadap maklumat di atas, seni tenunan masyarakat Melayu merupakan industri yang semakin berkembang maju pada masa ini. Pelbagai pihak harus menyokong industri tenunan Kain Songket Melayu supaya industri ini terus berkembang maju.

Berikan pendapat anda tentang usaha-usaha untuk memajukan industri tenunan ini.






## Usaha-usaha Memajukan Industri Kraf Tangan

**Pendahuluan**

**Isu**: Industri kraf tangan di Malaysia berpotensi untuk dimajukan

- **Kesan** Kemajuan dalam industri ini memberikan pulangan yang lumayan kepada rakyat
- **Contoh** Kraf tangan seperti anyaman bakul, ukiran kayu, dan hasil tenunan boleh menjadi punca pendapatan
- ✎ ...
- ✎ ...

**Isi 1**

Kerajaan mempromosikan kraf tangan Malaysia ke luar negara

- **Huraian isi** Masyarakat luar masih belum mengenali kraf tangan negara kita
- **Contoh** Mengadakan promosi secara besar-besaran melalui media massa – menganjurkan pameran kraf tangan di luar negara
- **Huraian contoh** Kraf tangan negara semakin dikenali oleh pelancong asing
- **Penegasan** Kerajaan memainkan peranan penting dalam memajukan industri kraf tangan

**Isi 2**

Pengusaha menghasilkan kraf tangan yang kreatif

- **Huraian isi** Pembeli tertarik untuk membeli barangan yang terkini dan mengikut peredaran zaman
- **Contoh** Menghasilkan kraf tangan yang menarik dengan menggunakan bahan-bahan tempatan seperti cangkerang hidupan laut, buluh, dan buah kelapa
- ✎ ...
- ✎ ...

**Isi 3**

Sokongan masyarakat terhadap kraf tangan ciptaan warga tempatan

- **Huraian isi** Kita sewajarnya menghargai titik peluh dan kreativiti rakyat Malaysia dalam menghasilkan karya seni
- ✎ ...
- ✎ ...
- ✎ ...

**Isi 4**

Media massa memainkan peranan untuk memperkenalkan kraf tangan tempatan

- ✎ ...
- ✎ ...
- ✎ ...
- ✎ ...

**Kesimpulan**

- **Kesimpulan** Kraf tangan yang menjadi lambang kebudayaan dan kesenian perlu dipertahankan
- **Cadangan** Semua pihak perlu berganding bahu untuk memajukan






**STRATEGI MENJAWAB SOALAN**

Bahagian B: Karangan Umum/Karangan Respons Terbuka
70 markah
1 jam 30 minit

5. **Membaca Semua Soalan (10 minit)**
   Baca semua soalan yang diberi dan buat pilihan **satu** soalan yang tepat berdasarkan pengetahuan murid tentang soalan tersebut.
6. **Membuat Perancangan (10 minit)**
   - Murid perlu memikirkan dan menyenaraikan isi penting berdasarkan domain yang telah dipilih.
   - Murid perlu menyenaraikan sekurang-kurangnya **tiga** atau **empat** isi yang relevan berdasarkan tugasan yang dikehendaki.
7. **Menulis Karangan (60 minit)**
   - Murid perlu menulis satu perenggan karangan berdasarkan tema dan tugasan.
   - Murid perlu menulis **tiga** ataupun **empat** perenggan isi yang mengandungi (isi, huraian, contoh dan penegasan isi) dalam setiap perenggan.
   - Murid perlu menulis perenggan penutup yang mengandungi (penegasan isi, cadangan dan harapan).
8. **Membuat Semakan (10 minit)**
   - Murid perlu memastikan ayat tidak terlalu panjang, dan tiada ayat tergantung.
   - Murid perlu memastikan tiada kesalahan tatabahasa.
   - Murid juga perlu menggunakan tanda baca yang sesuai.






## TEKNIK PENULISAN KARANGAN BAHAGIAN B

### a. TEKNIK PENULISAN PERENGGAN PENDAHULUAN

**Pendahuluan (1 Perenggan)**

**JENIS-JENIS PENDAHULUAN**

1. Pendahuluan Jenis Definisi
2. Pendahuluan Jenis Persoalan
3. Pendahuluan Jenis Sejarah
4. Pendahuluan Jenis Situasi
5. Pendahuluan Jenis Peribahasa
6. Pendahuluan Jenis Pendapat
7. Pendahuluan Jenis Pendapat Tokoh
8. Pendahuluan Jenis Puisi

**Pada perenggan perlu ada:**

**Pendahuluan Karangan**

**Penanda Wacana Permulaan**



**Contoh Jenis Perenggan Pendahuluan**













Sumber: Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 3

**Pendapat Tokoh**







Sumber: Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 2

**Contoh Perenggan Pendahuluan Lengkap**

**Contoh perenggan pendahuluan jenis peribahasa:**

Makan suap merupakan peribahasa Melayu yang berkait rapat dengan amalan rasuah. Peribahasa ini membawa maksud menerima rasuah. Kewujudan peribahasa ini menggambarkan bahawa amalan rasuah wujud dalam masyarakat dan menjadi amalan sesetengah pihak. Hal ini dikatakan demikian kerana keadaan menerima rasuah ini wujud apabila ada pihak yang memberikan rasuah. Sebenarnya, terdapat pelbagai kesan buruk amalan rasuah terhadap diri seseorang.

**Contoh perenggan pendahuluan jenis gabungan:**

Tahukah anda bahawa sudah banyak pentadbiran negara yang tumbang kerana gejala rasuah? Datuk Seri Zakaria bin Jaffar, bekas Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), pernah berkata bahawa beliau mengharapkan sumbangan orang ramai walaupun setitik peluh bagi menjadikan negara kita bebas rasuah. Oleh sebab itu, setiap orang mesti memainkan peranan walau sekecil mana sekalipun bagi membanteras rasuah. Dalam hal ini, jelaslah bahawa rasuah mendatangkan banyak kesan buruk kepada negara kita.

***Contoh Pendahuluan Jenis Definisi***

Jenayah ditakrifkan sebagai perbuatan yang melanggar undang-undang atau peraturan. Jenayah bukan sahaja membabitkan orang dewasa malahan golongan remaja juga. Menurut kajian polis, jumlah kes jenayah telah bertambah daripada 40 021 kes pada tahun 1997 kepada 43 210 kes pada tahun 1998. Di samping itu, kesalahan yang dilakukan juga semakin serius dari semasa ke semasa. Usaha-usaha pelbagai pihak amat diperlukan untuk membendung jenayah.

Sumber: Internet

**Pendahuluan Jenis Sejarah**

Malaysia akan menyambut Jubli Emas kemerdekaan negara kali ke-50 pada 31 Ogos 2007. Tema dan logo "Malaysiaku Gemilang" pada tahun ini mengingatkan kita tentang peristiwa pengisytiharan kemerdekaan negara oleh Yang Teramat Mulia Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, mantan Perdana Menteri Malaysia Pertama di Stadium Merdeka 50 tahun yang lalu. Laungan keramat "Merdeka" yang berkumandang pada pagi 31 Ogos 1957 itu merupakan detik bersejarah sekali gus negara kita bebas daripada belenggu penjajah.






**TEKNIK PENULISAN PERENGGAN ISI**

**Isi (3 atau 4 perenggan)**

**Pada perenggan isi perlu ada:**

**Penanda Wacana Huraian Isi**









a) Misalnya,
b) Contohnya,
c) Sebagai contoh,
d) Tamsilnya,
e) Sebagaimana yang kita sedia maklum,
f) Antaranya adalah seperti




a) Walau bagaimanapun,
b) Walakin begitu,
c) Namun demikian,
d) Daripada perspektif yang berbeza,
e) Jika dilihat dari sudut lain,
f) Dengan kata lain,
g) Kontradiksinya,
h) Di sebalik itu,
i) Dalam pada itu,
j) Dari sudut lain,

Sumber : Internet

**Teknik Huraian Perenggan Isi**



**Pendekatan Persembahan Idea**

**Deduktif**
Ayat topik → Ayat huraian → Ayat contoh →
Ayat penegasan idea

**Induktif**
Ayat contoh → Ayat huraian → Ayat topik →
Ayat penegasan idea

**Eklektik/Gabungan**
Ayat huraian → Ayat contoh → Ayat topik →
Ayat huraian → Ayat penegasan idea

Sumber: Buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 5

**PERIBAHASA**

1. Bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat.
   Maksud: Kata sepakat yang dicapai dalam mesyuarat
2. Tulang belakang
   Maksud: Punca kekuatan atau orang harapan
3. Duduk sama rendah, berdiri sama tinggi
   Maksud: Dua orang yang sama darjatnya dalam adat
4. Dayung sudah di tangan, perahu sudah dia air
   Maksud: Segala yang dikehendaki sudah diperoleh.

Kata-kata Hikmah

"Nilai hidup harus diukur dengan garis yang lebih mulia, iaitu kerja dan bukannya usia." – Richard Brinsley Sheridan

"Seseorang yang melakukan kesalahan dan tidak membetulkannya telah melakukan satu kesalahan lagi." – Confucius

"Sampan tidak akan berlayar di padang pasir betapa pun jua empuknya pasir itu." – Pepatah Arab.

"Perjalanan seribu batu bermula dari satu Langkah."-Lao Tze

Sumber: Internet

**Aplikasi Kosa Kata Luas dalam Penulisan**

| BIL | KOSA KATA | MAKSUD |
|---|---|---|
| 1 | **Polemik** | ***Maksud:***<br>*Perbahasan yang dilakukan dalam surat khabar atau dalam majalah mengenai sesuatu perkara.* |
| 2 | **Marhaen** | ***Maksud:***<br>*Rakyat jelata* |
| 3 | **Kulawarga** | ***Maksud***:<br>*Keluarga* |
| 4 | **Dasawarsa** | ***Maksud***:<br>*Dekad* |
| 5 | **Ikhtisar** | ***Maksud***:<br>*Pendapat yang ringkas mengenai sesuatu* |

Sumber: Internet

**Contoh Huraian Perenggan Isi**

**Perenggan isi**

| | | |
|---|---|---|
| Ayat Topik | – | Sambutan Hari Kebangsaan diadakan untuk mengukuhkan jati diri rakyat Malaysia. |
| Ayat Huraian | – | Hal ini dikatakan demikian kerana segelintir remaja kian hilang jati diri dan mengagung-agungkan budaya Barat. |
| Ayat Contoh | – | Sebagai contohnya, remaja hari ini lebih terikut-ikut dengan cara pemakaian dan pergaulan dari Barat. |
| Ayat Penyimpul | – | Kesimpulannya, sambutan Hari Kebangsaan ini penting dan harus diraikan bersama-sama. |

Sumber: Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 1






**TEKNIK PENULISAN PERENGGAN PENUTUP**

**(1 Perenggan)**

**Perenggan Penutup Perlu ada**




Sumber: Internet




Sumber: Buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 4

**KERANGKA KARANGAN**

**Perenggan Karangan**

| | |
|---|---|
| **Pendahuluan** | 4 atau 5 ayat |
| **Isi** | 3 hingga 4 isi<br>(60 – 70 patah perkataan setiap perenggan) |
| **Penutup** | 4 atau 5 ayat |

**MAKLUMAT BAHAN STIMULUS (BAHAN A DAN BAHAN B)**

| FORMAT | Huraian |
|---|---|
| TEMA | Kata Kunci (Bahan A) |
| TUGASAN | Bahan B |
| KUMPULAN SASARAN | Berkaitan dengan Bahan A dan B |
| BAHAN A | Maklumat yang diberi dalam bahan A bolen dijadikan pendahuluan |

## KERANGKA PENDAHULUAN

**Menggunakan Teknik MISOP**

| **Pendahuluan - Teknik MISOP** | |
|---|---|
| **M** | **Masa** |
| **I** | **Isu Semasa** |
| **S** | **Sebab** |
| **O** | **Oleh sebab itu** |
| **P** | **Persoalan** |

| **Pendahuluan - Teknik MISOP** | |
|---|---|
| **M**<br>(Masa) | Dikaitkan dengan stimulus (Bahan A dan Bahan B) |
| **I**<br>(Isu Semasa) | Dikaitkan dengan stimulus (Bahan A dan Bahan B) |
| **S**<br>(Sebab) | Sebab berlaku dikaitkan dengan tema |
| **O**<br>(Oleh sebab itu) | Perkara yang perlu dibuat berdasarkan tema |
| **P**<br>(Persoalan) | Persoalan berkaitan tugasan |

# KERANGKA ISI

## Menggunakan Teknik IMBaKUP

| Isi - Teknik IMBaKUP | |
|---|---|
| **I** | Isi |
| **M** | Mengapa? (Huraian isi) |
| **Ba** | Bagaimana? (Alasan kukuh isi dan contoh) |
| **K** | Kesan |
| **U** | Ungkapan menarik |
| **P** | Penegasan |

| Isi 1 | |
|---|---|
| **I** (Isi) | Isi yang dikaitkan dengan tugasan. |
| **M** (Mengapa?) | Ayat yang menerangkan huraian isi yang dikaitkan dengan sebab. |
| **Ba** (Bagaimana?) | Ayat yang menerangkan huraian isi yang dikaitkan dengan cara atau contoh yang sesuai yang selari dengan sebab. |
| **K** (Kesan?) | Ayat yang menerangkan kesan isi dalam ayat (bagaimana). |
| **U** (Ungkapan menarik) | Peribahasa atau ungkapan menarik yang menyokong perbincangan isi. |
| **P** (Penegasan) | Kesimpulan kecil bagi perenggan isi. |

| **Isi 2** | |
|---|---|
| **I** (Isi) | Isi yang dikaitkan dengan tugasan. |
| **M** (Mengapa?) | Ayat yang menerangkan huraian isi yang dikaitkan dengan sebab. |
| **Ba** (Bagaimana?) | Ayat yang menerangkan huraian isi yang dikaitkan dengan cara atau contoh yang sesuai yang selari dengan sebab. |
| **K** (Kesan?) | Ayat yang menerangkan kesan isi dalam ayat (bagaimana). |
| **U** (Ungkapan menarik) | Peribahasa atau ungkapan menarik yang menyokong perbincangan isi. |
| **P** (Penegasan) | Kesimpulan kecil bagi perenggan isi. |
| **Isi 3** | |
| **I** (Isi) | Isi yang dikaitkan dengan tugasan. |
| **M** (Mengapa?) | Ayat yang menerangkan huraian isi yang dikaitkan dengan sebab. |
| **Ba** (Bagaimana?) | Ayat yang menerangkan huraian isi yang dikaitkan dengan cara atau contoh yang sesuai yang selari dengan sebab. |
| **K** (Kesan?) | Ayat yang menerangkan kesan isi dalam ayat (bagaimana). |
| **U** (Ungkapan menarik) | Peribahasa atau ungkapan menarik yang menyokong perbincangan isi. |
| **P** (Penegasan) | Kesimpulan kecil bagi perenggan isi. |






# KERANGKA PENUTUP

## Menggunakan Teknik PCBIH

| PENUTUP - PCBIH | |
|---|---|
| **P** | **Penegasan** |
| **C** | **Cadangan** |
| **BI** | **Bahasa Indah** |
| **H** | **Harapan** |

| PENUTUP | |
|---|---|
| **P**<br>Penegasan | Penegasan berkaitan tugasan |
| **C**<br>Cadangan | Cadangan berkaitan tugasan atau tema |
| **BI**<br>Bahasa Indah | Bahasa Indah yang selari dengan huraian cadangan |
| **H**<br>Harapan | Harapan berdasarkan cadangan yang diberikan unruk menjayakan pendapat tugasan atau tema |






## Tips Karangan Cemerlang

1. Soalan mengandungi empat jenis domain iaitu domain peribadi, domain kerjaya, domain pendidikan dan domain awam. Calon hendaklah memilih satu daripada empat soalan.

2. Karangan mestilah menepati tugasan atau kehendak soalan.

3. Calon mestilah menulis sekurang-kurangnya tiga atau empat isi untuk memenuhi arahan soalan yang diberi.

4. Patah perkataan untuk Bahagian B mestilah antara 350 hingga 500 patah perkataan. Jangan menulis kurang daripada 350 patah perkataan atau melebihi 500 patah perkataan.

5. Karangan yang kurang patah perkataan akan menyebabkan pemeriksa mempunyai '*impression*' rendah terhadap karangan dan patah perkataan yang lebih akan menjejaskan '*impression*' pemeriksa.

6. Karangan cemerlang mestilah menjawab tugasan dan tema yang dikemukakan. Di samping itu, karangan cemerlang perlulah mempunyai ayat yang gramatis dan menggunakan kosa kata yang tepat, huraian jelas dan matang serta contoh yang sesuai dan berkesan.

7. Penggunaan unsur bahasa perlulah variasi dan menggunakan ungkapan menarik seperti peribahasa (pepatah, cogan kata, kata-kata hikmah), kosa kata luas, terjemahan Al-Quran dan lain-lain untuk membantu calon menghasilkan perenggan karangan yang cemerlang.

8. Karangan mestilah menggunakan gaya bahasa yang menarik dan laras bahasa yang sesuai dengan tugasan.

9. Keseluruhan karangan mestilah memperlihatkan kematangan berfikir.

10. Karangan mestilah ditulis dengan kemas, bersih dan jelas supaya pemeriksa mudah menyemak karangan.

## KEMAHIRAN MENULIS BAHASA MELAYU KSSM

### BAHAGIAN B

Bahagian B merupakan bahagian Karangan Respons Terbuka. Peruntukan markah untuk bahagian ini adalah 70 markah dan masa diperuntukkan selama **90 minit**. Panjang karangan bahagian B antara **350 hingga 500 patah perkataan**.

### Soalan Bahagian B

- **Empat** soalan pilihan dan hanya **satu** soalan sahaja perlu dijawab.
- Terdapat **empat domain iaitu domain peribadi, domain kerjaya, domain pendidikan** dan **domain awam.**
- Terdapat **dua** bentuk soalan **iaitu soalan berformat dan soalan tidak berformat.**

### PANDUAN MENULIS KARANGAN BAHAGIAN B

1. MENGENAL PASTI TEMA BERDASARKAN SOALAN YANG DIBERI.
2. PERLU MEMAHAMI TUGASAN SOALAN BERDASARKAN STIMULUS DAN SOALAN YANG DIBERI ..
3. TULIS KARANGAN YANG PANJANGNYA ANTARA 350 HINGGA 500 PATAH PERKATAAN.

**BAHAGIAN B**

**(70 markah)**

**Masa cadangan: 90 minit**

**CONTOH**

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**FORMAT PENTAKSIRAN BAHASA MELAYU SIJIL PELAJARAN MALAYSIA TAHUN 2021**

**CONTOH DOMAIN PENDIDIKAN**

**A**

**Pada masa ini, mata pelajaran Sejarah bukanlah mata pelajaran yang asing kepada murid-murid. Sejak sekolah rendah, murid sudah mula berkenalan dengan mata pelajaran Sejarah. Menyedari kepentingan mata pelajaran Sejarah kepada generasi muda, maka mata pelajaran tersebut dijadikan mata pelajaran wajib lulus bagi semua calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mulai 2013.**

**BOLEH DIGUNAKAN SEBAGAI PENDAHULUAN**

**Sumber: Internet**

**STIMULUS**

**B** Petikan di atas menyatakan maklumat yang berkaitan dengan mata pelajaran

Sejarah dan kepentingan mempelajarinya.

Bincangkan **kepentingan-kepentingan** mempelajari mata pelajaran Sejarah.

**A. PANDUAN UMUM**

**Berdasarkan Contoh**

1. Soalan ini mengandungi **dua** bahagian :
   - **BAHAGIAN A**: Stimulus atau bahan rangsangan.
     - Untuk membantu calon mendapatkan idea awal merangka penulisan karangan.
   - **BAHAGIAN B**: Tugasan soalan yang perlu dijawab oleh calon.

2. Dalam kemahiran menulis calon perlu mengaplikasi, menganalisis dan menilai bahagian A. Hal ini dapat membantu calon menghasilkan pendahuluan atau mendapatkan isi penulisan dalam usaha menghasilkan karangan yang cemerlang.

3. Calon juga mesti memahami tugasan soalan yang diberi pada bahagian B. Selain itu, calon perlu memastikan sama ada karangan tersebut berformat atau tidak berformat.

**B. KERANGKA KARANGAN**

**PENDAHULUAN**

**MAKLUMAT BAHAN STIMULUS (BAHAN A DAN BAHAN B)**

| | |
|---|---|
| FORMAT | Tidak berformat |
| TEMA (KATA KUNCI) (Bahan A) | mempelajari mata pelajaran Sejarah |
| TUGASAN (Bahan B) | **kepentingan-kepentingan** mempelajari mata pelajaran Sejarah |
| KUMPULAN SASARAN | Generasi muda |
| BAHAN A | Pendahuluan |

**C. MENULIS PERENGGAN PENDAHULUAN**

i. **Menggunakan Teknik MISOP**

| **Pendahuluan - Teknik MISOP** | |
|---|---|
| **M** | Masa |
| **I** | Isu Semasa |
| **S** | Sebab |
| **O** | Oleh sebab itu |
| **P** | Persoalan |

i. **Contoh Perenggan Pendahuluan Lengkap**

**Masa**

Pada masa ini, mata pelajaran Sejarah bukanlah mata pelajaran yang asing kepada murid-murid kerana sejak sekolah rendah, murid sudah mula berkenalan dengan mata pelajaran Sejarah. Menyedari kepentingan mata pelajaran Sejarah kepada generasi muda, maka mata pelajaran tersebut dijadikan mata pelajaran wajib lulus bagi semua calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mulai 2013. Hal ini menyebabkan murid-murid terpaksa mempelajari mata pelajaran Sejarah walaupun mata pelajaran ini dikatakan membosankan kerana mereka perlu mengingati pelbagai fakta untuk membolehkan mereka lulus mata pelajaran ini. Oleh sebab itu, murid-murid perlu mengubah persepsi mata pelajaran Sejarah kepada mata pelajaran kegemaran kerana tak kenal maka tak cinta. Persoalannya, apakah kepentingan mata pelajaran Sejarah kepada golongan muda?

**Isu semasa**

**Sebab**

**Keterangan sebab**

**Persoalan**






| Pendahuluan - Teknik MISOP | |
|---|---|
| **M** (Masa) | Pada masa ini, mata pelajaran Sejarah bukanlah mata pelajaran yang asing kepada murid-murid. Sejak sekolah rendah, murid sudah mula berkenalan dengan mata pelajaran Sejarah. |
| **I** (Isu Semasa) | Menyedari kepentingan mata pelajaran Sejarah kepada generasi muda, maka mata pelajaran tersebut dijadikan mata pelajaran wajib lulus bagi semua calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mulai 2013. |
| **S** (Sebab) | Hal ini menyebabkan murid-murid terpaksa mempelajari mata pelajaran Sejarah walaupun mata pelajaran ini dikatakan membosankan kerana mereka perlu mengingati pelbagai fakta untuk membolehkan mereka lulus mata pelajaran ini. |
| **O** (Oleh sebab itu) | Oleh sebab itu, murid-murid perlu mengubah persepsi mata pelajaran Sejarah kepada mata pelajaran kegemaran kerana tak kenal maka tak cinta. |
| **P** (Persoalan) | Persoalannya, apakah kepentingan mata pelajaran Sejarah kepada golongan muda? |

**MENULIS PERENGGAN ISI**

**i. Menggunakan Teknik IMBaKUP**

| Isi - Teknik IMBaKUP | |
|---|---|
| **I** | Isi |
| **M** | Mengapa? (Huraian isi) |
| **Ba** | Bagaimana? (Alasan kukuh isi dan contoh) |
| **K** | Kesan |
| **U** | Ungkapan menarik |
| **P** | Penegasan |






i. **CONTOH PERENGGAN ISI (1) LENGKAP**

Sudah terang lagi bersuluh, kepentingan mempelajari mata pelajaran Sejarah ialah generasi muda akan memperoleh banyak pengajaran. Hal ini dikatakan demikian kerana murid akan belajar peristiwa-peristiwa yang telah berlaku pada masa lalu. Sehubungan dengan itu, penjajahan kuasa Barat seperti British yang telah menggunakan tipu daya yang licik untuk memecahbelahkan masyarakat Tanah Melayu pada masa itu. Impaknya, generasi muda pada hari ini mempunyai kesedaran tentang kepentingan menjaga tanah air supaya tidak dijajah lagi. Oleh sebab itu, golongan muda perlu bersikap sakit sama mengadu, luka sama menyiuk demi menjaga keharmonian negara daripada helah licik orang asing. Tegasnya, pengajaran kepada generasi muda merupakan maslahat mempelajari mata pelajaran Sejarah.

**Isi**

**Mengapa**

**Bagaimana**

**Kesan**

**Ungkapan menarik**

**Penegasan isi**

| Isi - Teknik IMBaKUP | |
|---|---|
| **I** (Isi) | Sudah terang lagi bersuluh, kepentingan mempelajari mata pelajaran Sejarah ialah generasi muda akan memperoleh banyak pengajaran. |
| **M** (Mengapa?) | Hal ini dikatakan demikian kerana murid akan belajar peristiwa-peristiwa yang telah berlaku pada masa lalu. |
| **Ba** (Bagaimana?) | Sehubungan dengan itu, penjajahan kuasa Barat seperti British yang telah menggunakan tipu daya yang licik untuk memecahbelahkan masyarakat Tanah Melayu pada masa itu. |
| **K** (Kesan?) | Impaknya, generasi muda pada hari ini mempunyai kesedaran tentang kepentingan menjaga tanah air supaya tidak dijajah lagi. |
| **U** (Ungkapan menarik) | Oleh sebab itu, golongan muda perlu bersikap sakit sama mengadu, luka sama menyiuk demi menjaga keharmonian negara daripada helah licik orang asing. |
| **P** (Penegasan) | Tegasnya, pengajaran kepada generasi muda merupakan maslahat mempelajari mata pelajaran Sejarah. |

**LATIHAN 1**

Berdasarkan petikan karangan berikut, isikan maklumat yang betul dalam kerangka soalan yang diberikan.

**PERENGGAN ISI (2)**

Tak tumbuh tak melata, tak sungguh orang tak kata perpaduan kaum dapat dibentuk merupakan manfaat mempelajari mata pelajaran. Hal ini dikatakan demikian kerana semua murid tidak kira bangsa dan kepercayaan akan belajar berkaitan peristiwa kemerdekaan Tanah Melayu bersama-sama di dalam kelas. Sehubungan dengan itu, semangat perpaduan pelbagai kaum di Malaysia iaitu Melayu, Cina dan India tanpa mengira agama dan warna kulit telah memperoleh kemerdekaan Tanah Melayu daripada British pada 31 Ogos 1957. Impaknya, perpaduan kaum yang terbentuk sejak dahulu akan terus diteruskan oleh generasi kini demi kesejahteraan Malaysia. Oleh sebab itu, generasi muda perlu mempertahan perpaduan kaum di Malaysia kerana bersatu teguh, bercerai roboh. Izharlah, manfaat mata pelajaran Sejarah membentuk perpaduan kaum dalam kalangan generasi muda.

**KERANGKA PERENGGAN ISI 2**

| **ISI KEDUA** | |
|---|---|
| **I** (Isi) | |
| **M** (Mengapa?) | |
| **Ba** (Bagaimana?) | |
| **K** (Kesan?) | |
| **U** (Ungkapan menarik) | |
| **P** (Penegasan) | |

**PERENGGAN ISI (3)**

Sudah gaharu cendana pula, sudah tahu bertanya pula, faedah mempelajari mata pelajaran Sejarah adalah dapat memupuk semangat cinta akan negara dalam diri generasi muda. Saya berpendapat demikian kerana generasi muda sewajarnya menghargai jasa dan sumbangan tokoh-tokoh tanah air yang berusaha untuk mendapatkan kemerdekaan daripada British. Sebagai amsal, jasa Tuanku Abdul Rahman yang gigih memperoleh kemerdekaan Tanah Melayu daripada British pada 31 Ogos 1957 sentiasa dikenang menjelang bulan kemerdekaan pada bulan Ogos setiap tahun. Natijah, semangat patrotiotisme dapat dipupuk dalam jiwa generasi muda malah bersyukur dan memberi penghargaan terhadap pengorbanan tokoh kemerdekaan dahulu. Hal ini dapat menghindarkan generasi muda daripada bersikap kacang lupakan kulit. generasi muda perlu mempertahan perpaduan kaum di Malaysia kerana bersatu teguh, bercerai roboh. Saya optimis, semangat cinta akan negara merupakan kepentingan mempelajari mata pelajaran Sejarah dalam kalangan generasi muda pada hari ini.

**KERANGKA PERENGGAN ISI 3**

| **ISI KETIGA** | |
|---|---|
| **I** (Isi) | |
| **M** (Mengapa?) | |
| **Ba** (Bagaimana?) | |
| **K** (Kesan?) | |
| **U** (Ungkapan menarik) | |
| **P** (Penegas) | |

## E. MENULIS PERENGGAN PENUTUP

i. Menulis Perenggan Menggunakan Teknik PCBIH

| PENUTUP - PCBIH | |
|---|---|
| **P** | Penegasan |
| **C** | Cadangan |
| **BI** | Bahasa Indah |
| **H** | Harapan |

ii. Penutup Lengkap

**PENEGASAN**

Tuntasnya, terdapat pelbagai kepentingan mempelajari Sejarah dalam kalangan golongan muda. Sehubungan dengan itu, golongan muda sewajarnya mempelajari Sejarah tanah air demi menjaga kedaulatan negara pada masa akan datang. Hal ini bertepatan dengan aforisme bagai aur dengan tebing saling memberi sokongan kepada golongan mempertahankan kemerdekaan negara. Oleh sebab itu, semua pihak perlulah bertanggungjawab untuk membantu golongan muda dengan sentiasa bersikap positif dalam mengharungi dunia tanpa sempadan agar negara kita tidak akan dijajah lagi oleh kuasa Barat pada masa akan datang.

**CADANGAN**

**BAHASA INDAH**

**HARAPAN**

| PENUTUP – Teknik PCBIH | |
|---|---|
| **P** (Penegasan) | Tuntasnya, generasi muda pada hari ini perlu menyedari kepentingan mempelajari mata pelajaran Sejarah. |
| **C** (Cadangan) | Sehubungan dengan itu, golongan muda sewajarnya mempelajari Sejarah tanah air demi menjaga kedaulatan negara pada masa akan datang. |
| **BI** (Bahasa Indah) | Hal ini bertepatan dengan aforisme bagai aur dengan tebing saling memberi sokongan kepada generasi muda mempertahankan kemerdekaan negara. |
| **H** (Harapan) | Oleh sebab itu, semua pihak perlulah bertanggungjawab untuk membantu generasi muda dengan sentiasa bersikap positif dalam mengharungi dunia tanpa sempadan agar negara kita tidak akan dijajah lagi oleh kuasa Barat pada masa akan datang. |






Baca semua soalan karangan di bawah. Kemudian, **pilih satu daripada empat soalan** yang dikemukakan dan tulis sebuah karangan yang panjangnya antara **300-500 patah perkataan.**

**1.**

| | |
|---|---|
| Tema | Alam sekitar dan Teknologi Hijau |
| Domain | Awam |

Kuala Lumpur: Hujan lebat yang turun lebih dua jam bermula petang tadi menyebabkan beberapa buah kawasan di ibu kota dilanda banjir kilat. Jalan-jalan utama yang dinaiki air telah menyebabkan jalan tersebut tidak boleh dilalui kenderaan ringan. Terdapat juga beberapa buah kenderaan ditenggelami air.

Sumber: diubah suai daripada *Harian Metro, 9 September 2020*

Petikan berita di atas menunjukkan bahawa banjir kilat sering melanda Kuala Lumpur walaupun hujan lebat dalam masa beberapa jam sahaja.

Jelaskan punca-punca yang menyebabkan berlakunya banjir kilat.

| **Kerangka Perenggan Pendahuluan Teknik MISOP** | |
|---|---|
| **M**<br>(Masa) | |
| **I**<br>(Isu semasa) | |
| **S**<br>(Sebab) | |
| **O**<br>(Oleh sebab itu) | |
| **P**<br>(Persoalan) | |

| Kerangka Perenggan Isi 1 Teknik IMBaKUP | |
|---|---|
| **I**<br><br>(Isi) | |
| **M**<br><br>(Mengapa) | |
| **Ba**<br><br>(Bagaimana) | |
| **K**<br><br>(Kesan) | |
| **U**<br><br>(Ungkapan menarik) | |
| **P**<br><br>(Persoalan) | |

| Kerangka Perenggan Isi 2 Teknik IMBaKUP | |
|---|---|
| **I**<br>(Isi) | |
| **M**<br>(Mengapa) | |
| **Ba**<br>(Bagaimana) | |
| **K**<br>(Kesan) | |
| **U**<br>(Ungkapan menarik) | |
| **P**<br>(Persoalan) | |

| **Kerangka Perenggan Isi 3 Teknik IMBaKUP** | |
|---|---|
| **I**<br>(Isi) | |
| **M**<br>(Mengapa) | |
| **Ba**<br>(Bagaimana) | |
| **K**<br>(Kesan) | |
| **U**<br>(Ungkapan menarik) | |
| **P**<br>(Persoalan) | |

| Kerangka Perenggan Isi 4 Teknik IMBaKUP | |
|---|---|
| **I**<br>(Isi) | |
| **M**<br>(Mengapa) | |
| **Ba**<br>(Bagaimana) | |
| **K**<br>(Kesan) | |
| **U**<br>(Ungkapan menarik) | |
| **P**<br>(Persoalan) | |

| Kerangka Perenggan Penutup Teknik PCBIH | |
|---|---|
| **P**<br>(Penegasan) | |
| **C**<br>(Cadangan) | |
| **BI**<br>(Bahasa Indah) | |
| **H**<br>(Harapan) | |






**2.**

| | |
|---|---|
| Tema | Bahasa dan Kesusasteraan |
| Domain | Peribadi |

Menurut Ahmad Patria Abdullah yang merupakan seorang penulis terkenal, penulis perlu sedar bahawa karya yang dihasilkan pasti bersaing dengan karya antarabangsa dalam meraih minat pembaca. Karya fantasi dan fiksyen sains tempatan yang tidak mencapai tahap seperti hasil karya antarabangsa akan membuatkan pembaca beralih dan hanya tertumpu kepada karya dari negara luar.

Sumber: diubah suai daripada *BH Online,* 19 Disember 2018

Petikan di atas membincangkan keperluan penulis menghasilkan karya yang berkualiti. Setiap orang yang mempunyai cita-cita untuk menjadi penulis yang terkenal sudah pasti perlu melalui pengalaman yang tertentu.

Bincangkan cara-cara yang akan anda lakukan untuk menjadi seorang penulis yang baik.






| Kerangka Perenggan Pendahuluan Teknik MISOP | |
|---|---|
| **M**<br><br>(Masa) | |
| **I**<br><br>(Isu semasa) | |
| **S**<br><br>(Sebab) | |
| **O**<br><br>(Oleh sebab itu) | |
| **P**<br><br>(Persoalan) | |






| **Kerangka Perenggan Isi 1 Teknik IMBaKUP** | |
|---|---|
| **I**<br>(Isi) | |
| **M**<br>(Mengapa) | |
| **Ba**<br>(Bagaimana) | |
| **K**<br>(Kesan) | |
| **U**<br>(Ungkapan menarik) | |
| **P**<br>(Persoalan) | |

| Kerangka Perenggan Isi 2 Teknik IMBaKUP | |
|---|---|
| **I**<br>(Isi) | |
| **M**<br>(Mengapa) | |
| **Ba**<br>(Bagaimana) | |
| **K**<br>(Kesan) | |
| **U**<br>(Ungkapan menarik) | |
| **P**<br>(Persoalan) | |

| Kerangka Perenggan Isi 3 Teknik IMBaKUP | |
|---|---|
| **I**<br>(Isi) | |
| **M**<br>(Mengapa) | |
| **Ba**<br>(Bagaimana) | |
| **K**<br>(Kesan) | |
| **U**<br>(Ungkapan menarik) | |
| **P**<br>(Persoalan) | |

| Kerangka Perenggan Isi 4 Teknik IMBaKUP | |
|---|---|
| **I**<br>(Isi) | |
| **M**<br>(Mengapa) | |
| **Ba**<br>(Bagaimana) | |
| **K**<br>(Kesan) | |
| **U**<br>(Ungkapan menarik) | |
| **P**<br>(Persoalan) | |

| Kerangka Perenggan Penutup Teknik PCBIH | |
|---|---|
| **P**<br>(Penegasan) | |
| **C**<br>(Cadangan) | |
| **BI**<br>(Bahasa Indah) | |
| **H**<br>(Harapan) | |






**3.**

| | |
|---|---|
| Tema | Sejarah dan Warisan |
| Domain | Pendidikan |

KOTA BELUD: Menteri Pembangunan Luar Bandar Sabah, Datuk Ewon Benedick menyatakan bahawa penguasaan seni mempertahakan diri bukan sahaja penting apabila berdepan situasi bahaya seperti jenayah tetapi juga dapat meningkatkan keyakinan diri. Menurut beliau, anak-anak yang belajar seni mempertahankan diri akan dilatih untuk menguji tahap kecergasan melalui latihan fizikal. Mereka juga dapat membina ketangkasan menerusi pelbagai pergerakan yang dipelajari.

Sumber: diubah suai daripada BH Online, *8 Disember 2019*

Setiap remaja perlu mempelajari seni mempertahankan diri kerana terdapat banyak kes jenayah melibatkan remaja seperti ragut, peras ugut, buli, rogol dan sebagai yang berlaku di dalam negara kita.

Sebagai remaja, bincangkan faedah-faedah mempelajari seni mempertahankan diri.

| Kerangka Perenggan Isi 1 Teknik IMBaKUP | |
|---|---|
| **I**<br>(Isi) | |
| **M**<br>(Mengapa) | |
| **Ba**<br>(Bagaimana) | |
| **K**<br>(Kesan) | |
| **U**<br>(Ungkapan menarik) | |
| **P**<br>(Persoalan) | |

| Kerangka Perenggan Isi 2 Teknik IMBaKUP | |
|---|---|
| **I**<br><br>(Isi) | |
| **M**<br><br>(Mengapa) | |
| **Ba**<br><br>(Bagaimana) | |
| **K**<br><br>(Kesan) | |
| **U**<br><br>(Ungkapan menarik) | |
| **P**<br><br>(Persoalan) | |






| **Kerangka Perenggan Isi 3 Teknik IMBaKUP** | |
|---|---|
| **I**<br>(Isi) | |
| **M**<br>(Mengapa) | |
| **Ba**<br>(Bagaimana) | |
| **K**<br>(Kesan) | |
| **U**<br>(Ungkapan menarik) | |
| **P**<br>(Persoalan) | |






| **Kerangka Perenggan Isi 4 Teknik IMBaKUP** | |
|---|---|
| **I**<br>(Isi) | |
| **M**<br>(Mengapa) | |
| **Ba**<br>(Bagaimana) | |
| **K**<br>(Kesan) | |
| **U**<br>(Ungkapan menarik) | |
| **P**<br>(Persoalan) | |






| Kerangka Perenggan Penutup Teknik PCBIH | |
|---|---|
| **P**<br><br>(Penegasan) | |
| **C**<br><br>(Cadangan) | |
| **BI**<br><br>(Bahasa Indah) | |
| **H**<br><br>(Harapan) | |

**4.**

| | |
|---|---|
| Tema | Keselamatan |
| Domain | Kerjaya |

Keselamatan sesebuah negara merupakan salah satu agenda utama pemerintah. Tanpa kawalan keselamatan di dalam dan luar negara nikmat kehidupan yang aman tidak mungkin akan wujud. Sudah menjadi kewajipan bagi kerajaan yang memerintah sesebuah negara untuk memastikan aspek keselamatan dan keamanan dapat dikekalkan sepanjang masa. Hal ini akan memastikan masyarakat di negara tersebut dapat hidup dalam keadaan aman dan sentosa.

Sumber: Diubah suai daripada *Sinar Harian, November 2020*

Petikan akhbar di atas menunjukkan kepentingan penjagaan keselamatan sesebuah negara. Kini, bidang ketenteraan kurang diminati oleh generasi muda untuk dijadikan sebagai kerjaya walaupun kerjaya ini diuar-uarkan sebagai kerjaya yang sesuai untuk mereka yang ingin berbakti kepada negara.

Bincangkan faktor-faktor yang menyebabkan generasi muda kurang berminat untuk menjadikan bidang ketenteraan sebagai kerjaya mereka.

| **Kerangka Perenggan Pendahuluan Teknik MISOP** | |
|---|---|
| **M**<br>(Masa) | |
| **I**<br>(Isu semasa) | |
| **S**<br>(Sebab) | |
| **O**<br>(Oleh sebab itu) | |
| **P**<br>(Persoalan) | |

| Kerangka Perenggan Isi 1 Teknik IMBaKUP | |
|---|---|
| **I**<br>(Isi) | |
| **M**<br>(Mengapa) | |
| **Ba**<br>(Bagaimana) | |
| **K**<br>(Kesan) | |
| **U**<br>(Ungkapan menarik) | |
| **P**<br>(Persoalan) | |

| Kerangka Perenggan Isi 2 Teknik IMBaKUP | |
|---|---|
| **I**<br><br>(Isi) | |
| **M**<br><br>(Mengapa) | |
| **Ba**<br><br>(Bagaimana) | |
| **K**<br><br>(Kesan) | |
| **U**<br><br>(Ungkapan menarik) | |
| **P**<br><br>(Persoalan) | |

| Kerangka Perenggan Isi 3 Teknik IMBaKUP | |
|---|---|
| **I**<br><br>(Isi) | |
| **M**<br><br>(Mengapa) | |
| **Ba**<br><br>(Bagaimana) | |
| **K**<br><br>(Kesan) | |
| **U**<br><br>(Ungkapan menarik) | |
| **P**<br><br>(Persoalan) | |






| **Kerangka Perenggan Isi 4 Teknik IMBaKUP** | |
|---|---|
| **I**<br>(Isi) | |
| **M**<br>(Mengapa) | |
| **Ba**<br>(Bagaimana) | |
| **K**<br>(Kesan) | |
| **U**<br>(Ungkapan menarik) | |
| **P**<br>(Persoalan) | |

| Kerangka Perenggan Penutup Teknik PCBIH | |
|---|---|
| **P**<br>(Penegasan) | |
| **C**<br>(Cadangan) | |
| **BI**<br>(Bahasa Indah) | |
| **H**<br>(Harapan) | |




# MODUL LATIHAN

# KERTAS 1

# BAHAGIAN B

# BAHASA MELAYU 2021

## KARANGAN BERFORMAT

## RESPONS TERBUKA

## EDISI MURID

PANEL :

PASUKAN GURU DARI

PPD KINTA SELATAN

# PENULISAN BERFORMAT

## WAWANCARA

- Karangan wawancara mempunyai dua watak iaitu penemubual dan orang yang ditemu bual.
- Penemubual ialah orang yang bertanyakan soalan dalam wawancara ini manakala orang yang ditemu bual ialah orang yang menjawab soalan daripada penemubual.

**Format karangan wawancara**

1. Nama ditulis selari di sebelah kiri
2. Selepas nama diletakkan tanda titik bertindih ( **:** )

   Contoh:

   Sinthu: Salam sejahtera, cikgu.

   Cikgu Aliyah: Salam sejahtera, Sinthu.

   Sinthu: Apa khabar cikgu?

   Cikgu Aliyah: Khabar baik.

3. Mulakan perbualan dengan ucapan salam/salam sejahtera/kata-kata ucap selamat
4. Anda perlu menggunakan kata ganti nama diri yang sesuai untuk orang yang ditemu bual seperti panggilan "Encik, Tuan atau Puan".
5. Anda digalakkan memasukkan peribahasa dalam wawancara yang ditulis.
6. Soalan yang dikemukakan perlu ringkas, jelas dan bersesuaian dengan tema soalan.
7. Elakkan penggunaan soalan yang cuma memerlukan jawapan "Ya" atau "Tidak"
8. Akhiri perbualan dengan mengucapkan terima kasih kepada yang ditemu ramah.






## CONTOH FORMAT WAWANCARA (BUKU TEKS TINGKATAN 5 MUKA SURAT 34)

Menulis Tatabahasa

# Berkhidmat untuk Negara

IMBAS SAYA

Aktiviti

1. Analisis isi penting yang terdapat dalam bahan.
2. Susun isi penting berdasarkan kesesuaian untuk menghasilkan kerangka karangan tentang kerjaya sebagai Pegawai Tadbir Diplomatik.
3. Kenal pasti kata ganda dan akronim yang terdapat dalam bahan dan bina ayat dalam perenggan.
4. Pada pendapat anda, sejauh manakah Pegawai Tadbir Diplomatik mampu memartabatkan citra negara?

TEMA 3 Kerjaya Meniti Jaya

## Kerjaya Impian Graduan

Aliana memasang impian untuk menjadi seorang Pegawai Tadbir Diplomatik (PTD). Sewaktu berehat di rumahnya, dia terdengar rancangan Kerjaya Impianku di radio Berita Nasional (BERNA) yang sedang memperdengarkan wawancara antara juruhebah dengan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia (KPPA), Tan Sri Mohd Khairul Adib bin Abd Rahman.



Juruhebah: Assalamualaikum, Tan Sri. Apa khabar?

Tan Sri: Waalaikumussalam. Alhamdulillah.

Juruhebah: Terima kasih kerana Tan Sri sudi berkongsi maklumat tentang kerjaya yang menjadi impian setiap graduan, iaitu PTD. Bolehkah Tan Sri terangkan bagaimanakah cara untuk menjadi seorang PTD?

Tan Sri: Untuk menjadi seorang PTD, calon mestilah mempunyai minimum Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 3.0 dan lulus tapisan awal, iaitu ujian secara dalam talian, ujian kompetensi dan temu duga. Tidak ada tawar-menawar atau kompromi di sini. Setelah itu, calon harus menjalani latihan di Institut Tadbiran Awam Negara (Intan) selama 10 bulan. Hanya setelah lulus, barulah calon ditauliahkan dengan Diploma Pascasiswazah Pengurusan Awam (DPA) dan seterusnya ditawarkan pelantikan sebagai PTD.

Juruhebah: Apakah kelebihan menjadi seorang PTD dan mengapakah kerjaya ini menjadi buruan? Desas-desus mengatakan lebih daripada 140 000 orang calon memohon jawatan ini setiap tahun. Betulkah begitu, Tan Sri?

Tan Sri: Ohhh! (Sambil ketawa kecil) PTD ini merupakan salah satu jawatan penting dalam perkhidmatan awam. PTD bukan sahaja berpeluang untuk berkhidmat pada peringkat persekutuan, malahan mereka juga boleh berkhidmat pada peringkat negeri, daerah atau mana-mana agensi kerajaan. Seseorang PTD juga berpeluang untuk memegang beberapa jawatan utama dalam perkhidmatan awam. Mungkin itulah sebabnya ramai yang memohon jawatan ini kerana skim PTD menawarkan kemajuan kerjaya yang luas.

Juruhebah: Apa lagi keistimewaannya, Tan Sri?

Tan Sri: Selain daripada pelbagai peringkat perkhidmatan awam, PTD juga terlibat dengan tugas-tugas yang mencabar, meliputi perancangan dan pelaksanaan dasar-dasar awam negara dalam sektor pembangunan infrastruktur, keselamatan,

34 KPM






## SAMBUNGAN FORMAT WAWANCARA (BUKU TEKS TINGKATAN 5 MUKA SURAT 35)



ekonomi, pendidikan, dan sosial serta hubungan antarabangsa. Dengan peranan yang penting itu, mereka turut berpeluang untuk berkhidmat sebagai pegawai-pegawai di kedutaan, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia, dan badan-badan antarabangsa di luar negara.

Juruhebah: Hebatnya kerjaya ini. Tentu banyak pengalaman yang diperoleh PTD sewaktu berkhidmat di luar negara.

Tan Sri: Ya, benar. Pengalaman itu diperoleh melalui tugas yang perlu dilaksanakan. Apabila menjalankan tugas ini, mereka akan bertemu dengan ramai orang, bukan sahaja orang biasa tetapi juga pemimpin-pemimpin dari dalam dan luar negara. Selain itu, mereka juga berpeluang untuk berkhidmat di luar negara dan secara tidak langsung membolehkan mereka mempelajari budaya negara lain. PTD juga berpeluang untuk melanjutkan pengajian melalui Hadiah Latihan Persekutuan atau mana-mana biasiswa yang ditawarkan oleh organisasi tempatan atau antarabangsa.

Juruhebah: Banyaknya keistimewaan PTD ini. Patutlah jawatan ini menjadi impian ribuan graduan. Terima kasih, Tan Sri, atas maklumat yang diberikan.

Tan Sri: Sama-sama.



3.4.1 Menulis kerangka karangan dengan menyusun dan menganalisis isi penting secara terancang.
5.1.3 Mengaplikasi bentuk kata ganda dan akronim dalam pelbagai laras bahasa dengan betul mengikut konteks.

35 KPM

## FORMAT CERAMAH

**1. Bahagian  Pendahuluan**

(i) Kata alu-aluan (pengerusi majlis, tetamu kehormat  dan orang yang hadir)

(ii) Mengucapkan terima kasih kerana diberi kesempatan  untuk menyampaikan ceramah.

(iii) Nyatakan tajuk ceramah  dan memberikan definisi atau isu-isu berkaitan dengan tajuk ceramah.

(iv) Tulis   panggilan hormat  (hadirin yang dihormati) sebelum   menulis  perenggan isi Seterusnya.

**2. Bahagian Isi**

(i) Tulis  sekurang-kurangnya dua isi.

(ii) Setiap isi mesti diikuti dengan huraian dan contoh atau bukti yang sesuai.

(iii) Tulis  panggilan hormat( hadirin yang dihormati) sebelum menulis perenggan yang seterusnya.

**3. Bahagian Penutup**

(i) membuat rumusan

(ii) menyatakan harapan.

(iii) Mengucapkan terima kasih

**CONTOH FORMAT CERAMAH (BUKU TEKS TINGKATAN 2: MUKA SURAT 226)**

*Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Kejora menganjurkan Kem Kepemimpinan untuk semua ahli jawatankuasa unit kokurikulum sekolah mereka. Mereka mengundang seorang tokoh pemimpin persatuan untuk menyampaikan ceramah dalam salah satu slot yang diadakan.*




Salam sejahtera saya ucapkan kepada Yang Berusaha Datin Noorul Aini binti Ambak, Pengetua SMK Seri Kejora, barisan guru penasihat, semua pemimpin persatuan dan kelab serta murid-murid yang saya hormati. Saya amat berbesar hati kerana dijemput menyampaikan ceramah dalam program ini. Tajuk ceramah saya pada hari ini ialah "Ciri-ciri Pemimpin Unggul."

Hadirin yang saya hormati,

Seorang pemimpin yang hebat mesti mempunyai ilmu yang luas. Dengan adanya ilmu pengetahuan yang luas, pemimpin itu akan bijak mentadbir dan mampu menyelesaikan masalah dengan cara yang terbaik. Selain itu, pemimpin berilmu bijak membahagikan tugas terhadap orang bawahannya. Oleh sebab itu, sebagai pemimpin, anda perlu sentiasa belajar dan berusaha menguasai ilmu.

Seterusnya, seorang pemimpin mestilah mempunyai visi untuk menentukan hala tuju pentadbirannya. Pemimpin yang bervisi dapat menetapkan sasaran yang ingin dicapai dalam pentadbirannya dan dapat meyakinkan orang lain tentang aspirasi yang ingin dicapai bersama-sama. Oleh hal yang demikian, anda perlu menetapkan visi yang ingin dicapai oleh organisasi yang anda pimpin sekarang.

Hadirin yang saya sanjungi,

Selanjutnya, seseorang pemimpin mestilah mempunyai karisma. Karisma berkait rapat dengan personaliti mengagumkan yang mampu membuatkan orang lain terpesona. Pemimpin seperti ini mudah membina hubungan dengan orang lain dan mudah mempengaruhi orang lain. Oleh sebab itu, anda perlu sentiasa menjaga penampilan diri, disiplin diri, dan tatatertib apabila berhadapan dengan orang lain.



Akhir kata, jelaslah bahawa ilmu, visi, dan karisma amat penting dan perlu ada pada setiap pemimpin. Walaupun anda pemimpin di peringkat sekolah, anda patut berusaha membentuk diri sebagai pemimpin kerana anda bakal menerajui pentadbiran negara pada suatu hari nanti. Saya doakan agar anda dapat menjadi pemimpin yang hebat. Sekian, terima kasih.

Dapatkan maklumat tentang kehebatan kepemimpinan tokoh pemimpin dunia.

Eksplorasi Minda






## FORMAT SYARAHAN

**Karangan Jenis Syarahan.**

**FORMAT KARANGAN SYARAHAN**

1. P**erenggan pendahuluan** - Memberi ucapan salam/selamat sejahtera dan kata-kata aluan. **Jika syarahan untuk pertandingan, perlu ada frasa "para hakim". Nyatakan tajuk syarahan yang akan disampaikan dan berikan definisi tajuk.** Tulis kata penghadapan ( hadirin yang dihormati) sebelum menulis perenggan yang seterusnya.

2. **Perenggan is**i - Tulis dua hingga tiga isi. Tulis kata penghadapan ( hadirin yang dihormati) sebelum menulis perenggan yang seterusnya.

2. **Perenggan penutup** - Membuat kesimpulan menyeluruh daripada isi syarahan yang disampaikan dan menyatakan harapan berkaitan dengan tajuk. Akhiri syarahan dengan ucapan terima kasih.






## CONTOH 1: FORMAT SYARAHAN (BUKU TEKS TING. 4: MUKA SURAT 4 &5)



# Menawan Samudera

1. Baca syarahan dengan sebutan dan intonasi yang betul, nada yang sesuai serta kepantasan yang wajar.
2. Kenal pasti bentuk kata tunggal dan kata majmuk. Kemudian, gunakannya dengan betulnya mengikut konteks.
3. Terokai maklumat lanjut tentang kepentingan sukan air kepada negara dan persembahkannya dalam bentuk syarahan.

## Kepentingan Sukan Air

Yang Berusaha, Tuan Haji Kuswandi bin Tayen, Pengetua, Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Jauhari, barisan guru penolong kanan, guru kanan mata pelajaran, guru cemerlang, guru-guru, dan rakan-rakan yang dikasihi. Bersempena dengan Hari Air Sedunia yang akan disambut pada 22 Mac setiap tahun, saya akan menyampaikan syarahan yang bertajuk, "Kepentingan Sukan Air".

Hadirin yang dihormati,

Aktiviti sukan, khususnya sukan air, merupakan suatu aktiviti yang sangat menyeronokkan. Saya percaya hadirin juga gemar berkelah dan bersantai di badan air seperti di tepi pantai, jeram, dan taman tema air, bukan? Namun, selain menghirup udara segar dan berenang di tepi pantai, pernahkah hadirin mengambil bahagian dalam aktiviti sukan air, antaranya termasuklah luncur jet, luncur air, luncur angin, layar-layang, luncur udara, bersnorkel, mahupun selam skuba? Saya yakin bilangan yang pernah mencubanya boleh dikira dengan jari. Oleh itu, marilah sama-sama kita telusuri kepentingan sukan air kepada kita.

Hadirin yang dihormati,

Kebanyakan sukan air memerlukan stamina, kecergasan fizikal, dan kecerdasan mental selain kemahiran khusus tentang sukan tersebut. Kita ambil contoh aktiviti berkayak. Pengalaman menyusuri jeram yang deras mampu mempercepat pengeluaran adrenalina. Jantung juga akan berdegup kencang bagi menghantar oksigen ke seluruh bahagian tubuh.

Ucapan salam

Tajuk syarahan

Panggilan hormat

Isi karangan




Proses ini menyebabkan pembakaran lemak dalam badan berlaku. Hal ini menyebabkan peminat sukan air ini bukan sahaja kekal sihat, malahan memiliki berat badan yang ideal. Bagi mereka yang suka berenang pula, kajian yang dilakukan oleh penyelidik di Universiti South Carolina, Amerika Syarikat, mendapati bahawa jangka hayat perenang berkemungkinan lebih panjang berbanding dengan atlet lain seperti atlet olahraga.

Sukan air juga mampu memupuk nilai-nilai murni dalam diri. Oleh sebab kebanyakan sukan air ini melibatkan kemahiran menggunakan peralatan, peserta mestilah mematuhi arahan yang diberikan. Aspek keselamatan perlulah diutamakan. Bagi sukan air secara berkumpulan, berada di dasar laut dalam aktiviti selam skuba misalnya, sudah pasti akan memupuk sikap saling mempercayai, persefahaman, dan perpaduan yang erat. Banyak lagi nilai murni lain yang dapat diterapkan antaranya termasuklah keberanian, yakin diri, dan menghargai masa. Pendedahan yang berterusan kepada sukan air ini berupaya untuk meningkatkan kualiti hidup.

Hadirin yang dihormati,

Ada banyak lagi kepentingan sukan air. Namun, disebabkan masa mencemburui kita, hanya setakat ini sahaja syarahan daripada saya. Saya berharap agar syarahan ini akan dapat membuka mata pelbagai pihak tentang tanggungjawab kita dalam memajukan sukan air demi faedah kita bersama. Akhir kata, "Majulah Sukan untuk Negara".

Sekian, terima kasih.

2.1.1 Membaca teks **syarahan** dan pidato dengan sebutan dan intonasi yang betul, nada yang sesuai serta kepantasan yang wajar.
5.1.1 Mengenal pasti dan menggunakan bentuk kata tunggal dan kata majmuk dengan betul mengikut konteks.

5 KPM

**CONTOH 2: FORMAT SYARAHAN (BUKU TEKS TING. 1: MUKA SURAT 136)**

## Manfaat Berekreasi

**AKTIVITI**

Tulis kerangka penulisan berdasarkan teks.

Salam sejahtera saya ucapkan kepada pengacara majlis, panel hakim, guru-guru, dan rakan-rakan yang saya hormati sekalian. Hadirnya saya di pentas yang indah ini bertujuan untuk menyampaikan syarahan yang bertajuk, "Rekreasi Dapat Memberikan Manfaat kepada Masyarakat".

Hadirin sekalian,

Rekreasi atau riadah ialah kegiatan yang menyeronokkan, yang boleh menyegarkan badan dan melapangkan fikiran melalui istirahat dan aktiviti yang menghiburkan hati. Oleh itu, masyarakat hari ini tidak boleh menjadikan kesibukan bekerja sebagai alasan untuk tidak berekreasi. Kita akan memperoleh pelbagai manfaat apabila melakukan aktiviti rekreasi.

Aktiviti seperti berjoging, berbasikal, dan mendaki gunung boleh menyihatkan tubuh badan. Hal ini dikatakan demikian kerana, apabila kita beriadah, kadar lemak yang terkumpul di dalam badan dapat dikurangkan. Badan kita akan berpeluh. Apabila badan kita sihat, penyakit berbahaya seperti penyakit jantung, kencing manis, dan darah tinggi dapat dihindari, bak kata pepatah Melayu, mencegah lebih baik daripada mengubati.

Hadirin sekalian,

Selain itu, aktiviti riadah yang dilakukan pada setiap hujung minggu juga mampu menjadi pemangkin untuk mengurangkan tekanan perasaan atau stres dalam diri seseorang. Keletihan dan bebanan kerja yang berterusan menyebabkan seseorang menghadapi kemurungan, lesu, dan tidak bersemangat. Hal ini secara tidak langsung menyebabkan prestasi kerja merosot dan mengundang pelbagai impak negatif seperti mendapat teguran daripada pihak atasan, dilucutkan jawatan, dan sebagainya. Oleh itu, kita perlu menenangkan fikiran dengan melakukan aktiviti riadah.

Kebanyakan ibu bapa pada zaman sekarang sibuk bekerja menyebabkan masa untuk bersama-sama dengan anak-anak begitu terhad. Oleh itu, aktiviti riadah yang dilakukan bersama-sama dengan keluarga dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan. Semasa beriadah, ibu bapa boleh menasihati anak-anak tentang nilai murni dalam kehidupan sehari-hari.

Hadirin sekalian,

Akhir kata, kita perlu mempunyai kesedaran tentang kepentingan berekreasi. Amalkan aktiviti berekreasi dalam kehidupan sehari-hari. Negara yang maju lahir daripada masyarakat yang sihat dan cergas.

Sekian, terima kasih.

**TEROKA MINDA**

Pada pendapat anda, bagaimanakah kita boleh menangani masalah stres melalui

## FORMAT UCAPAN

**Format Karangan Ucapan**

**i) Pengenalan**

- ucapan salam dan kata alu-aluan.

(Kata alu-aluan ini perlu disusun mengikut protokol atau tahap kedudukan para jemputan yang hadir dalam sesebuah majlis)

**Letakkan kata penghadapan seperti hadirin yang dihormati sebelum memulakan perenggan baharu.**

**ii) Isi**

- ucapan terima kasih kepada pihak penganjur majlis dan menyatakan tujuan ucapan.

- memberi penerangan, penjelasan, pengetahuan, nasihat, atau peringatan kepada hadirin yang hadir.

**iii) Penutup**

- Menyatakan penghargaan dan harapan.
- kata-kata pujian
- ucapan terima kasih.

## CONTOH 1: FORMAT UCAPAN (BUKU TEKS TINGKATAN 2 : MUKA SURAT 39)



Yang Diraikan, Puan Zainah binti Mohd Azahari, Ketua Bahagian Buku Sekolah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Yang Berbahagia, Datuk Haji Abdul Adzis bin Abas, Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Yang Dihormati, Tuan Haji Abd Khalik bin Sulaiman, Pengarah Jabatan Penerbitan, ketua-ketua jabatan, ketua-ketua bahagian dan kakitangan sekalian. Salam sejahtera dan selamat pagi saya ucapkan. Bersyukur kita kepada Tuhan kerana kita dapat berkumpul untuk meraikan Puan Zainah binti Mohd Azahari yang akan bersara beberapa hari sahaja lagi.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Puan Zainah merupakan orang penting Bahagian Buku Sekolah yang banyak berjasa. Untuk makluman semua, beliau ialah tulang belakang bahagian ini dan telah berkhidmat selama 36 tahun. Segala tugas yang berkaitan dengan bahagian ini ada dalam tangan beliau, khususnya tentang penerbitan buku teks. Kepakaran beliau tentang penerbitan buku teks menjadikan beliau sering dirujuk oleh hampir tiga perempat daripada kakitangan bahagian ini. Begitu besar jasa beliau kepada bahagian ini dan juga kepada Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ciri peribadi Puan Zainah unik dan istimewa. Beliau mampu melakukan beberapa pekerjaan dalam satu-satu masa. Selain itu, beliau juga mengutamakan permuafakatan terutamanya melalui mesyuarat sebelum melaksanakan penerbitan buku teks. Seperti kebanyakan kakitangan lain di bahagian ini, beliau juga tidak berkira dengan masa. Ada kalanya, hampir setiap hari beliau akan pulang lewat demi memastikan kerja-kerja penerbitan berjalan mengikut jadual yang ditetapkan. Sesungguhnya, bahagian ini cukup bertuah kerana memiliki kakitangan yang hebat dan berdedikasi seperti Puan Zainah.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Sebelum mengundurkan diri, saya mewakili seluruh kakitangan bahagian ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada Puan Zainah atas komitmen yang diberikan kepada Bahagian Buku Sekolah. Jika ada salah dan silap kami sepanjang tempoh perkhidmatan puan, maaf jua dipinta. Kami mendoakan semoga puan sihat sejahtera serta berbahagia di samping keluarga yang tersayang.

Sekian, terima kasih.

## CONTOH 2: FORMAT UCAPAN MAJLIS PERASMIAN (BUKU TEKS TING. 2: MUKA SURAT

Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Kejora telah menganjurkan Hari Keusahawanan yang dirasmikan oleh saudara Faizul Azwan bin Ridzuan, usahawan muda dalam bidang hartanah.



Salam sejahtera saya ucapkan kepada Yang Berusaha Puan Hajah Misliah binti Kasim, Pengetua SMK Seri Kejora, barisan pentadbir sekolah, guru-guru, dan semua murid yang saya hormati. Saya amat berbesar hati kerana dijemput untuk merasmikan program ini. Saya berharap, dalam masa yang singkat ini dapatlah saya berkongsi maklumat dengan murid-murid tentang ciri-ciri usahawan yang berjaya dalam perniagaan.

Hadirin yang saya hormati,

Seseorang usahawan yang berjaya mesti mempunyai kebijaksanaan. Usahawan mestilah bijak menguruskan perusahaan, bijak membuat sebarang keputusan, mengatur strategi, berhadapan dengan pelanggan dan lain-lain lagi. Sebagai contohnya, usahawan perlu menyelesaikan masalah secara kreatif dan tidak merugikan sesiapa apabila berhadapan dengan masalah.

Seterusnya, seseorang usahawan perlu memiliki sifat kepemimpinan. Sebagai pemimpin, usahawan mestilah mempunyai kemahiran untuk mempengaruhi pekerja-pekerja bagi melaksanakan tugas sebaik yang mungkin. Keupayaan usahawan ini penting untuk mengajak pekerja agar bersama-sama mencapai matlamat perniagaan.

Hadirin yang saya sanjungi,

Selanjutnya, seseorang usahawan mestilah mempunyai keberanian dan kecekalan. Perniagaan atau perusahaan memang tidak dapat dipisahkan dengan risiko dan cabaran kerana langit tidak sentiasa cerah. Seseorang usahawan perlu berani mengambil risiko dan berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam perniagaan, contohnya cabaran kenaikan harga bahan mentah atau permintaan produk merosot. Falsafah dalam peribahasa Melayu, kalau takut dilambung ombak, jangan berumah di tepi pantai perlu ada dalam diri usahawan.

Akhir kata, jelaslah bahawa terdapat banyak ciri usahawan yang berjaya. Sebagai usahawan, saya berharap pihak sekolah mampu melahirkan lebih ramai usahawan muda. Hal ini saya katakan demikian kerana bidang keusahawanan menjanjikan pulangan dan masa depan yang gemilang. Sebelum saya mengundurkan diri, saya dengan ini, merasmikan program Hari Keusahawanan Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Kejora.

Sekian, terima kasih.

Eksplorasi Minda

Dengan merujuk pelbagai sumber, dapatkan maklumat berkenaan kejayaan usahawan muda lain. Kongsikan maklumat tersebut dengan

# FORMAT RENCANA

1. **Menulis tajuk rencana**
2. **Menulis nama pengarang**
3. **Pendahuluan**
4. **Isi**
5. **Penutup/ kesimpulan**

## CONTOH FORMAT RENCANA (BUKU TEKS TINGKATAN 1: MUKA SURAT 200)



Membaca

TEMA 17

AKTIVITI

Baca dan kenal pasti idea utama dan idea sampingan dalam teks.

**Semarakkan Integritimu**

**Remaja Berkualiti Negara Gemilang**

*Oleh: Dayang Azmiran binti Awang Saiman*

Negara gemilang lahir daripada remaja berkualiti. Remaja yang ada pada hari ini akan menggantikan tempat para pemimpin, cendekiawan, ilmuwan, pakar ekonomi, dan lain-lain pada suatu hari nanti. Oleh itu, terdapat beberapa kualiti diri yang perlu ada pada golongan remaja.

Kesempurnaan peribadi ialah asas pembentukan remaja berkualiti. Peribadi yang sempurna dapat mengelakkan remaja daripada terjerumus ke lembah yang hina. Hal ini dinyatakan demikian kerana remaja yang berperibadi mulia senantiasa berpegang teguh pada ajaran agama dan mengamalkan nilai moral yang tinggi.

Selain itu, seseorang remaja perlu mempunyai keutuhan jati diri. Keutuhan jati diri mampu menyemarakkan rasa cinta seseorang remaja terhadap negara. Keadaan ini meningkatkan kesanggupan beliau untuk mempertahankan bahasa, adat, dan warisan bangsa dengan penuh kebanggaan.

Seterusnya, remaja berkualiti berpegang pada amanah. Amanah yang ada pada diri seseorang remaja dapat meningkatkan kepercayaan orang lain terhadapnya. Dengan adanya kepercayaan daripada pelbagai pihak, seseorang remaja itu mampu mengurus atau mentadbir organisasi dengan cemerlang. Selanjutnya, seseorang remaja yang berkualiti mesti mengamalkan keikhlasan hati dan kejujuran. Kedua-dua nilai ini mendorong remaja agar berusaha untuk meningkatkan ilmu dan kemahiran dengan penuh amanah. Remaja seperti ini tidak akan sekali-kali menggunakan cara yang negatif untuk berjaya. Dengan cara ini, akan lahirlah insan berkualiti yang akan menggemilangkan negara.

Kesimpulannya, remaja ialah aset utama bagi sesebuah negara. Remaja yang berkualiti dan berintegriti menjadi pemangkin kegemilangan sesebuah negara. Oleh hal yang demikian, agenda pembentukan sahsiah, jati diri, dan pengisian rohani serta ilmu pengetahuan dalam kalangan remaja perlu dijadikan keutamaan oleh semua pihak.

Sebagai remaja, jelaskan langkah-langkah yang perlu anda lakukan untuk membina keutuhan jati diri.

200 2.3.1

Tajuk

Nama penulis

**CONTOH SOALAN RENCANA:**

| |
|---|
| Negara Malaysia merupakan sebuah negara yang aman dan damai walaupun penduduknya berbilang kaum kerana wujudnya toleransi antara kaum utama di negara kita iaitu Melayu, Cina dan India. Keamanan dan keharmonian negara membolehkan kita duduk bersama-sama tanpa ada rasa perbezaan antara satu sama lain. Persefahaman yang berjaya dicapai ini perlu dikekalkan supaya tiada perasaan curiga antara kaum kerana keadaan ini akan menjejaskan semangat perpaduan yang telah terjalin sejak sekian lama. |
| Dipetik dan diubah suai daripada:<br>http.//pmr.penerangan.gov.my |

Petikan di atas menjelaskan keadaan negara Malaysia yang aman dan damai walau pun penduduknya berbilang kaum. Keadaan ini hanya akan dapat dikekalkan jika rakyat Malaysia terus bersatu. Sehubungan dengan itu, hasilkan satu rencana bagi mengukuhkan perpaduan rakyat Malaysia. Tajuk rencana tersebut ialah "Usaha-usaha Mengukuhkan Perpaduan di Malaysia".

Tulis rencana tersebut selengkapnya.

**Tugasan ini hendaklah mengandungi aspek-aspek berikut:**

**1. Tajuk rencana (Tulis di bahagian atas dan di tengah-tengah)**

**2. Nama penulis (Tulis di bawah tajuk)**

**3. Isi kandungan:**

a) **Pengenalan –** menjelaskan isu tentag perpaduan kaum secara umum
b) **Perenggan isi –** menghuraikan kepentingan perpaduan kaum
c) **Perenggan isi –** menghuraikan faktor yang menyumbang kepada pengukuhan perpaduan kaum
d) **Perenggan isi –** mencadangkan langkah untuk mengekalkan perpaduan kaum di Malaysia
e) **Perenggan penutup –** membuat rumusan






## FORMAT SKRIP DRAMA

**Ciri-Ciri dalam penulisan:**

**1. Dalam bentuk prosa moden**

**2. Terdiri daripada dialog yang disusun dengan watak yang diwujudkan**

**3. Konflik penting dalam drama yang digerakkan oleh watak-watak dalam plot**

**CONTOH 1: FORMAT SKRIP DRAMA (BUKU TEKS TINGKATAN 4: MUKA SURAT 10)**



Membaca Seni Bahasa

Tangan yang Menggoncang Dunia

Aktiviti

1. Baca skrip drama dengan intonasi yang betul dan nada yang sesuai.
2. Kemukakan pandangan peribadi anda yang bersesuaian dengan persoalan yang terdapat dalam drama tersebut.
3. Sambung skrip drama ini dan persembahkannya mengikut kreativiti anda.

TEMA 1 Merealisasikan Impian

**Bukan Halangan**

Watak: Encik Aris (papa), Puan Ros (mama), dan Dahlia (anak)
Babak 1:

Di ruang tamu, Encik Aris, Puan Ros, dan Dahlia sedang serius berbincang.

Dahlia: Tolonglah papa, mama. Lia kata tak mahu, tak mahulah! Papa dan mama janganlah paksa-paksa Lia.

Puan Ros: Papa dan mama tak paksa pun. Kami cuma tak mahu Lia buat kerja separuh jalan. Lagipun, Lia sudah besar panjang. Takkanlah cekur jerangau ada lagi di ubun-ubun.

Encik Aris: Dulu, Lia yang beria-ia hendak mewakili sekolah dalam permainan tenis. Sekarang sudah terpilih hingga peringkat kebangsaan, kenapa menolak?

Dahlia: Peperiksaan sudah dekatlah, papa. Lia tak mahu tertinggal pelajaran. Kalau gagal nanti, siapa yang akan dipersalahkan? Lia juga.

Puan Ros: Bukankah Cikgu Arman kata, kelas tambahan akan diadakan khas untuk Lia?

Dahlia: Mana cukup mama.

Encik Aris: Eh, prestasi Lia dalam peperiksaan baik-baik sahaja papa tengok! Kalau tak cukup, papa boleh carikan guru tuisyen.

Dahlia: Janganlah susah-susah sebab Lia, papa!

Puan Ros: Hairan betul mama. Lia berubah 360 darjah. Semasa pujuk mama dulu, Lia juga yang kata, banyak atlet wanita kita yang berjaya dalam sukan mahupun pelajaran. Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan. Macam-macam peribahasa yang keluar. Sekarang apa sudah jadi?

Dahlia: (*Nada merungut*) Semasa mama tak izinkan dulu, mama juga yang kata, orang perempuan bersukan sana sini, akhirnya ke ceruk dapur juga.

Puan Ros: (*Nada merajuk*) Suka hati Lialah. Mama malas campur. Lia fikirlah sendiri.

(*Puan Ros mengeluh lalu bangun meninggalkan ruang tamu. Lia menyesal kerana membuat mamanya merajuk lalu menangis sambil menekup mukanya.*)

Encik Aris: (*Bangun dan duduk di sebelah Lia*) Cuba Lia beritahu papa, apa sebenarnya yang berlaku? Papa tahu, bermain tenis ialah kebahagiaan buat Lia. Mesti ada sesuatu. Beritahulah papa.

10 KPM

# STRATEGI MENULIS KARANGAN BAHAGIAN B

- Calon perlu menganalisis dan memahami tugasan yang diberikan dalam ayat soalan.
- Karangan Bahagian B mesti ditulis antara 5 hingga 6 perenggan.
- Pemerengganan terdiri daripada 1 perenggan pendahuluan, 3 atau 4 perenggan isi, satu perenggan penutup)
- Perenggan pendahuluan mestilah ditulis dalam lingkungan 70 patah perkataan.
- Setiap perenggan isi mestilah ditulis minimum 90 patah perkataan bagi setiap isi atau idea.
- Perenggan penutup pula ditulis seimbang dengan perenggan pendahuluan, iaitu minimum 70 patah perkataan.
- Calon digalakkan menggunakan strategi 18 Bintang untuk menghasilkan huraian isi atau idea yang jelas dan matang.
- Tulis karangan Bahagian B dalam tempoh masa 1 jam 30 minit sahaja.
- Penulisan karangan mestilah ditulis antara 350 hingga 500 patah perkataan dengan syarat tidak melebihi masa 1 jam 30 minit. **Calon perlu mematuhi had jumlah perkataan yang ditetapkan; iaitu tidak kurang daripada 350 perkataan dan tidak melebihi 500 patah perkataan.**
- **Dalam penulisan karangan BM1 SPM, perkara-perkara berikut dikira sebagai satu perkataan**

  1. **Nama khas**
  2. **Peribahasa**
  3. **Pantun**
  4. **Maksud hadis/Al-Quran**
  5. **Alamat (surat kiriman)**

  **(Perkara-perkara lain yang telah ditetapkan sebelum ini sebagai satu perkataan ikut seperti biasa)**

## CONTOH DARIPADA BUKU TEKS

### 1. FORMAT CERAMAH

| | |
|---|---|
| Kemahiran | Membaca |
| Buku Teks | Tingkatan 2 |
| Muka surat | 226 |
| Tugasan | Membaca secara ekstensif pelbagai bahan fiksyen dan bukan fiksyen untuk meneroka bahan baharu. |

TEMA 18

Pentadbiran dan Politik

Membaca

# Ilmu, Visi dan Karisma

Aktiviti

1. Baca petikan dan jelaskan ciri-ciri yang perlu ada pada pemimpin.
2. Berdasarkan pelbagai sumber, jelaskan gaya kepemimpinan yang boleh diamalkan oleh seseorang pemimpin.

*Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Kejora menganjurkan Kem Kepemimpinan untuk semua ahli jawatankuasa unit kokurikulum sekolah mereka. Mereka mengundang seorang tokoh pemimpin persatuan untuk menyampaikan ceramah dalam salah satu slot yang diadakan.*




Salam sejahtera saya ucapkan kepada Yang Berusaha Datin Noorul Aini binti Ambak, Pengetua SMK Seri Kejora, barisan guru penasihat, semua pemimpin persatuan dan kelab serta murid-murid yang saya hormati. Saya amat berbesar hati kerana dijemput menyampaikan ceramah dalam program ini. Tajuk ceramah saya pada hari ini ialah "Ciri-ciri Pemimpin Unggul."

Hadirin yang saya hormati,

Seorang pemimpin yang hebat mesti mempunyai ilmu yang luas. Dengan adanya ilmu pengetahuan yang luas, pemimpin itu akan bijak mentadbir dan mampu menyelesaikan masalah dengan cara yang terbaik. Selain itu, pemimpin berilmu bijak membahagikan tugas terhadap orang bawahannya. Oleh sebab itu, sebagai pemimpin, anda perlu sentiasa belajar dan berusaha menguasai ilmu.

Seterusnya, seorang pemimpin mestilah mempunyai visi untuk menentukan hala tuju pentadbirannya. Pemimpin yang bervisi dapat menetapkan sasaran yang ingin dicapai dalam pentadbirannya dan dapat meyakinkan orang lain tentang aspirasi yang ingin dicapai bersama-sama. Oleh hal yang demikian, anda perlu menetapkan visi yang ingin dicapai oleh organisasi yang anda pimpin sekarang.

Hadirin yang saya sanjungi,

Selanjutnya, seseorang pemimpin mestilah mempunyai karisma. Karisma berkait rapat dengan personaliti mengagumkan yang mampu membuatkan orang lain terpesona. Pemimpin seperti ini mudah membina hubungan dengan orang lain dan mudah mempengaruhi orang lain. Oleh sebab itu, anda perlu sentiasa menjaga penampilan diri, disiplin diri, dan tatatertib apabila berhadapan dengan orang lain.



Akhir kata, jelaslah bahawa ilmu, visi, dan karisma amat penting dan perlu ada pada setiap pemimpin. Walaupun anda pemimpin di peringkat sekolah, anda patut berusaha membentuk diri sebagai pemimpin kerana anda bakal menerajui pentadbiran negara pada suatu hari nanti. Saya doakan agar anda dapat menjadi pemimpin yang hebat. Sekian, terima kasih.

Eksplorasi Minda

Dapatkan maklumat tentang kehebatan kepemimpinan tokoh pemimpin dunia.

226 2.4.1 Membaca secara ekstensif pelbagai bahan fiksyen dan **bukan fiksyen** untuk meneroka maklumat baharu.






## 2. FORMAT RENCANA

| | |
|---|---|
| Kemahiran | Membaca |
| Buku Teks | Tingkatan 3 |
| Muka surat | 136 |
| Tugasan | Membaca bahan dengan menggunakan teknik CHATT untuk mengenal pasti maklumat. |



Menulis

# Terbuang Menjadi Terbilang

Aktiviti

1. Baca kedua-dua bahan dengan menggunakan teknik CHATT untuk mengenal pasti maklumat.
2. Susun maklumat daripada bahan tersebut. Kemudian, tulis ringkasan dengan menggunakan ayat yang gramatis dan penanda wacana yang sesuai.

TEMA 11 Alam Anugerah Terindah

Syafiq, murid Tingkatan Tiga Pintar, telah ditugaskan membuat kajian mengenai bahan kitar semula. Dia berminat untuk mengetahui barangan yang dapat dikitar semula daripada filem X-ray. Dia membaca rencana dan meneliti surat balasan yang diterimanya daripada sahabat penanya.

Lestari Alam
Oleh: Azahar bin Bahari

## Manfaat Filem X-ray

Prosedur X-ray menghasilkan imej bahagian-bahagian dalaman tubuh yang bertujuan untuk memeriksa bahagian-bahagian tubuh yang tertentu. Selepas tujuan tersebut dipenuhi, filem-filem X-ray ini tidak lagi dapat digunakan untuk tujuan lain dan perlu dilupuskan dengan kaedah yang selamat.

Sehubungan dengan itu, filem X-ray seharusnya dilupuskan dengan kaedah yang betul. Hal ini dikatakan demikian kerana, setiap filem X-ray mengandungi plastik, perak, logam berat, dan bahan yang berbahaya. Jika filem tersebut dibuang tanpa mematuhi prosedur yang betul, tindakan ini akan memudaratkan kesejahteraan manusia. Tambahan pula, filem X-ray amat sukar untuk terurai dengan sendirinya.

Sebenarnya, filem X-ray dapat dikitar semula menjadi bahan yang bermanfaat. Filem X-ray dapat dijadikan kompang bagi menggantikan kompang tradisional. Selain itu, kajian Dr. Essam A. Makky dari Universiti Malaysia Pahang mendapati bahawa medium perak yang terdapat pada filem X-ray dapat dijadikan zarah nano. Kemudian, bahan ini diaplikasikan dalam produk antibakteria.

Kajian beliau ini telah memenangi Pingat Emas dalam Pameran Bio-Malaysia pada tahun 2013 melalui penyelidikan yang bertajuk, *Biotechnology of Hazardous Waste Management for Nano Particle Production.*

(Sumber: *www.ump.edu.my*)

22 | Jurnal Buana

136 KPM






## SET SOALAN KARANGAN BAHAGIAN B

### 1. DOMAIN AWAM

**Taman Negara Mulu**

Menghiasi taman negara ini ialah Gunung Mulu yang merupakan gunung batu pasir setinggi kira-kira 2377 meter dan mempunyai sejarah yang berusia lebih daripada 1.5 juta tahun lamanya. Gunung Mulu juga telah diisytiharkan sebagai salah satu tapak warisan dunia pada tahun 2000 oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang juga dikenali sebagai United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO).

Sumber: Buku Teks Tingkatan 4, halaman 76

Petikan di atas menggambarkan keistimewaan Taman Negara Mulu yang sewajarnya dipelihara agar dapat diwarisi oleh generasi muda kelak. Pelbagai usaha perlu dilakukan untuk memelihara kelestarian alam semula jadi ini.

Sehubungan dengan itu, anda dikehendaki menyampaikan sebuah ceramah kepada warga sekolah bagi menggalakkan masyarakat memelihara alam semula jadi da tidak terus melakukan sebarang pencemaran. Tajuk ceramah tersebut ialah '*Usaha-usaha Memelihara Alam Semula Jadi*'.

Tulis *ceramah* tersebut selengkapnya.

## TEMPLAT KARANGAN CERAMAH

| **Pendahuluan** |
|---|
| Yang Dihormati Tuan Pengerusi Majlis, Yang Berusaha Tuan Pengetua, guru-guru dan murid yang dihormati sekalian. Assalamualaikum, salam sejahtera dan salam perpaduan. Berdirinya saya di sini adalah untuk menyampaikan sebuah ceramah yang bertajuk 'Usaha-Usaha Memelihara Alam Semula Jadi'. Sebagai permulaan bicara,<br>......................................................................................................................<br>......................................................................................................................<br>......................................................................................................................<br>......................................................................................................................<br>......................................................................................................................<br>......................................................................................................................<br>......................................................................................................................<br>......................................................................................................................<br>......................................................................................................................<br>......................................................................................................................<br>......................................................................................................................<br>...................................................................................................................... |

Hadirin yang dihormati sekalian,

| | |
|---|---|
| **Ayat topik** | |
| **Ayat huraian** | |
| **Ayat contoh** | |
| **Ayat kesan** | |
| **Ayat penegasan** | |
| **Ungkapan menarik** | |

| | |
|---|---|
| **Ayat topik** | |
| **Ayat huraian** | |
| **Ayat contoh** | |
| **Ayat kesan** | |
| **Ayat penegasan** | |
| **Ungkapan menarik** | |

Hadirin yang dihormati sekalian,

| | |
|---|---|
| **Ayat topik** | |
| **Ayat huraian** | |
| **Ayat contoh** | |
| **Ayat kesan** | |
| **Ayat penegasan** | |
| **Ungkapan menarik** | |

| | |
|---|---|
| **Ayat topik** | |
| **Ayat huraian** | |
| **Ayat contoh** | |
| **Ayat kesan** | |
| **Ayat penegasan** | |
| **Ungkapan menarik** | |

| **Penutup** |
|---|
| ..................................................................................................................................... |
| ..................................................................................................................................... |
| ..................................................................................................................................... |
| .......Sekian, terima kasih. |

**1. DOMAIN KERJAYA**

> Secara umumnya, seseorang pekerja "kolar baharu" ialah individu yang memajukan diri dengan kemahiran teknikal dan insaniah. Golongan ini bekerja dalam bidang yang berkaitan dengan teknologi dan kemahiran. Salah satu golongan "kolar baharu" ialah pelajar lepasan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). TVET membuka peluang kepada generasi muda Malaysia yang kurang cenderung ke arah bidang akademik untuk melanjutkan pengajian pada peringkat lebih tinggi dalam bidang kemahiran dan kepakaran pilihan sendiri.
>
> (Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada *https://www.bharian.com.my*)

Petikan di atas menyatakan kriteria pemilihan kerjaya bagi generasi muda. Sehubungan dengan itu, anda dikehendaki menulis rencana yang bertajuk "*Faktor-faktor Pemilihan Kerjaya dalam Kalangan Generasi Muda*".

Tulis rencana tersebut selengkapnya.

## TEMPLAT KARANGAN RENCANA

| Format |
|---|
| **Faktor-faktor Pemilihan Kerjaya dalam Kalangan Generasi Muda**<br>**Oleh: ..................................................** |
| **Pendahuluan** |
| ......................................................................................................................................................<br>......................................................................................................................................................<br>......................................................................................................................................................<br>......................................................................................................................................................<br>......................................................................................................................................................<br>......................................................................................................................................................<br>......................................................................................................................................................<br>......................................................................................................................................................<br>......................................................................................................................................................<br>...................................................................................................... |

| | |
|---|---|
| **Ayat topik** | |
| **Ayat huraian** | |
| **Ayat contoh** | |
| **Ayat kesan** | |
| **Ayat penegasan** | |
| **Ungkapan menarik** | |

| | |
|---|---|
| **Ayat topik** | |
| **Ayat huraian** | |
| **Ayat contoh** | |
| **Ayat kesan** | |
| **Ayat penegasan** | |
| **Ungkapan menarik** | |

| | |
|---|---|
| **Ayat topik** | |
| **Ayat huraian** | |
| **Ayat contoh** | |
| **Ayat kesan** | |
| **Ayat penegasan** | |
| **Ungkapan menarik** | |

| **Penutup** |
| --- |
| ..................................................................................................................................... |
| ..................................................................................................................................... |
| ..................................................................................................................................... |
| .......Sekian, terima kasih. |

1. DOMAIN PENDIDIKAN

> GEORGETOWN – "Mohon beri masa dan ruang kepada anak saya serta mendoakan mereka sekeluarga diberikan kekuatan untuk menjalani kehidupan selepas dugaan berat menimpa mereka," kata Ahmad, 56, bapa kepada pemain bola sepak, Syafiq Ahamd Ahmad, 25. Dalam kejadian kemalangan itu, Syafiq yang memandu kereta dari Johor Bahru dalam perjalanan membawa isterinya yang sedang berpantang ke kampung mentuanya di Pendang, Kedah.
>
> Dipetik dan diubah suai daripada *Harian Metro*, 8 Disember 2020,
> "Maaf, Beri Syafiq Masa, Ruang"
> oleh Nur Izzati Mohamad.

Berita di atas menyedarkan kita bahawa kemalangan jalan raya boleh menyebabkan sesebuah keluarga kehilangan kasih sayang dan tempat bergantung. Hal ini amat menyentuh perasaan anda sehingga menyebabkan anda memilih tajuk "Kemalangan Jalan Raya: Punca dan Cara Mengatasinya" dalam satu pertandingan syarahan yang dianjurkan oleh sekolah anda sempena Kempen Keselamatan Jalan Raya.

Sediakan teks syarahan anda itu selengkapnya.






**TEMPLAT KARANGAN SYARAHAN**

| **Pendahuluan** |
|---|
| Assalamualaikum dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Pengerusi Majlis. Yang Berusaha Tuan Pengetua, guru-guru penolong kanan, guru-guru, para hakim yang adil lagi bijaksana dan rakan sekalian. Pada pagi yang mulia ini, izinkan saya menyampaikan syarahan yang bertajuk, "Kemalangan Jalan Raya: Punca dan Cara Mengatasinya". .................................................................................................................................... .................................................................................................................................... .................................................................................................................................... .................................................................................................................................... .................................................................................................................................... .................................................. |

Rakan-rakan yang dimuliakan,

| | |
|---|---|
| **Ayat topik** | |
| **Ayat huraian** | |
| **Ayat contoh** | |
| **Ayat kesan** | |
| **Ayat penegasan** | |
| **Ungkapan menarik** | |

| | |
|---|---|
| **Ayat topik** | |
| **Ayat huraian** | |
| **Ayat contoh** | |
| **Ayat kesan** | |
| **Ayat penegasan** | |
| **Ungkapan menarik** | |

Rakan-rakan yang dikasihi,

| | |
|---|---|
| **Ayat topik** | |
| **Ayat huraian** | |
| **Ayat contoh** | |
| **Ayat kesan** | |
| **Ayat penegasan** | |
| **Ungkapan menarik** | |

| | |
|---|---|
| **Ayat topik** | |
| **Ayat huraian** | |
| **Ayat contoh** | |
| **Ayat kesan** | |
| **Ayat penegasan** | |
| **Ungkapan menarik** | |

| **Penutup** |
|---|
| ........................................................................................................................................<br>........................................................................................................................................<br>........................................................................................................................................<br>........................................................................................................................................<br>........................................................................................................................................<br>.................................................Sekian, terima kasih. |

## 1. DOMAIN PERIBADI

Semua pihak tidak perlu memberikan fokus kepada jumlah gred A semata-mata. Pencapaian cemerlang dalam bidang akademik dengan pencapaian kemahiran insaniah perlulah diseimbangkan. Hanya dengan memiliki keseimbangan antara dua komponen ini, pelajar kita akan mampu bersaing dalam pasaran kerja dengan jayanya. Untuk membantu setiap pelajar memiliki segala kemahiran insaniah yang diperlukan termasuklah kemahiran berkomunikasi dalam bahasa asing seperti bahasa Inggeris, mereka perlulah melibatkan diri secara aktif dalam pelbagai aktiviti.

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada
Mohammad Sharar bin Sabran "Jangan Kejar Gred A Semata-mata",
*Sinar Harian*, 9 Februari 2020)

Petikan akhbar di atas menjelaskan bahawa akademik semata-mata tidak menjamin seseorang itu untuk diterima bekerja oleh pihak majikan. Rata-rata pihak majikan tidak memandang kecemerlangan akademik sahaja tetapi melihat kualiti seseorang dalam kemahiran insaniah. Sehubungan dengan itu, sebagai wartawan sebuah majalah berkaitan dengan remaja, anda perlu mewawancara seorang daripada majikan yang terlibat dalam sesi temu duga pemilihan pekerja.

Tulis wawancara tersebut selengkapnya






**TEMPLAT KARANGAN WAWANCARA**

| | |
|---|---|
| Saya berpeluang mewawancara Datuk Muhammad Ismail bin Ahmad yang merupakan Pengarah Eksekutif Megah Holding Sdn. Bhd. Dalam wawancara tersebut, saya bertanyakan kecenderungan pihak majikan dalam pemilihan pekerja semasa sesi temu duga. | |
| **WARTAWAN:** | Assalamualaikum, Datuk Muhammad Ismail. Terima kasih saya ucapkan ………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………<br>…………………………………………………………………………… |
| **DATUK ISMAIL:** | *[Pendahuluan]* Waalaikumussalam. ……………………………<br>……………………………………………………………………………..<br>……………………………………………………………………………..<br>……………………………………………………………………………..<br>……………………………………………………………………………..<br>……………………………………………………………………………..<br>……………………………………………………………………………..<br>Aristotle ada berkata bahawa "Rahsia kejayaan ialah mengetahui sesuatu yang orang lain tidak tahu". |
| **ISI 1: …………………………………………………………………………………………** | |
| **WARTAWAN:** | Apakah persediaan ………………………………………………<br>……………………………………………………………………………<br>…………………………………………………………………………… |
| **DATUK ISMAIL:** | *[Idea 1]* ………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………..<br>……………………………………………………………………………..<br>Hal ini dikatakan demikian kerana, …………………………...<br>……………………………………………………………………………..<br>……………………………………………………………………………..<br>……………………………………………………………………………..<br>Sebagai contoh, ……………………………………………………<br>……………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………..<br>……………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………..<br>Kesannya …………………………………………………………….<br>……………………………………………………………………………<br>…………………………………………………………………………… |

| | |
|---|---|
| **ISI 2: …………………………………………………………………………………………..** | |
| **WARTAWAN:** | Bagaimana ………………………………………….<br>……………………………………………………………………<br>…………………………………………………………………… |
| **DATUK ISMAIL:** | *[Idea 2]* ………………………………………………………….<br>……………………………………………………………………..<br>……………………………………………………………………..<br>Hal ini dikatakan demikian kerana, …………………………...<br>……………………………………………………………………..<br>……………………………………………………………………..<br>……………………………………………………………………..<br>Sebagai contoh, ………………………………………………….<br>……………………………………………………………………..<br>……………………………………………………………………..<br>…………………………………………………………………….<br>……………………………………………………………………..<br>Kesannya …………………………………………………………..<br>…………………………………………………………………….<br>……………………………………………………………………. |
| **ISI 3: ………………………………………………………………………………………….** | |
| **WARTAWAN:** | Adakah ……………………………………………………………..<br>……………………………………………………………………<br>…………………………………………………………………… |
| **DATUK ISMAIL:** | *[Idea 3]* ………………………………………………………….<br>……………………………………………………………………..<br>……………………………………………………………………..<br>Hal ini dikatakan demikian kerana, …………………………...<br>……………………………………………………………………..<br>……………………………………………………………………..<br>……………………………………………………………………..<br>Sebagai contoh, ………………………………………………….<br>……………………………………………………………………..<br>……………………………………………………………………..<br>…………………………………………………………………….<br>……………………………………………………………………..<br>Kesannya …………………………………………………………..<br>…………………………………………………………………….<br>……………………………………………………………………. |
| **WARTAWAN:** | Bagaimanakah …………………………………………………….<br>…………………………………………………………………….. |

| | |
|---|---|
| | ……………………………………………………………………………… |
| **DATUK ISMAIL:** | *[Idea 4]* …………………………………………………………………<br>………………………………………………………………………………<br>………………………………………………………………………………<br>Hal ini dikatakan demikian kerana, …………………………...<br>………………………………………………………………………………<br>………………………………………………………………………………<br>………………………………………………………………………………<br>Sebagai contoh, …………………………………………………<br>………………………………………………………………………………<br><br>………………………………………………………………………………<br>………………………………………………………………………………<br>………………………………………………………………………………<br>Kesannya ………………………………………………………………<br>………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………… |
| **WARTAWAN:** | Sebelum menutup sesi wawancara ini, mungkin datuk ingin membuat kesimpulan. |
| **DATUK ISMAIL:** | *[IPenutup]* Sebagai kesimpulannya, …………………………<br>………………………………………………………………………………<br>………………………………………………………………………………<br>………………………………………………………………………………<br>………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………… |
| **WARTAWAN:** | Terima kasih atas kerjasama yang diberikan. ………………..<br>……………………………………………………………………………… |
| Selepas sesi wawancara ini, saya dijemput untuk melihat suasana kerja di syarikat tersebut. | |




# MODUL LATIHAN
# KERTAS 1 BAHAGIAN B

# BAHASA MELAYU 2021
# KARANGAN BERFORMAT
# RESPONS TERBUKA

## EDISI MURID

PANEL:

PASUKAN GURU DARI

PPD BATANG PADANG

**BAHAGIAN B**

**(70 markah)**

**Cadangan masa: 90 minit**

**(350 hingga 500 patah perkataan)**

**SP: 3.5.1**

**MENGOLAH PELBAGAI BAHAN MENGGUNAKAN AYAT YANG GRAMATIS DAN PENANDA WACANA YANG SESUAI**

**Bahagian B: Karangan Umum / Respons Terbuka**
**70 markah**
**1 jam 30 minit**

1. **Membaca Semua Soalan (10 minit)**
   i. Baca semua soalan yang dikemukakan dan buat pilihan yang tepat berdasarkan pengetahuan murid tentang soalan tersebut.

2. **Membuat Perancangan (10 minit)**
   i. Murid perlu memikirkan serta menyenaraikan isi-isi yang berkaitan dengan domain pilihan.
   ii. Murid perlu menyenaraikan sekurang-kurangnya 3 atau 4 isi yang utama berdasarkan domain dan tugasan yang dikehendaki.

3. **Menulis Karangan (60 minit)**
   i. Murid perlu menulis satu perenggan pendahuluan karangan berserta tema dan tugasan soalan.
   ii. Murid perlu menulis isi (tiga atau empat isi) berserta isi, huraian, contoh dan penegasan.
   iii. Murid perlu menulis penutup atau kesimpulan karangan berserta cadangan dan harapan.

4. **Membuat Semakan ( 10 minit)**
   i. Tiada ayat tergantung, terlalu panjang sehingga maksudnya kabur.
   ii. Gunakan istilah atau perkataan yang sesuai.
   iii. Gunakan tanda baca yang sesuai.

**Karangan Bahagian B – Esei Respons Terbuka**

1. Soalan mengandung empat jenis domain iaitu domain awam, domain peribadi, domain pendidikan dan domain kerjaya. Calon hendaklah pilih dan jawab satu daripada empat soalan.
2. Karangan mestilah menepati kehendak soalan/tugasan soalan.
3. Calon seboleh-bolehnya menulis tiga atau empat isi.
4. Jumlah perkataan dalam karangan Bahagian B ini ***mestilah*** antara **350 hingga 500** patah perkataan. Jangan menulis karangan yang pendek dan kurang daripada 350 patah perkataan atau panjang dan melebihi 500 patah perkataan.
5. Karangan yang tidak cukup jumlah patah perkataan akan menyebabkan *impression* rendah dan karangan yang melebihi jumlah patah perkataan tidak akan dibaca sekali gus menjejaskan *impression* pemeriksa.
6. Karangan cemerlang mestilah menjawab tugasan di samping menggunakan bahasa yang gramatis, kosa kata luas dan tepat, huraian jelas dan matang, contoh yang sesuai dan berkesan.
7. Unsur bahasa yang digunakan mestilah bervariasi dan menggunakan ungkapan yang menarik seperti peribahasa, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmah, hadis nabi, terjemahan ayat suci al-Quran dan lain-lain.
8. Karangan mestilah menggunakan gaya bahasa yang menarik dan laras bahasa yang sesuai dengan tugasan.
9. Keseluruhan karangan mestilah memperlihatkan kematangan berfikir.
10. Karangan mestilah ditulis dengan tulisan yang kemas, bersih dan jelas.






**PANDUAN UMUM / KAEDAH MENGARANG**

1. Patuhi jumlah patah perkataan yang ditetapkan (350 hingga 500 patah perkataan)
2. Setiap soalan Bahagian B Bahasa Melayu kertas 1 mempunyai 2 bahagian, iaitu:
   A. Bahagian domain (stimulus/bahan rangsangan)
   B. Bahagian soalan.

**A. Bahagian domain (stimulus/bahan rangsangan)**

✓ Bahan yang **membekalkan maklumat** untuk merangsang murid merangka karangan. Murid boleh menggunakan maklumat yang diberikan ini sebaik mungkin.

✓ Namun, untuk memperoleh markah yang lebih baik, murid sewajarnya **menganalisis dan menilai maklumat** tersebut serta membina **ayat sendiri** untuk membina pengolahan yang menarik.

B. **Bahagian soalan**

Ayat yang mengandungi **idea utama soalan/tugasan soalan/kehendak soalan** yang perlu dijawab oleh murid. Pertautan idea antara kehendak soalan dengan domain yang diberikan mampu menghasilkan sebuah karangan yang jelas, matang dan berkesan (cemerlang)

LANGKAH 1: Analisis kehendak soalan (Teknik Muka)




LANGKAH 2: MERANGKA KARANGAN (PENULISAN ISI)* *ADA KARANGAN BERFORMAT TIDAK SESUAI MENGGUNAKAN TEKNIK INI.**



**Nota:**

1. Gugurkan ayat kesan negatif (sekiranya isu karangan yang dijawab itu positif) dan sebaliknya.
2. Penanda wacana yang dicadangkan di dalam setiap jari tidak semuanya sesuai digunakan untuk karangan berformat seperti surat kiriman tidak rasmi yang mempunyai laras bahasanya yang khusus.

Contoh:




PILIHAN PENANDA WACANA

# <u>PANDUAN UNTUK MENGAPLIKASIKAN TEKNIK MUKA DAN TEKNIK 5 JARI</u>

## SURAT KIRIMAN TIDAK RASMI

**Panduan Mengarang Surat Kiriman Tidak Rasmi ke Arah SPM**

1. Surat kiriman tidak rasmi mempunyai **format** yang khusus serta wajib anda patuhi.
2. Surat kiriman tidak rasmi bersifat **peribadi** dan lazimnya ditulis kepada ahli keluarga, sahabat, guru, penjaga dan sebagainya.
3. Namun begitu, walaupun surat kiriman tidak rasmi bersifat peribadi, anda **wajib** menggunakan bahasa yang **baku**, **ejaan** serta **tanda baca** yang betul.
4. Antara tujuan surat kiriman tidak rasmi ditulis termasuklah untuk bertanyakan khabar, menyampaikan ucapan tahniah, atau memberikan nasihat, pendapat dan penerangan berkaitan dengan hal-hal tertentu.
5. Bahasa yang mudah, tepat dan padat serta yang berunsur kiasan dan peribahasa sebaik-baiknya diterapkan dalam penulisan.
6. Berikut adalah antara jenis surat kiriman tidak rasmi.




**Tip Penulisan Karangan Surat Kiriman Tidak Rasmi**

Terdapat beberapa tip penulisan surat jenis ini yang boleh dijadikan panduan iaitu:

i. Penulis perlu memulakan surat dengan bertanyakan khabar dan menceritakan keadaan kesihatan penulis.
ii. Jika surat tersebut bertujuan membalas surat yang dihantar sebelum ini, nyatakan anda sudah membaca surat tersebut dan mengucapkan terima kasih atas surat yang diterima.
iii. Gunakan panggilan yang sesuai dan jangan gunakan panggilan yang kasar.
iv. Akhiri surat dengan memberikan salam, penghargaan, terima kasih dan keinginan untuk berutus surat lagi.

**Penggunaan Kata Panggilan Hormat/Kata Ganti Nama Diri Penerima**

Berikut merupakan kata panggilan hormat untuk penerima surat:

i. Ayah – Ayahanda
ii. Ibu – Ibunda/bonda

iii. Datuk/Nenek – Nenda
iv. Anak – Anakanda
v. Abang/Kakak – Kakanda
vi. Adik – Adinda
vii. Cucu – Cucunda
viii. Rakan Lelaki – Saudara
ix. Rakan Perempuan – Saudari

**Format Surat Kiriman Tidak Rasmi**

| Format Surat Tidak Rasmi | |
|---|---|
| a Nama dan alamat pengirim | ditulis **di sudut atas sebelah kanan** surat. |
| b Tarikh | ditulis **di bawah alamat pengirim** selepas selang satu baris dan dibubuh **tanda titik (.).** |
| c Kata penghadapan/pembuka kata | ditulis **ke dalam sedikit** selang satu atau dua baris selepas tarikh. |
| d Kata ganti diri penerima | ditulis di **sebelah tepi bahagian kiri** surat. Kata ganti diri yang digunakan **mestilah sesuai dengan penerima surat,** misalnya ayahanda dan bonda untuk ibu bapa, kakanda untuk abang atau kakak, dan sebagainya. |
| e Perenggan isi | ditulis **sejajar dengan kata penghadapan/pembuka kata.** Sebaik-baiknya setiap perenggan ditulis selang satu baris. Perenggan-perenggan isi **tidak perlu diberi nombor.** |
| f Penutup | ditulis **ke dalam sedikit,** iaitu **sejajar dengan pembuka kata.** |
| g Pengakuan pengirim | ditulis **di sebelah kanan bahagian bawah surat,** selang dua atau tiga baris selepas penutup dan **sejajar dengan alamat pengirim.** Antara pengakuan pengirim yang lazim digunakan termasuklah *Anakanda yang jauh, Yang ikhlas, Yang diingati, dan Sahabatmu*. **Tanda koma (,) dibubuh** selepasnya. Huruf pertama ditulis dengan **huruf besar.** |
| h Tandatangan | diturunkan **selepas pengakuan pengirim. Nama pengirim tidak perlu ditulis** di bawah tandatangan. |






**Bingkai Format Surat Kiriman Tidak Rasmi**



**Contoh Surat Kiriman Tidak Rasmi dalam Buku Teks**



# Pahlawan Ulu Cheka

Membaca

Aktiviti

1. Baca surat kiriman dengan sebutan dan intonasi yang betul.
2. Pada pendapat anda, mengapakah kita perlu menghargai pengorbanan tokoh negara?

No. 12, Kampung Ulu Cheka,
27000 Jerantut,
Pahang.
6 Jun 20□□

Menemui sahabatku, Adibah, yang kini berada di Lumut, Perak, dengan selamatnya.

Saudari,

Apa khabar? Semoga saudari dalam keadaan sihat dan berbahagia di samping keluarga yang tersayang. Buat pengetahuan saudari, saya sekarang di rumah datuk saya, Tuk Haji Salleh, di Kampung Ulu Cheka.

Datuk banyak bercerita tentang seorang tokoh yang terkenal dengan sejarah kepahlawanan. Tokoh tersebut ialah Pawang Nong atau nama sebenarnya, Haji Nong Taib bin Santan.

Menurut ceritanya, Pawang Nong telah membuka Kampung Ulu Cheka pada 7 Julai 1907. Beliau pahlawan terbilang yang pernah terlibat dalam Peperangan Perlok dan Perang Terbul bagi mempertahankan Kampung Ulu Cheka daripada serangan komunis. Kehebatan beliau terserlah apabila beliau berjaya menyelamatkan seorang pembesar negeri yang ditahan komunis di Tong Kiat, Maran, pada tahun 1945.

Saudari,

Untuk pengetahuan saudari, Pawang Nong telah dianugerahi pingat *British Empire Medal* (BEM). Selain itu, beliau juga dianugerahi pingat Ahli Mangku Negara (AMN) dan Pingat Jaksa Kebaktian (PJK) sebagai menghargai jasa dan pengorbanan beliau.

Pada 10 November 1977, Pawang Nong telah pergi menghadap Ilahi. Sebagai menghargai jasa beliau, sebuah sekolah di Ulu Cheka telah dinamai Sekolah Kebangsaan Pawang Nong.

Demikianlah kisah perjuangan seorang tokoh yang wajar kita kenang. Saya berharap agar perkongsian maklumat ini dapat membuka mata dan minda kita untuk lebih menghargai perjuangan wira bangsa dan negara.

Sekian, terima kasih.

Sahabatmu,
*Farhana*

(Sumber: *Kosmo*, 1 September 2012
*Utusan Malaysia*, Khamis 17 Oktober 2013)

Haji Nong Taib bin Santan

TEMA 6

Teladani Sejarah Hargai Warisan

2.1.1 Membaca surat kiriman rasmi, **surat kiriman tidak rasmi** dan teks pengacaraan dengan sebutan dan intonasi yang betul serta mengenal pasti maksud tersurat dan tersirat.

69

Sumber: *Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 2, muka surat 69.*

**PRAKTIS 1**

**TEMA: PERTANIAN, PENTERNAKAN DAN PERIKANAN**

**PRAKTIS : SOALAN SURAT KIRIMAN TIDAK RASMI**

**DOMAIN AWAM**

Buah-buahan tempatan ialah buah-buahan yang terdapat di negara kita, contohnya ialah durian, rambutan, langsat dan lain-lain lagi. Selain rasanya yang enak, kita juga digalakkan memakan buah-buahan tempatan kerana khasiatnya. Buah-buahan tempatan mengandungi berbagai-bagai jenis zat dan vitamin yang masih terpelihara dan tentunya lebih baik untuk kesihatan kita. Jadi, tidak hairanlah jika buah-buahan tempatan mempunyai nilai komersial yang tinggi.

Sumber: *buah-buahan tempatan-chitra.blogspot.com*

**SOALAN**

Tahun demi tahun musim buah-buahan di tempat anda begitu menjadi. Dengan kesempatan tersebut, anda ingin memberitahu rakan anda tentang keistimewaan buah-buahan tempatan.

**Tulis surat itu** selengkapnya.

**PANDUAN MENJAWAB PRAKTIS 1**

**LANGKAH 1: Analisis soalan (Teknik Muka)**






## LANGKAH 2: Rangka Karangan Teknik 5 Jari

| Perenggan | Kata-kata Penghadapan | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Pendahuluan | Mendoakan kesejahteraan penerima – maklumkan keadaan kesihatan pengirim – nyatakan tujuan surat ditulis (idea utama/kehendak soalan) | | | | |
| Perenggan | **Teknik 5 Jari Tanpa Ayat Kesan negatif** | | | | |
| | **Isi** | **Sebab** | **Kesan positif daripada sebab** | **Contoh** | **Kesimpulan kecil** |
| Isi 1 | Keenakan rasa dan aroma yang menyelerakan | Rasa lemak dan manis | Permintaan yang tinggi kerana menjadi kegemaran serata dunia | Durian Musang King, nangka madu, cempedak | Tak kenal maka tak cinta - sekali cuba pasti jatuh cinta |
| Isi 2 | Sesuai untuk pengamalan diet seimbang | Mempunyai multivitamin, serat dan kandungan air yang tinggi | Dapat membantu proses penghadaman dan mengimbangi sistem perjalanan darah yang baik | Betik, jambu, pisang, tembikai | Dua manfaat dalam satu-satu masa - lazat dan menyihatkan |
| Isi 3 | Prospek komersial yang tinggi | Selain terus dimakan, sesuai dijadikan produk segera | Membuka peluang kepada rakyat tempatan memperoleh pekerjaan dan pendapatan | Jus kordial, jem, ais krim, gula-gula | Merancakkan IKS dan meningkatkan ekonomi negara |
| Perenggan | **Cadangan, harapan dan kesimpulan** | | | | |
| Penutup | Mencadangkan penerima datang ke Malaysia | Harapan agar penerima dapat berkunjung ke sini suatu masa nanti | Sama-sama menikmati keindahan dan kemeriahan musim buah. | | |






**LANGKAH 3: Menulis Karangan Jenis Surat Kiriman Tidak Rasmi**

**KARANGAN LENGKAP**

Nizam Hamat,
No. 165, Lorong Gemilang,
Kampung Poh,
35500 Bidor,
Perak.

11 Ogos 2021.

Selamat sejahtera sahabatku, Kristine Hermosa yang kini berada di Indonesia. Saya berharap agar saudari dalam situasi yang sihat dan sejahtera. Sementara itu, diri saya di sini juga dalam situasi sihat. Bagaimana pula halnya dengan keluarga saudari, khususnya ayahanda dan bonda? Moga-moga mereka pun berada dalam keadaan sihat dan bahagia. Tujuan saya mengutuskan surat ini kepada saudari adalah untuk menceritakan keunikan Malaysia yang mempunyai musim buah-buahan tempatan. Oleh itu, dalam surat ini, saya akan bercerita tentang keistimewaan buah-buahan tempatan.

Saudari Kristine,

Keistimewaan buah-buahan tempatan di negara saya ini sememangnya diketahui umum. Pertama sekali tentang keenakan rasa dan aroma yang menyelerakan pastinya menjadi daya penarik kepada sesiapa sahaja untuk mencuba dan terus mencuba. Barangkali agak keterlaluan sekiranya saya mengatakan buah-buahan tempatan Malaysia pasti menjadi kegemaran sesiapa sahaja yang menikmatinya. Namun, begitulah hakikatnya buah-buahan tempatan negara kami. Kepelbagaian rasa yang enak seperti rasa lemak dan manis menjadikan buah-buahan tersebut terlalu lazat dan sukar untuk dibandingkan. Oleh itu, tidak hairanlah sekiranya buah-buahan ini mempunyai permintaan yang tinggi di serata dunia kerana keenakannya, apatah lagi dengan rasanya yang manis bermadu dan keharuman yang terbit daripada aroma amat mengujakan sesiapa sahaja. Sebagai contoh, aroma buah nangka madu, cempedak dan durian pasti membuatkan sesiapa sahaja berasa teruja untuk mencubanya. Benarlah kata orang tua-tua, tak kenal maka tak cinta terhadap buah-buahan di negara saya ini, iaitu mereka yang mencubanya akan jatuh cinta. Cuba sekali pasti ingin lagi.

Saudari Kristine,

Seperkara lagi yang patut saya jelaskan ialah buah-buahan tempatan Malaysia amat sesuai untuk pengamalan diet seimbang. Saya berkata demikian kerana buah-buahan tersebut mempunyai pelbagai khasiat seperti serat, kandungan air dan multivitamin, khususnya vitamin C. Keistimewaan ini akan melancarkan proses penghadaman dan mengimbangi sistem perjalanan darah di dalam badan sesiapa sahaja yang memakannya. Antara contoh buah yang mempunyai kadar serat dan kandungan air yang tinggi ialah buah betik, pisang dan jambu. Terbuktilah bahawa dengan memakan buah-buahan tempatan di negara saya ini, kita akan memiliki dua manfaat dalam satu-satu masa. Maksud saya, selain dapat menikmati kelazatannya, kita juga dapat menjamin tahap kesihatan dan kecergasan dengan mengamalkan diet seimbang.

Selain itu, buah-buahan di negara saya juga mempunyai prospek komersial yang tinggi. Hal ini dikatakan demikian kerana buah-buahan tempatan ini turut mempunyai permintaan yang menggalakkan untuk dijadikan produk segera. Keadaan ini tentunya membuka peluang kepada rakyat tempatan memperoleh pekerjaan dalam sektor pemprosesan sekali gus menjana pendapatan isi rumah. Antara buah yang mempunyai permintaan yang tinggi untuk dijadikan produk segera seperti jem, jus kordial, gula-gula dan perisa bahan makanan ialah nanas, mangga, pisang dan banyak lagi. Di sini juga saya ingin berkongsi pengalaman saya sebagai pekerja sambilan di kilang jus kordial yang tidak jauh dari kampung saya. Saya dapat melihat dengan lebih jelas cara-cara jus kordial yang dihasilkan itu diproses daripada buah sehinggalah terhasilnya jus kordial. Pengalaman ini amat berharga bagi saya.

Saudari Kristine,

Sampai setakat ini dahulu isi surat saya pada kali ini. Saya mencadangkan agar saudari berkunjung ke Malaysia antara bulan Julai hingga November kerana pada waktu inilah Malaysia benar-benar berpesta buah. Saya mendoakan agar saudari selamat tiba ke kampung saya untuk sama-sama kita nikmati kelazatan buah-buahan di dusun datuk saya nanti.

Yang benar,

Nizam Hamat

**PRAKTIS 1: FORMAT SURAT KIRIMAN TIDAK RASMI**

**TEMA: SUKAN DAN REKREASI**

**DOMAIN AWAM**

Pada era pascamodenisasi ini, rakyat kita telah menikmati pelbagai kemajuan dan pembangunan fizikal yang pesat. Ironinya pelbagai warisan nenek moyang kita semakin dipinggirkan oleh masyarakat kita, terutamanya golongan muda. Salah satu khazanah kebudayaan kita yang semakin luntur dalam gaya hidup yang moden ini ialah permainan tradisional kita yang terdiri daripada congkak, wau, gasing dan sebagainya. Permainan ini sememangnya dapat menjadi aset budaya bangsa Malaysia, daya tarikan pelancong, mengukuhkan hubungan masyarakat dan sebagainya.

Sumber: *http://impianrika.blogspot.com/*

**SOALAN**

Anda ingin menjelaskan kepentingan permainan tradisional kepada rakan anda yang kini bermastautin di luar negara.

**Tulis surat kepada rakan anda** itu tentang kepentingan permainan tersebut.

**PANDUAN MENJAWAB SOALAN PRAKTIS 1**

**LANGKAH 1: Analisis Soalan Berdasarkan Teknik Muka (rujuk contoh praktis 1)**



| Perenggan | Kata Penghadapan | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Pendahuluan | | | | | |
| Perenggan | **Teknik 5 Jari (Tanpa Ayat Kesan negatif)** | | | | |
| | **Isi** | **Sebab** | **Kesan positif daripada sebab** | **Contoh** | **Kesimpulan kecil** |
| Isi 1 | | | | | |
| Isi 2 | | | | | |
| Isi 3 | | | | | |
| Perenggan | **Cadangan, harapan dan kesimpulan** | | | | |
| Penutup | | | | | |






**LANGKAH 3: Menulis Karangan Jenis Surat Kiriman Tidak Rasmi**

--------------------------------,

----------------------------------,


TICKET TO VICTORY
DEWAN PEPERIKSAAN
22 MAC 2022 | 8.00 PAGI
TICKET TO VICTORY

**PRAKTIS 2: SOALAN SURAT KIRIMAN TIDAK RASMI**

**TEMA: PENDIDIKAN**

**DOMAIN PENDIDIKAN**

> Ketika anda sedang mengulang kaji pelajaran, agak-agaknya berapa yang anda dapat sepanjang anda berada di meja tersebut? Adakah pelajaran itu masuk ke dalam otak anda dengan baik? Sekiranya anda mengalami masalah untuk mengulang kaji pelajaran ataupun menghafal fakta-fakta, hal ini mungkin berpunca daripada pengamalan kaedah belajar yang salah. Hakikatnya, belajar seorang diri amat membosankan dan menghadapi masalah untuk bertanya ataupun berbincang.
>
> *Sumber: https:///madeinuitm.com4*

Anda menerima sepucuk surat daripada adik angkat anda yang akan menduduki peperiksaan Penilaian Tingkatan Tiga pada tahun ini. Dia meminta anda menerangkan teknik-teknik belajar yang berkesan kepadanya.

**Balas surat** tersebut selengkapnya.

**PANDUAN MENJAWAB SOALAN PRAKTIS 2**

**LANGKAH 1: Analisis Soalan Berdasarkan Teknik Muka**








**LANGKAH 2: Rangka Karangan Berdasarkan Teknik 5 Jari**

| Perenggan | Kata Penghadapan | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Pendahuluan | | | | | |
| Perenggan | **Teknik 5 Jari (Tanpa Ayat Kesan negative)** | | | | |
| | **Isi** | **Sebab** | **Kesan positif daripada sebab** | **Contoh** | **Kesimpulan kecil** |
| Isi 1 | | | | | |
| Isi 2 | | | | | |
| Isi 3 | | | | | |
| Perenggan | **Cadangan, harapan dan kesimpulan** | | | | |
| Penutup | | | | | |

**LANGKAH 3: Menulis Karangan Jenis Surat Kiriman Tidak Rasmi**



TICKET TO VICTORY
DEWAN PEPERIKSAAN
22 MAC 2022 | 8.00 PAGI
TICKET TO VICTORY




-----------------------------------,

----------------------------------------------------------------------------------------------------

---------------------------------------------------------------------------------------------------------------

---------------------------------------------------------------------------------------------------------------

---------------------------------------------------------------------------------------------------------------

---------------------------------------------------------------------------------------------------------------

---------------------------------------------------------------------------------------------------------------

---------------------------------------------------------------------------------------------------------------

---------------------------------------------------------------------------------------------------------------

---------------------------------------------------------------------------------------------------------------

---------------------------------------------------------------------------------------------------------------

---------------------------------------------------------------------------------------------------------------

---------------------------------------------------------------------------------------------------------------

-----------------------------------,

---------------------------------------------------------------------------------------------------------------

---------------------------------------------------------------------------------------------------------------

---------------------------------------------------------------------------------------------------------------

---------------------------------------------------------------------------------------------------------------

---------------------------------------------------------------------------------------------------------------

---------------------------------------------------------------------------------------------------------------

---------------------------------------------------------------------------------------------------------------

---------------------------------------------------------------------------------------------------------------

---------------------------------------------------------------------------------------------------------------

---------------------------------------------------------------------------------------------------------------

---------------------------------------------------------------------------------------------------------------

---------------------------------------------------------------------------------------------------------------

------------------------------

------------------------------

**PRAKTIS 3: FORMAT SURAT KIRIMAN TIDAK RASMI**

**TEMA: KERJAYA**

**DOMAIN KERJAYA**

> Anda berminat untuk memilih kerjaya yang ditawarkan dalam sektor swasta. Anda amat meminati sektor perhotelan. Namun begitu, ibu anda pula menginginkan anda untuk bekerja dalam sektor awam. Ibu anda berharap agar anda mengikuti jejak bapa anda, iaitu menjadi seorang pendidik. Anda pula berpendapat, bekerja di sektor swasta lebih mencabar selain pendapatan dan imbuhan yang lumayan.
>
> *Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada*
>
> *Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 5*

**SOALAN**

Berdasarkan petikan di atas, anda ingin menulis sepucuk surat kepada ibu anda untuk meyakinkannya bahawa sektor pekerjaan yang anda minati itu mempunyai banyak kelebihan.

**Tulis surat** tersebut selengkapnya.

**PANDUAN MENJAWAB SOALAN PRAKTIS 2**

**LANGKAH 1: Analisis Soalan Berdasarkan Teknik Muka**








**LANGKAH 2: Rangka Karangan Berdasarkan Teknik 5 Jari**

| Perenggan | Kata Penghadapan | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Pendahuluan | | | | | |
| Perenggan | **Teknik 5 Jari (Tanpa Ayat Kesan negative)** | | | | |
| | **Isi** | **Sebab** | **Kesan positif daripada sebab** | **Contoh** | **Kesimpulan kecil** |
| Isi 1 | | | | | |
| Isi 2 | | | | | |
| Isi 3 | | | | | |
| Perenggan | **Cadangan, harapan dan kesimpulan** | | | | |
| Penutup | | | | | |






**LANGKAH 3: Menulis Karangan Jenis Surat Kiriman Tidak Rasmi**

----------------------------------------

----------------------------------------

----------------------------------------

----------------------------------------

----------------------------------------

-------------------------------------------

----------------------------------------------------------------------------------------------------

----------------------------------------------------------------------------------------------------

----------------------------------------------------------------------------------------------------

----------------------------------------------------------------------------------------------------

----------------------------------------------------------------------------------------------------

----------------------------------------------------------------------------------------------------

----------------------------------------------------------------------------------------------------

----------------------------------------------------------------------------------------------------

----------------------------------------------------------------------------------------------------

---------------------------------,

----------------------------------------------------------------------------------------

----------------------------------------------------------------------------------------------------

----------------------------------------------------------------------------------------------------

----------------------------------------------------------------------------------------------------

----------------------------------------------------------------------------------------------------

----------------------------------------------------------------------------------------------------

----------------------------------------------------------------------------------------------------

----------------------------------------------------------------------------------------------------

----------------------------------------------------------------------------------------------------


TICKET TO VICTORY
DEWAN PEPERIKSAAN
22 MAC 2022 | 8.00 PAGI
TICKET TO VICTORY



-----------------------------------,

----------------------------------------------------------------------------------------------------

----------------------------------------------------------------------------------------------------

----------------------------------------------------------------------------------------------------

----------------------------------------------------------------------------------------------------

----------------------------------------------------------------------------------------------------

----------------------------------------------------------------------------------------------------

----------------------------------------------------------------------------------------------------

----------------------------------------------------------------------------------------------------

----------------------------------------------------------------------------------------------------

----------------------------------------------------------------------------------------------------

----------------------------------------------------------------------------------------------------

----------------------------------------------------------------------------------------------------

-----------------------------------,

----------------------------------------------------------------------------------------------------

----------------------------------------------------------------------------------------------------

----------------------------------------------------------------------------------------------------

----------------------------------------------------------------------------------------------------

----------------------------------------------------------------------------------------------------

----------------------------------------------------------------------------------------------------

----------------------------------------------------------------------------------------------------

----------------------------------------------------------------------------------------------------

----------------------------------------------------------------------------------------------------

----------------------------------------------------------------------------------------------------

----------------------------------------------------------------------------------------------------

----------------------------------------------------------------------------------------------------

-------------------------------

-------------------------------

## FORMAT BIODATA

- **Biodata ialah penulisan yang mengandungi maklumat diri seseorang yang menjadi pengenalan diri mereka, terutamanya individu yang mempunyai nama atau cemerlang dalam sesuatu bidang.**
- Bahasa yang digunakan dalam penulisan biodata hendaklah bahasa baku, tepat, ringkas, dan padat. Bahasa yang digunakan untuk penulisan biodata tidak meleret-leret.
- Contoh individu yang biasa ditulis biodatanya ialah sasterawan, karyawan, pemimpin, atau individu yang telah memberikan pelbagai sumbangan kepada mana-mana institusi, negeri, negara atau lain-lain.

- **Format penulisan biodata:**
  - **Penulisan biodata sebenarnya tidak terikat dengan sebarang format tetapi mesti mematuhi isi kandungan yang sepatutnya.**

1. Maklumat asas
    - Maklumat asas yang perlu ada dalam penulisan biodata ialah
        - Nama
        - Nama samaran/nama pena (jika ada – terutamanya biodata seorang penulis, karyawan dan sebagainya)
        - Asal – tempat kelahiran (daerah, negeri)
        - Kelulusan
        - Lain-lain yang difikirkan sesuai dengan individu yang terlibat
2. Kandungan biodata
    - Tiada cara penulisan yang khusus
    - Mengandungi pelbagai maklumat yang berkaitan individu tersebut:
        - Pekerjaan/tempat kerja
        - Bidang pelibatan (sastera/penulisan, politik, ekonomi, pendidikan dan sebagainya)
        - Kejayaan/pencapaian – anugerah, kemenangan dalam pertandingan dan sebagainya.

*CONTOH PENULISAN BIODATA*
*DARIPADA BUKU TEKS BAHASA MELAYU TINGKATAN 1, MUKA SURAT 158*

TEMA 3 | Kerjaya ke Mercu Impian

Pengukuhan

# Mengukir Nama di Persada Dunia

**Aktiviti**

Baca secara luncuran dan ringkaskan maklumat dalam bentuk peta pemikiran. Kemudian, kemukakan pendapat anda tentang bahan dengan menggunakan kata penguat, kata pemeri, dan kata nafi dengan betul dalam ayat majmuk.


Dato' Dr. Afifi al-Akiti

Dato' Dr. Afifi al-Akiti ialah anak kelahiran Batu Gajah, Perak, yang telah mencipta nama di persada antarabangsa. Beliau merupakan rakyat Malaysia dan bangsa Melayu yang pertama yang berjaya dilantik sebagai pensyarah di universiti yang paling berprestij di dunia, iaitu Universiti Oxford, United Kingdom, ketika beliau berusia 34 tahun.

Beliau juga dikenali sebagai Sheikh Afifi dan mendapat pendidikan awal di sekolah pondok. Beliau kemudiannya telah menyambung pengajian di peringkat universiti dan menerima Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama dalam bidang Falsafah Skolastik dan Sejarah Sains dari Universiti Queen, Belfast.

Atas kecemerlangan yang ditunjukkan, anugerah biasiswa telah ditawarkan kepada beliau untuk meneruskan pengajiannya di peringkat sarjana dan doktor falsafah di Universiti Oxford. Bidang kepakaran beliau ialah teologi Islam, falsafah, dan sains.

**Antara jawatan yang disandang ialah:**

1. Felo *Kuwait Foundation for the Advancement of Sciences* (KFAS) dalam pengajian Islam di Pusat Pengajian Islam Oxford, United Kingdom.
2. Pensyarah Pusat Islam dalam bidang pengajian Islam di Fakulti Teologi, Universiti Oxford, United Kingdom.
3. Felo Pensyarah di Kolej Worcester, Oxford, United Kingdom.

(Sumber: *https://en.wikipedia.org/wiki/Afifi_al-Akiti*)



# Unit 27 Menuju Puncak Jaya

## Mendengar dan Bertutur

TEMA 14

### Maklumat di Hujung Jari

Guru memberikan tugasan kepada Omanah, Haliza, dan Ai Ling untuk mencari maklumat tentang tokoh pendidikan negara.

ABDUL RAHMAN ARSHAD

**AKTIVITI**

Bersoal jawab dengan rakan anda berdasarkan bahan dan maklumat yang diberikan.
Contoh soalan:
i. Apakah sumbangan beliau dalam bidang pendidikan?

Nama: Tan Sri Datuk Seri Panglima Dr. Abdul Rahman bin Arshad
Tarikh Lahir: 27 November 1936
Tempat Lahir: Masjid Tanah, Melaka
Pendidikan:
- University of Malaya - B.A Hons
- University of Singapore - Dip. in Education
- University of Reading (England) - Dip. in Edn1 Administration
- Administrative Staff College (New Zealand) - Executive Management Programme
- Harvard University (USA) - Advanced Management Programe
- University of East London (England) - Ph.D.

Jawatan dan Jasa:
- Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (1978-1991)
- Mantan Pakar Perunding Pendidikan kepada Bank Dunia-New York, USA
- Canselor, UCSI University
- Wakil Malaysia di Persidangan UNESCO dan merupakan Pengerusi bagi Asia dan Oceania (Paris dan Bangkok)
- Pro-Canselor, Universiti Teknologi MARA (UiTM)
- Pro-Canselor, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
- Mantan Pengerusi, Heriot-Watt University Malaysia (Scotland)
- Pengerusi, Kolej DiKa, Puchong, Selangor
- Mantan Pengerusi Panel Penasihat, Sekolah Kecemerlangan, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Pengerusi, Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan
- Penasihat, CfBT (Centre for BritishTeachers)
- Pengasas Sekolah Menengah Sains
- Menubuhkan Pejabat Pelajaran Daerah
- Mantan Pengerusi sembilan badan korporat

Anugerah:
- Tokoh Kepemimpinan Pendidikan 2005
- Eisenhower Fellow (USA)
- Telah dianugerahi sembilan Ijazah Kehormat (Ph.D.), iaitu enam dari dalam negara dan tiga dari luar negara, iaitu Kanada, Scotland, dan England
- Pingat Darjah Kehormat: PSM (Malaysia), SPDK (Sabah), SPMS (Selangor), DCSM (Melaka), DSAP (Pahang), DMPN (Pulau Pinang), DKSJ (Melaka), JMN (Malaysia), JSM (Malaysia), BSK (Kelantan)

- Tan Sri Datuk Seri Panglima Dr. Abdul Rahman bin Arshad menulis dua buah buku yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), iaitu buku berjudul "Kenangan Sepanjang Jalan" dan "Unity and Education in Malaysia."
- Buku "Unity and Education in Malaysia" telah diterjemahkan dalam bahasa Mandarin oleh Universiti Guangxi (China) untuk kegunaan di negara tersebut. Buku ini juga sedang diterjemahkan dalam bahasa Melayu oleh DBP.

158 1.5.2

❖ **Murid-murid telah didedahkan dengan penulisan format biodata semasa tingkatan 1 dan tingkatan 2**

**TEMA: KEBUDAYAAN KESENIAN DAN ESTETIKA**

**PRAKTIS 1: FORMAT BIODATA**

**DOMAIN AWAM**

Mataku tidak lepas-lepas memerhatikan penari nombor dua dari kanan. Persembahan ini persembahan sulungnya. Senyumannya, lirikan matanya, jari-jemarinya yang lentik, gerakannya yang lemah gemalai, mengingatkan aku kepada nendaku. Dahulu, pentas nenda di Istana Kolam. Kini, pentasnya terbuka di hadapan rakyat jelata. Sejak kecil, aku menonton persembahan nendaku. Ketika 20 tahun, nenda pula menonton persembahanku.

Selepas 21 tahun pelibatanku dalam seni tari gamelan, pelbagai negara dan kota ternama telah aku jelajahi termasuk Hong Kong, London, Paris, Amsterdam, Zurich, dan Milan. Siapa sangka, kecintaanku kepada seni dibayar dengan tiket lawatan ke luar negara. Aku juga beroleh pelbagai penghargaan dan anugerah hasil daripada kesungguhanku menghayati dan mendalami ilmu seni yang diwarisi turun-temurun dalam keluargaku.

*Sumber: Diubah suai daripada Pewaris Legasi*

*Buku Teks Tingkatan 3 muka surat 108)*

Petikan di atas menggambarkan terdapat individu yang benar-benar mencintai seni tarian dan budaya warisan nenek moyang kita, sehinggakan menjadi kerjaya dan hasil pendapatan sesetengah daripada mereka. Namun, generasi hari ini semakin kurang meminati bidang tersebut. Sebagai salah seorang ahli sidang redaksi majalah sekolah yang meminati bidang kesenian ini, anda bercadang ingin memuatkan biodata seorang anak seni yang berjaya dalam seni tarian, bagi menyuntik semangat rakan-rakan di sekolah terhadap bidang ini.

**Tuliskan biodata** individu yang anda pilih tersebut.

**PANDUAN MENJAWAB PRAKTIS 1**

**LANGKAH 1: Analisis kehendak soalan (TEKNIK MUKA)**




**LANGKAH 2 : Rangka Karangan Berdasarkan Teknik 5 Jari**

| **Perenggan** | **Pengenalan** | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Pendahuluan | Nama penuh, maklumat asas individu yang dipilih | | | | |
| Perenggan | **Teknik 5 Jari** | | | | |
| | **Isi** | **Sebab** | **Kesan daripada sebab** | **Contoh** | **Kesimpulan kecil** |
| Isi 1 | Penyataan bidang yang diceburi | Faktor individu tersebut memilih bidang tersebut | Menjadi satu kecintaan dalam diri dari masa ke masa | Banyak persembahan yang telah dibuat | Pemilihan kerjaya dalam bidang tarian membuahkan rasa cinta dan minat yang mendalam |
| Isi 2 | Kejayaan yang telah diraih | Hasil usaha dan kesungguhan mempelajari dan mendalami ilmu tarian | Banyak hadiah dan penghargaan yang diperoleh | Menerima hadiah pelancongan ke tempat yang tidak pernah diimpikan | Berkat kesungguhan dan minat yang mendalam dalam bidang tarian membuahkan hasil yang bukan sedikit |
| Isi 3 | Hasrat dan harapan dalam tarian | Semoga bidang tarian diminati dan menjadi pilihan oleh ramai generasi pada hari ini | Seni dan budaya akan kekal dan dikenali oleh generasi kini dan akan datang | Menjadi salah satu aktiviti kokurikulum di sekolah | Ilmu dalam bidang seni dan budaya perlu diserapkan ke dalam pengetahuan murid-murid/ remaja pada hari ini. |

| Perenggan | **Cadangan, harapan dan kesimpulan** | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Penutup | Akan ada pengiktirafan yang lebih besar untuk penggiat seni tarian | Menjadi suntikan semangat buat generasi kini untuk mempelajarinya | | | |

**LANGKAH 3: Menulis Karangan Jenis Biodata**

****Lengkapkan penulisan biodata lengkap berdasarkan contoh rangka yang telah disediakan**

**Nama** : ______________________________

**Nama Samaran** : ______________________________

**Tarikh Lahir** : ______________________________

______________ : ______________________________

______________ : ______________________________

______________ : ______________________________
______________________________
______________________________

______________ : ______________________________
______________________________
______________________________
______________________________

______________ : ______________________________
______________________________
______________________________
______________________________






**PRAKTIS 2 : FORMAT BIODATA**

**TEMA: PENDIDIKAN**

**DOMAIN PENDIDIKAN**

| |
|---|
| Pelajar cemerlang ibarat benih yang baik, ibarat dicampak ke darat menjadi gunung, dan jika dicampak ke laut menjadi pulau. Ungkapan tersebut memberikan perumpamaan bahawa pelajar yang cemerlang mampu untuk mengadaptasi apa-apa jua keadaan untuk berjaya. Usaha yang dilakukan pastinya sering menjadi suntikan semangat dan contoh kepada pelajar-pelajar lain. Pelajar yang benar-benar cemerlang bukan sahaja menonjol dalam akademik semata-mata, namun pastinya cemerlang dalam pelbagai bidang lain seperti kokurikulum dan sahsiah mereka juga pastinya akan berada pada tahap yang cemerlang |
| *Sumber: Internet* |

Semua murid pastinya mempunyai impian untuk menjadi seorang murid cemerlang. Bagi mencapai hasrat dan impian tersebut pasti ada model atau suri teladan yang menjadi panduan kepada murid-murid untuk diikuti.

Anda ditugaskan oleh guru kelas anda untuk **membentangkan biodata** seorang individu yang pernah dinobatkan sebagai murid cemerlang peringkat kebangsaan. **Tulis biodata individu** tersebut selengkapnya.






**PANDUAN MENJAWAB SOALAN PRAKTIS 2**

**LANGKAH 1: Analisis soalan berdasarkan Teknik Muka(rujuk praktis 1)**




**LANGKAH 2: Rangka Karangan Berdasarkan Teknik 5 Jari (rujuk praktis 1)**

| Perenggan | Kata Penghadapan | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Pendahuluan | | | | | |
| Perenggan | **Teknik 5 Jari Tanpa Ayat Kesan negatif** | | | | |
| | **Isi** | **Sebab** | **Kesan positif daripada sebab** | **Contoh** | **Kesimpulan kecil** |
| Isi 1 | | | | | |
| Isi 2 | | | | | |
| Isi 3 | | | | | |
| Perenggan | **Cadangan, harapan dan kesimpulan** | | | | |
| Penutup | | | | | |






**JAWAPAN PRAKTIS 2: BIODATA**

**Nama** : ____________________

**Nama Samaran** : ____________________

**Tarikh Lahir** : ____________________

__________ : ____________________

__________ : ____________________

__________ : ____________________

____________________

____________________

__________ : ____________________

____________________

____________________

____________________

__________ : ____________________

____________________

____________________

____________________

__________ : ____________________

____________________

____________________

____________________

__________ : ____________________

____________________

____________________

____________________

**PRAKTIS 3 : FORMAT BIODATA**

**TEMA: SUKAN DAN REKREASI**

**DOMAIN KERJAYA**

> Sukan merupakan wadah penting yang berupaya memupuk jati diri dan perpaduan dalam kalangan masyarakat antarabangsa, selain dijadikan sebagai kerjaya. Sukan pada abad ini bukan sahaja dianggap sebagai riadah dan aktiviti sampingan malah telah dijadikan salah satu kerjaya dalam kehidupan masyarakat. Jika kita lihat negara membangun seperti Korea dan Jepun, mereka menjadikan sukan sebagai salah satu plafform untuk berjaya dalam hidup dan menjadi jutawan.
>
> *Sumber: Diubah suai daripada Malaysia Kini*

Petikan di atas memberikan gambaran tentang kepentingan sukan pada hari ini. Selaku seorang yang sangat meminati bidang sukan, ingin meyakinkan kedua-dua ibu bapa anda bahawa kerjaya dalam bidang sukan juga mempunyai masa depan yang cerah. Anda telah membuat kajian tentang beberapa orang atlet negara yang telah menempa nama di negara kita.

**Tulis biodata** seorang atlet pilihan anda untuk dijadikan bukti kepada ibu bapa anda bagi menyokong impian anda.

**LANGKAH 1: Analisis soalan berdasarkan Teknik Muka(rujuk praktis 1)**




**LANGKAH 2: Rangka Karangan Berdasarkan Teknik 5 Jari (rujuk praktis 1)**

| Perenggan | Kata Penghadapan | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Pendahuluan | | | | | |
| Perenggan | **Teknik 5 Jari Tanpa Ayat Kesan negatif** | | | | |
| | **Isi** | **Sebab** | **Kesan positif daripada sebab** | **Contoh** | **Kesimpulan kecil** |
| Isi 1 | | | | | |
| Isi 2 | | | | | |
| Isi 3 | | | | | |
| Perenggan | **Cadangan, harapan dan kesimpulan** | | | | |
| Penutup | | | | | |

**JAWAPAN PRAKTIS 2: BIODATA**

**Nama** : ____________________

**Nama Samaran** : ____________________

**Tarikh Lahir** : ____________________

____________ : ____________________

____________ : ____________________

____________ : ____________________

____________ : ____________________

____________ : ____________________

____________ : ____________________

____________ : ____________________

# FORMAT LAPORAN

- **Laporan ialah penulisan yang melaporkan perkara atau peristiwa yang sudah berlaku atau persiapan untuk melaksanakan sesuatu perkara.**
- Bahasa yang digunakan dalam laporan hendaklah bahasa baku, tepat, ringkas dan padat. Bahasa yang digunakan untuk laporan tidak boleh berbunga-bunga.
- Penulisan laporan bersifat formal dan dilaporkan berdasarkan fakta yang sebenar, sesuatu yang penting dan dilaporkan mengikut urutan peristiwa/secara kronologi
- Dua perkara yang wajib dikuasai untuk penulisan laporan:
  1. Format laporan
  2. Tujuan laporan

- **Tujuan atau fungsi laporan:**
  1. *Peristiwa/pelaksanaan sesuatu program, kejohanan atau peristiwa-peristiwa tertentu*
  2. *Kegiatan/aktiviti persatuan*
  3. *Minit mesyuarat*

- **Format penulisan laporan:**
  1. *Tajuk*
     - Ditulis di bahagian atas pada tengah-tengah muka surat
     - Perlu ditulis menggunakan huruf besar pada setiap awal perkataan, kecuali kata sendi, kata hubung dan kata sandang.
     - Tajuk perlu digariskan

       Contoh:

       <u>Laporan Kejohanan Olahraga Tahunan SMK Taman Mutiara</u>

  2. Kandungan/isi laporan
     - Kandungan/isi laporan berbeza-beza mengikut keperluan atau tujuan laporan ditulis.
     - Walau bagaimanapun, fokus untuk soalan karangan Bahagian B SPM kita fokuskan kepada **laporan program/peristiwa/aktiviti/kegiatan.**

i. Pendahuluan/bahagian awal surat
   - Pengenalan program – mengandungi tarikh pelaksanaan program, objektif program, pelibatan, dan perkara-perkara asas pengenalan kepada program atau aktiviti.

ii. Isi/idea
   - Mengandungi idea yang berkait dengan tujuan pelaporan ditulis.
   - Setiap idea mesti dihuraikan dengan baik tetapi perlu padat dan ringkas dan tidak meleret-leret.
   - Setiap perenggan mesti mengandungi idea yang berbeza-beza – satu perenggan satu idea.

iii. Penutup
   - Mengandungi laporan tentang penutupan majlis atau penghujung program.
   - Boleh dimasukkan harapan terhadap program tersebut sekiranya akan diadakan lagi pada masa akan datang.

3. Pengakuan Pelapor
   - Perlu ditulis pada bahagian bawah selepas perenggan penutup.
   - Terletak di sebelah kiri, selang satu atau dua baris daripada perenggan penutup.
   - Huruf pertama mesti menggunakan huruf besar.
   - Pada bahagian hujung perlu diletakkan tanda koma (,)

     Contoh:

     Yang menjalankan tugas,

     Disediakan oleh,

4. Tarikh Laporan
   - Ditulis Pada bahagian kanan laporan, sebaris dengan pengakuan pelapor.
   - Mengandungi hari, bulan dan tahun






5. Tandatangan, nama dan jawatan pelapor

- Laporan perlu diakhiri dengan tandatangan pelapor – diletakkan di sebelah kiri laporan, selepas pengakuan.
- Nama penuh pelapor perlu ditulis dalam kurungan ( ), menggunakan huruf besar sepenuhnya dan ditulis di bawah tandatangan.

- Jawatan penulis perlu ditulis selepas nama pelapor, berserta dengan nama persatuan yang diwakili dan tanda koma (,) di hujungnya. Nama sekolah, daerah dan negeri ditulis pada baris berikutnya, diikuti tanda noktah (.)

Contoh
Marliati
(MARLIATI BINTI MAJID)
Setiausaha,
Persatuan Bahasa Melayu,
SMK Merak Kayangan,
Tg. Malim Perak.






**Bingkai format penulisan laporan program/ aktiviti:**








o **Contoh penulisan laporan daripada buku teks.**

*CONTOH LAPORAN PENCAPAIAN*
*DARIPADA BUKU TEKS BAHASA MELAYU TINGKATAN 3, MUKA SURAT 5*



**Laporan Pencapaian Tertinggi Tahun 2015 - 2017**

**Orkestra Simfonik Sekolah Seri Puteri**

Orkestra Simfonik Sekolah Seri Puteri, atau lebih dikenali sebagai *Seri Puteri Symphonic Winds* (*SPWinds*), dianggotai oleh 99 orang murid dari tingkatan satu hingga tingkatan lima. Sejak ditubuhkan pada tahun 1976, *SPWinds* merupakan antara pasukan orkestra yang terbaik di Malaysia.

Saban tahun *SPWinds* telah menyertai pelbagai acara persembahan dan pertandingan sama ada pada peringkat negeri, kebangsaan, mahupun antarabangsa. Yang berikut ialah pencapaian tertinggi *SPWinds* bagi tahun 2015 – 2017.

**2015**
- Anugerah Gangsa dalam *New York Wind Band Festival* di Carniege Hall, New York, Amerika Syarikat pada 9 Mac 2015.
- Diiktiraf oleh *Malaysia Book of Records* sebagai *First Malaysian Government Residential School to Win Silver Award at The New York Wind Band Festival*, (*NYWBF2015*).

**2016**
- Anugerah Emas di *Los Angeles International Music Festival 2016*. Kemenangan julung kali oleh orkestra dari Malaysia ini telah diumumkan pada 21 Jun 2016 di *Walt Disney Concert Hall*, Los Angeles.

**2017**
- Anugerah Perak dalam *18th World Music Contest 2017* di Kerkrade, Netherlands.

Secara keseluruhannya, setiap ahli perlu lebih kreatif dan berbudaya kerja positif demi memastikan kelangsungan kegemilangan *SPWinds*. Tambahan pula, sebagai duta kecil negara dalam seni persembahan muzik, *SPWinds* perlu sentiasa mempamerkan persembahan yang segar, berkualiti, dan menakjubkan demi mengharumkan nama negara di persada dunia. Mudah-mudahan *SPWinds* bertambah maju jaya.

Dilaporkan oleh: 25 JANUARI 20☐☐.

*Aisya*

(AISYA BINTI AHMAD FATHI)
Setiausaha Orkestra Simfonik,
Sekolah Seri Puteri.

(Sumber: Sekolah Seri Puteri)

Terokai maklumat tentang cara penulisan laporan minit mesyuarat berserta dengan contohnya.

2.1.1 Membaca dan memahami laras bahasa sesuatu laporan dan berita dengan sebutan dan intonasi yang betul, nada yang sesuai serta kepantasan yang wajar.

TEMA 1 — Suluh Masa Depan

5 KPM

**PRAKTIS 1: FORMAT LAPORAN**

**TEMA: PENDIDIKAN**

**DOMAIN PERIBADI**

Aktiviti mendaki bukit mampu mencabar stamina seseorang. Aktiviti ini dapat membakar kalori dengan banyak kerana membabitkan latihan kardio. Mendaki bukit tergolong sebagai satu daripada lima aktiviti kardio terbaik yang memberikan banyak kelebihan kepada tubuh. Selain menguatkan otot kaki dan gluteus, latihan sebegini juga boleh turut memberikan kesan baik kepada pinggul dan paha, jika dilakukan secara serius.

Oleh sebab itu, seseorang yang sering mendaki bukit mempunyai kaki yang kuat dan pinggul yang anjal disebabkan pergerakan tanpa henti serta dilakukan dalam jangka masa panjang.

Selain itu, aktiviti mendaki juga menurunkan tekanan darah serta mengurangkan risiko diabetes, penyakit jantung dan obesiti. Walaupun aktiviti mendaki bukit dilihat sebagai aktiviti yang menyihatkan badan, namun aktiviti ini turut mempunyai sebab-sebab menarik yang lain.

*Sumber: Internet*

Petikan menerangkan kebaikan aktiviti mendaki bukit atau gunung. Anda dan beberapa orang ahli Kelab Pencinta Alam sekolah anda telah mengadakan aktiviti mendaki sebuah bukit berdekatan tempat tinggal anda pada hujung minggu lepas. Selaku setiausaha kelab, anda perlu menyiapkan laporan aktiviti yang dijalankan tersebut.

**Tulis laporan** itu selengkapnya.






**PANDUAN MENJAWAB PRAKTIS 1**

**LANGKAH 1: Analisis soalan (Teknik Muka)**




**LANGKAH 2: Rangka Karangan Berdasarkan Teknik 5 Jari**

| Perenggan | Pengenalan | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Pendahuluan | Tarikh dan nama tempat aktiviti, pelibatan, pengenalan asas kepada aktiviti, termasuk objektif aktiviti | | | | |
| Perenggan | **Teknik 5 Jari** | | | | |
| | **Isi** | **Sebab** | **Kesan daripada sebab** | **Contoh** | **Kesimpulan kecil** |
| Isi 1 | Berkumpul di sekolah – agihan kumpulan | Mendengar taklimat daripada guru penasihat | Dapat menyediakan mental dan fizikal sebelum melakukan aktiviti lasak | Guru mengingatkan untuk sentiasa bergerak dalam kumpulan untuk mengelakkan timbulnya masalah | Aktiviti lasak perlu mendapat pemantauan/ bimbingan orang yang lebih dewasa/ berpengalaman |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Isi 2 | Cabaran ketika pendakian | Keadaan luar jangka | Mengambil masa yang lebih untuk sampai ke puncak – lebih berhati-hati | Keadaan hujan - menyukarkan pergerakan - licin | Sebarang halangan/ cabaran perlu dihadapi dengan tenang dan berfikiran rasional |
| Isi 3 | Sampai ke puncak – banyak manfaat diperoleh | Kerjasama yang padu antara semua | Lebih akrab kerana saling bergantung untuk memastikan misi berjaya | Semua halangan dan kesukaran diatasi bersama-sama | Kegigihan dan kerjasama yang erat diperlukan untuk melaksanakan sesuatu aktiviti terutamanya aktiviti sukar |
| Perenggan | **Cadangan, harapan dan kesimpulan** | | | | |
| Penutup | Memohon masalah diberikan perhatian | Harapan demam denggi semakin berkurang | Kehidupan akan lebih harmoni tanpa rasa bimbang dan tahap kesihatan lebih terjamin | | |






**LANGKAH 3: Menulis Karangan Jenis  Laporan**

****Lengkapkan penulisan laporan  berdasarkan contoh rangka yang telah disediakan**

**JAWAPAN PRAKTIS 1 : FORMAT LAPORAN**






**TEMA: PELANCONGAN**

**PRAKTIS 2: FORMAT LAPORAN**

**DOMAIN AWAM**

Fenomena baharu setelah penularan Covid-19 memberikan kesan langsung kepada industri penerbangan, pelancongan dan secara tidak langsung kepada industri kraf negara dengan ribuan usahawan kraf terjejas hasil jualan mereka kerana ketiadaan pelancong.

Sebelum ini mereka boleh berniaga menerusi kedai fizikal selain aktif dengan pameran dan jualan bersama kraftangan Malaysia atau di pusat jualan kraf negeri masing-masing. Ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mereka ini tidak dapat 'bergerak' begitu juga pembeli dan peminat kraf. Menyedari kesan yang dihadapi itu, Kraftangan Malaysia memikirkan cara baharu dari segi memasarkan produk untuk kelangsungan usahawan dan industri apabila mewujudkan E-Kraf Bazar pada April lalu apabila sehingga kini sudah mengumpul lebih 13,000 ahli terdiri daripada usahawan, pembeli dan peminat kraf tempatan.

*Sumber: Harian Metro Online*

Petikan akhbar dalam talian di atas menjelaskan bahawa hasil kraf masyarakat tempatan negara ini telah menemui satu inovasi dalam pemasaran produk mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka berhadapan dengan situasi sukar untuk mendapatkan pelancong secara fizikal dalam suasana pandemik kini. Selaku Setiausaha Kelab Kebudayaan Sekolah anda yang telah menjalankan lawatan ke Pusat Kraf Negara secara maya bersama-sama ahli kelab, anda dikehendaki menyediakan laporan hasil lawatan tersebut.

**Sediakan laporan** tersebut selengkapnya.






**LANGKAH 1: Analisis soalan Berdasarkan Teknik Muka (rujuk praktis 1)**




**LANGKAH 2: Rangka Karangan Berdasarkan Teknik 5 Jari (rujuk praktis 1)**

| Perenggan | Kata Penghadapan | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Pendahuluan | | | | | |
| Perenggan | **Teknik 5 Jari Tanpa Ayat Kesan negatif** | | | | |
| | **Isi** | **Sebab** | **Kesan positif daripada sebab** | **contoh** | **Kesimpulan kecil** |
| Isi 1 | | | | | |
| Isi 2 | | | | | |
| Isi 3 | | | | | |

| Perenggan | Cadangan, harapan dan kesimpulan | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Penutup | | | | | |

**JAWAPAN PRAKTIS 2 : LAPORAN**

**PRAKTIS 3: FORMAT LAPORAN**

**TEMA: KERJAYA**

**DOMAIN PENDIDIKAN**

Pameran kerjaya merupakan satu usaha bagi memberikan pendedahan tentang kerjaya peluang kerjaya kepada murid-murid bagi membantu mereka menentukan hala tuju mereka setelah tamat persekolahan. Menerusi pameran kerjaya, golongan remaja akan dapat membuat pilihan bidang pembelajaran mereka berdasarkan kerjaya yang menarik minat mereka mengikut kelayakan dan kemampuan masing-masing.

*Sumber: Internet*

Petikan di atas menunjukkan bahawa pameran kerjaya memberikan kesan positif kepada murid dalam menetapkan matlamat pembelajaran mereka. Selaku Pengerusi Pembimbing Rakan Sebaya Sekolah,, anda telah melaksanakan satu pameran kerjaya dengan menjemput pelbagai pihak yang menawarkan bermacam-macam ruang kerjaya kepada golongan belia dengan pendedahan awal tentang keperluan untuk setiap peluang kerjaya yang disediakan itu. Setelah selesai, anda ingin melaporkan perjalanan program itu kepada guru bimbingan dan kaunseling anda.

**Sediakan laporan** tersebut selengkapnya.

**LANGKAH 1: Analisis soalan Berdasarkan Teknik Muka (rujuk praktis 1)**




**LANGKAH 2: Rangka Karangan Berdasarkan Teknik 5 Jari (rujuk praktis 1)**

| Perenggan | Kata Penghadapan | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Pendahuluan | | | | | |
| Perenggan | **Teknik 5 Jari Tanpa Ayat Kesan negatif** | | | | |
| | **Isi** | **Sebab** | **Kesan positif daripada sebab** | **contoh** | **Kesimpulan kecil** |
| Isi 1 | | | | | |
| Isi 2 | | | | | |
| Isi 3 | | | | | |






| Perenggan | Cadangan, harapan dan kesimpulan | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Penutup | | | | | |

**JAWAPAN PRAKTIS 3 : LAPORAN**


TICKET
TO
VICTORY
DEWAN PEPERIKSAAN
22 MAC 2022 | 8.00 PAGI
AC 43214567
TICKET
TO
VICTORY
DEWAN PEPERIKSAAN
AC 43214567



( )

# FORMAT SURAT KIRIMAN RASMI

- **Surat kiriman rasmi ialah surat yang ditulis secara rasmi atau formal yang digunakan khusus bagi tujuan dan perhubungan yang rasmi.**
- Bahasa yang digunakan dalam surat kiriman rasmi mestilah tepat, padat, jitu dan berfokuskan tujuan surat tersebut ditulis.
- Penggunaan bahasa mestilah bahasa baku iaitu struktur ayat, penggunaan kata, tanda baca dan ejaan yang tepat serta pemerengganan yang sesuai.
- Dua perkara yang wajib dikuasai untuk penulisan surat kiriman rasmi:
  1. Format surat kiriman rasmi
  2. Tujuan surat – termasuk pemilihan penerima surat dan gelaran yang perlu digunakan.

- **Tujuan atau fungsi surat kiriman rasmi:**
  1. *Memohon pekerjaan*
  2. *Membuat aduan/bantahan/cadangan*
  3. *Membuat rayuan*
  4. *Memohon peruntukan /sumbangan /derma*
  5. *Membuat jemputan rasmi*
  6. *Membuat tempahan barangan/tempat*
  7. *Memohon kebenaran untuk sesuatu perkara*
  8. *Lain-lain tujuan yang bersifat/bertujuan rasmi*

- **Format penulisan surat kiriman rasmi:**
  1. *Nama dan alamat pengirim*
     - Diletakkan dibahagian pada bahagian paling atas, sebelah kiri
     - Permulaan nama dan alamat pengirim mesti ditulis dalam huruf besar
     - Alamat yang ditulis mestilah lengkap dengan poskod, bandar/daerah atau negeri
     - Penghujung setiap baris dalam alamat mesti diakhiri dengan tanda koma, dan baris terakhir dalam alamat mesti diletakkan tanda noktah






Contoh:

Marliati binti Majid,
No 134, Jalan Mutiara 5,
Taman Mutiara,
35900 Tg. Malim, Perak.
Perak, Darul Ridzuan.

2. *Garisan panjang melintang* – diletakkan selang sebaris daripada baris terakhir alamat pengirim dan dapat membezakan antara alamat pengirim dengan alamat penerima.

3. *Nama dan alamat penerima*

- Diletakkan selang sebaris daripada garisan panjang melintang
- Ditulis nama atau jawatan penerima surat dan dimulakan dengan huruf besar
- Perlu ditulis alamat lengkap (sama seperti alamat pengirim)
- Penghujung setiap baris dalam alamat mesti diakhiri dengan tanda koma dan baris terakhir dalam alamat mesti diletakkan tanda noktah

Contoh:

Yang Dipertua,
Majlis Daerah Tg. Malim,
35900, Tg. Malim,
Perak Darul Ridzuan.

4. *Tarikh*

- Tarikh perlu ditulis di sebelah kanan – selari dengan baris negeri pada bahagian alamat penerima.
- Tarikh mesti ditulis dengan menulis nombor hari bulan, nama bulan dalam ejaan (semua huruf mesti dalam huruf besar) dan nombor tahun.

  Contoh:

  8 OGOS 2021

5. *Kata ganti diri/panggilan hormat/gelaran*
   - Ditulis selang sebaris daripada alamat penerima
   - Calon mesti mengenal pasti panggilan hormat yang bersesuaian dengan penerima surat dan merujuk kepada kedudukan/pangkat mereka.

     Contoh: Yang Berhormat – untuk wakil rakyat, Dato', Dato'Seri – untuk individu yang pernah menerima pingat dan sebagainya. Jika sukar untuk ditentukan gelaran, calon boleh menggunakan panggilan Tuan/Puan.
   - Penulisan panggilan hormat tersebut mesti diakhiri dengan tanda koma (,).

6. *Perkara*
   - Perlu ditulis selang sebaris daripada panggilan hormat/gelaran yang digunakan
   - Perkara perlu ringkas/pendek/tidak terlalu panjang
   - Perlu ditulis menggunakan huruf besar pada awal perkataan.
   - Mesti digariskan – bagi membezakan perkara dengan isi.

7. Kandungan surat
   i. Pendahuluan/bahagian awal surat
      - Dimulakan selang sebaris selepas tajuk.
      - Dimulakan di bahagian tepi garisan – bukan ditulis dalam bentuk permulaan perenggan.
      - Tidak perlu dinomborkan
      - Mengandungi bahagian pengenalan diri penulis dan memberikan fokus terhadap sebab atau tujuan surat tersebut.

   ii. Isi/idea
      - Setiap idea mesti dinomborkan, bermula dengan nombor 2 iikuti dengan tanda titik (.)
      - Mengandungi idea yang berkait dengan tujuan surat tersebut ditulis.

- o Setiap idea mesti dihuraikan dengan baik tetapi perlu padat dan ringkas dan tidak meleret-leret.
- o Setiap perenggan mesti mengandungi idea yang berbeza-beza – satu perenggan/satu nombor satu idea

iii. Penutup

- o Dimulakan dari tepi seperti penulisan bahagian pendahuluan.
- o Tidak perlu dinomborkan.
- o Mengandungi harapan atau ucapan terima kasih penulis.

8. Pengakuan Penulis

- o Perlu ditulis pada bahagian bawah perenggan penutup
- o Terletak di sebelah kiri.
- o Huruf pertama mesti menggunakan huruf besar.
- o Di bahagian hujung perlu diletakkan tanda koma (,)

Contoh:
Yang benar,
Yang menjalankan tugas,

9. Tandatangan, nama dan jawatan penulis

- o Setiap surat perlu diakhiri dengan tandatangan penulis – diletakkan di sebelah kiri surat
- o Nama penuh penulis perlu ditulis dalam kurungan ( ), menggunakan huruf besar sepenuhnya dan ditulis di bawah tandatangan.
- o Jawatan penulis perlu ditulis dalam huruf kecil (kecuali huruf pertama setiap perkataan)

Contoh:
Marliati
(MARLIATI BINTI MAJID)
Setiausaha,
Persatuan Bahasa Melayu,
SMK Merak Kayangan.

➢ **Bingkai format penulisan surat kiriman rasmi:**








CONTOH 2: BUKU TEKS BAHASA MELAYU TINGKATAN 1, MUKA SURAT 216

➢ **Contoh penulisan surat kiriman rasmi daripada buku teks.**

CONTOH 1: BUKU TEKS BAHASA MELAYU TINGKATAN 2, MUKA SURAT 3



Membaca

# Semakin Hari Semakin Sihat

Aktiviti

1. Baca surat kiriman rasmi dengan sebutan dan intonasi yang betul.
2. Gunakan teknik bacaan 5W1H untuk mengenal pasti maklumat dalam surat.

TEMA 1

Kesihatan dan Kebersihan

Pengetua,
Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Jauhari,
KM 1, Jalan Batu Pahat,
86000 Kluang,
Johor Darul Ta'zim.

Pakar Perubatan Kesihatan Keluarga,
Pejabat Kesihatan Daerah Kluang,
86000 Kluang,
Johor Darul Ta'zim.

20 JANUARI 20☐☐

Tuan,

Kempen Semakin Hari Semakin Sihat

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Jauhari akan mengadakan Kempen Semakin Hari Semakin Sihat selama sebulan bermula pada minggu hadapan. Kempen ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran murid tentang aspek kesihatan, khususnya dari segi fizikal, mental, dan emosi.

2. Sehubungan dengan itu, pihak kami ingin mengundang pegawai perubatan tuan untuk menyampaikan ceramah berkaitan dengan kesihatan kepada semua murid. Tarikh dan masa ceramah tersebut bergantung pada kesesuaian masa pegawai perubatan tersebut.

3. Semoga ceramah yang akan disampaikan dapat melahirkan generasi yang sihat, ceria, dan berjaya.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menurut perintah,

*Hasanah*

(HASANAH BINTI AHMAD)
Pengetua,
Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Jauhari.

Info Bestari

**Maksud tersurat** ialah makna sesuatu perkataan, rangkai kata, ayat, atau perenggan sebagaimana yang dinyatakan mengikut konteks.

**Teknik Bacaan 5W1H** ialah teknik membaca sambil mencari maklumat yang berkaitan dengan soalan-soalan, iaitu *who* (siapa), *what* (apa), *where* (di mana), *when* (bila), *why* (kenapa), dan *how* (bagaimana).

**TEMA: KESIHATAN DAN KEBERSIHAN**

**PRAKTIS 1: SOALAN SURAT KIRIMAN RASMI**

**DOMAIN AWAM**

Bercakap mengenai kurangnya penjagaan kebersihan, bukanlah isu baharu bagi rakyat Malaysia. Biarpun agak pahit untuk diterima, realitinya negara masih lagi belum bebas daripada terikat dengan budaya tidak ambil peduli majoriti masyarakat berhubung pemeliharaan persekitaran.

Pemikiran masyarakat masih berada pada takuk lama kerana bagi mereka asalkan rumah sendiri bersih, tiada tempat yang membolehkan berlakunya takungan air untuk pembiakan nyamuk aedes, sudah dianggap mencukupi.

Sikap kurang prihatin segelintir masyarakat atau penduduk rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR), flat atau pangsapuri terutamanya dalam membuang sampah sedikit sebanyak menyumbang kepada peningkatan wabak denggi. Mereka dengan sewenang-wenangnya mencampakkan sampah dari atas ke bawah dengan pelbagai alasan. Gerakan dan langkah kesedaran dilihat sangat perlu untuk memastikan penularan demam denggi dapat dikurangkan malah dapat dihapuskan dengan sewajarnya.

Sumber: *BH Online*, 07 Januari

**SOALAN**

Laporan berita di atas menunjukkan bahawa masalah peningkatan kes demam denggi dilihat berpunca daripada pelbagai faktor kebersihan. Selaku Setiausaha Kelab Rukun Tetangga tempat tinggal anda, anda diminta oleh ketua kampung untuk menulis sepucuk surat kepada pihak berkuasa tempatan untuk memberikan cadangan agar mereka dapat membuat pemeriksaan yang sewajarnya kepada penduduk taman yang tidak mementingkan kebersihan persekitaran yang telah menyebabkan penularan demam denggi yang semakin meningkat.

**Tulis surat** itu selengkapnya.

**LANGKAH 1: Analisis soalan (Teknik Muka)**




**LANGKAH 2: Rangka Karangan Berdasarkan Teknik 5 Jari**

| Perenggan | Pengenalan | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Pendahuluan | Pengenalan diri dan tujuan surat ditulis. | | | | |
| Perenggan | **Teknik 5 Jari Tanpa** | | | | |
| | **Isi** | **Sebab** | **Kesan daripada sebab** | **Contoh** | **Kesimpulan kecil** |
| Isi 1 | Kes demam denggi meningkat | Tahap kebersihan yang tidak dititikberatkan | Peningkatan kes demam denggi dalam kalangan penduduk | Takungan air di belakang rumah, sampah tidak dibuang dengan cara yang betul | Kesedaran yang kurang terhadap kebersihan memberikan kesan kepada orang lain |
| Isi 2 | Merungsingakan Merungsingkan seluruh penduduk | Peningkatan kes dalam kalangan semua tahap umur | Makin ramai penduduk yang dijangkiti | Kanak-kanak turut dijangkiti – tidak bebas bermain di luar -bimbang dijangkiti | Kehidupan penduduk semakin terbelenggu dalam kebimbangan |
| Isi 3 | Tindakan perlu diambil | Memastikan kesihatan /kebersihan penduduk | Dapat hidup dengan lebih selesa dan harmoni | Kawasan kediaman yang bebas daripada pembiakan nyamuk Aedes | Tindakan yang bertepatan dengan undang-unang akan mengubah sikap penduduk |
| Perenggan | **Cadangan, harapan dan kesimpulan** | | | | |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Penutup | Memohon masalah diberikan perhatian | Harapan demam denggi semakin berkurang | Kehidupan akan lebih harmoni tanpa rasa bimbang dan tahap kesihatan lebih terjamin | | |

**LANGKAH 3: Menulis Karangan Jenis Surat Kiriman Rasmi**

****Lengkapkan penulisan surat kiriman rasmi berdasarkan kerangka yang telah disediakan.**

**JAWAPAN PRAKTIS 1 SURAT KIRIMAN RASMI**

2. ______________________________

3. ______________________________

4. ______________________________

( ______________________________ )

**PRAKTIS 2: FORMAT SURAT KIRIMAN RASMI**

**TEMA: PERTANIAN, PENTERNAKAN DAN PERIKANAN**

**DOMAIN PERIBADI**

BAU: Masyarakat di daerah Bau digalakkan menceburi bidang pertanian kerana bidang ini memiliki potensi besar untuk dimajukan sekali gus meningkatkan taraf hidup mereka. Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tasik Biru, Dato Henry Harry Jinep berkata, penduduk di DUN Tasik Biru khususnya perlu berani mengambil peluang dengan mengusahakan tanah mereka kerana sektor pertanian adalah perniagaan.

"Dengan melakukan aktiviti-aktiviti berasaskan pertanian, seseorang itu mampu menjana pendapatan yang lebih besar dan bukan sekadar untuk keperluan diri sahaja," katanya. Beliau berkata demikian semasa berucap pada Seminar Perancangan Pembangunan Pertanian Daerah Bau yang turut dihadiri Pegawai Daerah, Anielia Siam, kelmarin

Dato Henry menambah, persepsi penduduk terhadap sektor pertanian juga perlu diubah dan perlu lebih berani mengambil risiko dan mula berbakti kepada tanah mereka. Jelasnya lagi, dalam memajukan sektor pertanian, kerajaan negeri telah melakukan banyak perubahan daripada aspek proses dan keperluan jentera.

*Sumber: Sarawak Voice, 16 Ogos 2021*

**SOALAN**

Berita di atas menyentuh tentang bidang pertanian yang sewajarnya diusahakan oleh masyarakat setempat untuk memperoleh kelebihan bidang tersebut. Bagi menyahut saranan pihak kerajaan itu anda selaku anak muda berhasrat untuk mengusahakan projek pertanian di kampung anda tetapi kekurangan modal. Anda berhasrat membuat pinjaman kewangan daripada pihak sebuah institusi perbankan.

**Tulis sepucuk surat** untuk memohon pinjaman dan nyatakan sebab-sebab anda memerlukan pinjaman tersebut.

**LANGKAH 1: Analisis soalan Berdasarkan Teknik Muka (rujuk praktis 1)**









**LANGKAH 2: Rangka Karangan Teknik 5 Jari**

**Rangka Karangan Berdasarkan Teknik 5 Jari**

| Perenggan | Kata Penghadapan | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Pendahuluan | | | | | |
| Perenggan | **Teknik 5 Jari** | | | | |
| | **Isi** | **Sebab** | **Kesan positif daripada sebab** | **Contoh** | **Kesimpulan kecil** |
| Isi 1 | | | | | |
| Isi 2 | | | | | |
| Isi 3 | | | | | |
| | | | | | |

| Perenggan | Cadangan, harapan dan kesimpulan | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Penutup | | | | | |

**JAWAPAN PRAKTIS 2 : SURAT KIRIMAN RASMI**

1.

2.

3.

( )






**DOMAIN PENDIDIKAN**

> Susulan perkembangan semasa penularan COVID-19 di Malaysia, pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) perlu diteruskan seperti yang telah diumumkan Kementerian Pendidikan (KPM). Banyak dibincangkan tentang kesan yang akan wujud sekiranya PdPR berlangsung dalam tempoh yang lebih lama.
>
> Selain pengaruh terhadap kesihatan seperti melibatkan masalah pada postur badan, PdPR juga mengubah tanggungjawab guru. Guru perlu melengkapkan diri dengan kemahiran yang selari dengan perkembangan semasa bagi meningkatkan kemahiran mereka. Hal ini merangkumi teknik pengajaran dan pembelajaran yang lebih teratur dan mampu mengekalkan minat murid untuk fokus pada PdPR. Keberkesanan PdPR memerlukan kerjasama semua pihak kerana tidak dinafikan, tekanan, bebanan, kerisauan, keletihan minda dan fizikal menguji kesabaran yang bukan hanya membabitkan murid tetapi guru dan ibu bapa.
>
> *Sumber: BH Online, 15 Jun 2021*

**SOALAN**

Petikan di atas memaparkan kesan yang mungkin berlaku daripada pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPr). Sebagai seorang murid yang berhadapan dengaan PdPr ini anda berniat untuk menyuarakan pendapat anda kepada pihak sekolah berkaitan masalah yang dihadapi sepanjang PdPR.

Dengan mengulas kesan daripada PdPR, **tulis sepucuk surat** kepada pihak sekolah dan berikan cadangan untuk mengelakkan kesan tersebut berlaku terhadap murid-murid di sekolah anda.






**LANGKAH 1: Analisis soalan Berdasarkan Teknik Muka (rujuk praktis 1)**




**LANGKAH 2: Rangka Karangan Teknik 5 Jari**

**Rangka Karangan Berdasarkan Teknik 5 Jari**

| Perenggan | Kata Penghadapan | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Pendahuluan | | | | | |
| Perenggan | **Teknik 5 Jari** | | | | |
| | **Isi** | **Sebab** | **Kesan positif daripada sebab** | **Contoh** | **Kesimpulan kecil** |
| Isi 1 | | | | | |
| Isi 2 | | | | | |
| Isi 3 | | | | | |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Perenggan | **Cadangan, harapan dan kesimpulan** | | | | |
| Penutup | | | | | |

**JAWAPAN PRAKTIS 2 : SURAT KIRIMAN RASMI**

1.

2. ____________________

3. ____________________

( )

## FORMAT E-MEL

1. **Jenis-jenis e-mel:** E-mel tidak rasmi dan E-mel rasmi
2. E-mel rasmi bersifat formal. E-mel ini ditulis untuk urusan rasmi dengan pejabat pemerintah, syarikat swasta atau pertubuhan-pertubuhan
3. E-mel tidak rasmi biasanya ditulis untuk tujuan tidak formal dan bersifat peribadi.

   E-mel ini biasanya dikirimkan kepada ahli keluarga termasuk ibu bapa, abang, kakak dan nenek, atau sahabat handai untuk menceritakan hal-hal peribadi, bertanya khabar dan berkongsi pandangan sendiri tentang sesuatu perkara

**Struktur e-mel**

i) Pendahuluan

- ➢ Mulakan dengan panggilan pengganti nama diri yang sesuai
- ➢ Memperkenalkan diri
- ➢ Tujuan e-mel ditulis
- ➢ Konteks
    - Tempat, tarikh dan masa kejadian
    - Masalah yang dihadapi secara ringkas
    - Keprihatinan

ii) Isi 1-3: Memberikan

- ➢ Sebab-sebab/
- ➢ Saranan-saranan/
- ➢ Manfaat-manfaat

iii) Penutup

- ➢ Harapan
- ➢ Atau merumuskan segala idea
- ➢ Ucapan terima kasih
- ➢ Yang benar

  (Nama pengirim)

## E-MEL TIDAK RASMI

1. E-mel tidak rasmi biasanya ditulis untuk **tujuan tidak formal** dan bersifat **peribadi**.

2. E-mel ini biasanya dikirimkan kepada **ahli keluarga** termasuk ibu bapa, abang, kakak dan nenek, atau **sahabat handai** untuk **menceritakan hal-hal peribadi**, **bertanya khabar** dan **berkongsi pandangan** sendiri tentang sesuatu perkara.

3. Walaupun e-mel tidak rasmi bersifat peribadi, bahasa yang digunakan hendaklah **baku, mudah difahami, tepat, padat** dan sesuai kepada penerimanya.

4. Penulisan e-mel ini tidak rasmi merupakan karangan jenis berformat. Ia harus mengikut format-format yang telah ditetapkan. Namun begitu, e-mel tidak rasmi ini amat berbeza dengan e-mel rasmi dari segi **format, isi kandungan, tujuan, kata-kata penghormatan, gelaran, panggilan** dan **pihak penerima.**
5. E-mel tidak rasmi ialah e-mel seorang individu. Oleh itu, e-mel ini bersifat peribadi dan kadang-kala begitu rahsia sekali. Ada beberapa jenis e-mel tidak rasmi.

6. Contoh e-mel tidak rasmi:

- E-mel **bertanya khabar**
- E-mel **tahniah**
- E-mel **takziah**
- E-mel **nasihat** atau **teguran**
- E-mel **undangan** atau **jemputan**
- E-mel **balasan**

7. Penggunaan Kata Ganti Nama Diri (E-Mel Tidak Rasmi)

| PENGGUNAAN KATA GANTI NAMA DIRI DALAM E-MEL | | |
|---|---|---|
| Ayah/ibu/emak/mak | untuk | Ayah/ibu |
| Kak/kakak/abang | | Abang/kakak |
| Adik | | Adik |
| Nek/nenek/datuk/tok | | Nenek/datuk |
| Awak | | Kawan perempuan |
| Awak | | Kawan lelaki |

8. Murid harus cuba memahami penggunaan dan istilah Kata Ganti Nama Diri bagi mengelakkan kesalahan atau karangan yang terpesong. Jadi, murid mesti menguasai penggunaan Kata Ganti Nama Diri e-mel yang ditulis menepati laras bahasa e-mel tidak rasmi.

**CONTOH FORMAT E-MEL**

| | |
|---|---|
| Daripada: | |
| Kepada: | |
| Subjek: | |

Nama/ Kata Ganti Nama Diri penerima

(Contoh: Kak Intan/Ayah/Adik Nisa/Abang Remy)

Pendahuluan

- Bertanya khabar dan/atau memberikan gambaran tentang keadaan penulis
- Nyatakan tujuan
- Akui e-mel yang diberikan sebelumnya telah dibaca

Isi 1:

Isi 2:

Isi 3:

Pendapat/Saranan/Pandangan/Penutup

- Mengucapkan salam/Minta balasan .

Pengakuan diri

(Contoh: Yang benar, Yang ikhlas)

Tanda tangan pengirim

## PERINCIAN FORMAT E-MEL

Daripada : sakinah@heatwave.com
Kepada : remy@fastmail.com
Subjek : Percutian di Melaka

→ **E-mel Pengirim / E-mel Penerima / Tajuk**

Remy → **Kata Ganti Nama Penerima**

Apa khabar Remy sekeluarga di sana? E-mel Remy telah saya terima tiga hari yang lalu. Saya sungguh tertarik hati dengan penerangan Remy tentang keindahan Bandar Acheh yang Remy lawati itu. Seperti Remy, kami sekeluarga juga baru sahaja pulang bercuti di Melaka. Di sana, teman karib ayah membawa kami melawat ke tempat-tempat yang bersejarah. Kami dibawa ke Kubu 'A Famosa' iaitu sebuah kubu peninggalan penjajah Portugis yang menawan Melaka pada tahun 1511. → **Pendahuluan**

Selepas mengunjungi kubu itu, kami dibawa ke Telaga Hang Tuah. Menurut teman ayah, air di telaga itu tidak pernah kering walaupun kemarau melanda kawasan itu. Di situ, saya sempat bertemu dengan beberapa orang pelancong dari Jepun yang boleh berbahasa Inggeris. Kami berpeluang untuk bertukar-tukar fikiran dan pengalaman masing-masing. → **Isi Utama 1**

Selain itu, kami sekeluarga juga sempat melawat perkampungan Portugis. Di sana saya berpeluang melihat sisa-sisa peninggalan penjajah Portugis. Kami juga dibawa ke Bandar Hilir untuk menyaksikan seniman-seniman tempatan menghasilkan karya-karya mereka yang tinggi mutunya. → **Isi Utama 2**

Saya dan adik-adik saya juga berasa seronok dapat menaiki kereta lembu yang terdapat di situ. Kami juga sempat menaiki beca mengelilingi bandar. Ini merupakan satu pengalaman yang tidak dapat saya lupakan. Sungguhpun percutian kami kali ini singkat, saya berasa seronok apabila berada di sana. → **Isi Utama 3**

Pada pendapat saya, pengalaman melancong ini amat memuaskan. Banyak yang saya pelajari tentang negeri Melaka dan budaya penduduk negeri itu. Jika berkesempatan, saya ingin ke negeri bersejarah ini lagi. → **Pendapat/ Saranan/ Pandangan**

**Yang ikhlas,**

**Sakinah**

PERINGATAN:

**Penulisan E-mel Tidak Rasmi**

- Pembukaan – beritahu khabar dengan cara yang lebih sempurna ( saya di sini sihat-sihat sahaja / saya sekeluarga berada dalam keadaan sihat sejahtera/ saya berada dalam keadaan sihat walafiat bersama keluarga tercinta)
- **Saya** (pengirim) & **awak** (penerima)
- Baca emel dengan teliti dan berikan **respons yang sesuai** bagi setiap pernyataan/soalan.
- **Pendapat / Saranan** yang diberikan harus mendalam dan matang. Jelaskan dengan terperinci (sertakan contoh)
- **Penutup** mesti menunjukkan rasa senang membalas e-mel. Jangan tunjukkan rasa berat hati atau terburu-buru untuk menghabiskan e-

**Contoh E-mel dalam *Buku Teks Bahasa Melayu tingkatan 4, muka surat 56.***



# Petua Nenek untuk Sihat

1. Baca bahan dan kategorikan kata nama mengikut golongannya.
2. Bina ayat menggunakan kata nama mengikut konteks.

## Herba Jadi Ubat

Mesej Baharu

Penerima noreen@zmail.com

Subjek Petua Nenek

Apa khabar sahabatku, Noreen? Maafkan saya kerana membuat awak tertunggu-tunggu jawapan tentang petua menggunakan herba untuk menjaga kesihatan. Puas saya memujuk nenek untuk berkongsi petua. Setelah seminggu menghabiskan cuti sekolah di rumah nenek, dapatlah juga saya mengumpulkan maklumat tentang petua nenek.

Noreen, awak tahu tak bahawa bunga raya berwarna putih boleh dijadikan ubat? Nenek saya menggunakan bunga raya putih sebagai alat tuam untuk merawat bisul dan bengkak. Di sekeliling rumah nenek saya juga ada banyak pokok kaduk. Saya hampir keliru untuk membezakan antara daun kaduk dengan daun sirih kerana rupa bentuknya yang hampir sama. Nenek memberitahu saya, daun kaduk boleh dijadikan ulam, manakala akarnya digunakan untuk merawat sakit gigi, batuk, dan kulat pada kaki.

Kebetulan, ketika di kampung, saya mengalami cirit-birit. Agak susah juga untuk mendapatkan ubat kerana rumah nenek saya jauh dari bandar. Jadi, nenek juga mengajar saya untuk menggunakan daun dan pucuk senduduk sebagai penawar. Menurut nenek, pucuk dan daun senduduk boleh dimakan untuk mengurangkan cirit-birit, manakala air rebusan akarnya pula boleh melegakan sakit gigi dan mengurangkan kembung perut. Syukur, petua nenek ini berjaya membantu mengurangkan masalah cirit-birit saya.

Selain itu, nenek turut berkongsi ilmu untuk membuat minyak urut daripada serai. Minyak serai ini bagus untuk mengurangkan sengal-sengal sendi. Di samping itu, minyak serai juga membantu merawat masalah kelemumur pada rambut dan berfungsi sebagai aromaterapi yang dapat meredakan rasa cemas.

Setakat ini sahaja yang dapat saya coretkan untuk awak. Semoga perkongsian cerita ini dapat membantu menambahkan pengetahuan awak tentang penggunaan herba untuk kesihatan. Jumpa lagi!

Sahabatmu,
*Nurul Hayati.*

Hantar

Minyak Serai

TEMA 4 Menjulang Harapan di Bumi Bertuah

56 KPM

**PRAKTIS 1 : FORMAT E-MEL**

**TEMA: JATI DIRI, WARGANEGARA PATRIOTIK**

**DOMAIN AWAM**

> Beberapa hari lagi, kita akan memasuki bulan kebangsaan iaitu bermula 1 Ogos hingga 16 September. Setiap tahun, hari kenegaraan ini disambut seluruh rakyat dengan penuh kebanggaan dan semangat patriotik. Bagi membangkitkan momentum sambutan Hari Kebangsaan, biasanya aktiviti seperti laungan kemerdekaan dan aktiviti kibar Jalur Gemilang akan diadakan.
>
> Sumber: *https://www.bharian.com.my/*

**SOALAN**

Berdasarkan petikan di atas, negara Malaysia akan menyambut bulan kebangsaan pada setiap tahun, iaitu bermula pada 1 Ogos hingga 16 September pada setiap tahun. Anda ingin bertukar-tukar pendapat dengan sahabat anda tentang sambutan ulang tahun kemerdekaan di negara masing-masing.

**Tulis e-mel** kepada rakan anda tentang acara yang dijalankan sempena sambutan ulang tahun kemerdekaan.

**PANDUAN MENJAWAB SOALAN PRAKTIS 1**

**LANGKAH 1: Analisis soalan Berdasarkan Teknik Muka**



**LANGKAH 2: Rangka Karangan Berdasarkan Teknik 5 Jari**

| Perenggan | Kata Penghadapan | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Pendahuluan | Mendoakan kesejahteraan penerima – maklumkan keadaan kesihatan pengirim – nyatakan tujuan e-mel ditulis (idea utama soalan/kehendak soalan) | | | | |
| Perenggan | **Teknik 5 Jari Tanpa Ayat Kesan negatif** | | | | |
| | **Isi** | **Sebab** | **Kesan positif daripada sebab** | **Contoh** | **Kesimpulan kecil** |
| Isi 1 | Mengibarkan Jalur Gemilang | Menghidupkan suasana kemerdekaan | Menyemarakkan semangat kemerdekaan dalam sanubari setiap rakyat | Gantung dan kibar bendera di premis kediaman, perniagaan dan lain-lain | Memberi Memberikan kesan mendalam terhadap semangat kemerdekaan negeri |
| Isi 2 | Laungan merdeka | Mengenang jasa dan pengorbanan pejuang tanah air | Sama-sama mempertahankan kedaulatan negara daripada anasir luar | Peristiwa di Lahad Datu diperangi habis-habisan | Pekikan keramat ini meresap ke dalam jiwa setiap warganegara |
| Isi 3 | Perbarisan dan pertunjukan udara | Meraikan kejayaan negara bebas daripada penjajah | Semangat kekitaan masyarakat berbilang bangsa semakin menebal | Pelbagai sektor mempamerkan bakat dan kemahiran | Acara yang dinanti-nantikan tanpa mengira agama dan bangsa |
| Perenggan | **Cadangan, harapan dan kesimpulan** | | | | |
| Penutup | Mencadangkan penerima menceritakan sambutan yang sama | Harapan agar e-mel ini dibalas segera | | | |

**LANGKAH 3: Menulis Karangan Jenis E-mel Tidak Rasmi**

**JAWAPAN**

Daripada : nizamhamat@gmail.com

Kepada : qadeeja@gmail.com

Subjek : Acara Sambutan Ulang Tahun Kemerdekaan

Deeja,

Bertemu kembali dengan saudari Deeja yang kini berada di Limbang, Brunei Darussalam. Bersama-sama e-mel ini, saya iringi saudari dengan doa dan restu semoga saudari memperoleh kesejahteraan. Bagi saya serta keluarga di Malaysia, semuanya dalam situasi yang sihat wal afiat. Alhamdulillah, saya amat bersyukur dengan limpah kurnia dan nikmat tuhan yang memberikan kesihatan, keselamatan dan keharmonian dalam sebuah negara yang berdaulat. Tujuan saya menghantar e-mel ini kepada saudari adalah untuk bertukar-tukar pendapat dengan saudari tentang kegiatan yang dijalankan sempena sambutan ulang tahun kemerdekaan negara setiap tahun.

Di negara saya, sebelum menjelang tarikh keramat, iaitu tarikh Malaysia merdeka pada 31 Ogos, sambutan bulan kemerdekaan telah bermula dari 15 Ogos dan akan berakhir pada 16 September. Sepanjang tempoh tersebut, Kempen Kibar Jalur Gemilang rancak dijalankan. Jalur Gemilang ialah bendera kemegahan kami dikibarkan oleh setiap lapisan masyarakat bertujuan menghidupkan suasana kemerdekaan. Tidak hairanlah sekiranya semangat kemerdekaan subur dalam setiap sanubari kami di sini. Sebagai contoh, kami digalakkan menggantung dan mengibarkan Jalur Gemilang di premis kediaman, perniagaan dan kenderaan. Pada masa yang sama, ada juga pihak yang berlumba-lumba mencipta bendera terbesar sehingga mampu menyelimutkan sebuah bangunan yang berpuluh-puluh tingkat. Jelaslah di sini bahawa aktiviti mengibarkan Jalur Gemilang sememangnya memberi memberikan kesan mendalam terhadap semangat kemerdekaan negara kami.

Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung. Demikianlah ungkapan yang merujuk kepada sikap patriotisme dan menjunjung tinggi maruah negara. Sebagai rakyat yang cinta akan negara, kami di sini tidak akan melepaskan peluang untuk sama-sama melaungkan perkataan "merdeka" apabila tibanya 'detik 12 malam' di Putrajaya dan stadium negeri masing-masing. Gema pekikan ini juga diiringi dengan percikan warna-warni bunga api ke angkasa. Hal ini pastinya akan menyuntik rasa bagi setiap warga untuk mengenang jasa dan pengorbanan pejuang tanah air yang sanggup berputih tulang di medan perang. Oleh yang demikian, sikap mengenang jasa ini menyebabkan kami sehati sejiwa sepadu tenaga mempertahankan kedaulatan negara daripada anasir luar yang cuba menggugat keamanan di sini. Sebagai contoh, peristiwa Lahad Datu kami perangi habis-habisan agar pisang tidak berbuah dua kali. Sahihlah, pekikan keramat ini meresap ke dalam jiwa setiap warganegara Malaysia setiap masa dan ketika.

Selain itu, untuk pengetahuan saudari juga, acara elit seperti perbarisan dan pertunjukan udara akan berlangsung pada keesokan harinya iaitu tanggal 31 Ogos setiap tahun. Acara ini bertujuan untuk meraikan kejayaan negara yang telah bebas daripada cengkaman penjajah secara total. Kejayaan yang dikecapi bersama-sama menyebabkan semangat kekitaan daripada masyarakat yang berbilang bangsa semakin menebal tambahan lagi dengan bertemakan Sehati Sejiwa. Ketika ini, lautan manusia membanjiri Dataran Merdeka termasuklah pelancong asing yang ingin menyaksikan persembahan perbarisan dan pancaragam. Misalnya, pelbagai kontinjen yang terdiri daripada sektor awam, swasta, pelajar dan anggota pasukan keselamatan daripada pelbagai kaum dan lapisan masyarakat mempamerkan bakat masing-masing. Selain itu, pasukan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) juga menunjukkan kemahiran akrobatik jet pejuang di ruang udara. Ternyatalah kegiatan elit seperti ini amat dinanti-nantikan oleh rakyat Malaysia tanpa mengira agama dan bangsa.

Setelah panjang bercerita tentang senario sambutan kemerdekaan negara kami, saya amat berbesar hati untuk mengetahui persediaan sambutan yang sama di negara saudari. Maklumlah, seperti kata peribahasa, lain padang lain belalang, lain negara lain caranya. Ceritakanlah untuk tatapan saya dalam e-mel saudari yang akan datang.

Sahabatmu,

Nizam Hamat

**PRAKTIS 2: FORMAT E-MEL**

**TEMA: ANDA BERSIH, ANDA SIHAT**

**DOMAIN AWAM**

Laporan pengawasan influenza yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Perubatan dan Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan menunjukkan peningkatan pola aktiviti virus influenza dalam persekitaran. Tiada sebarang kelainan, perubahan, atau mutasi pada penularan influenza ketika ini. Penularan influenza di Malaysia adalah sama seperti kes yang dilaporkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia atau (WHO) di pelbagai negara tropika lain.

Sumber: *Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 5*

**SOALAN**

Berdasarkan petikan di atas, kes penularan influenza dan virus berjangkit yang lain menyebabkan kita terpaksa menjalani kehidupan dengan mengamalkan norma baharu. Anda ingin **menghantar e-mel** kepada rakan anda yang bermastautin di luar negara tentang cara-cara menghadapi wabak penyakit.

**Sediakan e-mel** anda selengkapnya

**LANGKAH 1: Analisis soalan Berdasarkan Teknik Muka (rujuk praktis 1)**




**LANGKAH 2: Rangka Karangan Teknik 5 Jari**

**Rangka Karangan Berdasarkan Teknik 5 Jari**

| Perenggan | Kata Penghadapan | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Pendahuluan | | | | | |
| Perenggan | **Teknik 5 Jari** | | | | |
| | **Isi** | **Sebab** | **Kesan positif daripada sebab** | **Contoh** | **Kesimpulan kecil** |
| Isi 1 | | | | | |
| Isi 2 | | | | | |
| Isi 3 | | | | | |






| Perenggan | **Cadangan, harapan dan kesimpulan** | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Penutup | | | | | |






**PRAKTIS 3: FORMAT E-MEL**

**TEMA: MELANCONG MENCARI MAKNA**

**DOMAIN PENDIDIKAN**

Semasa cuti persekolahan yang lalu, Kelab Rekreasi sekolah and telah mengadakan lawatan sambil belajar di Tanah Tinggi Cameron. Semasa lawatan, guru pengiring telah meminta anda memainkan peranan sebagai pemandu pelancong. Antara tempat yang dilawati ialah ladang teh, Tanah Rata dan Hutan Lumut.

Sumber: *Dipetik dan diubah suai daripada Buku*

*Teks Bahasa Melayu Tingkatan*

**SOALAN**

Rakan anda melihat gambar-gambar kenangan anda ketika lawatan sambil belajar di Tanah Tinggi Cameron di laman Facebook. Melalui e-melnya, dia meminta anda berkongsi pengalaman anda sebagai pemandu pelancong ketika lawatan tersebut

**Balas e-mel** rakan anda itu selengkapnya.






**LANGKAH 1: Analisis soalan Berdasarkan Teknik Muka (rujuk praktis 1)**




**LANGKAH 2: Rangka Karangan Teknik 5 Jari**

**Rangka Karangan Berdasarkan Teknik 5 Jari**

| Perenggan | Kata Penghadapan | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Pendahuluan | | | | | |
| Perenggan | **Teknik 5 Jari** | | | | |
| | **Isi** | **Sebab** | **Kesan positif daripada sebab** | **Contoh** | **Kesimpulan kecil** |
| Isi 1 | | | | | |
| Isi 2 | | | | | |
| Isi 3 | | | | | |






| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Perenggan | **Cadangan, harapan dan kesimpulan** | | | | |
| Penutup | | | | | |






# FORMAT RESUME

## 1. Apakah Resume?

Resume merupakan dokumen rasmi atau suatu kenyataan yang disusun padat bagi memberitahu secara ringkas mengenai seseorang untuk:

i) Menyertai sesuatu program
ii) Memohon pekerjaan dan jawatan.

## 2. Ciri-ciri Resume

A. Jawatan/Program Yang Dipohon
B. Maklumat Peribadi
C. Kenyataan Peribadi
D. Kemahiran Profesional
E. Bahasa
F. Kelayakan Pendidikan
G. Pelibatan Aktiviti
H. Penglaman Kerja
I. Rujukan

## 3. Kriteria Resume Terbaik

i) Membuka peluang kepada calon untuk ditemu duga
ii) Merupakan bentuk pemasaran diri yang membantu menonjolkan kelebihan dan kebolehan diri calon dengan lebih baik
iii) Membantu dalam memberikan gambaran lebih jelas dan positif tentang diri calon
iv) Memudahkan penemu duga memfokuskan maklumat yang relevan tentang calon untuk disuaipadankan dengan kriteria yang dicari oleh majikan
v) Menjadikan sesi temu duga berjalan lancar
vi) Membantu untuk mempengaruhi majikan dalam memberikan penilaian positif terhadap calon

## Contoh Resume Menyertai Program



# Menjulang Potensi Diri

IMBAS SAYA

Mendengar dan Bertutur

Aktiviti

1. Bersoal jawab tentang keistimewaan diri yang perlu dimiliki untuk memohon program budaya peringkat antarabangsa.
2. Simulasikan gaya berpakaian, berjalan, dan duduk yang betul semasa sesi temu duga dan nilaikan.

## Hiasi Peribadi, Yakini Diri

Nur Ain Sofia bercadang untuk menyertai program budaya peringkat antarabangsa. Resume yang sesuai perlu disediakan untuk memohon program tersebut.

### Nur Ain Sofia binti Kamarul Azmi

**Anugerah**
- Tokoh Pemimpin Muda semasa Kem Kepimpinan Pengawas Peringkat Negeri.
- Johan Pertandingan Tarian Zapin Peringkat Daerah.
- Pencapaian Terbaik PT3 Peringkat Sekolah.
- Tokoh Kokurikulum Sekolah.

**Kemahiran Teknologi Maklumat**
- Mahir menggunakan perisian *Microsoft Office*.
- Mampu menghasilkan video kreatif.
- Menguasai kemahiran reka bentuk grafik.

**Kemahiran Bahasa**

Bahasa Melayu *****
Bahasa Inggeris *****
Bahasa Jepun ***

**Alamat untuk dihubungi:**

Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Cemerlang,
Jalan Gemilang 7, Taman Jaya,
25000 Kuantan, Pahang.
No. Telefon: 019-123456789
E-mel: nurainsofiakamarul@zmail.com

**Potensi Diri**
- Mesra dan mudah bekerjasama dalam kumpulan.
- Boleh berkomunikasi dengan semua lapisan masyarakat.
- Bersedia melakukan tugas sebagai sukarelawan.
- Bersedia menerima tanggungjawab untuk memimpin.
- Jujur dan boleh dipercayai.
- Sedia menerima cabaran untuk melakukan tugasan yang sukar.
- Boleh memotivasikan diri dan bekerja di bawah tekanan.

**Kemahiran Tambahan**
- Mahir bermain beberapa jenis alat muzik moden dan tradisional.
- Mahir seni tarian zapin.
- Berkebolehan dalam pengucapan awam.

**Rujukan:**

Cik Nur Damia binti Halim
Guru Tingkatan 4 Supernova
Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Cemerlang.
No. Telefon: 012-123456789

TEMA 3 Memetik Bintang

34 KPM






*Sumber: Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4*

**PRAKTIS 1 : FORMAT RESUME**

**TEMA: KERJAYA MENITI JAYA**

**DOMAIN KERJAYA**

JAWATAN KOSONG DI SYARIKAT TELCO HOLDING

JURUTEKNIK KOMPUTER

Calon bagi lantikan ini hendaklah memiliki kelayakan seperti:

i) Diploma Sains Komputer

ii) Jati diri yang cemerlang

iii) Fasih berbahasa Melayu dan Inggeris

iv) Mahir berkomputer

Sumber: *Dipetik dan diubah suai daripada Jobstreet.com*

**SOALAN**

Anda ingin memohon jawatan sebagai juruteknik komputer seperti dalam iklan di atas. Bagi menjamin jawatan yang dipohon berjaya menarik perhatian majikan, anda perlulah menonjolkan pelbagai kebolehan yang anda miliki yang bersesuaian dengan jawatan tersebut

**Sediakan resume** anda selengkapnya.

**PANDUAN MENJAWAB PRAKTIS 1: RESUME**

**LANGKAH 1: Analisis Soalan Berdasarkan Teknik Muka**




❖ **<u>Rangka Karangan menggunakan Teknik 5 Jari tidak sesuai untuk karangan format resume)</u>**

| | |
|---|---|
| A. | Jawatan: Juruteknik Komputer |
| B | Maklumat Peribadi |
| | Nama : Mohd Khairul Nizam bin Hamat@Mat Roni<br>Umur : 28 tahun<br>Tarikh Lahir : 14 Februari 1993<br>Bangsa : Melayu<br>Jantina : Lelaki<br>E-mel : nizamhamat@gmail.com<br>Nombor Telefon : 017 972 0874 |






| | |
|---|---|
| C. | Kenyataan Peribadi |
| | Saya merupakan seorang yang peramah dan mudah bergaul dengan sesiapa sahaja tanpa mengira perbezaan latar belakang sosial, agama dan bangsa. Hal ini menyebabkan saya tidak pernah mempunyai krisis dengan rakan sekerja sepanjang saya berkhidmat di tempat kerja lama saya.<br><br>Saya juga seorang yang mempunyai semangat yang tinggi dan sentiasa mempelajari sesuatu yang baharu. Segala cabaran yang mendatang harus dihadapi kerana putus asa tidak akan membawa kita ke tahap yang lebih tinggi. Selain itu, saya juga berpegang kepada prinsip masa itu emas dan disiplin asas kejayaan dalam kehidupan. |
| D. | Kemahiran Profesional |
| | i) Mahir dalam penyelenggaraan komputer<br>ii) Mahir dalam perisian Microsoft Excel |
| E. | Bahasa |
| | i) Bahasa Melayu: Sangat mahir dalam penulisan dan pertuturan<br>ii) Bahasa Inggeris: Mahir dalam penulisan dan pertuturan |
| F. | Kelayakan Pendidikan |
| | i) Diploma Sains Komputer di Universiti Sains Malaysia<br>ii) Sijil Pelajaran Malaysia di SMK Syeikh Abdul Ghani, Bidor<br>iii) Penilaian Tingkatan Tiga di SMK Syeikh Abdul Ghani, Bidor<br>iv) Ujian Penilaian Sekolah Rendah di SK Seri Bidor |
| G. | Penglibatan Aktiviti |
| | i) Sukarelawan misi bantuan Cakna Insan Terkesan Perintah Kawalan Pergerakan daerah Batang Padang<br>ii) Ahli Jawatankuasa Masjid al-Muhtadin, Bidor |

| | |
|---|---|
| H. | Pengalaman Kerja |
| | Saya pernah bekerja sebagai jututeknik di Syarikat Telekomunikasi dan Servis Peranti Elektronik. Pengalaman kerja saya dalam jawatan ini adalah selama 5 tahun, iaitu bermula pada tahun 2015 sehingga 2020. Sepanjang bekerja di syarikat ini, saya telah mengkuti kursus Kepimpinan dan kursus Pembangunan Kemahiran untuk meningkatkan kemahiran dan kecekapan dalam pekerjaan. Selain itu, saya juga telah mendapat anugerah Pekerja Cemerlang pada tahun 2017. Saya juga mendapat anugerah bulanan Masa Itu Emas sebanyak empat kali. |
| I. | Rujukan |
| | Sebarang rujukan dan pertanyaan, pihak tuan boleh menghubungi bekas majikan saya, iaitu Tuan Haji Nor Azman Shah dalam 017 444 4444. |

**PRAKTIS 2: FORMAT RESUME**

**TEMA: KERJAYA MENITI JAYA**

**DOMAIN KERJAYA**

PELUANG KERJAYA DI SYARIKAT MEGAH HOLDING

Jawatan Penolong Setiausaha Pejabat

Kami mencari individu yang mempunyai ciri-ciri keperibadian seperti mempunyai keterampilan yang baik, mempunyai semangat yang tinggi dalam bekerja secara berkumpulan, mempunyai bakat kepimpinan, mempunyai ciri-ciri jati diri yang cemerlang dan mempunyai kelayakan pendidikan yang sesuai seperti berikut:

i) Diploma Pentadbiran Awam
ii) Diploma Sains Kesetiausahaan

Sumber: *Dipetik dan diubah suai daripada Jobstreet.com*

**SOALAN**

Anda ingin memohon jawatan sebagai Penolong Setiausaha Pejabat di syarikat di atas.

**Sediakan resume** anda selengkapnya.

## PANDUAN MENJAWAB PRAKTIS 2: FORMAT RESUME

### LANGKAH 1: Analisis Soalan Berdasarkan Teknik Muka




### RANGKA JAWAPAN PRAKTIS 2 : RESUME

| | |
|---|---|
| A. | Jawatan: |
| B | Maklumat Peribadi: |
| | Nama : <br> Umur : <br> Tarikh Lahir : <br> Bangsa : <br> Jantina : <br> E-mel : <br> Nombor Telefon : |

| | |
|---|---|
| C. | Kenyataan Peribadi |
| | |
| D. | Kemahiran Profesional: |
| | |
| E. | Bahasa |
| | |
| F. | Kelayakan Pendidikan |
| | |
| G. | Penglibatan Aktiviti |
| | |
| H. | Pengalaman Kerja |
| | |


TICKET
TO
VICTORY
DEWAN PEPERIKSAAN
22 MAC 2022 | 8.00 PAGI
AC 43214567
TICKET
TO
VICTORY
DEWAN PEPERIKSAAN
AC 43214567



| | |
|---|---|
| I. | Rujukan |
| | |

**PRAKTIS 3: FORMAT RESUME**

**TEMA: KERJAYA MENITI JAYA**

**DOMAIN PENDIDIKAN**

PROGRAM SENI KREATIF ANTARABANGSA

Kementerian Pendidikan Malaysia menggalakkan murid-murid menyertai program Seni Kreatif Antarabangsa yang diadakan di Kuala Lumpur pada tahun ini. Pihak kementerian mencari murid yang berbakat dan berminat untuk menyertai program tersebut. Pemilihan akan dilakukan oleh panel yang bertauliah untuk memastikan murid-murid yang berkelayakan sahaja akan terpilih.

Sumber: *Dipetik dan diubah suai daripada laman rasmi KPM*

**SOALAN**

Anda seorang murid yang berbakat dan berminat untuk menyertai program di atas.

**Sediakan resume** anda selengkapnya

**PANDUAN MENJAWAB PRAKTIS 2: FORMAT RESUME**

**LANGKAH 1: Analisis Soalan Berdasarkan Teknik Muka**




**RANGKA JAWAPAN PRAKTIS 2 : RESUME**

| | |
|---|---|
| A. | Jawatan: |
| B | Maklumat Peribadi: |
| | Nama : <br> Umur : <br> Tarikh Lahir : <br> Bangsa : <br> Jantina : <br> E-mel : <br> Nombor Telefon : |






| | |
|---|---|
| C. | Kenyataan Peribadi |
| | |
| D. | Kemahiran Profesional: |
| | |
| E. | Bahasa |
| | |
| F. | Kelayakan Pendidikan |
| | |
| G. | Penglibatan Aktiviti |
| | |
| H. | Pengalaman Kerja |
| | |


TICKET
TO
VICTORY
DEWAN PEPERIKSAAN
22 MAC 2022 | 8.00 PAGI
AC 43214567
TICKET
TO
VICTORY
DEWAN PEPERIKSAAN
AC 43214567



| | |
|---|---|
| I. | Rujukan |
| | |




# MODUL PANDUAN KERTAS 2 BAHAGIAN A

# BAHASA MELAYU 2021

## EDISI GURU

PANEL :

PPD KERIAN

PPD PERAK TENGAH

PPD HILIR PERAK






# SOALAN 1 : MORFOLOGI

## PANDUAN: LEMBAGA PEPERIKSAAN MALAYSIA (LPM)











KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

FORMAT BAHARU PENTAKSIRAN BAHASA MELAYU SIJIL PELAJARAN MALAYSIA MULAI TAHUN 2021

# SOALAN 1 : MORFOLOGI

- Bina ayat berdasarkan arahan soalan yang berkaitan dengan petikan atau bahan yang diberi mengikut tema
- Panjang petikan atau bahan : antara 50 hingga 80 patah perkataan
- Bina ayat sendiri : tidak boleh mengambil ayat dalam petikan atau dalam keseluruhan kertas soalan.
- Jumlah ayat yang dibina bergantung pada arahan dalam soalan.
- Jumlah markah tidak tetap : bergantung pada kehendak soalan
- Bentuk skema pemarkahan : analitik

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

FORMAT BAHARU PENTAKSIRAN BAHASA MELAYU SIJIL PELAJARAN MALAYSIA MULAI TAHUN 2021

# Soalan 1 : MORFOLOGI (Contoh 1)

*Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan* **dua kata kerja** *dan* **dua kata adjektif**. *Kemudian anda dikehendaki membina* **satu ayat and sendiri** *daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Penekanan inovasi dalam kalangan murid pendidikan khas dapat menambah baik sahsiah diri dan kualiti kehidupan, serta memudahkan pengurusan aktiviti harian murid. Jika diberi pendedahan yang tepat, mereka mampu bersaing dengan rakan murid yang normal. Inovasi berkaitan dengan persekitaran sekolah bukan sahaja memudahkan pengurusan dan meringankan beban pendidikan sepanjang proses pembelajaran di sekolah, malah dapat mewujudkan persekitaran yang mesra kepada murid kelainan upaya ini. Hal ini akan dapat melahirkan murid yang sentiasa berfikir dan berani menghadapi cabaran.

Dipetik dan diubah suai daripada
Inovasi Kreatif Memacu Kejayaan Pendidikan Khas
Oleh Hayati Adlin Mohd Abdul Majid
Dewan Siswa, Bil 1/2019

[8 *markah*]

# PENGENALAN KEPADA MORFOLOGI

**Morfologi:** merupakan bidang yang mengkaji struktur kata, bentuk kata dan penggolongan kata dalam bahasa Melayu

## BENTUK KATA

**KATA TUNGGAL**

- bentuk perkataan yang terdiri daripada satu kata dasar yang tidak berimbuhan.

**KATA TERBITAN**

- kata yang terbentuk apabila satu kata tunggal atau dasar yang menerima imbuhan.

**KATA GANDA**

- perkataan yang terbit apabila bentuk kata dasar atau kata tunggal diulang.

**KATA MAJMUK**

- kata yang terbentuk apabila dua kata dasar atau lebih.

## KATA TUNGGAL

- KATA TUNGGAL (UNIT BEBAS)
- KATA TUGAS
- KATA AKRONIM

# KATA MAJMUK

- merangkaikan dua kata dasar atau lebih
- dieja terpisah tetapi tidak ada yang bersempang.
- tidak boleh menerima sebarang penyisipan

| 15 KATA MAJMUK YANG TELAH MANTAP | | | |
|---|---|---|---|
| antarabangsa | Kerjasama | beritahu | matahari |
| suruhanjaya | sukarela | olahraga | pesuruhjaya |
| bumiputera | setiausaha | tandatangan | jawatankuasa |
| tanggungjawab | kakitangan | warganegara | |






# STRATEGI MENJAWAB SOALAN MORFOLOGI



## ★ BACA ARAHAN

1.Calon hendaklah membaca arahan soalan dengan teliti supaya dapat mengenalpasti tugasan dengan jelas.

## ★ KENAL PASTI KEHENDAK SOALAN

2. Calon hendaklah membaca petikan dan mengenal pasti perkataan yang terdapat dalam arahansoalan. Calon hendaklah menyenaraikan perkataan mengikut jumlah yang dikehendaki dalam arahan soalan.





## ★ PILIH PERKATAAN TEPAT

3. Calon haruslah memastikan perkataan yang dipilih menepati arahan soalan. Sekiranya perkataan yang dipilih tidak tepat, calon tidak akan memperoleh markah.

## ★ BINA AYAT

4. Ayat yang dibina oleh calon haruslah menunjukkan bahawa calon memahami maksud dan penggunaan perkataan tersebut dalam ayat yang dihasilkan.





## ★ TIDAK MENAMBAH/MENUKAR

5. Calon tidak dibenarkan menambah sebarang imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan tersebut sebagaiperibahasa atau kata nama khas.

## ★ AYAT GRAMATIS

6. Ayat yang dibina mestilah lengkap dan gramatis, iaitu mempunyai subjek dan predikat serta mempunyai kata penerang yang sesuai untuk menjelaskan ayat tersebut.








# Teknik Membina Ayat




## Bina ayat selengkapnya dengan Keterangan

| | SIAPA | AKTIVITI | LOKASI | ALATAN | KETERANGAN |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Ali | memikul sebatang kayu | dari dalam sungai | | untuk dibuang ke atas tebing. |
| 2 | Raju | menghulurkan bungkusan yang berisi sampah-sarap | | | kepada Ah Meng |
| 3 | Pak Mat | cuba mengambil plastik yang berisi sampah-sarap | | dengan sebatang kayu | bagi membersihkan sungai daripada timbunan sampah-sarap. |
| 4 | Empat orang lelaki | mengangkat sebatang kayu besar | yang terdapat dalam sungai | | dengan bergotong-royong. |
| 5 | Samad dan Zainal | menanam pokok bunga | di pinggir sungai | | bagi mengindahkan kawasan sungai tersebut. |

## FORMULA BINA AYAT CIKGU GOH

**KN + KK + T**

Kata Nama — Kata Kerja

T — Tempat

A — Kata Adjektif

P — Peralatan

S — Sebab

S U K B A

NOTA TAMBAHAN:

*S-supaya, U-untuk, K-kerana, B-bagi, A-agar*

**CONTOH AYAT: (Sila pilih ayat yang betul)**

1. Kai Meng membaca buku untuk menghadapi peperiksaan di perpustakaan. ☐
2. Kai Meng membaca buku di perpustakaan untuk menghadapi peperiksaan. ☐

CIKGU GOH/GCBM/FORMULA BINA AYAT CIKGU GOH








# JOM BELAJAR

## PENULISAN (MEMBINA AYAT)

Jom belajar membina ayat menggunakan teknik SKOP.

## TEKNIK SKOP

## Apa itu SKOP?

| S | K | O | P |
|---|---|---|---|
| Subjek (Siapa) | Kata Kerja | Objek | Peluasan (untuk/yang/dengan /agar/supaya/pada/ di |

~Cikgu Hanisah Ramli~






Latihan Kata Terbitan dalam Buku Teks Ting 5 (muka surat 18-19)



Membaca Tatabahasa

## Sama tetapi Tidak Serupa

Aktiviti

1. Baca, analisis, dan cari persamaan serta perbezaan maklumat dalam bahan dengan menggunakan teknik bacaan yang sesuai.
2. Kenal pasti kata terbitan dalam bahan. Kemudian, gunakan kata terbitan tersebut mengikut situasi yang sesuai.
3. Aplikasikan permainan boling dengan menggunakan alatan alternatif dan bentangkan kepada kelas.

TEMA 2 Sukan dan Rekreasi

### Cabaran Petanque

Salam sejahtera semua. Saya Alex Tong, jurulatih petanque yang diundang untuk menyampaikan taklimat berkaitan dengan sukan ini kepada anda. Taklimat saya meliputi beberapa aspek, iaitu:

**1 Format Pertandingan**
Petanque dipertandingkan dalam tiga format, iaitu perseorangan, berpasangan, dan bertiga. Bagi acara perseorangan dan berpasangan, pemain akan menggunakan tiga biji *boule*. Bagi acara bertiga pula, pemain akan menggunakan dua biji *boule*.

**2 Peralatan**
Permainan ini memerlukan beberapa biji bola besi (*boule*), sebiji bola kayu (*jack*), pita pengukur, dan tuala kecil.

**3 Gelanggang**
Petanque boleh dimainkan di gelanggang terbuka atau bertanda. Gelanggang terbuka merupakan kawasan lapang sama ada bertanah, berpasir atau berumput. Gelanggang bertanda pula ialah kawasan permainan yang dibina khas untuk permainan ini.

**4 Cara Permainan**
- Pemain pertama daripada pasukan yang mendapat undian melontar *jack* akan memilih tapak mula dan melakar satu bulatan membaling yang saiznya cukup untuk seorang pemain berdiri dengan kedua-dua belah kaki di dalamnya. Pemain pertama pasukan akan memulakan lontaran.
- Kemudian, p
daripada pasu
mengambil gilira
- Pemain melor
*pointing* sama a
*high lob*, dan
kemahiran un
*boule* kepada
dengan pihak la

**5 Penentuan Pe**
Pasukan akan diki
memperoleh mata
sembilan, 11 atau
ketetapan pengan
pertandingan telah
yang bertandin
menamatkan perta
pemenang berda
semasa pertand
kedudukan mata
pusingan tambaha
bagi menentukan p

(Sumber: *International Federation of Petanque an*

18 KPM



### Bola yang Meleret

Boling padang merupakan sukan yang digemari di negara-negara Komanwel. Permainan ini memerlukan beberapa biji bola besi asimetri yang dipanggil *bowl*, bola kayu kecil berwarna putih atau kuning yang dinamakan *jack*, pita pengukur, dan tikar.

Gelanggang boling padang dikenali sebagai *green*. Terdapat tiga jenis gelanggang, iaitu gelanggang yang ditanam dengan rumput asli, diliputi rumput tiruan, dan dihampari karpet. Gelanggang rumput asli dan rumput tiruan berada di kawasan luar, manakala gelanggang berkarpet berada di dalam dewan. Gelanggang luar dikelilingi parit yang mengandungi pasir halus dan tebingnya diperbuat daripada kayu atau konkrit serta dilapik dengan karpet atau getah supaya tidak memberikan lantunan yang kuat.

Boling padang dipertandingkan dalam empat kategori, iaitu perseorangan, berpasangan, bertiga, dan berempat untuk lelaki dan wanita. Bagi acara perseorangan dan berpasangan, pemain akan menggunakan empat biji *bowl*. Masing-masing tiga biji dan dua biji *bowl* bagi acara bertiga dan berempat.

Teknik permainan ini adalah dengan mendekatkan bola asimetri ke arah sebiji bola yang lebih kecil secara leretan. Pemain perlu meletakkan sebelah kakinya di atas tikar sebelum memulakan permainan bagi membolehkan leretan yang dilakukan itu sah dan diterima. Dalam acara perseorangan, pemain akan mendapat empat kali balingan bagi satu pusingan. Bola yang paling hampir dengan *jack* akan mendapat mata. Pemain perseorangan boleh mengumpul empat mata maksimum dan satu mata minimum. Pasukan dikira menang apabila memperoleh mata penamat 21 atau mana-mana yang terdahulu.

Permainan ini memerlukan strategi dan fokus yang tinggi kerana bola akan bergerak serong. Melalui boling padang, kecergasan badan dapat ditingkatkan kerana setiap leretan memerlukan banyak pergerakan fizikal. Sukan Komanwel merupakan pentas gemilang bagi acara ini kerana boling padang tidak dipertandingkan pada peringkat Sukan Olimpik.

(Sumber: *Malaysian Lawn Bowls Federation*, 2014)

2.2.1 Membaca untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan maklumat daripada bahan dan sumber yang berbeza dengan betul menggunakan pelbagai teknik bacaan.
5.1.2 Mengaplikasi pelbagai kata terbitan dalam pelbagai laras bahasa dengan betul mengikut konteks.

TEMA 2 Sukan dan Rekreasi

19 KPM






**TEMA ALAM SEKITAR DAN TEKNOLOGI**

**SOALAN 1 : MORFOLOGI**

**Latihan Format KSSM SPM 1**

*Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan* ***tiga kata kerja terbitan imbuhan awalan****. Kemudian anda dikehendaki membina* ***satu ayat anda*** *sendiri daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

> Tenaga hidro berasal daripada pengaliran air yang mengandungi tenaga yang boleh diubah menjadi tenaga elektrik. Tenaga hidro menampung keperluan pertanian. Hampir 90% daripada sumber tenaga yang diperbaharui datang daripada kuasa hidro. Empangan telah digunakan sebagai sebuah stesen jana kuasa hidro untuk menakung air sungai. Kelebihan tenaga ini termasuklah tenaga ini adalah percuma. Air juga dapat disimpan di dalam empangan dan sedia digunakan pada masa yang diperlukan serta tidak ada sisa buangan yang menyumbang kepada pencemaran.
>
> Dipetik dan diubah suai daripada
>
> http://www.majalah.sains.com

[6 markah]

JAWAPAN

| Kata Kerja Terbitan Imbuhan Awalan | Ayat |
|---|---|
| | |
| | |
| | |






Contoh penggunaan kata tunggal dan kata majmuk dalam Buku teks.



# Menawan Samudera

Membaca Tatabahasa Aktiviti

1. Baca syarahan dengan sebutan dan intonasi yang betul, nada yang sesuai serta kepantasan yang wajar.
2. Kenal pasti bentuk kata tunggal dan kata majmuk. Kemudian, gunakannya dengan betulnya mengikut konteks.
3. Terokai maklumat lanjut tentang kepentingan sukan air kepada negara dan persembahkannya dalam bentuk syarahan.

## Kepentingan Sukan Air

Yang Berusaha, Tuan Haji Kuswandi bin Tayen, Pengetua, Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Jauhari, barisan guru penolong kanan, guru kanan mata pelajaran, guru cemerlang, guru-guru, dan rakan-rakan yang dikasihi. Bersempena dengan Hari Air Sedunia yang akan disambut pada 22 Mac setiap tahun, saya akan menyampaikan syarahan yang bertajuk, "Kepentingan Sukan Air".

Hadirin yang dihormati,
Aktiviti sukan, khususnya sukan air, merupakan suatu aktiviti yang sangat menyeronokkan. Saya percaya hadirin juga gemar berkelah dan bersantai di badan air seperti di tepi pantai, jeram, dan taman tema air, bukan? Namun, selain menghirup udara segar dan berenang di tepi pantai, pernahkah hadirin mengambil bahagian dalam aktiviti sukan air, antaranya termasuklah luncur jet, luncur air, luncur angin, layar-layang, luncur udara, bersnorkel, mahupun selam skuba? Saya yakin bilangan yang pernah mencubanya boleh dikira dengan jari. Oleh itu, marilah sama-sama kita telusuri kepentingan sukan air kepada kita.

Hadirin yang dihormati,
Kebanyakan sukan air memerlukan stamina, kecergasan fizikal, dan kecerdasan mental selain kemahiran khusus tentang sukan tersebut. Kita ambil contoh aktiviti berkayak. Pengalaman menyusuri jeram yang deras mampu mempercepat pengeluaran adrenalina. Jantung juga akan berdegup kencang bagi menghantar oksigen ke seluruh bahagian tubuh.

TEMA 1 Merealisasikan Impian

4 KPM

**Nota Panduan Untuk Guru:**

| | |
|---|---|
| Buku Teks | : Halaman 4 |
| Tema 1 | : Merealisasikan Impian |
| Tajuk | : Menawan Samudera |
| Aktiviti 2 | : Kenal pasti bentuk kata tunggal dan kata majmuk. Kemudian gunakannya dengan betul mengikut konteks. |
| Jawapan | : Halaman 233 |

ii. Contoh penggunaan kata tunggal dan kata majmuk dalam bahan grafik



# LABUR

BULETIN BULANAN KELAB PELABURAN BIJAK

**ISU BULAN INI**

- MELABUR KETIKA USIA REMAJA
- DURIAN RUNTUH UNTUK PELABUR ASB!
- APAKAH ITU PATUH SYARIAH?
- CARA MENYEMAK PURATA DIVIDEN SETAHUN
- KETAHUI PELABURAN PETRONAS DI BRAZIL
- SENARAI PEMENANG KUIZ LABUR

## Pelaburan Unit Amanah

oleh Anna Sofea

Bentuk pelaburan ini melibatkan tiga pihak, iaitu pelabur, pengurus dana, dan pemegang amanah. Pelabur bertanggungjawab memberikan modal kepada pengurus dana untuk membuat pelaburan. Pemegang amanah pula bertanggungjawab memastikan modal yang diberikan oleh pelabur diuruskan dengan betulnya oleh pengurus dana. Pelaburan sebegini mendatangkan keuntungan tetapi memandangkan pelaburan melibatkan pelbagai pihak, keuntungan pelaburan perlu dibayar juga kepada pihak lain.

Selain itu, pelaburan sebegini menuntut para pelabur sabar menanti hasil pelaburan mereka. Jika pelabur mengeluarkan wang pelaburan mereka sebelum tempoh matang, mereka tidak mendapat dividen seperti yang diharapkan. Contoh pelaburan sebegini yang terkenal di negara ini ialah Amanah Saham Bumiputera (ASB), Amanah Saham Nasional (ASN), dan Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN).

## PELABURAN EMAS

1 BENTUK PELABURAN

Anda boleh melabur dalam bentuk emas fizikal atau akaun simpanan emas.

2 KECAIRAN

Emas fizikal boleh dijual atau digadai pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja. Pelaburan akaun simpanan emas boleh dikeluarkan pada bila-bila masa dalam waktu perbankan.

3 RISIKO

Pelabur emas fizikal berdepan dengan risiko kecurian, rompakan, dan kos tambahan untuk menyimpan emas di tempat yang selamat. Pelabur akaun simpanan emas berdepan dengan kerugian jika mengeluarkan pelaburan sebelum tempoh matang, iaitu dengan menjual emas di bawah harga belian kerana memerlukan wang untuk tujuan kecemasan. Pelaburan emas juga merupakan antara bentuk pelaburan yang banyak berlaku penipuan.

4 KEUNTUNGAN

Keuntungan pelaburan ini bergantung pada turun naik harga emas di pasaran.

Ekonomi, Keusahawanan dan Pengurusan Kewangan

2.3.2 Membaca untuk mengenal pasti dan menyelesaikan masalah daripada pelbagai bahan menggunakan teknik bacaan yang sesuai.
5.1.1 Mengaplikasi bentuk kata tunggal dan kata majmuk dalam pelbagai laras bahasa dengan betul mengikut konteks.

113

## Latihan Format KSSM SPM 2

CONTOH BERDASARKAN BUKU TEKS TINGKATAN 5 (M/S 4-5)

*Kenal pasti dua kata tunggal dan dua kata majmuk yang terdapat dalam petikan di bawah dan bina ayat anda sendiri daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan anda faham akan maksud dan penggunaannya.*

Wabak influenza ketika ini dalam keadaan terkawal. Walau bagaimanapun, terdapat peningkatan kes di 10 buah negeri termasuk bandar raya Kuala Lumpur dan Putrajaya. Menurut Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham bin Abdullah, peningkatan influenza dikesan menerusi analisis semasa bagi pola aktiviti influenza. Analisis ini melibatkan pesakit influenza yang dikesan di klinik dan hospital di seluruh negara. Kemasukan pesakit ke wad dengan jangkitan pernafasan akut teruk juga diambil kira dalam analisis ini.

Sumber: *Berita Harian,* 14 Januari 2020

[8 markah]

| Kata Tunggal | Contoh Ayat |
|---|---|
| | |
| | |

| Kata Majmuk | Contoh Ayat |
|---|---|
| | |
| | |

**Latihan Format KSSM SPM 3**

**TEMA: KESELAMATAN**

*Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan dua kata tunggal dan dua kata majmuk. Kemudian anda dikehendaki membina ayat sendiri daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

"Kita sudah melihat kesan akibat pembangunan tidak teratur dan hanya menekankan faktor keuntungan semata-mata. Kita perlu sedar bahawa usaha menjadi sebuah negara maju tidak akan tercapai dengan hanya bangunan pencakar langit tetapi sungai tercemar, hutan menjadi tanah tandus dan udara dicemari. Kita hanya akan berjaya (menjadi negara maju) apabila berupaya memastikan pembangunan negara beriringan dengan pemuliharaan alam semula jadi dan kehijauan kawasan persekitaran."

Dipetik daripada ucapan Tun Dr. Mahathir Mohamad.
*BH Online*, 20 April 2019
[8 markah]

| Kata Tunggal | Contoh Ayat |
|---|---|
| | |
| | |

| Kata Majmuk | Contoh Ayat |
|---|---|
| | |
| | |

**Latihan Format KSSM SPM 4**

*Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan dua kata tunggal dan dua kata majmuk. Kemudian anda dikehendaki membina ayat sendiri daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Malaysia perlu memanfaatkan hubungan baik dengan negara luar dan tidak menjadi seperti katak di bawah tempurung serta enggan bekerjasama dengan negara lain. Kemasukan pelabur asing banyak membantu pertumbuhan ekonomi negara di sebalik ketidaktentuan ekonomi global dan ini telah menunjukkan keyakinan dunia antarabangsa terhadap pentadbiran negara. Kerjasama untuk menjalinkan hubungan diplomatik dengan negara luar akan diteruskan, malah lebih komited dalam membawa harapan serta kepentingan rakyat Malaysia di mata dunia.

Sumber: *Bernama*, 9 September 2017

[8 markah]

| **Kata Tunggal** | **Contoh Ayat** |
|---|---|
| | |
| | |

| **Kata Majmuk** | **Contoh Ayat** |
|---|---|
| | |
| | |

**TEMA: SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

**Latihan Format KSSM SPM 5**

*Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan* **dua kata bantu** *dan* **dua kata bilangan.** *Kemudian anda dikehendaki membina* **satu ayat anda sendiri** *daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau kata nama khas.*

Teknik layar hijau ialah teknik suntingan yang menggabungkan gambar atau video menjadi suatu gambar atau video yang baharu. Layar hijau telah lama digunakan dalam penghasilan filem atau penerbitan lain. Melalui teknik ini, gambar atau video dapat diasingkan atau digabungkan di dalam satu bingkai.

Teknik ini telah digunakan secara amat meluas pada masa ini. Hal ini dikatakan demikian kerana penggunaan teknik ini dapat menjimatkan kos yang besar. Penjimatan kos ini termasuklah kos pengangkutan, penyediaan peralatan lakonan, sewaan tempat penyiaran, atau kos-kos yang lain. Dua filem terkenal seperti filem adiwira *Man of Steel* dan filem aksi futuristik, iaitu *The Matrix* menggunakan teknik ini.

Dipetik dan diubah suai daripada *Keajaiban Dunia Penerbitan,*
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 2

[8 markah]

| Kata bantu | Contoh ayat |
|---|---|
| | |
| | |
| **Kata bilangan** | **Contoh ayat** |
| | |
| | |






## SOALAN 2 : SINTAKSIS

PANDUAN: LEMBAGA PEPERIKSAAN MALAYSIA (LPM)











KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

FORMAT BAHARU PENTAKSIRAN BAHASA MELAYU SIJIL PELAJARAN MALAYSIA MULAI TAHUN 2021

# SOALAN 2 : SINTAKSIS

- Skop item / soalan : Susunan ayat, binaan ayat, ragam ayat (subjek - predikat, pola ayat, ayat susunan biasa - songsang, aktif - pasif, ajuk - pindah dll)
- Soalan terdapat dalam petikan dan mengikut tema.
- Panjang petikan atau bahan : antara 50 hingga 80 patah perkataan
- Jumlah soalan bergantung pada arahan dalam soalan.
- Jumlah markah tidak tetap : bergantung pada kehendak soalan
- Bentuk skema pemarkahan : analitik

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

FORMAT BAHARU PENTAKSIRAN BAHASA MELAYU SIJIL PELAJARAN MALAYSIA MULAI TAHUN 2021

# Soalan 2 : SINTAKSIS (Contoh 1)

*Baca petikan di bawah dengan teliti. Tukarkan* **ayat bersusunan biasa** *yang bergaris kepada* **ayat bersusunan songsang** *tanpa mengubah maksud asalnya.*

Bidang keusahawanan wajar diterokai oleh golongan remaja. Bidang ini dapat mendidi remaja menjadi lebih berdaya kreatif. Sesungguhnya amat luas ruang bagi golongan remaj menceburi bidang ini. Remaja yang melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi jug boleh menceburi bidang tersebut. Oleh hal yang demikian para remaja yang berminat dalar bidang ini tidak mempunyai masalah untuk mengikuti kursus dan latihan keusahawanan. Ib bapa perlu memberikan sokongan kepada anak-anak yang berminat dalam bidang ini.

Dipetik dan diubah suai daripa
Ayuh, Jadilah Usahawa
Oleh Syed Mahadzir bin Syed Ibrahi
Dewan Siswa, Bil 7/20

[6 marka

# PENGENALAN KEPADA SINTAKSIS

Sintaksis ditakrifkan sebagai bidang ilmu bahasa yang mengkaji bentuk, struktur dan binaan atau konstruksi ayat.

| SKOP SINTAKSIS | |
|---|---|
| 1 | Subjek dan Predikat |
| 2 | Pola Ayat :<br>FN + FN, FN + FK, FN + FA, FN + FS |
| 3 | Susunan Ayat :<br>Ayat Susunan Biasa, Ayat Songsang |
| 4 | Jenis-jenis Ayat :<br>Ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah dan ayat seruan |
| 5 | Ragam Ayat :<br>Ayat aktif - ayat pasif |
| 6 | Ayat Majmuk dan Ayat Tunggal |
| 7 | Ayat cakap ajuk dan cakap pindah |

## RAGAM AYAT : AYAT AKTIF AYAT PASIF

**Ayat Aktif**

1. Ayat aktif ialah ayat yang mengandungi kata kerja yang mengutamakan subjek asal sebagai unsur yang diterangkan.
2. Ayat aktif terdiri daripada ayat aktif transitif dan ayat aktif tak transitif.
3. Ayat aktif transitif ialah ayat yang mengandungi kata kerja transitif yang diikuti oleh frasa nama atau klausa komplemen sebagai objek atau unsur penyambut.
4. Ayat aktif tak transitif ialah ayat yang mengandungi kata kerja yang tak transitif iaitu yang tidak diikuti oleh objek sebagai penyambut.

Contoh :

**a) Ayat Aktif Transitif**

| Subjek | Predikat | |
|---|---|---|
| | **Kata Kerja Transitif** | **Objek** |
| Pekerja | membaiki | jalan itu. |
| Budin | membeli | buah durian. |

**b) Ayat Aktif Tak Transitif**

| Subjek | Predikat | |
|---|---|---|
| | **Kata Kerja Tak Transitif** | **Objek** |
| Kanak-kanak | sedang mandi | di kolam itu. |
| Diana | menangis | sepanjang malam. |

**Ayat Pasif**

1. Ayat pasif ialah ayat yang asalnya daripada ayat aktif transitif iaitu yang mengandungi kata kerja tetapi mengutamakan objek asal sebagai unsur yang diterangkan.
2. Ayat pasif dalam bahasa Melayu digolongkan kepada tiga jenis iaitu:
   a. Ayat pasif dengan imbuhan kata kerja pasif
   b. Ayat pasif dengan kata ganti nama diri pertama dan kedua
   c. Ayat pasif dengan perkataan kena yang hadir sebelum kata kerja.

**i) Ayat pasif dengan imbuhan kata kerja pasif**

| Subjek | Kata Kerja Pasif | Oleh + Frasa Nama | Keterangan |
|---|---|---|---|
| Kereta itu | sudah dibeli | oleh Amin | minggu lepas |
| Semak samun | dibersihkan | oleh pekerja | setiap bulan. |

**ii) Ayat pasif dengan kata ganti nama diri pertama dan kedua**

| Subjek | Frasa Kerja Pasif dengan Ganti Nama Diri Pertama atau kedua | Keterangan |
|---|---|---|
| Kereta itu | sudah saya bersihkan | pagi tadi. |
| Kuih itu | belum awak makan | lagi. |

**iii) Ayat pasif dengan perkataan kena yang hadir sebelum kata kerja**

| Subjek | Kena | Kata Kerja Dasar | Oleh+Frasa Nama |
|---|---|---|---|
| Rusa itu | kena | tembak | oleh pemburu. |
| Budak itu | kena | kejar | oleh anjing. |

| AYAT AKTIF | AYAT PASIF |
|---|---|
| Ahmad telah menangkap ikan di sungai itu. | Ikan telah ditangkap oleh Ahmad di sungai itu. |
| Kamu perlu menyertai Bengkel BM SPM yang dianjurkan oleh PIBG sekolah kita | Bengkel BM SPM yang dianjurkan oleh PIBG sekolah kita perlu kamu sertai. |
| Pengetua menyeru calon-calon SPM agar tidak ponteng semasa kelas tambahan diadakan. | Calon-calon SPM diseru oleh pengetua agar tidak ponteng semasa kelas tambahan diadakan. |

**PANDUAN MENUKARKAN AYAT AKTIF KEPADA AYAT PASIF DAN SEBALIKNYA**

1. Hanya ayat aktif yang berawalan *meN-, memper-…-kan, memper-…-i. meN-…-I* dan *ter-* dapat dipasifkan
2. Kenal pasti jenis kata ganti nama diri.

| | |
|---|---|
| KGND I | saya, aku, kita , kami, beta, hamba, patik, ku |
| KGND II | kamu, engkau, kau, mu, kalian, anda, tuanku, saudara, saudari, tuan, puan, tuan hamba |
| KGND III | dia, ia, -nya, mereka, baginda, ( nama orang), (nama pihak), ( nama institusi), ( nama benda) |






3. Kenal pasti bentuk ayat aktif dan ayat pasif.

| Ayat Aktif | | | |
|---|---|---|---|
| Abang sedang membaiki motosikal pusaka kesayangan ayah di belakang rumah | | | |
| Abang | sedang membaiki | motosikal pusaka kesayangan ayah | di belakang rumah |
| Subjek | Kata bantu, kata kerja transitif aktif | objek | keterangan |
| **Ayat Pasif** | | | |
| Motosikal pusaka kesayangan ayah sedang dibaiki oleh abang di belakang rumah | | | |
| Motosikal pusaka kesayangan ayah | sedang dibaiki | oleh abang | di belakang rumah |
| Subjek | Kata bantu, kata kerja transitif pasif | objek | keterangan |

*Catatan*
Kata Kerja ***membaiki*** *tukar kepada* ***dibaiki*** *dan diikuti* ***oleh*** kata bantu *tidak boleh digugurkan.*
Keterangan *dikekalkan pada hujung ayat.*

4. Rumus menukarkan **ayat pasif diri pertama** dan **kedua**

a) Kata kerja tidak boleh berimbuhan ***di...oleh***
b) Subjek mesti diterbalikkan. – *kita hendaklah* jadi hendaklah kita
c) Kata kerja tidak boleh berimbuhan awalan. – *mengangkat jadi* angkat
d) Contoh:

| | | | |
|---|---|---|---|
| Saya (KGND1) telah mengangkat<br>Subjek kata bantu + KKA | kotak itu<br>Objek | ke bilik guru<br>Keterangan | Ayat Aktif |
| | | | |
| Kotak itu<br>Objek | telah saya angkat<br>kata bantu + KGND 1 + KKP (tanpa imbuhan awalan<br>Subjek | ke bilik guru<br>Keterangan | Ayat Pasif |

5. Rumus menukarkan **ayat pasif diri ketiga**

   a) Kata kerja mesti berimbuhan di… oleh – *mengangkat* jadi diangkat oleh

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| Mereka<br>(KGND3)<br>Subjek | telah mengangkat<br>kata bantu + KKA | kotak itu<br>Objek | ke bilik guru<br>Keterangan | Ayat Aktif |
| | | | | |
| Kotak itu<br>Objek | telah diangkat oleh<br>kata bantu + KKP + oleh | mereka (KGND3)<br>Subjek | ke bilik guru<br>Keterangan | Ayat Pasif |

6. Rumus menukarkan **ayat pasif berimbuhan ter-**

a) Kata kerja berimbuhan *ter-* mestilah dikekalkan. – *Saya terambil* jadi **terambil oleh saya.**

b) **Contoh:** Ira tidak terangkat buku yang berat itu kerana demam. (Ayat aktif)

Buku yang berat itu **tidak terangkat oleh** Ira kerana demam. (Ayat pasif)

**Bahan Rujukan**

| **1. Buku Tatabahasa Dewan** | |
|---|---|
| Bahagian III Sintaksis | muka surat 337 |
| Bab 11 Pengenalan -muka surat | muka surat 339-357 |
| Bab 12-Frasa Nama | muka surat 359-382 |
| Bab 13-Frasa Kerja | muka surat 385-402 |
| Bab 14-Frasa Adjektif | muka surat 405-416 |
| Bab 15-Frasa Sendi Nama | muka surat- 421-428 |
| Bab16-Ayat-Pengenalan | muka surat431-460 |
| Bab17-Ayat Tunggal- | muka surat 463-494 |
| Bab 18-Ayat majmuk | muka surat-497-525 |
| Bab18-Proses Penerbitan ayat | muka surat- 531-581 |
| 2. Blog Bumi Gemilang<br>a. https://www.bumigemilang.com/nota-tatabahasa-bahasa-melayu-1/ | |
| 3. Kamus Dewan secara dalam talian:<br>https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=kamus%20online | |

## PETUA MENJAWAB SOALAN AYAT SUSUNAN BIASA DAN AYAT SUSUNAN SONGSANG

1. Guru perlu menguasai pola ayat dasar dan konstruksi dalam binaan ayat dasar, konsep ayat tunggal dan ayat majmuk serta konsep ayat susunan biasa dan ayat susunan songsang Bahasa Melayu.
2. Hanya melibatkan penyusunan ayat (bahagian subjek dan predikat) tanpa melibatkan perubahan imbuhan di bahagian kata kerja dan sebagainya.
3. Lakukan proses pendepanan predikat sama ada sepenuhnya atau sebahagian tanpa mengubah makna ayat dan kata kerja.
4. Kenal pasti dan menggunakan frasa nama ,frasa kerja ,frasa adjektif dan frasa sendi nama dengan tepat dan betul serta mengikut konteks ayat.






5. Contoh seperti dalam jadual di bawah.

| | |
|---|---|
| **Ayat susunan biasa**<br>Binaan subjek i. Kata nama<br>ii. Kata ganti nama<br>iii. Kata kerja berfungsi sebagai kata nama<br>iv. Kata adjektif berfungsi sebagai kata nama.<br>Binaan Predikat i. Frasa Nama<br>ii. Frasa Kerja<br>iii. Frasa Adjektif<br>iv. Frasa Sendi Nama<br>(sila rujuk Buku Tatabahasa Dewan Edisi Tiga di muka surat 463-478) | (a) subjek + predikat<br>Dia+ abang saya.<br>Sungai ini + sangat dalam.<br>Bukit Fraser + di negeri Pahang.<br>Pertunjukan itu + berakhir esok.<br>Itu + tuduhan yang melampau.<br>Bersenam + menyihatkan badan.<br>Kedekut +sifat yang buruk.<br><br>(b) Subjek + predikat + keterangan<br>Kakak +sedang menyanyi +di dalam kamar.<br><br>(c) Subjek + predikat + objek+ penyambut<br>Ahmad +membasuh+ kereta + ayahnya.<br>(d) Subjek + predikat + Pelengkap<br>Kamu + tunggu + dia di sini. |
| **Ayat susunan songsang**<br>(sila rujuk Buku Tatabahasa Dewan Edisi Tiga di muka surat 478-483) | (a) Pendepanan seluruh predikat<br>I. Perangainya *baik sungguh*.<br>*Baik sungguh* perangainya.<br>ii. Surat itu *dari seberang laut datangnya*.<br>*Dari seberang laut datangnya* surat itu.<br>(b) Pendepanan sebahagian predikat<br>i. Pendepanan frasa kerja<br>* Hati saya *terkilan* tadi.<br>*Terkilan* hati saya tadi.<br>ii. Pendepanan kata kerja dengan kata bantu. |






Samb.

| | |
|---|---|
| **Ayat susunan songsang**<br>(sila rujuk Buku Tatabahasa Dewan Edisi Tiga di muka surat 478-483) | * Guru itu *sedang mengajar* di bilik darjah.<br>*Sedang mengajar* guru itu di bilik darjah.<br>iii. Pendepanan frasa Adjektif<br>* Badannya *lesu* sepanjang masa.<br>*Lesu* badannya sepanjang masa.<br>iv. Pendepanan kata adjektif dengan kata bantu.<br>* Buah itu *belum tentu baik* di bahagian dalamnya.<br>*Belum tentu baik* buah itu di bahagian dalamnya.<br>v. Pendepanan frasa sendi nama<br>* Hadiah itu *untuk ibu* pada majlis hari lahirnya.<br>*Untuk ibu* hadiah itu pada majlis hari Lahirnya. |






**Latihan Pengkuhan (1)**

**Tukarkan ayat aktif di bawah kepada ayat pasif**

1. Kami sedang menjalankan tugas sebagai urus setia Kem Kepimpinan Pelajar di Kem Mawaddah.

2. Kita harus mengambil makanan yang berkhasiat setiap hari supaya kesihatan sentiasa terjamin

3. Pekerja kontrak telah menebang pokok rambutan yang reput itu petang tadi.

4. Persatuan Kebudayaan telah merancang pertandingan permainan tradisional semasa sambutan Hari Guru Peringkat Sekolah.

5. Pengetua menyeru calon-calon SPM agar tidak ponteng semasa kelas tambahan diadakan.

**Latihan Pengukuhan (2)**

**Tukarkan ayat aktif di bawah kepada ayat pasif**

1. Rumah mewah di atas bukit itu saya beli dengan duit titik peluh saya sendiri.

   ______________________________________________

   ______________________________________________

2. Kuih bahulu yang sedap itu dibuat oleh ibu Anita sempena hari hari lahir Kalsom.

   ______________________________________________

   ______________________________________________

3. Kerusi-kerusi di padang itu disusun oleh mereka sebelum acara sukan bermula.

   ______________________________________________

   ______________________________________________

4. Buku cerita yang terdapat di perpustakaan sudah dibaca oleh semua pelajar.

   ______________________________________________

   ______________________________________________

5. Lampu di hadapan rumah selalu saya pasang sebelum tidur

   ______________________________________________

   ______________________________________________






## Contoh Latihan Sintaksis dalam Buku Teks

**Soalan 5**

*Jawab semua soalan dalam bahagian ini.*

1. Berdasarkan ayat-ayat di bawah:

> i. Kenal pasti dan gariskan bahagian subjek dan predikat.
> ii. Kenal pasti dan tulis pola ayat.

a. Suara penyanyi itu amat merdu sekali.
   i. Subjek: ____________________
      Predikat: ____________________
   ii. Pola ayat: ____________________

b. Puan Maria suka menjahit pakaian anak-anaknya sendiri.
   i. Subjek: ____________________
      Predikat: ____________________
   ii. Pola ayat: ____________________

c. Pemuda yang segak itu dari sebuah negeri di utara Semenanjung.
   i. Subjek: ____________________
      Predikat: ____________________
   ii. Pola ayat: ____________________

d. Kanak-kanak yang sedang tertawa itu johan pertandingan syarahan alam sekitar.
   i. Subjek: ____________________
      Predikat: ____________________
   ii. Pola ayat: ____________________

2. Berdasarkan ayat-ayat di bawah:

> i. Tukar susunan ayat kepada susunan songsang.
> ii. Cerakinkan ayat kepada ayat-ayat tunggal.

a. Kita hendaklah berjimat cermat dalam penggunaan air dan tenaga elektrik.
b. Pembakaran terbuka dilarang sama sekali agar jerebu tidak bertambah buruk.
c. Kilang itu menawarkan potongan harga bagi semua barangan kerana akan berpindah ke kawasan lain tidak lama lagi.
d. Sulaman manik dan labuci dapat dipelajari dengan mudahnya melalui video.
e. Rebana sejenis alat muzik tradisional yang diperbuat daripada kulit kambing.

TEMA 13
Segalanya Bermula di Sini

**Latihan Format KSSM SPM (1)**

**Tema 3 : Perpaduan**

*Baca petikan di bawah dengan teliti*. Tukarkan ayat **bersusunan biasa** *yang bergaris kepada* **ayat bersusunan songsang** *tanpa mengubah maksud asalnya*.

Patriotisme perlu ditanam semasa zaman kanak-kanak lagi kerana apabila kanak-kanak menyukai rumah dan negara mereka. Mereka akan membesar dengan menghargai warisan, kepelbagaian sejarah dalam semua aspek. Patriotisme boleh ditanam dalam kalangan pelajar melalui kesedaran, pendidikan dan pengetahuan. Sistem pendidikan harus disesuaikan untuk memupuk rasa bangga dan kepunyaan bangsa. Rasa kepunyaan ialah unsur penting yang perlu dipelihara dalam kalangan pelajar. Hanya melalui perasaan kepunyaan, generasi muda Malaysia boleh dibentuk menjadi warganegara yang bertanggungjawab dan matang serta pemimpin masa depan negara. Kanak-kanak kecil boleh dibentuk dengan tidak melihat perkara melalui kanta berwarna budaya berbeza. Letakkan anak-anak bersama-sama dan biarkan mereka membesar bersama supaya anak-anak akan dapat mengenali, memahami dan menghayati rakan mereka

Dipetik dan diubahsuai
Memupuk semangat perpaduan dan patriosme
Oleh Tan Sri Lee Lam Thye
https://www.bharian.com.my/rencana/surat-pembaca/2018/09

[6 *markah*]






**Jawapan**

1. Mereka akan membesar dengan menghargai warisan kepelbagaian sejarah dalam semua aspek.

2. Rasa kepunyaan ialah unsur penting yang perlu dipelihara dalam kalangan pelajar.

3. Kanak-kanak kecil boleh dibentuk dengan tidak melihat perkara melalui kanta berwarna budaya.






**Latihan Ayat Tanya dalam Buku Teks Tingkatan 4 (212 - 213)**



# Inovasi 5G

1. Baca dan analisis bahan untuk mengenal pasti punca masalah. Kemudian, kemukakan cadangan penyelesaian secara rasional.
2. Kenal pasti jenis-jenis ayat dalam bahan dan bina ayat berdasarkan jenis-jenis ayat tersebut mengikut konteks.
3. Berdasarkan bahan, cipta bahagian kesudahan cerita menggunakan pelbagai jenis ayat.

## Adiwira 5G

Kapten Zareer dan tiga orang Pasukan Petugas 5G (PP5G) sedang menghadap skrin besar di hadapan mereka. Di sebelahnya ialah Rob-My2 yang berkecerdasan pintar yang tinggi siap siaga menjadi mata dan telinga untuk menangkap sesuatu pergerakan kecemasan.




TEMA 15

Angin Perubahan Membadai

[212]

**Latihan Format KSSM SPM (2)**

*Berdasarkan petikan di bawah ini, bina* **enam ayat tanya** *yang lengkap dengan menggunakan kata tanya yang betul. Kata tanya yang digunakan hendaklah bersesuaian dengan frasa yang berhuruf condong.*

*Ramlee Awang Murshid digelar sebagai "Penulis Thriller No, 1 Malaysia'.* Novel beliau mendapat sambutan hebat dalam kalangan pembaca. Para peminat begitu mengagumi karya-karya beliau sehingga tertubuhnya kelab peminat beliau, iaitu Kelabram.

*Karya pertama beliau yang berjudul Igauan Maut (1995)* memenangi tempat kedua dalam peraduan menulis novel anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka. *Novel Pei Pan (2002) turut memenangi tempat kedua dalam pertandingan novel Hadiah Sako 2 anjuran Utusan Publication & Distributors.*

*Novel Tombiruo (1998) telah diadaptasi sebagai filem* dengan judul Tombiruo: Penung Rimba pada tahun 2017. Novel Mandatori (2000) pula telah diadaptasi sebagai siri televisyen dengan judul yang sama pada tahun 2018.

*Ramlee Awang Murshid telah menulis lebih daripada 30 buah novel*. *Hasil daripada pendapatan dalam bidang penulisan, beliau telah dapat membeli kereta dan rumah idaman.* Beliau dan keluarga menikmati kesenangan daripada novel-novel yang dihasilkannya

Dipetik dan diubah suai daripada
*Bakat Menulis Pulangan Lumayan*
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 3






**Jawapan:**

1 ______________________________________________

***Ramlee Awang Murshid digelar sebagai "Penulis Thriller No, 1 Malaysia'***

2 ______________________________________________

***Karya pertama beliau berjudul Igauan Maut.***

3 ______________________________________________

______________________________________________

***Novel Pei Pan (2002) turut memenangi tempat kedua dalam pertandingan novel Hadiah Sako 2 anjuran Utusan Publication & Distributors.***

4 ______________________________________________

***Novel Tombiruo (1998) telah diadaptasi sebagai filem.***

5 ______________________________________________

***Ramlee Awang Murshid telah menulis lebih daripada 30 buah novel.***

6 ______________________________________________

______________________________________________

***Beliau telah dapat membeli kereta dan rumah idaman.***






## BAHASA MELAYU (KERTAS 2: BAHAGIAN A)

## SOALAN 3 : PENYUNTINGAN

PANDUAN: LEMBAGA PEPERIKSAAN MALAYSIA (LPM)







TICKET
TO
VICTORY
DEWAN PEPERIKSAAN
22 MAC 2022 | 8.00 PAGI


FORMAT BAHARU PENTAKSIRAN BAHASA MELAYU SIJIL PELAJARAN MALAYSIA MULAI TAHUN 2021
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
SOALAN 3 : PENYUNTINGAN
• Soalan penyuntingan mengikut teks tunggal, teks bersambung atau teks pelbagai (petikan, dialog, iklan, kad ucapan dll)
• Panjang teks : antara 50 hingga 80 patah perkataan
• Jumlah kesalahan bahasa bergantung pada jumlah markah dalam soalan.
• Jenis kesalahan yang diuji : ejaan, imbuhan, tanda baca, istilah, frasa dll
• Jumlah markah tidak tetap : bergantung pada kehendak soalan
• Bentuk skema pemarkahan : analitik


FORMAT BAHARU PENTAKSIRAN BAHASA MELAYU SIJIL PELAJARAN MALAYSIA MULAI TAHUN 2021
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
SOALAN 3 : PENYUNTINGAN (Contoh 2)
Petikan di bawah mengandungi 13 kesalahan bahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada 13 kesalahan yang terdapat dalam petikan. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.
Campur tangan di Perak bermula akibat masalah perlumbaan takhta kerajaan Perak antara Sultan Abdullah dan Sultan Ismail. Sultan Abdullah telah bertindak dengan cuba meminta tolong dan sokongan daripada pihak British. Perjanjian Pangkor berjaya ditandatangani pada 20 Januari 1874 dan Sultan Abdullah dilantik sebagai Sultan Perak. Kesannya Sistem Residen diperkenal oleh pihak British yang kononnya bertindak sebagai penasihat kepada Sultan Perak di dalam urusan pentadbiran negeri.
Residen pertama yang pihak British lantik untuk menjawat jawatan residen ialah JWW Birch. Sir Andrew Clark menyatakan bahawa Birch merupakan calun yang paling layak kerana beliau pernah bertugas sebagai pegawai British di Ceylon sebelum ini. Malangnya kemasukan Birch di Perak sebagai residen tidak di senangi dalam kalangan orang Melayu. Hal ini berpunca daripada pertukaran yang dilakukan oleh beliau di Perak seperti isu dihambakan dan peraturan tanah.
Dipetik dan diubah suai daripada
Perancangan Pembunuhan JWW Birch
oleh Wan Mohd Rahimi Rahim
Dewan Siswa, Januari 2016
[13 markah]






## BENTUK DAN FORMAT SOALAN 3 (PENYUNTINGAN)

1. Satu teks akan dikemukakan sama ada berbentuk teks tunggal, teks bersambung, atau teks pelbagai. Contohnya petikan, dialog, iklan, kad ucapan , dan lain-lain.
2. Murid perlu mengenal pasti pelbagai kesalahan bahasa yang perlu dibetulkan.
3. Jenis kesalahan tidak dinyatakan dalam soalan.
4. Antara kesalahan yang diuji dalam soalan penyuntingan adalah seperti berikut:

| | |
|---|---|
| **Ejaan** | Huruf kecil dan besar ( sabtu X, Sabtu /)<br>Imbuhan pinjaman ( anti-Amerika / , witahunan / )<br>Keselarasan vokal ( bolohX, buluh /)<br>Kelainan konsonan (kawat, kawad)<br>Kelainan vokal (telor, telur)<br>Bahasa pinjaman (silaturrahim X, silaturahim /) |
| **Imbuhan** | Awalan<br>Akhiran<br>Apitan<br>Sisipan |
| **Tatabahasa** | **Penggunaan kata**<br>Kata pemeri ( ialah, adalah)<br>Kata sendi nama (pada, di, ke, kepada, dari, daripada)<br>Kata nafi (bukan,tidak)<br>Kata ganda (semua kerja, kerja-kerja)<br>Kata bilangan (setiap murid, sesetengah murid)<br>Kata tanya (apakah?, apa?) |






| | |
|---|---|
| **Tatabahasa** | **Frasa**<br>Hukum D-M (pisang goreng)<br>Frasa Kerja Transitif (menegaskan + objek)<br>Frasa Kerja Tak Transitif (masuk + sendi nama)<br>Frasa Kerja Pasif (Buku itu saya baca.)<br>Frasa sendi nama: tidak boleh hadir secara berturut.<br>(sejak dari kecil X , hingga ke petang X)<br>Frasa nama jamak: kata jamak+ kata tunggal<br>(Berguguran dedaun X, deretan rumah-rumah X)<br>Frasa adjektif: kata penguat amat, sungguh, sangat<br>( ter… boleh diikuti dengan sekali.)<br>Kata penguat paling tidak boleh diikuti dengan sekali. |
| | **Ayat (S+P)**<br>Ayat tiada subjek<br>(Selain itu, mengadakan aktiviti gotong-royong X)<br>(Selain itu, kita mestilah mengadakan aktiviti gotong-royong /)<br>Ayat tiada predikat<br>(Terima kasih kerana membantu saya X)<br>(Terima kasih saya ucapkan kerana membantu saya / )<br>Ayat tiada induk: untuk ayat majmuk<br>(Semoga anda mencapai kejayaan yang cemerlang X)<br>(Saya doakan semoga anda mencapai kejayaan yang cemerlang /) |

**Kesalahan Ejaan**

1. Kesalahan ejaan kata majmuk

   * 15 kata majmuk mantap ditulis rapat

   * Selain 15 kata majmuk mantap ditulis jarak

   http://cikgubahasa7.blogspot.com/2018/08/kata-majmuk-mantap.html






| SALAH | BETUL |
|---|---|
| antara bangsa | antarabangsa |
| beri tahu | beritahu |

| *Perkataan Kata Majmuk Yang Telah Mantap* | |
|---|---|
| *antarabangsa* | *sukarela* |
| *pesuruhjaya* | *kakitangan* |
| *bumiputera* | *suruhanjaya* |
| *setiausaha* | *tandatangan* |
| *jawatankuasa* | *tanggungjawab* |
| *kerjasama* | *olahraga* |
| *warganegara* | *matahari* |
| *beritahu* | |

2. Kesalahan ejaan kata sendi nama ( di- dan ke-)

(di- dan ke-) yang menunjukkan tempat perlu dieja secara terpisah

| SALAH | BETUL |
|---|---|
| disini | di sini |
| diatas | di atas |
| dibawah | di bawah |

(di- ) yang menunjukkan kata kerja perlu dieja rapat

| SALAH | BETUL |
|---|---|
| di masak | dimasak |
| di tulis | ditulis |
| di hidang | dihidang |

3. Kesalahan tanda baca tanda titik (.)

Selain digunakan di akhir ayat, (.) juga digunakan untuk menyatakan singkatan,

| SALAH | BETUL |
|---|---|
| Hj | Hj. |
| Prof. | Prof. |

4. Kesalahan antara “ke” dengan angka

| SALAH | BETUL |
|---|---|
| ke 21 | ke-21 |
| ke21 | ke-21 |

**Contoh-contoh kesalahan:**

| *Kesalahan ejaan* | |
|---|---|
| *Bentuk kesalahan* | *Contoh* |
| *Ejaan kata pinjaman* | *mahasiswa, tatasusila, prasyarat, swasta,dwibahasa, budiman, sasterawan, , juruwang,juruterbang, biadab, ilmiah, proaktif, antikerajaan, automatik, takbir* |
| *Ejaan rapat / jarak* | *waswas, mengenal pasti, dipukul, mengemas kini* |
| *Penggunaan tanda sempang (-)* | *e-mel, saudara-mara,anti-Israel* |
| *Penggunaan huruf besar huruf kecil* | *rukun tetangga, hari keluarga,* |
| *Keselarasan vokal* | *perabot, pameran, sihat, pengawet, pensel, masalah* |

| | |
|---|---|
| Kesalahan Frasa Bentuk Jamak | Semua murid-murid. (X)<br>Semua murid.(√) |
| Kesalahan Frasa Adjektif | Noriah pemain yang paling terhandal. (X)<br>Noriah pemain yang terhandal. (√) |
| Kesalahan Hukum DM | Mini telekung (X)<br>Telekung mini (√) |
| Kesalahan Kata Ganti Nama Diri | Buku itu dibeli oleh saya. (X)<br>Buku itu saya beli.(√) |






**STRATEGI MENJAWAB SOALAN**

1. Calon hendaklah **membaca arahan soalan dengan teliti** untuk memahaminya.

2. Seterusnya, calon hendaklah membaca ayat-ayat dengan telitinya untuk **mengenal pasti kesalahan bahasa** dalam petikan tersebut sama ada kesalahan **ejaan, imbuhan, kesalahan tatabahasa (kata, frasa) dan penggunaan istilah** dalam ayat-ayat tersebut.

3. Selepas itu, calon hendaklah **menggariskan kesalahan-kesalahan** tersebut agar calon tidak lupa untuk membetulkannya.

4. Calon perlu **menyenaraikan setiap kesalahan** tersebut dan **menulis jawapan** yang betul di sebelah kesalahan tersebut.

## TEMA: SUKAN DAN REKREASI

### Latihan Format KSSM SPM (1)

*Petikan di bawah mengandungi* **13 kesalahan bahasa**. *Senaraikan dan betulkan kesalahan- kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada sepuluh kesalahan yang terdapat dalam petikan. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.*

Boling padang merupakan sukan yang gemari di negara-negara komanwel. Permainan ini memerlukan beberapa bola biji besi asimetri yang dipanggil *bowl,* bola kayu kecil mewarna putih atau kuning yang dinamakan *jack*, pita pengukur, dan tikar. Gelanggang boling padang di kenali sebagai *green*. Terdapat tiga jenis gelanggang, iaitu gelanggang yang ditanam dengan rumput asli, dilitupi rumput tiruan, dan dilembarkan karpet. Gelanggang rumput asli dan rumput tiruan berada di kawasan luar, manakala gelanggang berkarpet berada dalam dewan. Gelanggang luar dikelilingi parit yang mengandungi pasir halus dan tebingnya diperbuat dari kayu atau konkret serta dilapik dengan karpet atau getah supaya tidak memberikan lantunan yang kuat.

Boling padang dipertanding di dalam empat kategori, iaitu perseorangan, berpasangan, bertiga, dan berempat untuk lelaki dan wanita. Bagi acara perseorangan dan berpasangan akan pemain menggunakan empat biji *bowl*. Masing tiga biji dan dua biji *bowl* bagi acara bertiga dan berempat.

Dipetik dan diubah suai daripada *Bola yang meleret,*
*Buku Teks Tingkatan 5,* Dewan Bahasa dan Pustaka(2020)

[13 markah]

Jawapan:

| BIL | KESALAHAN | JAWAPAN |
|---|---|---|
| 1 | | |
| 2 | | |
| 3 | | |
| 4 | | |
| 5 | | |
| 6 | | |
| 7 | | |
| 8 | | |
| 9 | | |
| 10 | | |
| 11 | | |
| 12 | | |
| 13 | | |






**Tema 10 : Kebudayaan, Kesenian dan Estetika**

**Latihan Format KSSM SPM (2)**

*Petikan di bawah mengandungi* **sembilan kesalahan bahasa**. *Senaraikan dan betulkan kesalahan – kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada sembilan kesalahan yang terdapat dalam petikan. Anda tidak perlu menyalin petikan tesebut.*

Masyarakat Melayu mewah dengan pelbagai kesenian dan kebudayaan tradisional. Kekayaan hasil kesenian dan kebudayaan masyarakat Melayu ini bukan sahaja dibangga-banggakan masyarakat Malaysia malahan oleh masyarakat luar Negara. Terdapat berbagai bentuk tarian masyarakat Melayu terdapat di Malaysia. Tarian ini pula boleh dibahagikan kepada pecahannya yang lebih kecil iaitu dari segi negeriannya. Boleh dikatakan hamper setiap negeri mempunyai seni tariannya yang tersendiri. Perbezaan seni tari dari setiap negeri tersebut boleh terlihat dari segi pakaian, cara persembahan, lenggok tarian, peralatan yang digunakan dan beberapa criteria lain. Dalam kebudayaan Melayu tarian merupakan salah satu warisan yang masih ada hingga hari ini. Oleh itu, kita perlu memelihara kesenian dan kebudayaan tradisional kerana generasi muda akan datang.

Dipetik dan diubah suai daripada
https://k13.upm.edu.my/artikel/zapin_warisan_bangsa-54883

( 9 markah)

**Jawapan**

| Bil. | Jawqpan |
|---|---|
| 1 | |
| 2 | |
| 3 | |
| 4 | |
| 5 | |
| 6 | |
| 7 | |
| 8 | |
| 9 | |

## Latihan Penyuntingan dalam Buku Teks Tingkatan 2 (63 & 75)



Menulis

### Enaknya Juadah Kita

Aktiviti

1. Kenal pasti kesalahan ejaan dan tanda baca dalam petikan.
2. Tulis petikan itu dengan ejaan dan tanda baca yang betul.

Laksa Sarawak ialah makanan tradisi di Sarawak. Laksa ini berbeza daripada laksa yang terdapat di semenanjung Malaysia. Kuahnya seperti kuah mee kari tetapi rasanya berbeza. Kuah laksa Sarawak sangat enak kerana mempunyai rasa lemak, manis dan pedas. Bahan asas makanan tradisi ini ialah sambal laksa, sop asas yang mengandungi sambal belacan, santan, asam jawa, bawang putih, lengkuas dan serai. Selain itu, bahan lain seperti udang, toge, isi ayam, hirisan telor goreng dan limau kasturi menambahkan keenakan hidangan ini.

Cendol merupakan sajian minuman tradisi yang cukup diminati oleh rakyat Malaysia. Rasanya yang lemak dan manis hasil gabongan bahan seperti ais batu yang dikisar halus, santan kelapa, kacang merah dan gula melaka memenuhi citarasa rakyat Malaysia. Kini cendol bukan sahaja dijual di gerai-gerai di tepi jalan malahan telah menjadi menu istimewa di restauran ternama. Bagi sesiapa yang belum mencubanya, nikmatilah cendol bersama dengan rojak atau pasembur. Wah sedapnya.

Tahukah kamu makanan ini. Inilah tapai iaitu sejenis makanan daripada pulut atau ubi. Untuk membuat makanan ini, pulut atau ubi perlu diselatikan dengan ragi. Tapai perlu dibungkus dengan daun pisang. Tapai yang telah dibungkus dimasukan ke dalam pasu tempayan dan ditutup dengan kain. Tapai perlu disimpan dan diperam selama tiga hari. Bagi masyarakat dahulu, mereka mempunyai pantang-larang ketika membuat tapai. Antaranya mereka dilarang makan sireh kerana jika pantang ini dilanggar, tapai yang dihasilkan akan berwarna merah.

3.7.1 Mengedit ejaan, tanda baca, dan kesalahan tatabahasa yang mudah dengan betul tanpa mengubah maksud asal dalam perenggan.

75



Tatabahasa

### Dunia Penulisan Kreatif

Aktiviti

Baca petikan di bawah dan jawab soalan-soalan yang berikut:
a) Petikan 1: Kenal pasti frasa adjektif.
b) Petikan 2: Analisis kesalahan frasa adjektif dan betulkan.
c) Isi tempat kosong dengan frasa adjektif yang sesuai.

TEMA 5

Bahasa dan Sastera

Anda berminat dengan penulisan kreatif?

Bagaimanakah untuk mendapatkan idea?

**1. Pengalaman sendiri**

Seseorang penulis boleh menghasilkan karya yang sungguh menarik sekali dengan menggunakan pengalaman sedia ada pada dirinya. Pengalaman itu kemudiannya diadunkan menggunakan kreativitinya dengan begitu baik sekali untuk menghasilkan sesebuah jalan cerita. Dengan pengolahan bahasa yang indah nian dan jalan cerita yang amat menarik, tidak mustahil pembaca akan berebut-rebut untuk mendapatkan karya kreatif penulis tersebut.

**2. Pengalaman orang lain**

Ada penulis yang sungguh terkenal mendapat idea untuk mengarang daripada pengalaman orang lain. Walaupun begitu, karya yang dihasilkan masih lagi karya yang terbaik sekali. Kadang-kadang, ada orang mengalami pengalaman yang benar hebat untuk dikongsikan dengan orang lain tetapi tidak mempunyai medium untuk bercerita. Penulis boleh meminjam pengalaman tersebut untuk menghasilkan cerita. Perkara yang terpenting sekali ialah niat asal cerita itu dihasilkan adalah untuk kebaikan semua pihak.

**3. Pemerhatian**

Seseorang penulis sepatutnya mempunyai pemerhatian yang ... terhadap sesuatu perkara. Hal ini dikatakan demikian kerana kejadian-kejadian yang berlaku di sekeliling kita biasanya ... untuk dijadikan idea untuk menghasilkan cerita. Catatkan perkara-perkara yang dilihat dan perkara yang ... digunakan sebagai idea utama sesebuah cerita. Siapa sangka perkara-perkara yang dianggap biasa oleh sesetengah orang, apabila diceritakan semula dengan teknik penceritaan yang ..., menghasilkan karya kreatif yang ... ramai.

5.6.1 Menganalisis dan membetulkan kesalahan kata dan frasa dalam sesuatu ayat.

63






**Latihan Penyuntingan dalam Buku Teks Tingkatan 3 (194 & 211)**








# Surat daripada Pelanggan

Persatuan Penjaja Makanan Taman Kejora,
Jalan 4/43B, Taman Kejora,
43400 Shah Alam.

Suria Kencana Sendirian Berhad,
Jalan Permata 6,
Taman Kencana,
43500 Shah Alam.

16 SEPTEMBER 20☐☐.

Tuan,

**Menempah Perkhidmatan untuk Mengendalikan Ekspo Makanan Tradisi.**

Sukacita dimaklumkan bahawa pihak kami berminat untuk menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh pihak tuan.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Persatuan Penjaja Makanan Taman Kejora akan mengadakan Ekspo Makanan Tradisi tersebut pada 25 November 20XX. Sebanyak 50 induvidu dan syarikat telah bersetuju untuk menyertai ekspo tersebut.
3. Sehubungan dengan itu, kami memerlukan 50 reruai bagi menjalani ekspo tersebut. Kami juga memerlukan tempat sesuai menempatkan reruai tersebut. Tempat yang disediakan itu pula mestilah sesuai untuk kerja memasak-masak.
4. Kami juga memerlukan sebuah bilik urusetia bagi memudahkan pengendalian ekspo tersebut berjalan lancar. Oleh itu, kami juga memerlukan kemudahan pentas dan peralatan audio vizual yang baik.
5. Semoga pihak tuan dapat memperhalusi permohonan kami ini dan seterusnya memberikan maklum balas tentang bayaran dan sebagainya. Perhatian dan kerjasama dari pihak tuan amat kami hargai. Terima Kasih.

Sekian, terima kasih.

Yang Benar,

______________________

(WAN FARISYA BINTI WAN HAWARI)

☎ 03-1234567 ✉ ppmtk@zmail.com www.penjajakejora.com

TEMA 16 — Mencapai Impian, Menuai Kejayaan

3.7.1 Mengedit dan menyunting ayat dalam pelbagai teks tanpa mengubah maksud asal.
5.6.1 Menganalisis dan menggunakan tatabahasa yang betul dalam ayat.

211 KPM






**TEMA: PERTANIAN, PENTERNAKAN DAN PERIKANAN**

**Latihan Format KSSM SPM (3)**

*Petikan di bawah mengandungi* **11 kesalahan bahasa**. *Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada sebelas kesalahan yang terdapat dalam petikan. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.*

| |
|---|
| Negara pengeluar beras dunia sedang berhadapan dengan masalah pembekalan berikutan pengeluaran yang paling merosot sekali ke atas komoditi tersebut. Negara-negara pengeksport beras terpaksa membayar harga yang tinggi ekoran tumbuhan hasil padi yang semakin merosot. Perkara ini bertambah buruk bahawa wujud krisis bekalan beras dari negara pembekal. Peningkatan harga beras berada di bawah kawalan negara pengimport kerana ditentukan oleh pasaran kuasa peringkat antara bangsa. Dalam pasaran domestik, kenaikan harga makanan ruji yang bukan menentu telah mendorong pihak-pihak tertentu terus memanipulasi pasaran termasuk menyorokkan bekalan beras dengan tujuan untuk menaikkan harganya dan mengaut pendapatan yang berlebihan. Perbuatan ini jelas sekali membebankan para-para pengguna. Pada masa yang sama kerap berlaku pembelian panik berikutan khabar angin tentang kenaikan harga komoditi ini. Masalah ini jika sekiranya tidak ditangani dengan segeranya akan menyebabkan rakyat terus dibeban oleh kenaikan harga beras.<br><br>Dipetik dan diubah suai daripada<br>'Sekuriti Makanan Ruji',<br>*Utusan Malaysia*, 11 April 2018 |

[11 markah]

**Jawapan:**

| BIL | KESALAHAN | PEMBETULAN |
|---|---|---|
| 1 | | |
| 2 | | |
| 3 | | |
| 4 | | |
| 5 | | |
| 6 | | |
| 7 | | |
| 8 | | |
| 9 | | |
| 10 | | |
| 11 | | |
| 12 | | |
| 13 | | |






# BAHASA MELAYU (KERTAS 2: BAHAGIAN A)

# SOALAN 4 : BAHASA MELAYU STANDARD

## ARAHAN LEMBAGA PEPERIKSAAN MALAYSIA (LPM)







TICKET TO VICTORY
DEWAN PEPERIKSAAN
22 MAC 2022 | 8.00 PAGI
TICKET TO VICTORY




KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
FORMAT BAHARU PENTAKSIRAN BAHASA MELAYU SIJIL PELAJARAN MALAYSIA MULAI TAHUN 2021
SOALAN 4 :
BAHASA MELAYU STANDARD
• Menukarkan bahan teks klasik atau lama kepada bahasa Melayu Moden / Standard
• Bahan diambil daripada teks Komsas Tingkatan 4 dan 5
• Panjang petikan atau bahan : antara 50 hingga 60 patah perkataan
• Calon tidak perlu mengubah bentuk dan maksud asal petikan / bahan (contoh : cakap ajuk tidak ditukar kepada cakap pindah)
• Bentuk skema pemarkahan : holistik
• Jumlah markah tidak tetap : bergantung pada kehendak soalan


KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
FORMAT BAHARU PENTAKSIRAN BAHASA MELAYU SIJIL PELAJARAN MALAYSIA MULAI TAHUN 2021
SOALAN 4 : BAHASA MELAYU STANDARD (Contoh)
Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu Standard tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.
Maka baginda pun hairan serta bertitah pada Temenggung, "Hai Temenggung, tiadakah menyuruhkan orangnya berkawal tadi?"
Maka sembah Temenggung, "Daulat tuanku Syah Alam, patik menyuruh orang berkawal semalam tadi, seorang pun tak bertemu. Patik hamba itu pun hairanlah akan penjurit itu."
Maka titah baginda, "Apatah sebabnya maka dapat dicurinya oleh penjurit itu?"
Dipetik daripada
Kepimpinan Melalui Teladan
dalam Antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul,
Kementerian Pendidikan Malaysia
[6 markah]






## BENTUK DAN FORMAT SOALAN 4: BAHASA MELAYU STANDARD

1. Satu bahan prosa tradisional akan dikemukakan dalam soalan ini.
2. Bahan tersebut diambil daripada :

- Teks KOMSAS Tingkatan 4 : Antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul **(Prosa Tradisional: Kepimpinan Melalui Teladan** atau
- Teks KOMSAS Tingkatan 5 : Antologi Sejadah Rindu **(Prosa Tradisional: Burung Terbang Dipipiskan Lada)**

### STRATEGI MENUKARKAN BAHASA MELAYU KLASIK KEPADA BAHASA MELAYU STANDARD

| | |
|---|---|
| 1 | **Baca arahan** soalan dengan teliti. |
| 2 | Baca petikan dan **garisi perkataan klasik dan ayat yang perlu ditukarkan** kepada Bahasa Melayu Standard. |
| 3 | **Perkataan seperti : hatta, arakian, syahadan, dan kalakian digugurkan** kerana tidak digunakan dalam Bahasa Melayu Standard. |
| 4 | Perkataan daripada **kata klasik hendaklah diberikan makna dalam Bahasa Standard**.<br>*Contoh : pustaka (mentera), penjurit (askar upahan atau penjarah), perlente*<br>*(penjahat atau pencuri)* |
| 5 | **Perkataan Bahasa Istana dikekalkan**.<br>*Contoh : baginda, tuanku, patik, hamba, titah, beradu, gering, mangkat,*<br>*bersiram,bersemayam* |
| 6 | **Nama watak dan latar tempat dikekalkan.** |
| 7 | **Perkataan yang tidak menepati Bahasa Melayu Standard perlu ditukarkan.** |
| 8 | Calon **tidak perlu mengubah bentuk dan maksud asal** petikan atau bahan teks. |
| 9 | Ayat tidak boleh ditukarkan daripada ayat cakap ajuk kepada ayat cakap pindah atau sebaliknya.<br>Ayat bersusunan songsang tidak perlu ditukarkan kepada ayat bersusunan biasa atau sebaliknya.<br>Ayat pasif tidak perlu ditukarkan kepada ayat aktif atau sebaliknya. |
| 10 | **Struktur ayat perlu dikekalkan.** |






**SENARAI BAHASA KLASIK YANG PERLU DITUKAR KEPADA BAHASA MELAYU STANDARD**

| Bil. | Bahasa Klasik | Perkataan dalam Bahasa Standard/Moden |
|---|---|---|
| 1 | Dian | lampu, pelita |
| 2 | Bahari | indah, cantik, bijaksana |
| 3 | balai rong | tempat menghadap raja |
| 4 | masyghul | sedih, berdukacita |
| 5 | ceritera | cerita |
| 6 | sahaya | hamba abdi |
| 7 | sida-sida | pegawai dalam istana |
| 8 | dikenderai | ditunggangi, dinaiki |
| 9 | lasykar | askar, tentera |
| 10 | penjurit | askar upahan, tentera |
| 11 | marhaen | rakyat |
| 12 | syahadan | permulaan cerita |
| 13 | arakian | setelah itu |
| 14 | adapun | perihal mempunyai |
| 15 | sebermula | pada mulanya, pembuka kata untuk sesuatu kisah |
| 16 | tatkala | pada masa itu |
| 17 | kalakian | ketika itu, kemudian |
| 18 | gharib | ganjil |
| 19 | cerpu | alas kaki seperti terompah |
| 20 | iram-iram | payung |
| 21 | buana | bumi, dunia, alam |
| 22 | juragan | Nakhoda |
| 23 | gemala | batu |
| 24 | bercempera | bertempiaran |
| 25 | kepetangan | cerdik |
| 26 | pitis | wang |
| 27 | belasungkawa | bersedih |
| 28 | kandil | pelita, bekas kecil |
| 29 | jungor | bahagian hadapan kapal |
| 30 | citra | gambaran |
| 31 | pelang | sejenis perahu |

## SENARAI BAHASA ISTANA YANG PERLU DIKEKALKAN

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1 | ampun kurnia- maaf | 17 | peraduan- tempat tidur |
| 2 | anugerah- beri/ hadiah | 18 | permaisuri-isteri |
| 3 | baginda- dia (rakyat menyapa raja) | 19 | santap- makan |
| 4 | beradu- tidur | 20 | semayam- duduk/tinggal |
| 5 | berangkat- berlepas | 21 | singgahsana- kerusi |
| 6 | bercemar duli- pergi ke/ berjalan | 22 | bersabda- berkata |
| 7 | berkenan- suka akan | 23 | hari keputeraan- hari jadi |
| 8 | berputera- beranak | 24 | iram-iram - payung |
| 9 | bersiram- mandi | 25 | kaus- kasut |
| 10 | bertitah- berkata | 26 | menghadap- menjumpai |
| 11 | beta- saya (raja) | 27 | putera- anak lelaki |
| 12 | daulat- bahagia | 28 | puteri- anak perempuan |
| 13 | gering- sakit | 29 | sembah- memberi salam |
| 14 | hulu- kepala | 30 | mahkota- topi |
| 15 | kurnia- beri / hadiah | 31 | makam- kubur |
| 16 | patik- saya(rakyat menghadap raja) | 32 | mangkat- mati |
| | | 33 | murka- marah |




**Latihan Format KSSM SPM (1)**

*Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam* ***bahasa Melayu Standard*** *tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.*

Telah rakyat Siam sudah pulang, maka segala orang teluk rantau pun kembalilah masing- masing ketempatnya, Maka Tun Perak tiada diberi baginda pulang lagi ke Kelang; diam di Melaka, dijadikan baginda bentara.

Maka ada seorang orang Kelang mengatakan dirinya teraniaya oleh Tun Perak sedikit. Maka ia berdatang sembah ke bawah duli baginda. Maka baginda memberi titah kepada bentara Seri Amerta, menyuruh berkata kepada Tun Perak. Maka Tun Perak pun datang menghadap.

Dipetik daripada cerpen 'Burung Terbang Dipiskan Lada'
dalam antologi Sejadah Rindu,
Dewan Bahasa dan Pustaka.

(10 markah)

JAWAPAN:

| Bahasa Melayu Klasik | Bahasa Melayu Standard |
|---|---|
| Telah rakyat Siam sudah pulang, maka segala orang teluk rantau pun kembalilah masing- masing ketempatnya | |
| Maka Tun Perak tiada diberi baginda pulang lagi ke Kelang; diam di Melaka, dijadikan baginda bentara | |
| Maka ada seorang orang Kelang mengatakan dirinya teraniaya oleh Tun Perak sedikit. | |
| Maka ia berdatang sembah ke bawah duli baginda | |
| Maka baginda memberi titah kepada bentara Seri Amerta, menyuruh berkata kepada Tun Perak. | |






## Jawapan Lengkap

**Latihan Format KSSM SPM (2)**

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu Standard tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

> Maka sembah Kertala Sari, "Daulat tuanku andika Betara, endah apatah pekerjaan membunuh Ratu Melaka dan Laksamana itu, sedang negeri Daha patik alahkan?"
>
> Setelah Seri Betara mendengar cakap Kertala Sari itu, maka titah Seri Betara, "Segeralah engkau pergi ke Melaka itu. Kerajaan seperti cakapmu itu supaya engkau kujadikan penggawa agung."
>
> Dipetik dari Kepimpinan Melalui Teladan
> dalam Antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul
> Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 markah]

**Jawapan**

________________________________________________

________________________________________________

________________________________________________

________________________________________________

________________________________________________

________________________________________________

________________________________________________

________________________________________________

________________________________________________

________________________________________________

________________________________________________






# Latihan Format KSSM SPM (3)

*Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah ini dengan telitinya. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu Standard tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.*

> Maka oleh Seri Amerta kata Tun Perak itu semuanya dipersembahkan ke bawah Duli Yang Dipertuan. Maka baginda pun tersenyum, seraya bertitah, "Benar seperti kata Tun Perak itu."
>
> Maka diambil baginda sirih dari puan baginda, disuruh berikan kepada Tun Perak. Maka titah baginda kepada Tun Perak, "Bahawa Tun Perak tiada patut diam di Kelang lagi; baiklah Tun Perak diam di negeri."
>
> ( Dipetik daripada Burung Terbang Dipipiskan Lada
> dalam Antologi Sejadah Rindu,
> Kementerian Pendidikan Malaysia )

[ 6 markah ]

**Tip Menjawab Soalan 4**

- Baca keseluruhan teks petikan dan kenal pasti perkataan untuk gugur, tukar, kekal
- Garisi perkataan untuk digugurkan dengan garisan merah
- Garisi perkataan untuk ditukar dengan garisan biru
- Garisi perkataan untuk **dikekalkan** dengan garisan **hitam**

**Jawapan** :

| BAHASA KLASIK | BAHASA STANDARD |
|---|---|
| Maka oleh Seri Amerta kata Tun Perak itu semuanya dipersembahkan ke bawah Duli Yang Dipertuan. | |
| Maka baginda pun tersenyum, seraya bertitah, “Benar seperti kata Tun Perak itu.” | |
| Maka diambil baginda sirih dari puan baginda, disuruh berikan kepada Tun Perak. | |
| Maka titah baginda kepada Tun Perak, “Bahawa Tun Perak tiada patut diam di Kelang lagi; baiklah Tun Perak diam di negeri.” | |

**Tulis semula jawapan dalam bentuk perenggan.**






# BAHASA MELAYU (KERTAS 2: BAHAGIAN A)

## SOALAN 5 : PERIBAHASA

PANDUAN: LEMBAGA PEPERIKSAAN MALAYSIA (LPM)







TICKET TO VICTORY
DEWAN PEPERIKSAAN
22 MAC 2022 | 8.00 PAGI
AC 43214567
TICKET TO VICTORY
DEWAN PEPERIKSAAN
22 MAC 2022 | 8.00AH
AC 43214567




FORMAT BAHARU PENTAKSIRAN BAHASA MELAYU SIJIL PELAJARAN MALAYSIA MULAI TAHUN 2021
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
SOALAN 5 : PERIBAHASA
• Pelbagai bentuk - berdasarkan gambar situasi, karikatur, dialog, ilustrasi, petikan dan sebagainya
• Panjang petikan atau bahan : antara 50 hingga 80 patah perkataan
• Jumlah peribahasa bergantung pada arahan dalam soalan.
• Jumlah markah tidak tetap : bergantung pada kehendak soalan


FORMAT BAHARU PENTAKSIRAN BAHASA MELAYU SIJIL PELAJARAN MALAYSIA MULAI TAHUN 2021
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
SOALAN 5 : PERIBAHASA (Contoh 1)
Dialog di bawah mengandungi beberapa peribahasa. Senaraikan dua peribahasa sahaja, kemudian berikan peribahasa lain yang sama maksud atau hampir sama maksud dengan peribahasa tersebut.
Datuk Ismail : Kamal, kawasan perumahan kita akan mengadakan gotong-royong pada hari Sabtu ini. Kamu datang, ya. Ajak anak-anak sama.
Kamal : Maaflah Datuk. Saya ada hal lain.
Datuk Ismail : Sebagai penduduk, kita mesti saling bekerjasama untuk menjaga kawasan perumahan kita kerana berat sama dipikul, ringan sama dijinjing. Barulah tugas yang dilakukan itu dapat diselesaikan dengan cepat dan berkesan.
Kamal : Betul, Datuk. Saya setuju bahawa kita saling memerlukan seperti aur dengan tebing dalam hidup bermasyarakat. Tapi kami sekeluarga akan pergi menziarahi kakak saya yang sakit di hospital pada hari Sabtu ini. Suaminya pun baru sahaja meninggal dunia
Datuk Ismail : Oh, saya bersimpati atas penderitaan yang ditanggung oleh kakak awak, sudah jatuh ditimpa tangga.
[4 markah]

# NOTA PERIBAHASA

- ✓ Peribahasa merupakan ayat atau frasa yang mempunyai susunan teratur dan membawa maksud tertentu.

- ✓ Peribahasa mempunyai nilai moral dan falsafah hidup yang menjadi pedoman dalam kehidupan.

- ✓ Jenis-jenis peribahasa:

| | |
|---|---|
| **Simpulan Bahasa** | ***Ada angin***<br>Berubah perangai akibat jiwa terganggu<br>*Anak-anak Pak Malik tidak berani mengganggu Pak Malik kerana mereka tahu bahawa bapa mereka **ada angin**.* |
| **Perumpamaan** | ***Seperti hujan jatuh ke pasir***<br>Nasihat yang tidak dihargai<br>*Nasihat beliau itu **seperti hujan jatuh ke pasir** kerana dia sedikit pun tidak dipedulikannya.* |
| **Pepatah** | ***Ada padi, semua kerja jadi, ada beras, semua kerja deras***<br>Bagi orang yang mampu, semua maksud mudah tercapai.<br>*Sudah tentu pemuda itu mampu membeli kereta yang mahal kerana ayahnya jutawan bak kata pepatah **"ada padi, semua kerja jadi, ada beras semua kerja deras".*** |
| **Bidalan** | ***Alah bisa tegal biasa***<br>Pekerjaan yang susah akan menjadi mudah jika selalu dilakukan<br>*Memang susah untuk membuat kerja tangan ini, tetapi jika dibuat dengan tekunnya akan menjadi mudah kerana **alah bisa tegal biasa.*** |
| **Kata-kata hikmah** | ***Ilmu pelita hati***<br>Ilmu pengetahuan dapat memberi panduan kehidupan kepada manusia<br>*Dengan ilmu yang ada padanya dia berjaya mengatasi setiap masalah kerana kata orang tua-tua **ilmu pelita hati.*** |

## BENTUK SOALAN DAN FORMAT SPM

1. Pelbagai bentuk bahan akan dikemukakan sama ada gambar situasi, karikatur, dialog, ilustrasi dan sebagainya

2. Aspek peribahasa yang diuji:
   i. Menyatakan peribahasa lain sama maksud atau hampir sama maksud
   ii. Menyatakan peribahasa yang sesuai dengan situasi
   iii. Memberikan maksud peribahasa
   iv. Menyatakan peribahasa berdasarkan maksud
   v. Membina ayat daripada peribahasa
   vi. Mengisi tempat kosong dengan peribahasa yang sesuai

## STRATEGI MENJAWAB SOALAN PERIBAHASA

1. Baca arahan soalan dengan teliti dan kenal pasti kehendak soalan.

2. Bagi soalan yang memerlukan calon menyenaraikan dua peribahasa yang terdapat dalam petikan, calon hendaklah memilih peribahasa yang betul-betul difahami maksudnya. Hal ini supaya calon dapat memberikan peribahasa lain yang sama maksud atau hampir sama maksud yang tepat.

3. Bagi soalan yang memerlukan calon mengemukakan tiga peribahasa berdasarkan petikan, calon hendaklah memahami situasi dalam petikan tersebut. Hal ini dapat membantu calon menentukan peribahasa yang sesuai dengan gambaran situasi yang diberikan.

4. Sekiranya soalan menghendaki calon menulis ayat menggunakan peribahasa, pastikan calon tahu akan maksud peribahasa tersebut agar tidak terpesong.

5. Tulis jawapan mengikuti urutan.






**SENARAI PERIBAHASA DALAM BUKU TEKS KSSM TINGKATAN 4**

| Tema | M/S | Peribahasa / Ungkapan/ Slogan /Kata Hikmat | Maksud |
|---|---|---|---|
| **1 Merealisasikan Impian** | 7 | ibarat belayar sambil memapan | melakukan dua pekerjaan atau perkara sekali gus. |
| | 8 | hendak belajar berenang dapatkan itik, hendak belajar memanjat, dapatkan tupai | sekiranya hendak mengetahui atau menguasai sesuatu perkara belajarlah daripada orang yang ahli ataupun pakar dalam bidang tersebut. |
| | 10 | cekur jerangau ada lagi di ubun-ubun. | belum dewasa sudah hendak melawan orang tua; belum ada pengalaman. |
| | 10 | di mana ada kemahuan, di situ ada jalan | jika mempunyai cita-cita, seseorang itu akan b erusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mencapainya. |
| | 12 | orang mengantuk disorongkan bantal | memperoleh apa yang benar-benar diingini. |
| **2 Insan Terdidik, Negara Sejahtera** | 21 | zaman Tuk Nadur berkajang kain | suatu masa atau zaman yang telah lalu atau suatu masa atau zaman yang telah lama sekali berlalu. |
| **3 Memetik Bintang** | 37 | Jika pengayuh sayang dibasahkan, sampan tidak akan sampai ke seberang. | tidak akan tercapai maksudnya kalau tak mahu berusaha dan bersusah payah. |

| | | | |
|---|---|---|---|
| **4 Menjulang Harapan di Bumi Bertuah** | 49 | bertangguh itu pencuri masa | melakukan kerja secara bertangguh akan merugikan diri sendiri. |
| | 49 | untung sabut timbul, untung batu tenggelam | jika bernasib baik akan selamat, jika bernasib malang binasalah. |
| **5 Memacu Produktiviti** | 68 | titik peluh | hasil usaha sendiri |
| **6 Dunia Pelancongan** | 74 | hujan halau mentua pun turun | hujan sebentar sahaja |
| | 74 | kecil-kecil cili padi | meskipun kecil tetapi bijak atau berani |
| | 74 | kembang hidung | sombong, berkongsi |
| | 74 | kecil jangan disangka anak besar jangan disangka bapa | pengetahuan dan kelebihan itu tidak khusus pada orang-orang tua sahaja. |
| | 74 | kalau takut dilambung ombak jangan berumah di tepi pantai | jangan melakukan sesuatu kerja yang berisiko yang kita tidak sanggup / mampu tangani atau hadapi/ sekiranya takut kepada risiko, jangan dekati bahaya. |
| | 75 | takkan lari gunung dikejar | membuat sesuatu kerja biarlah dengan cermat dan berhati-hati. |
| | 77 / 84 | hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri | walau bagaimanapun kelebihan di negara orang, tetap negeri sendiri lebih baik. |
| | 77 | jauhari sahaja yang mengenal manikam. | orang yang bijaksana juga mengetahui keelokan ilmu. |
| | 77 | indah khabar daripada rupa | perkhabaran sesuatu perkara yang dilebih-lebihkan. |

| | | | |
|---|---|---|---|
| **6 Dunia Pelancongan** | 82 | bapa borek anak rintik | anak menurut baka, kelakuan dan lain-lain dari bapanya. |
| | 82 | tak tumbuh tak melata, tak sungguh orang tak kata | orang mengatakan tentang sesuatu perkara itu tentulah ada sebabnya. |
| | 82 | lain hulu lain parang, lain dulu lain sekarang | perbezaan zaman yang berubah mengikut peredaran masa. |
| | 82 | kera mendapat bunga | seseorang yang tidak tahu menilai / menghargai pemberian orang lain. |
| | 82 | bagaimana acuan, begitulah kuihnya | seseorang anak itu akan mengikut perangai bapa atau ibunya. |
| | 83 | sambil menyelam minum air | sekali melakukan pekerjaan, dua tiga maksud tercapai. |
| | 84 | jauh berjalan luas pandangan | jika kita banyak merantau , banyaklah perkara yang kita ketahui. |
| | 88 | sepandai-pandai tupai melompat, sekali akan dawai juga | sepandai-pandai orang, sekali akan salah juga perbuatannya |
| **7 Demi Kedamaian** | 90 | bagai itik mendapat air | kegembiraan yang amat sangat kerana beroleh sesuatu yang disukai. |
| | 90 | kalau tidak berada-ada, takkan tempua bersarang rendah | tentu ada sebabnya (ada sesuatu yang tersembunyi) maka terjadi sesuatu hal. |
| | 90 | kalau tiada angin bertiup masakan pokok bergoyang. | tentu ada sebabnya maka terjadi sesuatu hal. |
| | 90 | air tenang jangan disangka tiada buaya | orang yang pendiam jangan disangka bodoh atau penakut atau tidak berbahaya. |






| | | | |
|---|---|---|---|
| **7 Demi Kedamaian** | 98 / 224 | anak buah | orang yang termasuk dalam sesuatu keluarga / orang yang termasuk dalam sesuatu pasukan / pekerja di bawah jagaan kita. |
| | 99 | seperti telur di hujung tanduk | dalam keadaan bahaya/serba sulit. |
| | 99 | sambil menyelam minum air | sekali melakukan pekerjaan, dua tiga maksud tercapai. |
| **8 Dalam Lipatan Kenangan** | 106 | titik hitam | sejarah atau perkara buruk yang pernah berlaku. |
| | 106 | pisang tidak berbuah dua kali | sekali rugi (tertipu dan sebagainya) tentu jera dan berhati-hati. |
| | 106 | yang baik dijadikan teladan, yang buruk dijadikan sempadan | contohi sesuatu yang baik tetapi jauhkan daripada sesuatu yang buruk. |
| | 106 | sesat di hujung jalan, balik ke pangkal jalan. | jika kita terlanjur dalam melakukan sesuatu perbuatan, eloklah menginsafinya segera. |
| | 112 | mata air | orang kesayangan/kekasih |
| | 112 | jalan tengah | mengambil keputusan yang tidak berat sebelah |
| **9 Sayangi Malaysiaku** | 117 | tanah air | negeri tempat seseorang dilahirkan |
| | 121 | hidup berjiran membawa bahagia | (bahasa berbudaya) |
| | 121 | sakit sama menyaduh, luka sama menyiuk | sama-sama bertanggungjawab |
| | 121 | serumpun bak serai, sesusun bak sirih | bersatu padu dalam segala hal. |
| | 121 | mulut biar manis, hati biar baik | orang yang mulutnya manis mestilah baik juga hatinya. |






| | | | |
|---|---|---|---|
| | 121 | adat pulau limburan pasang | kehidupan manusia hendaklah bantu membantu, yang kaya membantu yang |
| | 121 | jiran umpama keluarga | (bahasa berbudaya) |
| **10 Bangsa Bugar, Sastera Kekar** | 141 | membuang muka | berpaling ke arah lain untuk mengelakkan orang lain yang tidak disukai. |
| **11 Ekonomi Dinamik, Negara Berwibawa** | 150 | hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih | jika kita hendak melakukan sesuatu, kita akan menyempurnakannya dengan sedaya upaya kita dan demikian juga sebaliknya. |
| | 157 | di mana ada gula, di situ ada semut | apabila sesuatu tempat mudah mendapat kesenangan atau kemewahan di situlah ramai orang berkumpul. |
| | 157 | cermat masa banyak, jimat masa sedikit | selalu berhati-hati dalam membelanjakan atau menggunakan sesuatu. |
| **11 Ekonomi Dinamik, Negara Berwibawa** | 157 | besar periuk, besarlah keraknya | kalau pendapatan besar, perbelanjaan pun besar. |
| | 157 | condong diumpil, lemah dianduh | orang yang dalam kesusahan wang (akal dan lain-lain) diberi pertolongan. |
| | 157 | ke mana perginya layang- layang, talinya ada pada kita | orang yang berhutang itu tidaklah dapat melarikan diri. |
| **12 Asli dan Kontemporari** | 166 | air tangan | masakan seseorang |
| **13 Segalanya Bermula di Sini** | 180 | membuka mata/buka mata | melihat dan meluaskan pandangan/ menyedarkan atau menginsafkan orang lain. |
| **14 Sihat dan Bersih** | 198 | panas baran | cepat marah |






| | | | |
|---|---|---|---|
| **Pilihanku** | 199 | terlajak perahu boleh diundur terlajak kata badan binasa | berhati-hati apabila bercakap kerana ditakuti akan menyinggung perasaan orang lain. |
| **16 Dipimpin untuk Memimpin** | 220 | malang tidak berbau | kecelakaan yang terjadi dengan tiba-tiba. |
| | 222 | turun padang | pergi sendiri (biasanya pemimpin, pembesar dsb) ke sesuatu tempat utk menyiasat (meninjau, melihat dsb) sesuatu keadaan, masalah dsb. |
| | 224 / 98 | anak buah | orang yang termasuk dalam sesuatu keluarga/ orang yang termasuk dalam sesuatu pasukan/ pekerja di bawah jagaan kita. |

**SENARAI PERIBAHASA BUKU TEKS KSSM TINGKATAN 5**

| Tema | M/S | Peribahasa / Ungkapan / Slogan / Kata Hikmat | Maksud |
|---|---|---|---|
| **1 Anda Bersih Anda Sihat** | **9** | belukar menjadi rimba | kesalahan yang tidak dapat diperbaiki lagi. |
| **2 Sukan dan Rekreasi** | **17** | malang tak berbau | kecelakaan yang terjadi dengan tiba-tiba. |
| | **20** | tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas | adat yang tidak berubah; sesuatu yang tetap utuh. |
| **3 Kerjaya Meniti Kejayaan** | **38** | berbelah bahagi | tidak tetap / teguh pendirian / perasaan dan sebagainya pada sesuatu tumpuan berbahagi berpecah |
| **4 Bersatu Kita Teguh** | **46** | duduk sama rendah, berdiri sama tinggi | sama taraf atau darjat |
| | **50** | tak kenal maka tak cinta | apabila tahu, baru timbul suka |
| | **51** | ada ubi ada batas | (bahasa berbudaya) |
| | **51** | membaca jambatan ilmu | amalan membaca dapat membantu menambahkan ilmu |
| | **60** | cerdik seperti kancil | kepandaian berasaskan tipu helah |
| | **60** | rajin seperti semut | orang yang rajin bekerja |






| | | | |
|---|---|---|---|
| **5 Pendidikan untuk Semua** | **60** | usaha tangga kejayaan | usaha gigih untuk menempa kejayaan |
| | **60** | hemat pangkal kaya, rajin pangkal pandai (Indonesia) | orang yang hidup hemat akan menjadi kaya, orang rajin belajar akan menjadi pandai |
| | **60** | bara yang digenggam biar sampai menjadi arang | mengerjakan sesuatu yang sukar hendaklah sabar, sehingga mencapai kejayaan. |
| | **67** | berdiam diri | tidak berkata-kata |
| **5 Pendidikan untuk Semua** | **67** | berkecil hati | tersinggung perasaan |
| | **67** | menggagahkan diri | (bahasa berbudaya) |
| | **67** | barang terbuang | (bahasa berbudaya) |
| | **67** | ringan tulang | orang yang rajin membantu |
| | **67** | masa itu umpama emas | masa itu sangat berharga |
| **6 Citra Bahasa dan Sastera Kita** | **188** | ikutlah resmi padi makin berisi makin tunduk | makin banyak ilmu atau makin tinggi pangkat makin merendahkan diri |
| | **188** | jangan ikut resmi ayam, bertelur sebiji riuh sekampung | jangan membesar-besarkan kejayaan ataupun usaha yang tidak seberapa (kecil/ sedikit) |
| | **188** | ikutlah resmi penyu, telur beribu tak siapa tahu | Keuntungan orang kaya walau bagaimana banyak pun tidak menjadi sebutan orang |
| | **189** | melentur buluh biarlah daripada rebungnya | mendidik anak biarlah sejak mereka kecil lagi. |
| | **189** | sampah masyarakat | orang yang tidak berguna |

**Rujukan Pantas**

**Teknik Menjawab Soalan 5: Peribahasa**

https://www.youtube.com/watch?v=Ag3wAU0VW4U

**Kamus Peribahasa Dewan Bahasa dan Pustaka**

https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=peribahasa

## TEMA BAHASA DAN KESUSASTERAAN

### Latihan Format KSSM SPM (1)

*Dialog di bawah ini mengandungi beberapa peribahasa, senaraikan* **dua** *peribahasa sahaja, kemudian berikan* **peribahasa lain yang sama maksud atau hampir sama maksud** *dengan peribahasa tersebut.*

Zafran : Banyak pengguna bahasa Melayu suka menggunakan bahasa rojak semasa berkomunikasi. Kesannya, nasib bahasa kita seperti embun di hujung rumput.

Azira : Media massa sepatutnya menggunakan bahasa Melayu dengan betul. Hal ini demikian kerana, media massa menjadi teladan penggunaan bahasa yang betul.

Zafran :Jika pengamal media massa terus bersikap begini, mereka ini umpama musuh dalan selimut, Kita tidak boleh membiarkan sikap begini merosakkan masa depan bahasa kita. Bukankah Bahasa itu Jiwa Bangsa?

Azira : Teguran pihak kerajaan terhadap media massa nampaknya bagai mencurah air ke daun keladi. Langsung tidak memberikan kesan kepada mereka. Saya rasa masyarakat boleh memainkan peranan mereka dengan memboikot media massa tersebut

Zafran : Ya betul. Tidak semua media massa bersikap begitu tetapi kerana nila setitik rosak susu sebelanga.

[8 markah]

JAWAPAN:

(pilih mana-mana 2 peribahasa dalam petikan)

| Peribahasa Dalam Petikan | Peribahasa Sama Maksud |
|---|---|
| 1. seperti embun di hujung rumput | |
| 2. umpama musuh dalam selimut | |
| 3. bagai mencurah air ke daun keladi | |
| 4.kerana nila setitik, rosak susu sebelanga | |






**Latihan Format KSSM SPM (2)**

*** Menyatakan peribahasa berdasarkan situasi dalam ayat**

*Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti, kemudian kemukakan* **tiga peribahasa** *yang menggambarkan situasi yang terdapat dalam ayat-ayat ini.*

| |
|---|
| Kawasan kebunnya yang kecil bersebelahan dengan rumah peninggalan orang tuanya ditanam dengan pokok buah-buahan. Berkat usaha yang bersungguh-sungguh dia telah memperoleh hasil kebun buah-buahan yang diusahakan dan disedekahkan kepada jiran-jiran sebagai tanda ingatan kepada ibu bapanya yang telah meninggal dunia. Sikapnya yang ramah dan pemurah itu sama seperti ibu bapanya dahulu yang disenangi oleh jiran pelbagai kaum. |

(6 markah)

**Jawapan**

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________








| Latihan Peribahasa dalam Buku Teks Tingkatan 2 (muka surat 97) | Latihan Peribahasa dalam Buku Teks Tingkatan 3 (muka surat 32) |
|---|---|
| (lihat di bawah) | (lihat di bawah) |



Seni Bahasa

## Wira Kampung Semerah Padi

Aktiviti

1. Jelaskan makna kata-kata hikmat yang bercetak warna merah.
2. Balas e-mel tersebut dengan menggunakan kata-kata hikmat yang sesuai.

Daripada: naufal498@gmail.com
Kepada: shukri206@yahoo.com
Perkara: Hati-hati sahabat

Apa khabar sahabatku, Shukri, yang berada di Kemaman, Terengganu? Saya berharap agar saudara serta keluarga sihat sejahtera. Saya menulis e-mel ini kerana ingin menunaikan janji untuk sentiasa berhubung dengan saudara di alam maya. Saya tidak akan melupakan janji saya kerana kata mesti dikota, janji mesti ditepati.

Saya ingin menceritakan kisah yang menggemparkan kampung saya pada minggu lalu. Sebuah rumah di kampung saya nyaris-nyaris dipecah masuk. Kejadian itu berlaku pada waktu maghrib ketika penghuninya tiada di rumah kerana bersolat di masjid.

Mujurlah, kejadian itu telah disaksikan oleh beberapa orang pemuda kampung. Mereka bertindak berani tanpa bertangguh kerana bagi mereka bertangguh itu pencuri masa. Berbekalkan ilmu persilatan yang dipelajari, cubaan pecah rumah itu berjaya digagalkan oleh mereka. Anak-anak muda yang berani itu kini terkenal dengan jolokan "Wira Kampung Semerah Padi". Kejadian tersebut telah membuka mata penduduk kampung agar lebih berwaspada. Mereka telah bersepakat untuk mengetatkan kawalan keselamatan kerana bagi mereka muafakat membawa berkat. Setiap hari, mereka melakukan rondaan di seluruh pelosok kampung. Mereka melakukan rondaan secara sukarela dan bergilir-gilir. Benarlah kata orang, bersatu teguh, bercerai roboh. Kini, keadaan kampung saya kembali aman. Kami berasa lebih selamat dan tenteram.

Saya ingin menitipkan pesanan untuk saudara. Jagalah diri sentiasa agar keselamatan terjamin. Kita pasti akan berhadapan dengan pelbagai cabaran dan dugaan dalam kehidupan kerana hidup ini suatu perlumbaan. Usahlah terburu-buru dalam melakukan sesuatu perkara kerana sikap sebegitu boleh mengundang padah. Biar lambat asalkan selamat.

Sebagai murid, kita perlu bijak merencanakan setiap tindakan supaya kehidupan kita teratur dan selamat. Ingatlah, masa itu emas. Sebagai anggota masyarakat pula, kita harus memberi dan menerima. Sikap sebegini amat penting agar masyarakat kita aman harmoni.

Sampai di sini coretan saya. Jika ada cerita yang menarik, saya akan menghubungi saudara lagi. Terima kasih.

Eksplorasi Minda: Cari kata-kata hikmat dan maksudnya dalam pelbagai bahan bacaan.

4.2.1 Memahami, menerangkan makna dan menggunakan kata-kata hikmat dan bahasa berirama dengan betul dan mengikut konteks.



Menulis | Seni Bahasa

## Memacu Mutu Sukan Negara

IMBAS SAYA

TEMA 3

Kecergasan Meningkat, Keterampilan Memikat

Aktiviti

1. Dengar dan tonton bahan. Kemudian, analisis maklumat yang terdapat dalam bahan.
2. Kenal pasti kiasan dan peribahasa yang terdapat dalam bahan.
3. Tulis pendapat anda dalam satu perenggan dengan memasukkan kiasan dan peribahasa yang diperoleh daripada bahan.

### Bangkit Bersama

Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) merupakan sukan dwitahunan yang menghimpunkan atlet Asia Tenggara. Para atlet bagaikan perajurit negara bertanding dengan penuh semangat untuk negara. Namun demikian, sukan ini tetap menjadi wadah memperkukuh hubungan negara ASEAN sejajar dengan peribahasa seikat bak sirih, serumpun bak serai.

Sukan SEA mempunyai nilai yang amat penting kepada negara kita. Menerusi sukan inilah lahir atlet-atlet yang menjadi ayam tambatan. Mereka berlatih bagaikan jentera yang tidak mengenal penat lelah. Semasa bertanding, mereka berjuang seperti harimau lapar yang dahagakan kejayaan. Jasa mereka tetap dikenang sepanjang masa, bak peribahasa harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama.

Selain itu, negara kita turut cemerlang sebagai tuan rumah Sukan SEA. Semasa Sukan SEA ke-29 pada tahun 2017, upacara perasmian pembukaan dan penutupan telah menjadi buah mulut masyarakat serantau. Kejayaan ini meletakkan negara kita duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan negara-negara penganjur sukan dunia yang lain.

| Tahun | Tuan Rumah | Bilangan Atlet | Kedudukan | Emas | Perak | Gangsa |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 2009 | Laos | 348 | 4 | 40 | 40 | 59 |
| 2011 | Indonesia | 608 | 4 | 58 | 50 | 81 |
| 2013 | Myanmar | 568 | 5 | 43 | 38 | 77 |
| 2015 | Singapura | 641 | 4 | 62 | 58 | 66 |
| 2017 | Kuala Lumpur | 844 | 1 | 145 | 91 | 88 |

(Sumber: *https://www.nsc.gov.my/kejohanan/sukan-sea/*)

32 KPM

# TEMA: JATI DIRI, PATRIOTISME DAN KEWARGANEGARAAN

## SOALAN 5: PERIBAHASA

**Latihan Pengukuhan**

*Ilustrasi kartun di bawah mempunyai beberapa peribahasa. Nyatakan* **dua peribahasa** *yang sesuai dengan situasi yang digambarkan.*



[ 4 markah ]

**SKEMA JAWAPAN:**




# MODUL LATIHAN KERTAS 2 BAHAGIAN B

## BAHASA MELAYU 2021

## PEMAHAMAN, NOVEL & RUMUSAN

## EDISI GURU

PANEL :

PPD MANJUNG

PPD HULU PERAK

PPD KUALA KANGSAR

## BAHASA MELAYU (KERTAS 2: BAHAGIAN B)

## SOALAN 6 : PEMAHAMAN

PANDUAN: LEMBAGA PEPERIKSAAN MALAYSIA (LPM)











FORMAT BAHARU PENTAKSIRAN BAHASA MELAYU SIJIL PELAJARAN MALAYSIA MULAI TAHUN 2021

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

- Bahan boleh terdiri daripada pelbagai bentuk (berita, rencana, jadual dan lain-lain) dan sumber (majalah, Internet, ensiklopedia dan lain-lain).
- Pecahan soalan tidak ditetapkan (3 atau 4 soalan) Cadangan pecahan soalan:
  - i. Maksud literal
  - ii. Beza banding semua bahan - pemindahan maklumat
  - iii. KBAT/ pemikiran kritis
  - iv. KBAT/ penyelesaian masalah

FORMAT BAHARU PENTAKSIRAN BAHASA MELAYU SIJIL PELAJARAN MALAYSIA MULAI TAHUN 2021

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

## SOALAN 6 - Contoh Item

*Baca* ***Bahan 1 dan Bahan 2*** *yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

***Bahan 1***

Teknik Meja Bulat antara strategi pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) abad ke-21 yang dapat digunakan dalam semua mata pelajaran khususnya dalam kemahiran menulis. Teknik ini bermaksud murid perlu duduk dalam kumpulan. Guru akan mengedarkan kertas kepada setiap ahli dalam kumpulan dan memberikan satu tajuk kepada mereka. Secara bergilir-gilir setiap ahli kumpulan mencatat idea menggunakan pen dan kertas yang sama. Hasil dapatan murid akan dibentangkan untuk dibincangkan di dalam kelas.






KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

FORMAT BAHARU PENTAKSIRAN BAHASA MELAYU SIJIL PELAJARAN MALAYSIA MULAI TAHUN 2021

Menurut Kagan (1990) teknik Meja Bulat merupakan teknik yang sederhana dalam pembelajaran koperatif. Walau bagaimanapun teknik ini kurang popular dalam kalangan guru kerana bilangan pelajar yang ramai dalam sesebuah kelas dan ruang bilik darjah yang terhad. Oleh itu, pihak sekolah seharusnya sentiasa menggalakkan pelaksanaan pelbagai kaedah dalam PdPc kerana aktiviti yang dijalankan itu memberikan banyak faedah kepada murid.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Teknik Meja Bulat Untuk Kemahiran Menulis'
oleh Nabiha Yusof,
*Pelita Bahasa* bil 7/2019
Dewan Bahasa dan Pustaka

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

FORMAT BAHARU PENTAKSIRAN BAHASA MELAYU SIJIL PELAJARAN MALAYSIA MULAI TAHUN 2021

***Bahan 2***

Pada hari ini, aktiviti permainan bahasa kurang dipraktikkan di dalam bilik darjah. Antara alasan yang diberikan adalah seperti tiada ruang di dalam bilik darjah dan ketiadaan alat serta bahan yang berkaitan. Dalam konteks penghasilan produk pengajaran dan pembelajaran inovasi, permainan bahasa ini sebenarnya *cukup penting* jika kita mengambil kira murid yang lambat menerima pengajaran dan pembelajaran bahasa di kelas.






KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**FORMAT BAHARU PENTAKSIRAN BAHASA MELAYU SIJIL PELAJARAN MALAYSIA MULAI TAHUN 2021**

Antara aktiviti dalam permainan bahasa termasuklah kata bersilang, teka sinonim, teka silang kata, sisip vokal, lingkaran kata, silang sinonim, teka teki bentuk kata, sisip suku kata, jejak kata, ganda huruf, delapan kata, awal kata dan atur sinonim. Aktiviti-aktiviti ini sesuai digunakan pada semua peringkat pembelajaran bahasa iaitu daripada peringkat sekolah rendah hingga peringkat sekolah menengah.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Permainan Bahasa dalam Pengajaran'
oleh Hasan Baseri Budiman,
*Pelita Bahasa* bil 10,2017
Dewan Bahasa dan Pustaka

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**FORMAT BAHARU PENTAKSIRAN BAHASA MELAYU SIJIL PELAJARAN MALAYSIA MULAI TAHUN 2021**

(i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud *cukup penting*.

[*2 markah*]

(ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan **persamaan dan perbezaan** faktor yang menyebabkan kaedah pembelajaran teknik Meja Bulat dan Permainan Bahasa kurang dipraktikkan di dalam kelas.

[*3 markah*]

(iii) Aktiviti-aktiviti yang dijalankan melalui kaedah pembelajaran abad ke-21 banyak memberikan faedah kepada murid.
Pada pendapat anda, apakah faedah-faedah tersebut?

[3 *markah*]




(iv) Kumpulan anda diminta untuk menyiapkan tugasan oleh guru anda dengan menggunakan teknik permainan bahasa pada masa yang ditetapkan. Namun, tugasan tersebut tidak berjaya diselesaikan.

Sekiranya kumpulan anda diberikan peluang kedua untuk menyiapkan tugasan yang sama dalam masa yang ditetapkan, cadangkan langkah-langkah untuk memastikan tugasan tersebut dapat diselesaikan.

[4 *markah*]




SK 2.3 Membaca untuk memproses maklumat daripada pelbagai bahan

SP 2.3.1 Membaca, menilai dan membandingkan bahan teks yang berbeza dengan betul berdasarkan bukti yang terdapat dalam teks menggunakan teknik bacaan yang sesuai.

## SK dan SP untuk Petikan Sastera

SK 4.1 Memahami dan mengapresiasi karya sastera
SP 4.1.1 Memahami dan mengapresiasi untuk menghubung kait aspek yang menarik dalam prosa moden
SP 4.1.2 Memahami dan mengapresiasi untuk menghubung kait aspek yang menarik dalam puisi moden dan puisi tradisional.

## BAHAGIAN B: PEMAHAMAN ( 35 MARKAH )

| SOALAN 6 | SOALAN 7 | SOALAN 8 |
|---|---|---|
| PETIKAN UMUM ( 12 MARKAH ) | PETIKAN SASTERA ( 13 MARKAH ) | NOVEL ( 10 MARKAH ) |


TICKET TO VICTORY
DEWAN PEPERIKSAAN
22 MAC 2022 | 8.00 PAGI
TICKET TO VICTORY




Petikan soalan mengikut tema DSKP. Lebih daripada satu bahan (2 - 3bahan)
Panjang petikan antara 120-140 patah perkataan sahaja
Bahan boleh terdiri daripada pelbagai bentuk (berita,rencana, jadual dan lain-lain) dan sumber (majalah, Internet, ensiklopedia dan lain-lain)
Pecahan soalan tidak ditetapkan( 3 atau 4 soalan)
i. Maksud literal
ii. Beza banding semua bahan – pemindahan maklumat
iii. KBAT / pemikiran kritis
iv. KBAT / penyelesaian masalah
BENTUK SOALAN


Panduan Menjawab Soalan Pemahaman Petikan Umum
o Peruntukan markah (12-13 markah)dengan pengagihan markah berdasarkan 3 atau 4 soalan.
o Murid-murid perlu **membaca** dan **mengenal pasti tema** atau **isu** yang diketengahkan dalam kedua-dua bahan
o **Soalan(i):** soalan **maksud literal** ( makna sebenar kata-kata yang diuji )
o **Soalan (ii)**: soalan **membanding beza maklumat** yang terdapat dalam **kedua-dua bahan**. Jawapan mestilah diperoleh dalam petikan. **Jawapan luar petikan tidak akan diterima.**
o **Soalan (iii)** : soalan yang meminta murid **memberikan pendapat. Jawapan dalam petikan tidak diterima**
o **Soalan (iv):** soalan yang menguji murid-murid **untuk menyelesaikan masalah** berdasarkan isu yang dikemukakan dalam kedua-dua bahan. ( murid memberi cadangan atau pendapat sendiri **BUKAN** diambil dalam kedua-dua bahan
o Jawapan untuk **soalan (iii)** dan **soalan (iv)** merupakan **soalan KBAT** yang menghendaki murid-murid **berfikir secara kritis dan kreatif**


Soalan 7 (PETIKAN SASTERA)
BENTUK SOALAN
Semua bahan berdasarkan tema yang sama mengikut DSKP
Panjang petikan antara 120-140 patah perkataan
TIADA SOALAN ELEMEN SASTERA
sinopsis, tema, persoalan, plot, teknik plot, watak dan perwatakan, latar, gaya bahasa
1
2
3
4
Bahan mesti berasaskan unsur karya kreatif
Antologi komsas tingkatan 4 atau tingkatan 5 atau daripada sumber yang lain.
Bahan mestilah pelbagai ( cerpen, puisi moden atau tradisional, drama dan lain-lain)
Pecahan Soalan
i. Maksud literal
ii. Beza banding semua bahan-pemindahan maklumat
iii. KBAT / pemikiran kritis
iv. KBAT / penyelesaian masalah


Panduan Menjawab Soalan Pemahaman Petikan Sastera
Baca soalan
dengan teliti untuk mendapatkan gambaran akan kehendak soalan
Jawapan
perlu ditulis dalam ayat yang lengkap iaitu dengan mengambil sebahagian daripada perkataan / frasa dalam soalan sebagai ayat permulaan / pangkal dan sambungkan dengan jawapan / isi anda
OK!


TICKET TO VICTORY
DEWAN PEPERIKSAAN
22 MAC 2022 | 8.00 PAGI
TICKET TO VICTORY




4 bentuk soalan
Maksud rangkai kata
o Tukar kepada perkataan sinonim dengan rangkai kata
o Jangan ambil satu pun perkataan yang diuji
Pemahaman / maklumat dari bahan
o Cari kata kunci yang sama dalam setiap bahan
o Jawapan ada dalam bahan yang dikemukakan
o Elakkan menggunakan pendapat sendiri
Pendapat (KBAT)
o Jawapan berasaskan pendapat sendiri
o Jangan ambil isi daripada bahan yang diuji
KBAT/ Penyelesaian Masalah (situasi-tindakan yang sesuai)
Jawapan berasaskan idea/Tindakan/perkara yang perlu dilakukan untuk menyelesaikan masalah brdasarkan situasi

# NOTA SOALAN 6 :PEMAHAMAN











**Soalan 6 : Petikan Umum**

*Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

**Bahan 1**

KUALA LUMPUR: Penderma darah juga merupakan wira negara kerana pengorbanan mereka menderma darah secara sukarela demi menyelamatkan nyawa pesakit. Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, pengorbanan masa dan tenaga penderma darah yang tampil secara sukarela saban hari juga dapat dilihat semasa negara berada dalam Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) bagi melawan COVID-19.

“Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang menganjurkan Kempen Derma Darah. Menerusi kempen-kempen ini, masyarakat berpeluang untuk menderma darah dalam kalangan komuniti setempat,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam video ucapan sempena Hari Penderma Darah Peringkat Kebangsaan bertemakan ‘Darah yang Selamat Menyelamatkan Nyawa’ dan ‘Derma Darah demi Kesihatan Sejagat’, di laman Facebooknya hari ini. Fokus tema pada tahun ini menjurus kepada sumbangan setiap penderma darah dalam membantu menyelamatkan nyawa pesakit seterusnya meningkatkan tahap kesihatan komuniti setempat.

Perdana Menteri berkata, dalam situasi negara yang baru memasuki fasa pemulihan wabak COVID-19, normal kehidupan yang baharu perlu terus dilaksanakan untuk meraikan hari penderma darah pada tahun ini. “Saya yakin semua platform media sosial akan dimanfaatkan dengan makluman berguna bagi meraikan penderma darah serta menyemarakkan kesedaran penderma darah,” katanya.

Muhyiddin turut meminta masyarakat meneruskan sokongan padu terhadap Pusat Darah Negara dan tabung darah di seluruh negara. “Saya ingin mengajak semua rakyat Malaysia, terutamanya yang masih belum menderma darah, mulakan langkah pertama anda dalam menjadikan amalan menderma darah secara berkala sebagai budaya gaya hidup sihat,” katanya.

Penderma Darah Wira Negara<br>Berita Harian Online

14 Jun 2020

BAHAN 2




(i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *sokongan padu*.

[2 *markah*]

(ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan **perbezaan** idea utama yang terdapat dalam kedua-dua bahan tersebut.

[4 *markah*]

(iii) Kempen Derma Darah masih belum berjaya menyedarkan orang ramai tentang kepentingan pendermaan darah. Pada pendapat anda, apakah faktor-faktor yang menyebabkan orang ramai enggan menderma darah?

[3 *markah*]

(iv) Salah seorang ahli kumpulan belajar anda menghadapi masalah tekanan darah rendah. Masalah yang dihadapinya itu ada kalanya mengganggu pembelajarannya ketika di sekolah. Cadangkan langkah-langkah yang boleh dilakukan oleh rakan anda ketika berhadapan dengan masalahnya itu.

[4 *markah*]

**JAWAPAN**

(i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *sokongan padu*.

Berdasarkan Bahan 1, maksud sokongan padu ialah

(ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan **perbezaan** idea utama yang terdapat dalam kedua-dua bahan tersebut.

Merujuk Bahan 1, perbezaan idea utama yang terdapat dalam bahan tersebut ialah

______________________________________________

______________________________________________

(iii) Kempen Derma Darah masih belum berjaya menyedarkan orang ramai tentang kepentingan pendermaan darah. Pada pendapat anda, apakah faktor-faktor yang menyebabkan orang ramai enggan menderma darah?

Pada pendapat saya, faktor-faktor yang menyebabkan orang ramai enggan menderma darah ialah ______________________________

______________________________________________

(iv) Salah seorang ahli kumpulan belajar anda menghadapi masalah tekanan darah rendah. Masalah yang dihadapinya itu ada kalanya mengganggu pembelajarannya ketika di sekolah. Cadangkan langkah-langkah yang boleh dilakukan oleh rakan anda ketika berhadapan dengan masalahnya itu.

Cadangan langkah-langkah yang boleh dilakukan oleh rakan saya apabila diserang tekanan darah rendah semasa belajar ialah ______________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________






## SOALAN 6: PETIKAN UMUM

Baca bahan 1 dan bahan 2 yang diberikan dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

| | |
|---|---|
| **2.3** | Membaca untuk memproses maklumat daripada pelbagai bahan |
| **2.3.2** | Membaca, dan membandingkan beza maklumat daripada pelbagai bahan teks dengan betul |

**Bahan 1**

Masyarakat terdiri daripada pelbagai kaum, budaya dan agama memang menjadi cabaran kepada kebanyakan negara khususnya dalam mengurus kemajmukan sosial itu. Cabaran itu wujud, terutama dalam aspek membentuk keharmonian, keamanan dan interaksi positif antara kaum, agama serta budaya, sekali gus memerlukan pendekatan berhemah serta penuh rasa hormat.

Malaysia perlu dikenali bukan hanya makmur dari segi ekonomi dan pembangunan, malah menjadi negara beridentitikan kepelbagaian agama, bangsa dan budaya, sekali gus dapat bersama dalam suasana aman serta harmoni.

Nilai itu perlu digarap dengan menjadikan Islam sebagai ***kayu ukur*** utama mendukung agenda perpaduan nasional dalam konteks Malaysia. Pendekatan integrasi menjadi tunjang agenda perpaduan negara membolehkan masyarakat berbilang bangsa dan agama hidup bersama-sama dalam suasana harmoni di samping mengekalkan identiti dan ciri bangsa masing-masing.

Dipetik dan diubah suai daripada

*' bharian.com.my/rencana/komentar/ 2020/01/651403/harmonikan- hubungan-masyarakat-pelbagai-kaum'*






**Bahan 2**

| |
|---|
| Keunikan kepelbagaian etnik, agama dan budaya sejak dahulu lagi menjadi kekuatan dan cabaran terbesar Malaysia. Dalam keadaan dunia yang semakin kompleks kerana kepelbagaian, maka semakin penting bagi rakyat untuk membentuk identiti Malaysia dan menghargai kepelbagaian warisannya. Sebagai ruang yang dikongsi oleh semua rakyat, sekolah mempunyai potensi unik untuk memupuk perpaduan.<br><br>Penyelidikan antara bangsa antarabangsa oleh OECD menunjukkan bahawa perpaduan yang lebih kuat ini mempunyai kaitan dengan populasi yang lebih sihat, masyarakat yang lebih selamat, serta kadar guna tenaga yang lebih tinggi. Oleh sebab murid menghabiskan lebih satu perempat daripada masa mereka di sekolah semasa mereka berusia 7 hingga 17 tahun, maka sekolah merupakan tempat penting untuk memupuk perpaduan. Melalui interaksi dengan individu dari pelbagai latar belakang sosioekonomi, agama, dan etnik, murid belajar memahami, menerima, dan menghargai kepelbagaian. Maka perkongsian nilai dan pengalaman dapat dibina untuk masa depan Malaysia.<br><br>*(Sumber: Pelan Pembangunan Pendidikan 2013 - 2025)* |

(i) Berdasarkan bahan 1 berikan maksud ***kayu ukur.***

[ 2 markah ]

(ii) Merujuk Bahan 1 dan Bahan 2, nyatakan persamaan dan perbezaan penting dalam membentuk perpaduan nasional dalam konteks negara kita.

[ 3 markah ]

(iii) Semangat muhibbah dapat dicapai sekiranya rakyat Malaysia memahami dan menghargai kepelbagaian budaya.
Bersetujukah anda dengan pendapat ini? Berikan alasan yang sesuai.

[ 3 markah ]






(iv) Kelab Rukun Negara sekolah anda bercadang mengadakan Program Ziarah Komuniti ke rumah-rumah warga emas dan golongan yang kurang bernasib baik.

Cadangkan langkah-langkah yang perlu dilakukan untuk memastikan program tersebut berjaya dilaksanakan.

[ 4 markah ]

**JAWAPAN**

(i) Maksud kayu ukur ialah

[ 2 markah ]

(ii) Berdasarkan **bahan 1** dan **bahan 2,** antara **persamaan usaha membentuk perpaduan nasional dalam konteks negara kita** ialah (bahan 1)________________________________________________ (bahan 2) ________________________________________ manakala **perbezaan** usaha **membentuk perpaduan nasional** ialah (Bahan 1)________________________________________________ ________________________________________________ dan (Bahan 2) ________________________________________________

[ 3 markah ]

(iii) Semangat muhibbah ____________________ sekiranya rakyat Malaysia memahami dan menghargai kepelbagaian budaya ____________________ melalui ____________________ semasa perayaan seperti ________________________________________

**ATAU**…Jika **tidak bersetuju** atau ada cadangan jawapan lain seperti contoh berikut:

(iii) Semangat muhibah **lebih mudah** dicapai melalui **penglibatan dalam acara sukan**. Sukan sebagai agen perpaduan tidak dinafikan dapat menyatukan rakyat Malaysia. Sebagai contoh, zaman gemilang bola sepak negara pada tahun 1980-an pernah melibatkan pemain berbilang kaum. Penglibatan

pemain seperti Mokhtar Dahari, R. Arumugam, Soh Chin Aun, James Wong dan Khalid Ali pasti tidak kita lupakan. Penyertaan mereka dalam pertandingan bola sepak pada peringkat antarabangsa pula mendapat sokongan padu daripada rakyat Malaysia tanpa mengira kaum.

[3 markah]

(iv) Langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh Kelab Rukun Negara ialah

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

[4 markah]






**BAHAGIAN B: PEMAHAMAN**
**[35 Markah]**

**SOALAN 6: PETIKAN UMUM**

*Baca* **Bahan 1 dan Bahan 2** *yang diberikan dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

**Bahan 1**

Ketua Pegawai Eksekutif Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) menyebut bahawa sebanyak 1157 kes bankrap yang melibatkan golongan di bawah umur 25 tahun telah direkodkan oleh Jabatan Insolvensi Malaysia. Faktor utama golongan muda di negara kita muflis ialah pekerja muda terlebih hutang. Keadaan ini disebabkan oleh golongan muda memiliki tahap pendidikan kewangan yang rendah sedangkan pengurusan kewangan yang bijak membolehkan remaja merancang masa depan yang lebih strategik.

Walaupun secara dasarnya kebanyakan remaja mempunyai aliran masuk wang daripada *sumber yang terhad* seperti ibu bapa dan biasiswa atau pinjaman pendidikan, remaja yang cekap mengurus kewangannya dapat mengelak mereka terbelenggu dengan masalah kekurangan wang saku sepanjang tempoh pengajian. Namun, ada juga remaja yang sudah terjerat dengan masalah hutang sejak usia muda. Oleh itu, amat penting untuk remaja menguruskan kewangan dengan sistematik kerana hal ini dapat membantu remaja khususnya yang belajar di universiti menampung perbelanjaan tertentu sepanjang bergelar mahasiswa.

Dipetik dan diubahsuai daripada
"Pengurusan Kewangan Remaja"
Oleh: Norazizah Mohd Amin,
*Dewan Siswa, Bil 3 2017*






**Bahan 2**




(i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud rangkai kata *sumber yang terhad*.

[2 *markah*]

(ii) Merujuk **Bahan 1 dan Bahan 2**, nyatakan **persamaan** dan **perbezaan** faktor-faktor golongan muda diisytiharkan muflis.

[3 *markah*]

(iii) Pengurusan kewangan yang cekap mampu melahirkan remaja yang berhemat dalam berbelanja.
Pada pendapat anda, apakah manfaat-manfaat yang akan diperoleh jika remaja cekap berbelanja?

[3 *markah*]

(iv) Rakan anda terjebak dengan skim pelaburan cepat sehingga terbelenggu dengan bebanan hutang.

Sebagai sahabat baik, cadangkan usaha yang boleh sahabat anda lakukan untuk menyelesaikan beban hutang tersebut.

[4 *markah*]

**JAWAPAN**

**6. PEMAHAMAM UMUM**

(i) *Sumber yang terhad* bermaksud ____________________________________________

[2 markah]

(ii) Persamaan dan perbezaan faktor golongan muda diisytiharkan muflis dalam Bahan 1 dan Bahan 2:

Persamaan faktor golongan muda diisytiharkan muflis (dalam bahan 1 dan )________________________________________________________________.
Manakala perbezaannya pula adalah (dalam bahan 1 dan 2)________________________________________________________________

________________________________________________________________

[3 markah]

(iv) Manfaat-manfaat yang remaja akan peroleh sekiranya cekap berbelanja:
Antara manfaat-manfaat yang remaja kan peroleh sekiranya cekap berbelanja ialah ____________________________________________________________

________________________________________________________________

________________________________________________________________

________________________________________________________________

________________________________________________________________

________________________________________________________________

[3 markah]

(iv) Cadangkan usaha yang boleh sahabat anda lakukan untuk menyelesaikan beban hutang tersebut.
Antara usaha-usaha yang boleh sahabat saya lakukan untuk menyelesaikan beban hutang tersebut adalah ____________________________________________

________________________________________________________________

________________________________________________________________

________________________________________________________________

________________________________________________________________

[4 markah]

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

FORMAT BAHARU PENTAKSIRAN BAHASA MELAYU SIJIL PELAJARAN MALAYSIA MULAI TAHUN 2021

## BAHAGIAN B : PEMAHAMAN [35 MARKAH]

CADANGAN MASA : 60 MINIT

SOALAN 6 - PETIKAN UMUM

SOALAN 7 - PETIKAN SASTERA

(Soalan 6 dan 7 : 25 Markah]

SOALAN 8 - NOVEL

(10 Markah)

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

FORMAT BAHARU PENTAKSIRAN BAHASA MELAYU SIJIL PELAJARAN MALAYSIA MULAI TAHUN 2021

## Soalan 7 : Petikan Sastera

- Bahan mesti berasaskan unsur karya kreatif sama ada daripada antalogi yang dipelajari di sekolah (komsas tingkatan 4 atau 5) atau daripada sumber yang lain.
- Bahan mestilah pelbagai (cerpen, puisi moden atau tradisional, drama dan lain-lain)
- Semua bahan mesti berdasarkan tema yang sama mengikut DSKP.
- Panjang petikan antara 120 – 140 patah perkataan.






KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

FORMAT BAHARU PENTAKSIRAN BAHASA MELAYU SIJIL PELAJARAN MALAYSIA MULAI TAHUN 2021

- Pecahan soalan tidak ditetapkan (3 atau 4 soalan)
  - i. Maksud literal
  - ii. Beza banding semua bahan - pemindahan maklumat
  - iii. KBAT/ pemikiran kritis
  - iv. KBAT/ penyelesaian masalah

- Tiada soalan elemen sastera.

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

FORMAT BAHARU PENTAKSIRAN BAHASA MELAYU SIJIL PELAJARAN MALAYSIA MULAI TAHUN 2021

## Soalan 7 - Contoh Item

*Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

**Bahan 1**

**Rintihan Bumi**

Usia aku semakin lanjut
Kalau aku terbujur
Adakah yang ingin menjagaku
Aku semakin tua
Sudah terlalu uzur aku memelihara
Anak-anakku – manusia.


TICKET
TO
VICTORY
DEWAN PEPERIKSAAN
22 MAC 2022 | 8.00 PAGI
TICKET
TO
VICTORY




FORMAT BAHARU PENTAKSIRAN BAHASA MELAYU SIJIL PELAJARAN MALAYSIA MULAI TAHUN 2021
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Setiap hari aku berdoa agar anak-anakku
***Menjaga adab***
Aku banyak kali menegur
Tetapi mereka tidak juga berubah
Aku hanya mampu menangis sehingga banjir
Aku pukul mereka dengan Tsunami
Tetapi mereka tidak menerima teguran itu untuk berubah.


FORMAT BAHARU PENTAKSIRAN BAHASA MELAYU SIJIL PELAJARAN MALAYSIA MULAI TAHUN 2021
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Akhirnya apabila aku geram
Tuhan perintahkan aku menggoncang badan aku
Gempa maha dahsyat berlaku
Sehinggakan aku demam, mereka tetap terus
Mencabut pokok-pokokku
Apabila aku geram, keluarlah taufan tetapi mereka
Tetap tidak berubah.
**Muhd. Syazwan Sahlan**
Sungai Buluh, Selangor.
*Dewan Siswa*, Bil. 1 2018






KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

FORMAT BAHARU PENTAKSIRAN BAHASA MELAYU SIJIL PELAJARAN MALAYSIA MULAI TAHUN 2021

## Bahan 2

Demi malar hijau yang kamu cintai, kamu perlu belajar. Hutan ini memerlukan kamu."

"Apa maksud cikgu?"

"Tidakkah kamu tahu bahawa di seluruh dunia, hutan diancam aktiviti pembalakan. Sindiket yang gila akan duit menceroboh dan membunuh fauna dan flora di kawasan hutan simpan. Bukan sahaja di Malaysia, malah hutan malar hijau di Lembangan Amazon juga terancam."

"Pohon-pohon tembusu padang, meranti seraya, dan meranti tembaga di kawasan simpan, 20 km dari sini sudah tiada lagi cikgu," kata Daneng terputus-putus. Suaranya ditenggelami kekecewaan yang pedih. "Apakah yang dapat saya lakukan. Apabila tiba di sana, mereka sudah tiada, pokok-pokok ini juga sudah tiada."

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

FORMAT BAHARU PENTAKSIRAN BAHASA MELAYU SIJIL PELAJARAN MALAYSIA MULAI TAHUN 2021

Sebab itulah kamu harus belajar, Daneng. Mungkin kamu dapat menjadi pegawai perhutanan negara, dan melaksanakan satu rancangan yang lebih agresif untuk membanteras kelompok musuh ini, atau kamu dapat menjadi saintis, mencipta sesuatu yang dapat menggantikan tempat kayu. Barulah hutan akan terselamat. Masa depan pohon tualang pujaanmu juga akan terjamin," hujah Jo.

Dipetik daripada cerpen 'Lambaian Malar Hijau'
oleh Seroja Theavy a/p Balakrishnan
antologi *Anak Laut*, Dewan Bahasa dan Pustaka


FORMAT BAHARU PENTAKSIRAN BAHASA MELAYU SIJIL PELAJARAN MALAYSIA MULAI TAHUN 2021
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Bahan 3
PANTUN SAYANGI ALAM
Cerah dian di malam gelita,
Diserikan embun dibawa deru;
Indah nian negara tercinta,
Daun merimbun laut membiru.
Tumbuh pegaga di tanah rata,
Penuh kawasan luas terbentang;
Mari dijaga alam semesta,
Jadi warisan generasi mendatang.


FORMAT BAHARU PENTAKSIRAN BAHASA MELAYU SIJIL PELAJARAN MALAYSIA MULAI TAHUN 2021
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Bahan 3
PANTUN SAYANGI ALAM
Cerah dian di malam gelita,
Diserikan embun dibawa deru;
Indah nian negara tercinta,
Daun merimbun laut membiru.
Tumbuh pegaga di tanah rata,
Penuh kawasan luas terbentang;
Mari dijaga alam semesta,
Jadi warisan generasi mendatang.






KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**FORMAT BAHARU PENTAKSIRAN BAHASA MELAYU SIJIL PELAJARAN MALAYSIA MULAI TAHUN 2021**

(i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *menjaga adab* .

[ 2 *markah* ]

(ii) Berdasarkan **semua bahan,** nyatakan kesan-kesan kemusnahan alam sekitar akibat aktiviti manusia.

[4 *markah*]

(iii)Alam sekitar sangat penting dalam kehidupan manusia dan menjadi tanggungjawab bersama untuk memuliharanya.
Pada pendapat anda, apakah kepentingan-kepentingan memulihara hutan di negara ini?

[3 *markah*]

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**FORMAT BAHARU PENTAKSIRAN BAHASA MELAYU SIJIL PELAJARAN MALAYSIA MULAI TAHUN 2021**

(iv) Pada suatu petang, anda sedang memancing ikan di sebatang sungai yang jernih, tiba-tiba anda ternampak tiga orang pemuda yang sedang mengangkut beberapa buah tong yang mengandungi cecair. Mereka mencurahkan cecair tersebut ke dalam sungai. Setelah mereka beredar, anda mendapati warna air sungai semakin keruh dan kelihatan beberapa ekor ikan mulai terapung. Anda yakin bahawa cecair tersebut ialah sisa toksik.

Sebagai rakyat yang prihatin, bagaimanakah anda dapat membantu untuk mengatasi masalah ini?

[4 *markah*]






**SOALAN 7: PETIKAN SASTERA**

*Berdasarkan* **Bahan 1** *dan* **Bahan 2***, jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

**Bahan 1**

"Mel, bonda merestui kamu untuk berhijrah ke ibu kota. Tetapi, ingatlah pesan bonda supaya menjaga dua perkara. Perintah agama jangan sesekali kamu abaikan. Agama itu baju peribadi bangsa kita. Akidah yang kukuh menjadi akar yang menunjang pohon kebenaran. Islam merupakan panduan hidup. Peliharalah bahasa ibunda kita kerana itulah sahaja warisan kita yang tinggal. Bahasa jiwa bangsa. Bangsa yang bijak tidak akan membuang bahasanya walau apa-apa alasan sekalipun."

Pesan itu menyuburi hati dan perasaan saya. Pesanan daripada lidah seorang bonda untuk anakandanya yang akan merantau jauh. Saya yakin mempunyai kekuatan untuk menghadapi dugaan dan cabaran di tengah ibu kota. Sebelum berangkat, bonda menyerahkan naskhah-naskhah kitab lama miliknya di dalam sebuah beg sarat untuk dikirimkan kepada sahabat lama di kota.

"Mel, buku-buku ini khazanah nenek moyang kita. Di kota nanti carilah sahabat lama bonda bernama Munsyi. Hadiahkan buku-buku ini kepadanya kerana masih ada nilainya di kota sana."

Dipetik daripada
cerpen '*Munsyi*' oleh Husna Nazri
dalam antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

**Bahan 2**

<table>
<tr><th colspan="2">BERTUTURLAH DALAM BAHASAKU<br>Sumber: http://cikgunorainimy.blogspot.com/2010/04/pantun -bahasa-melayu.html?m=1</th></tr>
<tr><td>Burung tempua terbangnya rendah,<br>Hinggap sebentar di dahan sena;<br>Bahasa Melayu bahasa yang indah,<br>Terungkap kata seribu makna.<br><br>Si dara ayu berbaju merah,<br>Kerongsang bertatah permata nilam;<br>Bahasa Melayu tercatat sejarah,<br>Luas tersebar seluruh alam.<br><br>Cantiknya paras Puteri Salju,<br>Bersama nenda mencari lokan;<br>Jika negara ingin maju,<br>Bahasa ibunda jangan pinggirkan.</td><td>Si gadis ayu bergelar ratu,<br>Umurnya muda masih belasan;<br>Bahasa Melayu bahasa penyatu,<br>Tercapai hasrat satu wawasan.<br><br>Pulau Sendayu di atas peta,<br>Hendak dituju bersama teman;<br>Bahasa Melayu bahasa kita,<br>Tetap gemilang zaman berzaman.<br><br>Melompat-lompat si anak rusa,<br>Melihat kelkatu di dalam paya;<br>Marilah mengangkat martabat bahasa,<br>Tekad dipadu ke puncak jaya.</td></tr>
</table>






(i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud rangkap ketiga puisi.

[2 *markah*]

(ii) Berdasarkan **Bahan 1 dan Bahan 2**, nyatakan kepentingan-kepentingan yang diperoleh apabila masyarakat memelihara bahasa Melayu?

[3 *markah*]

(iii) Bahasa Melayu telah dipilih sebagai bahasa kebangsaan di negara kita.

Pada pendapat anda, apakah sebab-sebab pemilihan bahasa Melayu sebagai bahasa utama di negara kita?

[3 *markah*]

(iv) Anda kerap kali mendengar rakan-rakan anda bersembang menggunakan bahasa rojak sehingga menjejaskan pencapaian mata pelajaran Bahasa Melayu. Sebagai seorang yang cakna bahasa, anda berasa sedih dengan keadaan tersebut.

Cadangkan langkah-langkah yang boleh anda lakukan untuk mengatasi masalah ini?

[4 *markah*]

**PEMAHAMAN SASTERA**

(i) Maksud rangkap ketiga.ialah ______________________________________________

[2 markah]

(ii) Kepentingan-kepentingan yang diperoleh apabila masyarakat memelihara Bahasa Melayu.ialah ______________________________________________

______________________________________________________________________

______________________________________________________________________

______________________________________________________________________

______________________________________________________________________

[3 markah]

(iii) Pada pendapat saya, sebab-sebab pemilihan bahasa Melayu sebagai bahasa utama di negara kita ialah ______________________________

______________________________________________________________

______________________________________________________________

______________________________________________________________

______________________________________________________________

______________________________________________________________

______________________________________________________________

______________________________________________________________

______________________________________________________________

(3 markah)

(iv) Anda kerap kali mendengar rakan-rakan anda bersembang menggunakan bahasa rojak sehingga menjejaskan pencapaian mata pelajaran Bahasa Melayu. Sebagai seorang yang cakna bahasa, anda berasa sedih dengan keadaan tersebut.

Cadangkan langkah-langkah yang boleh anda lakukan untuk mengatasi masalah ini?

Antara langkah-langkah yang boleh saya lakukan untuk mengatasi msalah ini ialah ______________________________________________________

______________________________________________________________

______________________________________________________________

______________________________________________________________

______________________________________________________________

______________________________________________________________

______________________________________________________________

[4 *markah*]






**SOALAN 7: PETIKAN SASTERA**

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

## Kuingin Berterima Kasih

(Ihsan Noorzali)

Sesekali kuingin berterima kasih
kepadamu hujan bagai tetamu
jiwa pun menjadi dingin
api amarah menjadi terpadam.

Sesekali kuingin ***menyemai budi***
kepadamu tanah yang hidup
kerana perutmu setia menghamilkan
rezeki buat petani.

Sesekali kuingin berbisik kepadamu
ikan-ikan yang riang
liar di belantara samudera
kerana sudi membebaskan cerita
nelayan tua di pondoknya.

Sesekali kuingin kalungkan kagum
kepadamu pejuang negara
kerana tanganmu pernah berdarah
darah kesetiaan seorang warga
kepada watan tercintanya.

Sesekali kuingin pula menjadi bunga
menebarkan keharuman
di taman-taman keresahan hidup
menyerahkan keinsafan
kepada keangkuhan perang.

Alangkah indahnya dunia
andai semua merenung
kekosongan hidup ini.

*Dipetik daripada Antologi Kuingin Berterima Kasih, halaman 12*

**Bahan 2**

Dia cuba mengintip, mengikut ruang yang wujud di celah-celah jari-jemarinya. Jelas kelihatan olehnya akan lereng bukit yang sudah tempang dan pincang, menimpai banglo di lereng bukit. Jari-jemarinya yang kurus itu kini dia anjakkan ke ruang lain, melebarkan pandangannya ke arah sekitar. Lagi-lagi lereng bukit yang runtuh itu mengeruhkan sanubarinya. Perenungan itu memberi ruang dan kesempatan kepadanya untuk mematah-matahkan jari-jemari satu per satu. Dia amat seronok mendengar bunyi kertup-kertap yang terbit daripada aksinya itu.

Dia kembali menekup wajahnya, wajah yang geruh dan bengis. Sebiji buah mempelam jatuh terlepap di hadapannya, gugur dengan tiba-tiba. Spontan, dia teringat akan Isaac Newton, saintis berbangsa Inggeris itu. "Jika aku lahir sezaman dengan Newton pada tahun 1642, ataupun beberapa dekad kemudian, aku pasti tidak berasa hairan tentang sebab buah mempelam itu gugur dengan tiba-tiba," fikir Aiman. Malangnya, tarikh keramat itu sudah lama gugur dalam helaian kalendar waktu.

Dipetik daripada
*cerpen"Hipertensi"* dalam
*Antologi Sejadah Rindu,*
Dewan Bahasa dan Pustaka

**Bahan 3**

**Pantun Lapan Kerat**

Buat bangsal di tengah hutan,
Tebaslah hutan buat halaman,
Di tepi halaman menanam kubis,
Diselang dengan pokok papaya;
Biarlah bersabar dengan perlahan,
Itulah tanda tuan beriman,
Tidak patah digoncang iblis,
Akhirnya tuan menang berjaya.

Ikan teluk parang-parang,
Anak ketam disangka lelabi,
Berburu musim tengkujuh,
Dapat buruan dibelah-belah;
Bukan makhluk sebarang-barang,
Cucu Adam sepaian nabi,
Turun dari langit ketujuh,
Jadi khalifah kepada Allah.

Lengkang-lengkung apa dipaku,
Paku jatuh patah dua,
Menjadi riuh orang di darat,
Anak Cik Itam jatuh jalar;
Bumi kandungan nenek moyangku,
Kerana lalai rosak binasa,
Kebudayaan Timur dinodai Barat,
Bahasa ibunda hina terbiar.

*Antologi Dirgahayu Bahasaku ,*

Dewan Bahasa dan Pustaka*)*

(i) Berdasarkan Bahan 1, berikan maksud ***menyemai budi***.

[2 markah]

(ii) Berdasarkan semua bahan, alam sekitar menjadi sumber kepada manusia untuk memenuhi keperluan asas dan kehendak yang tak terbatas. Nyatakan sumbangan alam sekitar kepada manusia

[3 markah]

(iii) Selain kejadian tanah runtuh, terdapat pelbagai kesan buruk lain akibat penerokaan dan pembangunan yang tidak terkawal. Berikan tiga kesan buruk kepada masyarakat setempat.

[3 markah]

(iv) Kawasan kediaman anda berdekatan dengan kilang simen. Sejak akhir-akhir ini , anda dapati kualiti udara sangat teruk kerana habuk dari aktiviti pengilangan tersebut. Tumbuh-tumbuhan diselaputi debu halus dari kilang simen tersebut. Malah penduduk setempat mulai berasa tidak selesa dengan keadaan tersebut.

Sebagai seorang rakyat yang prihatin, apakah yang perlu anda lakukan untuk memastikan masalah ini diselesaikan demi menjamin kelestarian alam sekitar.

[4 markah]






## Jawapan pemahaman

(i) Maksud ***menyemai budi*** ialah ______________________

[2 markah]

(ii) Sumbangan alam sekitar kepada manusia **untuk memenuhi keperluan asas** ialah (dari bahan 1) ______________________________________________

dan (dari bahan 2) ______________________________________________.

Selain itu (dari bahan 3) ______________________________________________

Manakala sumbangan alam sekitar **untuk memenuhi kehendak yang tak terbatas** ialah (Bahan 1)______________________________________________.

______________________________________________________________

Malah, (bahan 2)______________________________________________.

______________________________________________________________

Hal ini akan menyebabkan (bahan 3)__________________________________

______________________________________________________________

[3 markah]

(iii) Selain kejadian tanah runtuh, **tiga kesan buruk** akibat penerokaan dan pembangunan yang tidak terkawal **kepada masyarakat setempat ialah**

______________________________________________________________

______________________________________________________________

______________________________________________________________

______________________________________________________________

[3 markah]






(iv) Sebagai seorang rakyat yang prihatin, saya perlu

______________________________________________________________________

______________________________________________________________________

______________________________________________________________________

______________________________________________________________________

______________________________________________________________________

[4 *markah*]

**SOALAN 7: PETIKAN SASTERA**

*Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

**Bahan 1**

**Tentang Alam**

Hidup ini indah,
Seindah mentari pagi,
Hidup ini sesegar rumput menghijau,
Seandainya manusia menghargai alam.
Kini,
Suramnya mentari,
Kaburnya pandangan,
Dedaun menguning,
Gondolnya bukit menyembah bumi,
Kelodak menyekat aliran.

Semua ini,
Kerana rakusnya manusia,
Jahilnya manusia tentang alam,
Mengejar pembangunan,
Menidakkan rintihan alam,
Yang sewajarnya dipertahankan,
Demi manusia sejagat di kemudian hari.

Sedarlah manusia,
Alam ini milik Dia,
Namun tidak selamanya mampu bertahan,
Seandainya manusia alpa,
Tentang alam.

*Elizebeth Yanty Anak Liben*
*Miri, Sarawak*
*Dewan Siswa, Bil. 05 2018*

**Bahan 2**

Sebuah bas mini dan dua buah kereta buatan dalam negara bergerak dengan perlahan-lahan memasuki kawasan kebun Pak Tua. Jalan tanah merah yang telah diturap dengan batu dan kerikil halus memudahkan perjalanan kenderaan itu lagi. Setelah kereta berhenti dan para penumpangnya turun, kemeriahan pun mewarnai kawasan dusun dan hutan itu.

"Jadi, inilah yang dibuat oleh bapa? Tanah yang diwariskan oleh atuk untuk emak dan bapa telah dibiarkan menjadi hutan simpan?" Ajam berkata sambil memandang kehijauan hutan belantara di hadapannya.

"Ya, Ajam. Hanya sedikit saja kawasan yang dibersihkan oleh bapa untuk tapak rumah dan untuk dusun buah-buahan."

"Bapa telah melestarikan harta warisan alam," Bakar mencelah kagum.

"Hanya dengan cara inilah bapa dapat *menebus kesalahan* bapa kerana pernah terlibat dalam pemusnahan hutan suatu masa dulu."

"Bapa!" seru Melati. Suaranya penuh kasih. "Dulu bapa tidak memusnahkan hutan. Bapa cuma menolong negara melaksanakan pembangunan."

"Ya, itulah yang bapa harapkan. Semoga bapa memberikan sesuatu yang bermakna pembangunan."

"Sudah tentu, bapa," Budi pula mengiakan. "Bahkan sampai usia tua begini pun bapa masih lagi memberikan sumbangan. Lihat kawasan hutan simpan ini," Budi mendepangkan tangan.

*Dipetik daripada cerpen Hutan Rimba*






**Bahan 3**

**Syair Burung Botak Upeh**

Si burung botak upeh punya hikayat,
Beribu tahun termaktub riwayat,
Sejahtera kerana prihatinnya rakyat,
Hidup harmoni sepanjang hayat.

Di dahan pokok berbuat sarang,
Pokok perepat bukan sebarang,
Bebas terbang tiada melarang,
Di kuala dan muara hatinya girang.

Nasibnya kini sudah berubah,
Si burung botak upeh tidak bertambah,
Hutan bakau rakus ditambah,
Sarang si upeh ke bumi menyembah.

Air muara terasa sembilu,
Terbanglah upeh di angin lalu,
Ke negeri damai seperti dahulu,
Mengenang nasibmu terasa pilu.

Dunia ini pinjaman hanya,
Tiada apa kita yang punya,
Kembalikan upeh ke tempat asalnya,
Tugas siapa usah ditanya.

*Zuhaa Zayyan*
*RPP, Port Dickson*
*Buku Teks Tingkatan 4, halaman 177*
*Kementerian Pendidikan Malaysia*

1. Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud *menebus kesalahan*.

[2 *markah*]

2. Berdasarkan **semua bahan**, nyatakan kesan-kesan kemusnahan hutan akibat aktiviti manusia.

[3 *markah*]

3. Hutan amat penting dalam kehidupan manusia dan menjadi tanggungjawab bersama untuk memeliharanya. Pada pendapat anda, apakah peranan-peranan yang perlu dimainkan oleh rakyat untuk mengelakkan kemusnahan hutan di negara ini?






[3 *markah*]

4. Pada cuti persekolahan baru-baru ini, anda dan rakan-rakan telah mengikuti ekspedisi mendaki gunung yang dianjurkan Kelab Remaja di taman anda. Semasa ekspedisi tersebut, anda dapat melihat kesan-kesan pencerobohan akibat aktiviti penebangan hutan. Anda yakin bahawa penebangan pokok-pokok di kawasan itu dilakukan secara haram. Sebagai rakyat yang prihatin, bagaimanakah anda dan rakan-rakan dapat membantu untuk mengatasi masalah ini?

[4 *markah*]

**JAWAPAN**

(i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud *menebus kesalahan*.

Berdasarkan Bahan 2, maksud menebus kesalahan ialah ____________________

______________________________________________________________

(ii) Berdasarkan **semua bahan**, nyatakan kesan-kesan kemusnahan hutan akibat aktiviti manusia.

Kesan kemusnahan hutan akibat aktiviti manusia dalam Bahan 1

ialah ______________________________________________________.

Kesan kemusnahan hutan dalam Bahan 2 ialah ______________________________

______________________________________________________________.

Kesan kemusnahan hutan dalam Bahan 3 pula ______________________________

______________________________________________________________.

(iii) Hutan amat penting dalam kehidupan manusia dan menjadi tanggungjawab bersama untuk memeliharanya. Pada pendapat anda, apakah peranan-peranan yang perlu dimainkan oleh rakyat untuk mengelakkan kemusnahan hutan di negara ini?

Pada pendapat saya, peranan-peranan yang perlu dimainkan oleh rakyat untuk mengelakkan kemusnahan hutan di negara ini ialah ____________________

______________________________________________________________

______________________________________________________________

______________________________________________________________

______________________________________________________________

(iv) Pada cuti persekolahan baru-baru ini, anda dan rakan-rakan telah mengikuti ekspedisi mendaki gunung yang dianjurkan Kelab Remaja di taman anda. Semasa ekspedisi tersebut, anda dapat melihat kesan-kesan pencerobohan akibat aktiviti penebangan hutan. Anda yakin bahawa penebangan pokok-pokok di kawasan itu dilakukan secara haram. Sebagai rakyat yang prihatin, bagaimanakah anda dan rakan-rakan dapat membantu untuk mengatasi masalah ini?

Sebagai rakyat yang prihatin, saya dan rakan-rakan dapat membantu untuk mengatasi masalah ini dengan ________________________________________ agar ____________________________________________________________ untuk menangkap pihak yang terlibat. Selain itu, kami akan mengambil_________________________

______________________________________________________________________________

Seterusnya, kami akan menggunakan______________________________________

______________________________________________________________________________

______________________________________________________________________________

______________________________________________________________________________



TICKET TO VICTORY
DEWAN PEPERIKSAAN
22 MAC 2022 | 8.00 PAGI




FORMAT BAHARU PENTAKSIRAN BAHASA MELAYU SIJIL PELAJARAN MALAYSIA MULAI TAHUN 2021
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BAHAGIAN B : PEMAHAMAN
[35 MARKAH]
CADANGAN MASA : 60 MINIT
SOALAN 6 - PETIKAN UMUM
SOALAN 7 - PETIKAN SASTERA
(Soalan 6 dan 7 : 25 Markah]
SOALAN 8 - NOVEL
(10 Markah)




FORMAT BAHARU PENTAKSIRAN BAHASA MELAYU SIJIL PELAJARAN MALAYSIA MULAI TAHUN 2021
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Soalan 8 : Novel [10 markah]
1. Dua soalan diuji
2. Markah keseluruhan (10 m): Kombinasi markah untuk soalan (i) dan (ii) tidak tetap
3. Markah bahasa:
• Soalan (i) Tidak ada markah bahasa yang khusus, tetapi berdasarkan deskripsi pemarkahan
• Soalan (ii) Markah bahasa: maksimum 2 markah secara holistik


FORMAT BAHARU PENTAKSIRAN BAHASA MELAYU SIJIL PELAJARAN MALAYSIA MULAI TAHUN 2021
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Soalan 8 : Novel [10 markah]
4. Bentuk soalan:
i. Soalan 8 (i) : Pemahaman petikan novel (berdasarkan petikan sebuah novel daripada mana-mana novel 4 zon)
- Panjang petikan antara 100 hingga 120 patah perkataan.
ii. Soalan 8 (ii) : Pemikiran kritis (berdasarkan novel yang dikaji mengikut zon)



FORMAT BAHARU PENTAKSIRAN BAHASA MELAYU SIJIL PELAJARAN MALAYSIA MULAI TAHUN 2021
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Soalan 8 : Novel [10 markah]
4. Bentuk soalan:
i. Soalan 8 (i) : Pemahaman petikan novel (berdasarkan petikan sebuah novel daripada mana-mana novel 4 zon)
- Panjang petikan antara 100 hingga 120 patah perkataan.
ii. Soalan 8 (ii) : Pemikiran kritis (berdasarkan novel yang dikaji mengikut zon)






FORMAT BAHARU PENTAKSIRAN BAHASA MELAYU SIJIL PELAJARAN MALAYSIA MULAI TAHUN 2021

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

## Soalan 8 : Contoh Item Novel

*(i) Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

"Tentulah tidak," balas Muhammad Taufik, nadanya tenang sahaja.

"Saya telah memutuskan bahawa kelip-kelip di Kuala Selangor berada di ambang kepupusan. Kedatangan pelancong yang ramai, hampir 100 ribu orang pada setiap tahun, dengan semua entiti yang datang bersama mereka seperti suara manusia, bunyi enjin motobot, cahaya lampu di jeti, pencemaran air sungai yang mengancam pokok-pokok berembang, pemusnahan kawasan paya bakau, cahaya dari kawasan petempatan manusia, dan cahaya roda *ferris*, semuanya membawa ancaman kepada populasi kelip-kelip. Kelip-kelip ini, yang telah wujud jutaan tahun di tempat ini dan tidak pernah mendatangkan sebarang kesusahan kepada manusia di sini akan mengalami kepupusan dalam masa setahun sahaja jika keadaan sedia ada berterusan.

Dipetik daripada Novel *Bimasakti Menari*
Karya Sri Rahayu Mohd Yusop
Kementerian Pendidikan Malaysia

(a) Nyatakan faktor-faktor populasi kelip-kelip di Kuala Selangor semakin berkurangan. [4 *markah*]

FORMAT BAHARU PENTAKSIRAN BAHASA MELAYU SIJIL PELAJARAN MALAYSIA MULAI TAHUN 2021

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

*(ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

a. Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latip Talib
b. Di Sebalik Dinara, karya Dayang Nor
c. Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin
d. Pantai Kasih karya Azmah Nordin
e. Songket Bebenang Emas, karya Khairuddin Ayip
f. Tirani, karya Beb Sabariah
g. Silir Daksina, karya Nizar Parman
h. Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusop

Berdasarkan **sebuah novel** yang anda pelajari, jelaskan sebab permulaan cerita tersebut menarik perhatian pembaca.

[6 *markah*]






**SOALAN 8 : NOVEL**

i. *Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

> "Memang kaedah rawatan tradisional bagus, tapi sudah tiba masanya kita beralih kepada sesuatu yang lebih moden yang menjimatkan masa dan kos. Makanan tambahan pun boleh membantu menyembuhkan penyakit", kata Danel.
>
> Datuk hanya mengangguk mendengar penjelasan pemuda itu.
>
> "Ayah saya terikat dengan pantang larang ketika dalam proses rawatan tradisional ini. Hal ini mengganggu saya dan adik-beradik saya yang lain. Dia perlu mencari akar-akar kayu dan daun, kemudian mengisar, menumbuk, merebus dan memotong bahan-bahan itu. Perkara ini membahayakan keselamatan ayah saya. Sedangkan dalam pasaran kini terdapat banyak makanan tambahan yang bukan sekadar melenyapkan sistem diet kita tapi juga mampu membantu merawat penyakit kronik. Saya bukan doktor, bukan juga pakar macam pak cik tapi saya ingin memudahkan ayah kami".
>
> Dipetik daripada
> novel *Jendela Menghadap Jalan*
> karya Ruhaini Matdarin,
> Kementerian Pendidikan Malaysia

ii. Apakah punca yang menyebabkan Danel menghentikan rawatan ayahnya dengan datuk?

[4 *markah*]

iii. *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

(*a*) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib

(*b*) Di Sebalik Dinara karya Dayang Nor

(*c*) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin

(*d*) Pantai Kasih karya Azmah Nordin

(*e*) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip

(*f*) Tirani karya Beb Sabariah

(*g*) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop

(*h*) Silir Daksina karya Nizar Parman

Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, huraikan **kegigihan** watak utama dalam menghadapi cabaran yang timbul?

[6 *markah*]

**Rangka Jawapan**

| | |
|---|---|
| Ayah terikat dengan pantang larang ketika dalam proses rawatan tradisional | 1 m |
| Perlu beralih kepada perubatan yang lebih moden dan menjimatkan masa serta kos | 1 m |
| Banyak menghabiskan masa kerana pesakit perlu mencari akar-akar kayu dan daun, kemudian mengisar, menumbuk, merebus dan memotong bahan-bahan itu | 1 m |
| Membahayakan keselamatan pesakit | 1 m |

(i) Punca-punca yang menyebabkan Danel menghentikan rawatan ayahnya dengan datuk ialah ________________________________________

________________________________________________________

________________________________________________________

________________________________________________________

[Maksimum 4 markah]
[Isi cukup: 3 isi]

(ii) Kegigihan watak utama dalam menghadapi cabaran yang timbul.

Novel Jendela Menghadap Jalan - Watak utama novel : Lili

| | |
|---|---|
| **Kegigihan dalam menyelamatkan orang yang menjadi mangsa penderaan.** Lili gigih membantu keluarga Che Jah yang menghadapi keganasan rumah tangga. Suaminya Seman merupakan orang yang panas baran, kaki judi dan kaki botol. Lili meminta bantuan daripada pesakit datuknya iaitu Pn Hamimah yang bekerja sebagai pegawai kebajikan masyarakat untuk menyelamatkan Che Jah dan anak-anak daripada terus menjadi mangsa kekejaman Seman. | 2m |
| **Kegigihan menyelesaikan masalah peletakan kubah** Lili gigih menyelesaikan masalah peletakan kubah yang menjadi perbalahan orang kampung. Dengan bantuan kawan baiknya Danel dan Geetha, mereka telah mencadangkan supaya sebuah masjid baharu dibina.Akhirnya cadangan mereka untuk membina masjid baharu dan meletakkan kubah di situ diterima oleh penduduk kampung. | 2m |
| **Kegigihan dalam menuntut ilmu** Lili seorang yang bijak dalam pelajaran. Kegigihan Lili dalam pelajaran dapat dilihat apabila dia dapat menguasai pelbagai bahasa contohnya bahasa Mandarin, bahasa Jepun, bahasa Latin, bahasa Inggeris, Thailand dan Spanish. | 2m |

***[terima jawapan lain yang relevan]






Novel Songket Berbenang Emas – Watak Utama Dahlia

| | |
|---|---|
| **Kegigihan** | 2m |
| **Kegigihan** | 2m |
| **Kegigihan** | 2m |

[Maksimum 6 markah]
(Isi cukup: 2 isi)






## SOALAN 8 - NOVEL

### CONTOH SOALAN NOVEL 8(i)

(i) Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

> "Akar-akar kayu memang lebih mujarab berbanding dengan ubat-ubatan moden," ujar datuk dengan penuh bersemangat sebelum menghirup kopi yang masih berasap. Aku terhidu bau kopi yang pekat dan wangi. Datuk seorang penggemar kopi dan perokok. Ibu pernah memberitahu, jika kita mencampurkan kafein dan rokok maka penyakit seperti kemurungan, tekanan darah tinggi, kekeliruan mental, osteoporosis, kanser, dan kardiovaskular akan memendekkan jangka hayat manusia. Dianggarkan orang seperti ini mungkin hanya akan hidup tidak lebih daripada 50 tahun atau lebih singkat. Bagi datuk yang usianya sudah lebih 60 tahun dan kegemarannya ini dapat memudaratkan diri.
>
> Dipetik daripada novel "*Jendela Menghadap Jalan*", karya Ruhaini Matdarin, Kementerian Pendidikan Malaysia

Apakah kesan-kesan yang akan timbul jika seseorang individu mencampurkan kafein dan rokok seperti yang diberitahu ibu?

Antara kesan-kesan yang akan timbul jika individu mencampurkan kafein dan rokok ialah ______________________________________________

______________________________________________

Malahan, ______________________________________________

______________________________________________

[4 markah]

ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

a. Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latip Talib.
b. Di sebalik Dinara, karya Dayang Nor.
c. Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin.
d. Pantai Kasih, karya Azmah Nordin.
e. Songket Berbenang Emas, karya Khairuddin Ayip.
f. Tirani karya Beb Sabariah.
g. Silir Daksina, karya Nizar Parman.
h. Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusop.

Berdasarkan sebuah novel yang telah anda pelajari, jelaskan dua peristiwa yang menyentuh hati anda.

(6 markah)

Kehendak soalan.

1. Pelajar diminta memilih salah sebuah novel yang telah dipelajari untuk menjawab soalan yang diberikan
2. Soalan ini meminta pelajar menyatakan dua contoh peristiwa yang menyentuh hati.
3. Pelajar perlu menyatakan peristiwa dan sebab peristiwa tersebut menyentuh hati.
4. Sebab peristiwa tersebut menyentuh hati mestilah sesuai dengan contoh peristiwa yang diberikan. Contoh perasaan yang menyentuh hati:

| | | |
|---|---|---|
| marah | - kagum | - gembira |
| Kecewa | - geram | - sedih |
| benci | - terharu | - teruja |
| Sedih | - terharu | - geram |

Contoh Skrip jawpan murid:

Novel yang telah saya kaji di tingkatan lima ialah novel (berikan tajuk novel yang dipilih) ______________________________________________________

Antara peristiwa yang menyentuh hati saya adalah _____________________

_________________________________________________________________

_________________________________________________________________

Saya berasa sedih kerana __________________________________________

_________________________________________________________________

Peristiwa kedua yang menyentuh perasaan saya adalah ketika ________________

_________________________________________________________________

_________________________________________________________________

Situasi yang dipaparkan menyentuh hati saya kerana _______________________

_________________________________________________________________






**Soalan Latihan Novel**

ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

a) Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latip Talib.

b) Di sebalik Dinara, karya Dayang Nor.

c) Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin.

d) Pantai Kasih, karya Azmah Nordin.

e) Songket Berbenang Emas, karya Khairuddin Ayip.

f) Tirani karya Beb Sabariah.

g) Silir Daksina, karya Nizar Parman.

h) Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusop.

Berdasarkan sebuah novel yang telah anda pelajari, jelaskan sebab-sebab permulaan cerita tersebut menarik perhatian pembaca.

(6 markah)

**Cara menjawab.**

Novel yang telah saya pelajari di tingkatan 5 / 4 ialah novel Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip / Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin. Bahagian permulaan cerita novel tersebut menarik perhatian pembaca kerana…

| Kehendak soalan | Jumlah isi/Jumlah huraian@contoh peristiwa | Jumlah markah |
|---|---|---|
| 1. Nyatakan sebab permulaan cerita novel tersebut menarik. | Dua sebab permulaan cerita novel menarik. | 2 markah |
| 2. Nyatakan contoh peristiwa yang menjadikan permulaan cerita novel tersebut menarik. | Dua contoh peristiwa yang menyebabkan permulaan cerita novel menarik. | 2 markah |
| Markah bahasa | - | 2 markah |
| Jumlah markah | - | 6 markah |

**Jawapan**

Novel yang telah saya kaji di tingkatan lima ialah novel______________________________. Pembaca telah mendapati bahawa permulaan cerita dalam novel tersebut menarik perhatian kerana______________________________________________. Hal ini dapat dilihat melalui peristiwa________________________________

_____________________________________________________

Seterusnya. perhatian pembaca tertumpu pada novel ini kerana

_____________________________________________________

_____________________________________________________

Hal ini dapat dibuktikan melalui peristiwa _________________________

_____________________________________________________

_____________________________________________________

Jumlah markah : 6/6.

Jumlah markah : 6/6.

**Latihan 2**

ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

a) Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latip Talib.
b) Di sebalik Dinara, karya Dayang Nor.
c) Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin.
d) Pantai Kasih, karya Azmah Nordin.
e) Songket Berbenang Emas, karya Khairuddin Ayip.
f) Tirani karya Beb Sabariah.
g) Silir Daksina, karya Nizar Parman.
h) Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusop.

Berdasarkan sebuah novel yang telah anda pelajari, jelaskan dua peristiwa yang boleh dijadikan sebagai sumber inspirasi oleh pembaca.

(6 markah).

Kehendak soalan:

Pelajar diminta menyatakan dua contoh peristiwa yang boleh dijadikan sebagai sumber inspirasi oleh pembaca.

Pelajar diminta menjelaskan dua sebab peristiwa tersebut boleh menjadi sumber inspirasi pembaca.

**Jawapan**

Novel yang telah saya kaji di tingkatan empat ialah novel ________________________________karya__________________________. Berdasarkan novel tersebut terdapat dua contoh peristiwa yang boleh dijadikan sebagai sumber inspirasi oleh pembaca. Peristiwa yang pertama ialah peristiwa D . Pembaca boleh

Seterusnya, peristiwa . Pembaca boleh menjadikan peristiwa tersebut sebagai sumber inspirasi

Jumlah markah : 6/6

**Soalan 8- Novel**

(i) Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

> Kini datuk bercerita tentang cara-cara menyembuhkan penyakit secara tradisional. Memang dalam soal ini datuk boleh disebut pakar, macam doktor. Dia jenis manusia yang bijak memanfaatkan bahan sedia ada atau bahan percuma menjadi bahan kegunaan untuk kesihatan dan kecantikan. Misalnya hampas kopi dijadikan losen tangan. Hampas teh untuk menyegarkan mata, ubi kayu bagi menghilangkan buasir. Lobak pula bagi melancarkan air kencing dan mengurangkan sakit kepala. Biji mangga dijadikan tepung untuk masakan. Kulit mangga yang dikeringkan untuk membantu melancarkan pengaliran darah ketika datang haid.
>
> Oleh sebab datuk minum kopi dan nenek minum teh dan mereka menanam ubi kayu, lobak dan mangga, aku percaya, pasti banyak lagi petua yang belum aku dengar dan yang belum datuk beritahu, sebab ada banyak tanaman lain di belakang dan di halaman rumah datuk serta di kebun buah-buahannya.
>
> Dipetik daripada
> Novel "Jendela Menghadap Jalan"
> halaman 33 hingga 34
> Karya Ruhaini Matdarin
> Kementerian Pendidikan Malaysia

Nyatakan bahan sedia ada atau bahan percuma yang dimanfaatkan oleh datuk untuk menyembuhkan penyakit secara tradisional.

[4 *markah*]






(ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

a) Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latip Talib
b) Di Sebalik Dinara, karya Dayang Nor
c) Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin
d) Pantai Kasih, karya Azmah Nordin
e) Songket Berbenang Emas, karya Khairuddin Ayip
f) Tirani, karya Beb Sabariah
g) Silir Daksina, karya Nizar Parman
h) Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusop

Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, huraikan dua peristiwa yang menimbulkan perasaan simpati pembaca.

(6 *markah*)


KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
FORMAT BAHARU PENTAKSIRAN BAHASA MELAYU SIJIL PELAJARAN MALAYSIA MULAI TAHUN 2021
BAHAGIAN C
SOALAN 9 : RUMUSAN
Jumlah markah : 30 Markah
Cadangan Masa : 45 minit


KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
FORMAT BAHARU PENTAKSIRAN BAHASA MELAYU SIJIL PELAJARAN MALAYSIA MULAI TAHUN 2021
PANDUAN UMUM RUMUSAN
1. Panjang petikan tidak melebihi 300 patah perkataan.
2. Petikan berdasarkan bahan sumber yang mempunyai tidak kurang daripada dua fokus.
3. Bahan rumusan terdiri daripada sekurang-kurangnya dua bahan daripada sumber yang berbeza (contoh : petikan prosa, puisi, dan grafik) tetapi mempunyai tema yang sama.
4. Tugasan tidak dinyatakan dalam arahan soalan.


KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
FORMAT BAHARU PENTAKSIRAN BAHASA MELAYU SIJIL PELAJARAN MALAYSIA MULAI TAHUN 2021
PANDUAN UMUM RUMUSAN
5. Calon perlu mengenal pasti SEMUA fokus yang terdapat dalam semua bahan.
6. Markah keseluruhan isi ialah 20 markah.
(pendahuluan : 2 markah, isi : 16 markah, kesimpulan : 2 markah)
7. Calon perlu mengemukakan 8 isi lengkap (Isi wajib diambil daripada setiap bahan dan menyentuh setiap fokus)
8. Markah bahasa dinilai secara holistik 10 markah.
(cemerlang 8-10, baik 5-7, sederhana 3-4, lemah 1-2)


KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
FORMAT BAHARU PENTAKSIRAN BAHASA MELAYU SIJIL PELAJARAN MALAYSIA MULAI TAHUN 2021
PANDUAN UMUM RUMUSAN
9. Rumusan tidak melebihi 120 patah perkataan
10. Kesimpulan perlu berdasarkan tema bahan.
11. Jawapan hendaklah ditulis dalam bentuk esei






FORMAT BAHARU PENTAKSIRAN BAHASA MELAYU SIJIL PELAJARAN MALAYSIA MULAI TAHUN 2021

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

# CONTOH ITEM

**Bahan 1**

*Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah, kemudian buat satu* **rumusan** *yang panjangnya* **tidak melebihi 120 patah perkataan.** *Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*

FORMAT BAHARU PENTAKSIRAN BAHASA MELAYU SIJIL PELAJARAN MALAYSIA MULAI TAHUN 2021

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Setiap tahun Malaysia meraikan Hari Kebangsaan. Diam tidak diam sudah lebih separuh abad negara kita terlepas daripada cengkaman penjajah. Menjadi rutin tahunan, menjelang sahaja bulan Ogos atau juga dikenali bulan kebangsaan, agensi atau kementerian yang berkenaan akan mula menjalankan Kempen Kibarkan Jalur Gemilang sebagai usaha untuk meningkatkan semangat patriotik. Program-program yang bercorak kenegaraan seperti pertandingan nyanyian lagu patriotik dan pementasan teater drama juga dianjurkan oleh badan bukan kerajaan (NGO), pihak sekolah dan agensi-agensi kerajaan supaya mesej semangat cinta akan negara sampai kepada golongan sasaran. Namun, program-program tersebut kurang berjaya dalam mencapai matlamatnya kerana kurangnya penghayatan para remaja dalam aktiviti bercorak kemerdekaan tersebut.

**Samb.**

Perkara yang menjadi kebimbangan banyak pihak ialah generasi muda tidak mengambil endah tentang hari kebangsaan. Mereka sewajarnya menghayati erti kemerdekaan dengan mendalam. Sebagai generasi muda yang bertanggungjawab mereka berperanan untuk membina kejayaan negara iaitu sanggup bekerja keras untuk negara. Mereka juga perlu mementingkan kecemerlangan dalam pendidikan. Hal ini demikian kerana pendidikan memainkan peranan penting dalam usaha membangunkan modal insan yang mempunyai jati diri yang kukuh, berketerampilan, berkeperibadian mulia, berpengetahuan dan berkemahiran tinggi bagi mengisi keperluan negara maju menjelang 2020.

Tanggungjawab lain yang perlu dilakukan oleh generasi muda ialah mereka perlu membantu pihak kerajaan untuk mengekalkan keamanan dan kestabilan negara. Hal ini dikatakan demikian kerana keamanan dapat mengelakkan negara daripada serangan musuh sama ada berbentuk fizikal atau psikologi. Tambahan pula, tugas generasi muda adalah untuk memastikan Malaysia akan terus berpegang pada konsep keadilan dan kesaksamaan. Dengan ini, semua rakyat dapat menikmati kemakmuran dan kemajuan bersama-sama. Selain itu, generasi muda yang akan mengisi perjuangan kemerdekaan hendaklah memastikan prinsip demokrasi akan terus diamalkan oleh setiap rakyat di negara ini. Sesungguhnya kejayaan negara dalam fasa kedua 58 tahun kemerdekaan memerlukan komitmen semua pihak terutama generasi muda.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Di manakah Semangat Patriotisme Kita'
oleh Dewan Siswa, Ogos 2015






## CONTOH ITEM RUMUSAN
**[30 Markah]**

*Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah, kemudian buat satu* **rumusan** *yang panjangnya* **tidak melebihi 120 patah perkataan**. *Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*

Setiap tahun Malaysia meraikan Hari Kebangsaan. Diam tidak diam sudah lebih separuh abad negara kita terlepas daripada cengkaman penjajah. Menjadi rutin tahunan, menjelang sahaja bulan Ogos atau juga dikenali bulan kebangsaan, agensi atau kementerian yang berkenaan akan mula menjalankan Kempen Kibarkan Jalur Gemilang sebagai usaha untuk meningkatkan semangat patriotik. Program-program yang bercorak kenegaraan seperti pertandingan nyanyian lagu patriotik dan pementasan teater drama juga dianjurkan oleh badan bukan kerajaan (NGO), pihak sekolah dan agensi-agensi kerajaan supaya mesej semangat cinta akan negara sampai kepada golongan sasaran. Namun, program-program tersebut kurang berjaya dalam mencapai matlamatnya kerana kurangnya penghayatan para remaja dalam aktiviti bercorak kemerdekaan tersebut.

Perkara yang menjadi kebimbangan banyak pihak ialah generasi muda tidak mengambil endah tentang hari kebangsaan. Mereka sewajarnya menghayati erti kemerdekaan dengan mendalam. Sebagai generasi muda yang bertanggungjawab mereka berperanan untuk membina kejayaan negara iaitu sanggup bekerja keras untuk negara. Mereka juga perlu mementingkan kecemerlangan dalam pendidikan. Hal ini demikian kerana pendidikan memainkan peranan penting dalam usaha membangunkan modal insan yang mempunyai jati diri yang kukuh, berketerampilan, berkeperibadian mulia, berpengetahuan dan berkemahiran tinggi bagi mengisi keperluan negara maju menjelang 2020.

Tanggungjawab lain yang perlu dilakukan oleh generasi muda ialah mereka perlu membantu pihak kerajaan untuk mengekalkan keamanan dan kestabilan negara. Hal ini dikatakan demikian kerana keamanan dapat mengelakkan negara daripada serangan musuh sama ada berbentuk fizikal atau psikologi. Tambahan pula, tugas generasi muda adalah untuk memastikan Malaysia akan terus berpegang pada konsep keadilan dan kesaksamaan. Dengan ini, semua rakyat dapat menikmati kemakmuran dan kemajuan bersama-sama. Selain itu, generasi muda yang akan mengisi perjuangan kemerdekaan hendaklah memastikan prinsip demokrasi akan terus diamalkan oleh setiap rakyat di negara ini. Sesungguhnya kejayaan negara dalam fasa kedua 58 tahun kemerdekaan memerlukan komitmen semua pihak terutama generasi muda.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Di manakah Semangat Patriotisme Kita'
oleh Dewan Siswa, Ogos 2015

**Samb.**

FORMAT BAHARU PENTAKSIRAN BAHASA MELAYU SIJIL PELAJARAN MALAYSIA MULAI TAHUN 2021

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**Bahan grafik**




FORMAT PENTAKSIRAN BAHASA MELAYU SIJIL PELAJARAN MALAYSIA TAHUN 2021

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

## PANDUAN RINGKAS JAWAPAN

***PENDAHULUAN 2 FOKUS***

- Rumusan membincangkan ___fokus 1___ dan ___fokus 2_____. (2 markah)
- Rumusan membincangkan ___fokus 1___. (1 markah)

***PENDAHULUAN 3 FOKUS***

- Rumusan membincangkan ______fokus 1__,fokus 2___dan __fokus 3___. (2 markah)
- Rumusan membincangkan ___fokus 1___ dan ___fokus 2___. (1 markah)

**Samb.**


KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
FORMAT PENTAKSIRAN BAHASA MELAYU SIJIL PELAJARAN MALAYSIA TAHUN 2021
Penutup Rumusan
1. 2 markah
2. Terdiri daripada tema, cadangan, kesan
3. 1 ayat sahaja


KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
FORMAT BAHARU PENTAKSIRAN BAHASA MELAYU SIJIL PELAJARAN MALAYSIA MULAI TAHUN 2021
Isi bahan 1 (Petikan)
Fokus 1
(Usaha-usaha meningkatkan semangat patriotisme generasi muda)
1. Kempen Kibarkan Jalur Gemilang
2. Program-program yang bercorak kenegaraan (seperti pertandingan nyanyian lagu patriotik dan pementasan teater drama) juga dianjurkan oleh badan bukan kerajaan (NGO), pihak sekolah dan agensi-agensi kerajaan

**Samb.**


KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
FORMAT BAHARU PENTAKSIRAN BAHASA MELAYU SIJIL PELAJARAN MALAYSIA MULAI TAHUN 2021
Isi bahan 1 (Petikan)
Fokus 2 (Tanggungjawab / peranan / tugas generasi muda)
1. Membina kejayaan negara
2. Mementingkan kecemerlangan dalam pendidikan
3. Membantu pihak kerajaan bagi mengekalkan keamanan dan kestabilan negara
4. Memastikan Malaysia akan terus berpegang pada konsep keadilan dan kesaksamaan
5. Mengisi perjuangan kemerdekaan
6. Memastikan prinsip demokrasi akan terus diamalkan oleh setiap rakyat di negara ini


KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
FORMAT BAHARU PENTAKSIRAN BAHASA MELAYU SIJIL PELAJARAN MALAYSIA MULAI TAHUN 2021
Isi Bahan Grafik
Fokus 1
(Usaha-usaha meningkatkan semangat patriotisme generasi muda)
1. Pelancaran Bulan Kebangsaan
2. Menyambut Hari Kebangsaan
3. Menyambut Hari Malaysia
4. Menghayati tema hari kebangsaan

**Samb.**

FORMAT BAHARU PENTAKSIRAN BAHASA MELAYU SIJIL PELAJARAN MALAYSIA MULAI TAHUN 2021

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

## PENGIRAAN ISI : CONTOH 1

| Bilangan isi BAHAN 1 | BILANGAN ISI CALON | BILANGAN ISI DITERIMA |
|---|---|---|
| *Fokus 1 (usaha - 2 isi)* | 2 | 2/1/0 |
| *Fokus 2 (peranan - 6 isi)* | 6 | 5/6 |
| | | |
| **BAHAN 2** | | |
| *Fokus 1 (usaha – 4 isi)* | 2 | 1/ 2 |
| **JUMLAH** | | **8** |

FORMAT BAHARU PENTAKSIRAN BAHASA MELAYU SIJIL PELAJARAN MALAYSIA MULAI TAHUN 2021

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

## PENGIRAAN ISI : CONTOH 2 (jika 3 fokus)

| Bilangan isi BAHAN 1 | BILANGAN ISI CALON | BILANGAN ISI DITERIMA |
|---|---|---|
| *Fokus 1 (langkah – 6 isi)* | 6 | 5 |
| *Fokus 2 (punca – 2 isi)* | 1 | 1/0 |
| | | |
| **BAHAN 2** | | |
| *Fokus 1 (langkah – 2 isi)* | 1 | 1 |
| | | |
| **BAHAN 3** | | |
| *Fokus 3 (Kesan – 3 isi)* | 2 | 1/2 |
| **JUMLAH (Kombinasi setiap bahan)** | | **8** |

**SOALAN 9: RUMUSAN**
**[30 Markah]**

*Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan, kemudian buat satu* **rumusan** *yang panjangnya* **tidak melebihi 120 patah perkataan**. *Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.*

**Bahan 1 – Petikan**

Pada hari ini pencemaran alam sekitar berlaku di mana-mana dan merupakan satu perkara yang besar bukan sahaja di negara kita, malah turut juga dihadapi oleh negara-negara membangun yang lain. Pencemaran yang berlaku secara berleluasa di negara kita adalah disebabkan oleh pelbagai unsur. Mengikut hasil kajian yang dibuat oleh Jabatan Alam Sekitar, sebanyak 91% kejadian pencemaran terutamanya pencemaran sungai yang berlaku di negara kita adalah disebabkan oleh najis, sama ada najis haiwan mahupun najis manusia.

Selain itu, unsur lain berlakunya pencemaran termasuklah disebabkan oleh bahan kumbahan dan baja yang digunakan untuk tujuan pertanian terutamanya yang mengandungi galian seperti nitrat dan fosfat. Pencemaran juga berlaku adalah disebabkan oleh penghasilan kelodak dan bahan-bahan lain berbentuk pepejal seperti tanah, bahan buangan daripada kawasan pembinaan serta kawasan perbandaran dan juga disebabkan oleh hakisan tebing sungai apabila berlakunya hujan lebat. Di samping itu, bahan buangan daripada kilang-kilang, pembasmian hutan dan pembangunan industri juga menjadi punca berlakunya pencemaran terhadap alam sekitar kita. Mungkin ada antara kita yang sedia maklum bahawa kebanyakan bahan pencemar selalunya cepat tersebar dan boleh meliputi kawasan yang luas dalam jangka masa yang singkat sahaja.

Pencemaran seperti ini boleh juga disifatkan sebagai pencemaran jangka pendek. Manakala, bagi pencemaran jangka panjang pula memerlukan perhatian yang khusus walaupun masih lagi pada tahap yang rendah di negara kita, kerana boleh memberi kesan yang besar kepada seluruh ekosistem melalui rantaian hidupan. Pencemaran tanah dan air bawah tanah misalnya tidak boleh tersebar dalam jangka masa yang cepat. Namun demikian, pencemaran ini boleh memberi kesan yang besar kepada hidupan terutamanya jenis haiwan yang menghuni sesuatu ekosistem. Selain itu, pencemaran yang berlaku boleh menyebabkan sumber bekalan air terjejas dan mengundang bencana alam seperti banjir kilat.

Dipetik dan diubah suai daripada
*Peranan Masyarakat Menyelamatkan Alam Sekitar*
Oleh Rosmidzatul Azila
Arkib, Oktober 2014

**Bahan 2 -Grafik**




Sumber: Internet

## Kerangka Jawapan

| | |
|---|---|
| **Pendahuluan (2 markah)** | |
| *Bahan 1* | |
| *Bahan 1* | |
| *Bahan 2* | |
| | **[8 isi x 2markah= 16 markah)** |
| **Kesimpulan (2 markah)** | |






## BAHAGIAN C : RUMUSAN

**BAHAGIAN C: RUMUSAN**
**NOTA PANDUAN UMUM RUMUSAN**

1. 30 markah.
2. Masa yang diperuntukkan selama 45 minit.
3. Panjang petikan yang diberikan 300 patah perkataan.
4. Petikan berdasarkan bahan sumber yang mempunyai tidak kurang daripada dua fokus.

## Panduan Menjawab Rumusan

1. Bahan rumusan terdiri daripada sekurang-kurangnya dua bahan daripada sumber yang berbeza (contoh petikan prosa, puisi, dan grafik) tetapi mempunyai tema yang sama.

2. Tugasan tidak dinyatakan dalam arahan soalan.

3. Pelajar perlu mengenal pasti **SEMUA** fokus yang terdapat dalam semua bahan.

4. Markah keseluruhan isi ialah 20 markah. (pendahuluan : 2 markah, isi : 16 markah, kesimpulan : 2 markah)

5. Pelajar perlu mengemukakan lapan isi lengkap (Isi wajib diambil daripada setiap bahan dan menyentuh setiap fokus)

6. Markah bahasa dinilai secara holistik 10 markah. (cemerlang 8/10, baik 5/7, sederhana 3/4, lemah 1/2)






7. Rumusan tidak melebihi 120 patah perkataan.

8. Kesimpulan perlu berdasarkan tema bahan.

9.Jawapan hendaklah ditulis dalam bentuk esei dan empat perenggan

## PANDUAN RINGKAS JAWAPAN

**PENDAHULUAN (2 FOKUS)**

Rumusan membincangkan **----fokus 1----** dan **----fokus 2----**. ( 2 markah)
Rumusan membincangkan **----fokus 1----**. (1 markah)

**PENDAHULUAN (3 FOKUS)**

Rumusan membincangkan **----fokus 1----**, **----fokus 2----** dan **----fokus 3----**. (2 markah)
Rumusan membincangkan **----fokus 1----** dan **----fokus 2----**. (1 markah)

**PEMBAHAGIAN ISI**

| **CONTOH ISI 2 FOKUS** | | **CONTOH ISI 3 FOKUS** | |
|---|---|---|---|
| Bilangan isi dalam bahan | Bilangan isi diterima | Bilangan isi dalam bahan | Bilangan isi diterima |
| **BAHAN 1** | | **BAHAN 1** | |
| Fokus 1 – 2 isi | **2**/1/0 | Fokus 1 – 6 isi | **5** |
| Fokus 2 – 6 isi | **5**/6 | Fokus 2 – 2 isi | **1**/0 |
| **BAHAN 2** | | **BAHAN 2** | |
| Fokus 1 – 4 isi | **1**/ 2 | Fokus 1 – 2 isi | **1** |
| **Jumlah** | **8** | **BAHAN 3** | |
| | | Fokus 3 – 3 isi | **1**/2 |
| | | **Jumlah** | **8** |

**KESIMPULAN**

Kesimpulannya, **----[tema]----** hendaklah **----[cadangan]----** agar **----[kesan]----**.

*Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah, kemudian buat satu* **rumusan** *yang panjangnya* **tidak melebihi 120 patah perkataan**. *Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.*

**CONTOH SOALAN LPM**

**Bahan 1 – Petikan**

Setiap tahun Malaysia meraikan Hari Kebangsaan. Diam tidak diam sudah lebih separuh abad negara kita terlepas daripada cengkaman penjajah. Menjadi rutin tahunan, menjelang sahaja bulan Ogos atau juga dikenali bulan kebangsaan, agensi atau kementerian yang berkenaan akan mula menjalankan Kempen Kibarkan Jalur Gemilang sebagai usaha untuk meningkatkan semangat patriotik. Program-program yang bercorak kenegaraan seperti pertandingan nyanyian lagu

patriotik dan pementasan teater drama juga dianjurkan oleh badan bukan kerajaan (NGO), pihak sekolah dan agensi-agensi kerajaan supaya mesej semangat cinta akan negara sampai kepada golongan sasaran. Namun, program-program tersebut kurang berjaya dalam mencapai matlamatnya kerana kurangnya penghayatan para remaja dalam aktiviti bercorak kemerdekaan tersebut.

Perkara yang menjadi kebimbangan banyak pihak ialah generasi muda tidak mengambil endah tentang hari kebangsaan. Mereka sewajarnya menghayati erti kemerdekaan dengan mendalam. Sebagai generasi muda yang bertanggungjawab mereka berperanan untuk membina kejayaan negara iaitu sanggup bekerja keras untuk negara. Mereka juga perlu mementingkan kecemerlangan dalam pendidikan. Hal ini demikian kerana pendidikan memainkan peranan penting dalam usaha membangunkan modal insan yang mempunyai jati diri yang kukuh, berketerampilan, berkeperibadian mulia, berpengetahuan dan berkemahiran tinggi bagi mengisi keperluan negara maju.

Tanggungjawab lain yang perlu dilakukan oleh generasi muda ialah mereka perlu membantu pihak kerajaan untuk mengekalkan keamanan dan kestabilan negara. Hal ini dikatakan demikian kerana keamanan dapat mengelakkan negara daripada serangan musuh sama ada berbentuk fizikal atau psikologi. Tambahan pula, tugas generasi muda adalah untuk memastikan Malaysia akan terus berpegang pada konsep keadilan dan kesaksamaan. Dengan ini, semua rakyat dapat menikmati kemakmuran dan kemajuan bersama-sama. Selain itu, generasi muda yang akan mengisi perjuangan kemerdekaan hendaklah memastikan prinsip demokrasi akan terus diamalkan oleh setiap rakyat di negara ini. Sesungguhnya kejayaan negara dalam fasa kedua 58 tahun kemerdekaan memerlukan komitmen semua pihak terutama generasi muda.

Dipetik dan diubah suai daripada
‘Di manakah Semangat Patriotisme Kita’
Dewan Siswa, Ogos 2015

**Bahan 2 – Grafik**




**CONTOH JAWAPAN SOALAN LPM**

**Isi bahan 1 ( Petikan)**

**Fokus 1 - Usaha-usaha meningkatkan semangat patriotisme generasi muda**

1. Kempen Kibarkan Jalur Gemilang
2. Program program yang bercorak kenegaraan (seperti pertandingan nyanyian lagu patriotik dan pementasan teater drama) juga dianjurkan oleh badan bukan kerajaan (NGO), pihak sekolah dan agensi agensi kerajaan

**Fokus 2 - tanggungjawab / peranan / tugas generasi muda**

1. Membina kejayaan negara
2. Mementingkan kecemerlangan dalam pendidikan






3. Membantu pihak kerajaan bagi mengekalkan keamanan dan kestabilan negara

4. Memastikan Malaysia akan terus berpegang pada konsep keadilan dan kesaksamaan
5. Mengisi perjuangan kemerdekaan
6. Memastikan prinsip demokrasi akan terus diamalkan oleh setiap rakyat di negara ini

**Isi bahan 2 (Grafik)**

**Fokus 1 - Usaha-usaha meningkatkan semangat patriotisme generasi muda**

1. Pelancaran Bulan Kebangsaan
2. Menyambut Hari Kebangsaan
3. Menyambut Hari Malaysia
4. Menghayati tema hari kebangsaan

**<u>Cadangan Jawapan</u>**

Rumusan membincangkan <u>usaha-usaha meningkatkan semangat patriotisme generasi muda</u> **[fokus 1]** dan <u>tugas generasi muda.</u>**[Fokus 2]**.

Usaha-usaha meningkatkan semangat patriotik ialah penganjuran Kempen Kibarkan Jalur Gemilang[b1]. Selain itu, pelancaran Bulan Kebangsaan[b2] dan penghayatan tema hari kebangsaan[b2].

Tugas generasi muda ialah membina kejayaan negara. Selain itu, mementingkan kecemerlangan dalam pendidikan dan membantu pihak kerajaan bagi mengekalkan keamanan dan kestabilan negara. Di samping itu, memastikan Malaysia akan terus berpegang pada konsep keadilan dan kesaksamaan. Seterusnya, mengisi perjuangan kemerdekaan.

Kesimpulannya, **semangat patriotisme generasi muda** [tema] **hendaklah kita tingkatkan** [cadangan] agar **kemakmuran negara terus kekal selamanya.** [kesan]

(83 patah perkataan)

**CONTOH LATIHAN RUMUSAN DALAM BUKU TEKS**

**TEMA 7: PERTANIAN, PERTERNAKAN DAN PERIKANAN**

DSKP

SK: 3.5 - Menulis untuk mengolah maklumat bagi menghasilkan pelbagai penulisan dan grafik.

SP: 3.5.2 Menulis untuk mengolah maklumat dan menghubung kait maklumat daripada pelbagai sumber bagi menghasilkan penulisan dan bahan grafik dengan menggunakan ayat yang gramatis dan penanda wacana yang sesuai

Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah ini, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.






Bahan 1 - Petikan

# Masam yang Berharga

Bacaan Luas

Aktiviti

Baca bahan dengan telitinya dan buat rumusan.

## Cuka Air Kelapa Matang

Cuka didefinisikan sebagai cecair masam yang disebabkan oleh kehadiran asid asetik ($HC_2H_3O_2$) dalam kumpulan asid organik. Asid asetik merupakan asid organik yang utama dan sebatian lain bergantung pada bahan asas yang digunakan sama ada daripada buah-buahan (nanas, kelapa, anggur, dan epal) atau bijirin (barli dan beras). Cuka dihasilkan daripada proses yang dikenali sebagai fermentasi atau penapaian menggunakan mikroorganisma terpilih. Pada hari ini, pelbagai jenis cuka dihasilkan daripada proses fermentasi dengan menggunakan yis dan bakteria asid asetik.

Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia atau *Malaysian Agricultural Research and Development Institute* (MARDI) telah berjaya menemukan bahan asas yang murah untuk menghasilkan cuka. Menurut Dr. Musaalbakri bin Abdul Manan, MARDI telah membangunkan proses penghasilan cuka melalui proses fermentasi yang telah ditambah baik menggunakan air kelapa matang. Dalam industri pemprosesan kelapa, terutamanya dalam pemprosesan kelapa matang bagi industri santan, terdapat penghasilan air kelapa matang yang dikategorikan sebagai sisa. Pada kebiasaannya, air kelapa matang ini akan dibuang begitu sahaja. Air kelapa matang ini mempunyai rasa yang tidak enak tetapi masih mempunyai nilai nutrisi yang tinggi. Melalui proses fermentasi menggunakan mikroorganisma terpilih, nilai air kelapa matang ini akan ditambah baik kepada sesuatu yang mempunyai nilai yang tinggi baik dari segi nutrien dan harga. Air kelapa matang yang merupakan substrat utama akan ditapis, dimaniskan dengan gula, dipasteur sebelum diinokulasikan dengan mikroorganisma. Proses fermentasi ini dijalankan secara aseptik. Proses fermentasi cuka pada dasarnya terdiri daripada dua proses. Pertama, fermentasi gula kepada etanol oleh yis (*Saccharomyces cereviasiae*), diikuti dengan pengoksidaan etanol kepada asid asetik oleh mikroorganisma bakteria asid asetik (*Acetobacter acetii*). Sepanjang proses ini berlaku, kandungan asid asetik akan meningkat dan kandungan etanol akan menurun. Umumnya, proses fermentasi cuka mengambil masa antara 30 hingga 90 hari dan kualiti cuka yang dihasilkan mempunyai tahap keasidan yang berbeza-beza.

Berdasarkan hasil kajian MARDI, produk cuka diberikan nafas baharu dengan formulasi yang inovatif dan memberikan manfaat kepada kesihatan dengan tambahan nilai kefungsian seperti tinggi kandungan antioksidan, tiada bahan pengawet, tiada bahan pewarna sintetik dan tidak toksik. Di samping itu, daripada kajian *in vivo*, cuka air kelapa matang menunjukkan potensi untuk bertindak sebagai agen terapeutik untuk mengawal berat badan dan terbukti menurunkan lemak dan kolesterol pada tikus. Kesimpulannya, selain digunakan sebagai ramuan di dalam masakan, cuka air kelapa matang boleh diambil sebagai makanan tambahan untuk penjagaan kesihatan diri.

(Sumber: Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia)






Bahan 2 - Grafik



# Kerangka Jawapan

| | |
|---|---|
| **Pendahuluan (2 markah)** | |
| *Bahan 1* | |
| *Bahan 1* | |
| *Bahan 2* | |
| | **[8 isi x 2markah= 16 markah)** |
| **Kesimpulan (2 markah)** | |






**Bahagian C: Rumusan**

(30 markah)

(Masa dicadangkan: 45 minit)

Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan

**Bahan 1 - Petikan**

Pembangunan taman dan ujana awam di negara ini bermula pada zaman sebelum merdeka lagi dalam bentuk taman botani, iaitu Taman Botani Pulau Pinang, Taman Botani Taiping dan Taman Botani Tasik Perdana, Kuala Lumpur. Tujuan asal taman pada masa itu lebih kepada pengumpulan koleksi spesies tumbuhan sama ada daripada spesies tempatan mahupun luar negara, untuk tujuan penyelidikan dan pendidikan. Pembangunan taman awam ini juga seharusnya mampu memberikan impak bukan sahaja kepada kerajaan tetapi juga kepada masyarakat

Selepas merdeka, negara berkembang dengan pesat dalam pelbagai sektor. Sejajar dengan perkembangan ini, kerajaan telah membangunkan taman dan ujana awam untuk menampung keperluan penduduk terutama di kawasan bandar dan pinggir bandar. Matlamat utamanya adalah untuk menjayakan pencapaian kualiti kehidupan yang menyeluruh (Total Quality Living Environment) dengan tumpuan kepada mutu persekitaran kehidupan yang indah, bersih dan selamat. Penyediaan taman dan ujana awam dapat memberikan ruang yang selesa daripada impak rekreasi dan keindahan alam di sekitar kawasan penduduk setempat, selain memberikan peluang penduduk berinteraksi antara satu sama lain yang akan membantu integrasi sosial dan kesejahteraan hidup rakyat.

Pengguna yang memanfaatkan kemudahan yang disediakan mampu memperoleh peningkatan tahap kesihatan melalui pelbagai aktiviti fizikal seperti senaman dan bersukan secara berkumpulan atau individu. Malahan, keindahan persekitaran alam seperti pokok teduhan, padang rumput dan pokok bunga-bungaan di kawasan itu mampu memberikan kelegaan daripada tekanan kehidupan seharian dan mempengaruhi tahap kesegaran mental pengguna. Sesetengah taman mampu menarik ribuan pelancong kerana mempunyai identiti

dan keunikan sendiri. Hal ini serba sedikit akan membawa kepada peningkatan ekonomi setempat dari segi penginapan, perniagaan makanan dan kraf tangan.

Pokok dalam ruang lapang dan taman awam juga memainkan peranan penting dalam pengeluaran oksigen dalam udara, di samping memberi teduhan kepada pengguna. Hal ini kerana pokok yang rimbun akan menghalang cahaya terik matahari ke bumi. Ruang hijau dalam taman turut memainkan peranan dalam kawalan banjir kerana air dari permukaan tanah dapat menyerap masuk ke dalam tanah semasa hujan lebat. Kewujudan taman-taman ini di kawasan bandar dapat membantu usaha untuk mengurangkan kesan pulau haba.

Oleh sebab pembangunan taman dan ujana awam banyak membawa kesan positif kepada masyarakat, sewajarnyalah kita sebagai anggota masyarakat memainkan peranan dalam penyelenggaraan dan pengurusan aktiviti di kawasan berkenaan, Jabatan Landskap Negara bercadang untuk melancarkan Hari Landskap Negara 2013 bagi memupuk kesedaran penjagaan landskap,taman dan ujana awam serta ruang hijau di negara ini.

(Dipetik dan diubah suai daripada "Kepentingan Taman Awam kepada Masyarakat", Jabatan Landskap Negara, Berita Harian, 3 Mac)




**Bahan 2- Grafik**




- Gotong-royong membersihkan taman awam
- Tidak membuang sampah di merata-rata
- Menyediakan lebih banyak tong sampah
- Penguatkuasaan undang-undang terhadap individu yang merosakkan taman






## Kerangka Jawapan

| | |
|---|---|
| **Pendahuluan (2 markah)** | |
| *Bahan 1* | |
| *Bahan 1* | |
| *Bahan 2* | |
| | **[8 isi x 2markah= 16 markah)** |
| **Kesimpulan (2 markah)** | |




# KERTAS SOALAN MIRIP SPM

# BAHASA MELAYU 2021

## EDISI GURU

PANEL :

PPD MANJUNG

PPD HULU PERAK

PPD KUALA KANGSAR

PPD LARUT, MATANG & SELAMA




**BAHASA MELAYU**
**Kertas 1**
**2 Jam**

**BAHAGIAN A**
**[ 30 Markah ]**
[*Masa dicadangkan* : 30 *minit*]

*Maklumat di bawah berkaitan dengan* ***alam sekitar****.*
*Huraikan pendapat anda tentang* **kebersihan alam sekitar**.
*Panjangnya huraian hendaklah* antara **150 hingga 200 patah perkataan**.

**Sajak Alam Sekitar**

Alam,
Keindahanmu semakin menghilang,
Ini adalah perbuatan manusia yang
tamak,
Tumbuh-tumbuhan semakin layu,
Binatang semakin pupus.

Marilah kita semua,
Menjaga alam ini,
Kerana alam ini tidak ternilai

Sumber: Internet



**BAHAGIAN B**
[70 markah]

[*Masa dicadangkan* : 1 *jam* 30 *minit*]

**Arahan soalan**
*Pilih* **satu** *daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya* **antara 350 hingga 500 patah perkataan.**

**DOMAIN AWAM**

Encik Hoo Kiew Meow, pengurus kolam udang harimau memaklumkan bahawa beliau bersama-sama pekerjanya menguruskan 12 kolam udang setiap hari. Seterusnya, beliau memasarkan udang harimau tersebut bukan sahaja untuk keperluan tempatan, malahan turut mengeksportnya ke luar negara seperti Korea, Singapura, dan China. Biasanya, udang harimau dipasarkan dalam bentuk bungkusan dingin beku dan segar.

Sumber: Buku Teks Tingkatan 4, 2019

Bidang pertanian semakin mendapat sambutan dalam kalangan belia di Malaysia pada hari ini kerana menghasilkan pulangan yang lumayan. Sehubungan dengan itu, anda dikehendaki menulis sebuah rencana bagi menggalakkan penyertaan anak muda dalam bidang pertanian ini.

Tajuk rencana tersebut ialah ‘Langkah-langkah Menggalakkan Anak Muda Menceburi Bidang Pertanian’.

Tulis rencana tersebut selengkapnya.

**SOALAN 2: DOMAIN PERIBADI**

Perindustrian Kecil dan Sederhana (PKS) berpotensi memberikan sumbangan yang besar kepada ekonomi negara. PKS juga boleh menyediakan asas-asas yang kukuh untuk menjanakan pertumbuhan industri baharu di samping mengukuhkan industri sedia ada. Namun begitu, PKS juga menghadapi pelbagai isu. Antara isu utama yang dihadapi oleh PKS termasuklah isu pemasaran produk

Sumber: Buku Teks Tingkatan 5

Sebagai seorang usahawan Perindustrian Kecil dan Sederhana (PKS) anda telah memilih produk makanan seperti kuih-kuih tradisional untuk dimajukan di tempat anda.

Huraikan beberapa cara yang perlu anda fikirkan untuk meningkatkan pemasaran produk kuih-kuih tradisional yang anda usahakan.

**DOMAIN PENDIDIKAN**

> Dalam kesibukan negara kita memfokuskan dalam pembangunan sains, teknologi dan perindustrian, tanpa disedari nilai-nilai integriti telah dipandang sepi dan dilihat tidak mempunyai tempat dalam usaha pembangunan modal insan. Melihat kepada timbulnya kes yang melibatkan rasuah yang semakin tinggi tanpa mengira pangkat dan darjat, sudah sampai masanya kita memandang ke bawah dan melihat kembali di manakah kesilapan dalam mendidik generasi yang bakal mewarisi pemerintahan dan pembangunan negara sebelum ini.?
>
> Sumber: Internet

Petikan di atas menyatakan pentingnya pendidikan dalam memupuk nilai-nilai integriti dan usaha memerangi jenayah rasuah.

Bincangkan inisiatif yang boleh dilakukan di peringkat sekolah untuk membina nilai-nilai integriti dalam kalangan murid.

**SOALAN 4: DOMAIN KERJAYA**

> Nama seperti Datuk Lee Chong Wei, Datuk Nicol Ann David, Datuk Azizul Hasni Awang dan Rashid Sidek antara ikon besar sukan di Malaysia. Mereka mencipta nama menerusi bakat dan minat mendalam melalui sukan diceburi. Hasilnya, mereka menjadikan sukan sebagai punca pendapatan dan memberikan fokus secara sepenuh masa sebagai kerjaya.
>
> Sumber: oleh Faizal Jalal - Februari 24, 2016
> bhrencana@bh.com.my

Petikan di atas mengulas tentang tokoh-tokoh sukan negara yang menjadi ikon di Malaysia kepada para remaja. Berdasarkan petikan di atas, anda telah mengetahui serba sedikit maklumat mengenai kerjaya dalam bidang sukan.

Huraikan usaha-usaha yang akan anda lakukan supaya minat anda dalam kerjaya tersebut menjadi kenyataan.






**BAHASA MELAYU**
**KERTAS 2**
**1103/2**

## BAHAGIAN A
## SISTEM DAN APLIKASI BAHASA
**[ 35 Markah ]**

### SOALAN 1: MORFOLOGI

*Baca petikan di bawah ini dengan teliti dan senaraikan* **dua kata ganda** *dan* **dua kata tugas.** *Kemudian anda dikehendaki membina* **satu ayat anda sendiri** *daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Laporan Dana Populasi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNFPA) baru-baru ini menunjukkan golongan miskin bandar di Malaysia terjejas teruk akibat pandemik Covid-19. Oleh itu, kerajaan diharapkan dapat meningkatkan nilai bantuan sekurang-kurangnya dua kali ganda daripada pakej rangsangan, iaitu sebanyak RM45 bilion yang telah diumumkan oleh kerajaan sebelum ini. Di samping itu, pihak-pihak yang berkenaan diminta prihatin terhadap masalah yang dihadapi oleh golongan ini demi kelangsungan hidup.

Dipetik dan diubah suai daripada
*Bantu Segera Penduduk Miskin Bandar*
*Utusan Malaysia*, 3 September 2020

[8 *markah*]

### SOALAN 2: SINTAKSIS

*Baca petikan dengan teliti, kemudian berdasarkan dialog di bawah,* **pilih tiga ayat dan tukar kepada cakap pindah.**

Safawi : Siapakah yang memakai baju berwarna merah itu?
Brendan : Oh, itu Aidil, pelajar baharu di sekolah ini!
Safawi : Saya rasa hendak mengajaknya menyertai Kelab Pencegahan Jenayah.
Brendan : Eloklah. Lagi pun dia masih baru di sini, tentu memerlukan rakan.
Safawi : Saya akan berjumpanya selepas latihan di padang petang ini.
Brendan : Bukankah latihan petang ini dibatalkan?
Safawi : Kalau begitu, saya akan berjumpa dengannya pagi esok sebelum perhimpunan.

[6 *markah*]

**SOALAN 3: PENYUNTINGAN**

*Petikan di bawah mengandungi* **11 kesalahan bahasa**. *Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada 11 kesalahan yang terdapat dalam petikan. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.*

Kempen kesedaran tentang subjek Sains dan Matematik di dalam kalangan masyarakat mestilah diperhebatkan. Kempen ini dilihat sebagai langkah pro-aktif untuk menyedarkan lebih banyak pihak kerana memahami kepentingan isu ini kepada negara. Dalam sektor kerjaya pula, pihak industry disarankan menjadi rakan kongsi ilmu ini dengan institusi pendidikan. Percambahan idea pemintegrasian subjek Sains dan Matematik melalui penganjuran pelbagai-bagai peraduan merupakan di antara usaha Kementerian Pendidikan Malaysia untuk memperkasa kedua subjek ini.

[11 *markah*]

**SOALAN 4: BAHASA MELAYU STANDARD**

*Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam* ***bahasa Melayu Standard*** *tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.*

Syahadan, maka berkenan Sultan Muzaffar Syah mendengar kata Tun Perak itu. Pada hati baginda, “ Adapun Tun Perak ini tidaklah patut jadi bentara lagi, patut menjadi Perdana Menteri.”

Maka digelar baginda Paduka Raja, disuruh duduk di seri balai setara Seri Nara Diraja di seri balai, maka Seri Nara Diraja berkisar ke tengah.

Dipetik daripada
‘Burung Terbang Dipipiskan Lada’
dalam Antalogi *Sejadah Rindu*
Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 *markah*]

**SOALAN 5: PERIBAHASA**

Dialog di bawah mengandungi **satu** peribahasa. Berikan maksud peribahasa tersebut. Seterusnya bina ayat berdasarkan peribahasa itu.

Luqman: Bernas sungguh cadangan awak berdua. Nampaknya kita telah membuat satu keputusan untuk menternak arnab. Mari kita siapkan kertas cadangan itu sekarang. Harap-harap ada rezeki, dan cikgu masih terima kertas cadangan kita kerana untung sabut timbul, untung batu tenggelam.

[4 markah]






**BAHAGIAN B: PEMAHAMAN**
**[35 Markah]**

**SOALAN 6: PETIKAN UMUM**

*Baca* **Bahan 1 dan Bahan 2** *yang diberikan dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

**Bahan 1**

Teleskop ialah teropong yang digunakan untuk melihat objek yang jauh. Alat ini merupakan inovasi yang dicipta hasil kecanggihan teknologi manusia. Kubah Utama di Balai Cerap Telok Kemang menempatkan teleskop terbesar di Malaysia. Ukuran diameter lensa teleskop tersebut ialah 24 inci dan teleskop ini diimport dari Amerika Syarikat. Teknologi moden yang digunakan membolehkan pelbagai objek langit diperhatikan.

Kawasan Kubah Utama berdiameter 6.7 meter dan dapat menampung seramai 25 orang pada satu-satu masa. Di Kubah Matahari pula ditempatkan teleskop khas untuk melihat dan *merakam imej* matahari seperti bintik matahari.

Dipetik dan diubahsuai daripada
Balai Cerap Telok Kemang, Port Dickson,
*Negeri Sembilan.*

**Bahan 2**

Kamera digital adalah sebuah peranti elektronik yang digunakan untuk menvisualisasikan keadaan sekitar menggunakan sebuah sensor dalam bentuk format digital dan disimpan dalam media penyimpanan digital (memori). Kamera merupakan alat untuk membuat gambar daripada objek yang selanjutnya dibiaskan melalui lensa pada sensor CCD dan akhir-akhir ini pada sensor BSI-CMOS (Back Side Illuminated) sensor yang lebih irit daya untuk kamera yang lebih canggih. Hasilnya kemudian dirakam dalam format digital ke dalam media simpanan digital.

Kemudahan daripada kamera digital ialah gambar dihasilkan dengan lebih cepat dan mudah dipindahkan kepada peranti lain. Beberapa kamera digital, terutama DSLR dan *high-end cameras* dilengkapi kemudahan RAW yang dapat dihubungkan dengan komputer mengunakan peranti tertentu untuk hasil terbaik. Pada saat ini kemudahan capaian automatik telah menghasilkan gambar yang baik dalam format JPEG. Peranti ini merupakan inovasi yang dicipta hasil kecanggihan teknologi manusia.

Sumber: Internet

(i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud *merakam imej*.

[2 *markah*]

(ii) Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan **persamaan dan perbezaan** ciri-ciri teleskop dan kamera digital?

[3 *markah*]

(iii) Teleskop dan kamera digital adalah antara peranti elektronik yang dicipta untuk kemudahan manusia.
Pada pendapat anda, apakah kebaikan yang diperoleh melalui penciptaan peranti elektronik dalam kehidupan manusia?

[3 *markah*]

(iv) Rakan baik anda mahir dalam penggunaan peranti elektronik, namun menyalahgunakannya untuk perkara yang tidak bermoral seperti menyebarkan berita tidak sahih, mengedit gambar pornografi, dan menceroboh laman sosial orang lain.
Selaku rakan yang prihatin, apakah peranan yang dapat anda lakukan untuk memberikan kesedaran kepada rakan baik anda agar tidak berbuat demikian lagi?

[4 *markah*]

## SOALAN 7: PETIKAN SASTERA

*Berdasarkan* **Bahan 1** *dan* **Bahan 2**, *jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

**Bahan 1**

**Berbuat Istana Zaman Dahulu**

Baginda menitahkan orang besar empat.
Membuat istana puri berkota;
Lalu dipanggil Pawang Raja.
Pawang mengerah orang bekerja,
Empat puluh empat tukang dan utas.
Siang malam tidak berhenti.

Tujuh bulan tujuh pernama,
*Istana siap dengan alatnya*;
Besar tersergam sembilan ruang.
Sepuluh dengan rembat guntung,
Sebelas dengan pancung serong,
Dua belas dengan anjung tinggi.

Dipetik daripada
Cerpen “Berbuat Istana Zaman Dahulu”
oleh Za’ba, Antologi Sejadah Rindu, hlm.7,
Dewan Bahasa dan Pustaka

**Bahan 2**

“Bebaskan Tanah Melayu!” Itulah kata-kata penutup pidato Ahmad Mutawakkil pada malam itu. Kami juga diingatkan untuk terus berjuang mendesak Inggeris berundur, sesuai dengan perjanjian pada 1 Februari 1948.

“Persekutuan Tanah Melayu mesti jadi kenyataan” katanya dengan penuh semangat. Kami juga diberitahu oleh Ahmad Mutawakkil, dua tahun dan sekarang, yakni tahun 1955, satu pilihan raya di peringkat Kuala Lumpur akan diadakan.

“Jadi, kita perlu bekerja dengan lebih kuat, bahang kemerdekaan semakin dekat.” Walaupun pidato pada malam itu sangat menarik dan semua mata terpaku kepada Ahmad Mutawakkil, setiap mata kami yang hadir tetap liar menyelinap, tercari-cari di mana duduknya Sandra, anak gadis Tuan Booth.

Dipetik daripada
cerpen “Cinta Ahmad Mutawakkil”
oleh Zainal Rashid Ahmad
Antologi Sejadah Rindu, hlm.53, Dewan Bahasa dan Pustaka
*Kementeriaan Pendidikan Malaysia*

(i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *Istana siap dengan alatnya*.
[2 *markah*]

(ii) Berdasarkan **Bahan 1 dan Bahan 2**, buktikan perjuangan pemimpin dan rakyat untuk mengekalkan kedaulatan negara.
[3 *markah*]

(iii) Semangat patriotik dalam kalangan rakyat amat penting dalam pembangunan sesebuah negara. Pada pendapat anda, mengapakah nilai ini perlu ditanam kepada rakyat dan pemimpin di negara kita?
[4 *markah*]

(iv) Remaja merupakan bakal pewaris negara pada masa akan datang. Namun begitu, remaja hari ini bukan sahaja tidak mengisi kemerdekaan, bahkan mereka terlibat dalam pelbagai gejala negatif.
Anda sebagai remaja pada hari ini, apakah persediaan yang perlu anda lakukan untuk mengisi kemerdekaan di negara kita?
[4 *markah*]

**SOALAN 8 : NOVEL**

*iv.* *Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Embong menuju ke tingkap dan memanjangkan leher. Benar, yang ditunggu sudah tiba. keriangan memercup di jiwa.

"Cepat naik ke bot! Ha, naikkan nenek dulu?" teriak Embong.

Segalanya dilakukan dengan pantas!

Dua pusat pemindahan disediakan, iaitu di balai raya dan di surau. Penduduk kawasan depan ditempatkan di balai raya manakala penduduk sebelah dalam ditempatkan di surau.

Balai raya cuma 50 x 20 meter, bukanlah besar sangat untuk menampung penduduk hampir 150 orang. Untuk pertama kalinya, mereka menghadapi hari- hari tanpa bekalan elektrik, tanpa peti televisyen, tiada tilam yang empuk, dan makanan bersaji. Ramai yang merungut tetapi ada yang berserah terhadap ketentuan Tuhan.

"Kalau tahu macam ini, baik aku ke rumah anak aku di Kuala Lumpur,"sela seorang penduduk.

"Tak pernah macam ini. Huh, ikutkan hati sekarang juga aku mahu berpindah.

"Kenapalah aku sewakan rumah aku di pekan.

"Kalau aku tinggal di sana, taklah hidup macam ini. Tahun 1972 dulu pun kampung ini dilanda banjir meskipun tak sedahsyat ini. Kenapalah aku tak belajar daripada sejarah?"

Dipetik daripada
novel Songket Berbenang Emas
karya Khairuddin Ayip,
*Kementerian Pendidikan Malaysia*

(i) Banjir memberi kesan kepada penduduk setempat. Nyatakan suasana di pusat pemindahan banjir.

[4 *markah*]

v. Berdasarkan novel Songket Berbenang Emas Karya Khairuddin Ayip, huraikan peristiwa yang menunjukkan nilai kerjasama?

[6 *markah*]






**SOALAN 9: RUMUSAN**

**[30 Markah]**

*Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan, kemudian buat satu* **rumusan** *yang panjangnya* **tidak melebihi 120 patah perkataan**. *Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.*

**Bahan 1 – Petikan**

Sukan ialah segala kegiatan yang memerlukan kemahiran atau ketangkasan serta tenaga yang dilakukan sama ada sebagai acara pertandingan, hiburan ataupun untuk mengisi masa lapang dan beriadah. Contoh aktiviti sukan yang agak popular pada masa ini ialah olahraga, renang, bola sepak, tenis, badminton dan squasy.

Inisiatif untuk memupuk minat masyarakat terhadap kegiatan bersukan ini harus bermula dari bangku sekolah lagi. Khususnya dari peringkat remaja. Ibu bapa turut bertanggungjawab dalam usaha membentuk peribadi anak yang bersukan sejak dari peringkat awal lagi. Ibu bapa juga perlu mendorong dan menggalakkan anak mereka dengan cara membeli peralatan sukan yang diminati anak, memberikan sokongan moral dengan menghantar anak-anak mereka ke tempat latihan dan membelikan anak-anak majalah sukan.

Banyak faedah yang diperoleh remaja sekiranya mereka aktif bersukan. Faedah bersukan yang utama ialah dapat mendisiplinkan diri. Hal ini dikatakan demikian kerana individu yang ingin berjaya dalam bidang sukan mesti mempunyai disiplin yang tinggi dan dapat mengawal diri untuk mematuhi peraturan yang ditetapkan. Sukan juga penting bagi melahirkan remaja yang sihat, sama ada dari segi fizikal ataupun mental. Dengan kegiatan bersukan, remaja boleh membina tubuh badan yang sihat, cergas dan menarik.

Kegiatan bersukan bukan sahaja baik untuk kesihatan malah sesuai dijadikan hobi dan boleh dilakukan dengan kawan atau keluarga pada setiap pagi, petang atau hujung minggu. Dengan mengisi masa lapang, kegiatan sukan dapat meningkatkan tahap kesihatan diri, malah mengelakkan diri daripada membuang masa dengan perkara yang tidak berfaedah. Bukan itu sahaja, remaja juga dapat menghindari masalah sosial yang kian meruncing belakangan ini.

Walaupun terdapat segelintir remaja yang tidak meminati sukan dan tidak melibatkan diri dengan kegiatan kokurikulum, usaha untuk menarik minat golongan ini haruslah kekal berterusan, bak kata pepatah, *genggam bara api biar sampai jadi arang*. Jadikan kegiatan bersukan itu sebahagian daripada kehidupan kita.

Dipetik dan diubah suai daripada
‘Remaja Aktif Bersukan, Norsuhaila Ibrahim’
*Majalah Dewan Siswa, April 2017*

**Bahan 2 - Grafik**








**BAHASA MELAYU**
**Kertas 1**
**2 Jam**

**BAHAGIAN A**
**[ 30 Markah ]**

Maklumat di bawah berkaitan dengan keracunan makanan.
Huraikan pendapat anda tentang **keracunan makanan.**
Panjangnya huraian hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan.**

**KERACUNAN MAKANAN**

| | |
|---|---|
| Statistik kes keracunan makanan di negara ini menunjukkan peningkatan dari semasa ke semasa berikutan beberapa faktor. Keracunan makanan boleh berlaku apabila seseorang terambil makanan tercemar. Antara kuman yang menyebabkan keracunan makanan ialah *salmonella*, *staphylococcus aureus* dan *vibro parahaemolyticus* yang disebar melalui bahan pencemar, vektor atau pembawa kuman. Kebiasaannya, makanan tercemar ketika proses pemilihan bahan mentah, penyediaan, pemprosesan, penyimpanan, penghidangan dan penghantaran.<br>Dipetik dan diubah suai daripada<br>*'Keracunan Makanan'*<br>oleh **Muhammad Razis Ismail**<br>Harian Metro, 3 Februari 2020 | **PANTUN KERACUNAN MAKANAN**<br><br>Petik pegaga teruna perkasa,<br>Tumbuh merimbun di banir berangan,<br>Kebersihan dijaga setiap masa,<br>Gunakan sabun mencuci tangan.<br><br>Di pohon rendang rehat si rusa,<br>Malang ditangkap anak Pak Mamat,<br>Juadah terhidang tutup sentiasa,<br>Lalat tak hinggap makanan selamat.<br><br>Sumber : *Internet* |



**Bahagian B**
**[ 70 markah]**

**Arahan soalan**

Pilih **satu** daripada soalan-soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **antara 350 hingga 500 patah perkataan.**

**Soalan 1 - Domain Awam**

> Tatkala terasa ingin keluar daripada hiruk-pikuk kota, bayangkan suasana damai di pinggir hutan. Bayangkan juga kesegaran dan kenyamanan udara gunung serta deruan jeram yang menjadi terapi minda yang kepenatan setelah bertungkus-lumus mencari rezeki
>
> Sumber : *Buku Teks Tingkatan 4, 2019*

Berdasarkan petikan di atas, masyarakat Malaysia mengimpikan suatu percutian keluarga yang berkonsepkan pelestarian alam sekitar yang mendatangkan pelbagai manfaat.

Huraikan manfaat-manfaat melancong dalam negara.

**Soalan 2 – Domain Peribadi**

> Tema Sambutan Hari Belia Negara 2020, 'Dekad Ini Dekad Anda', dilihat sangat signifikan dan cukup simbolik untuk menggambarkan peranan besar yang perlu dimainkan golongan belia dalam membangunkan rakyat dan negara. Jelas sekali, dekad orang muda dan negara juga meletakkan harapan yang tinggi kepada golongan ini. Justeru, bagi memikul tanggugjawab ini,. Saya percaya golongan belia negara kita perlu memiliki beberapa ciri yang boleh membantu mereka memainkan peranan yang dihasratkan oleh semua pihak.
>
> Sumber: *Metro* https://www.hmetro.com.my/authors/noor-mohamad-shakil-hameed-0

Petikan di atas menjelaskan peranan belia di negara kita menjadi teras dan kekuatan dalam menghadapi arus globalisasi. Seorang sahabat pena mahu anda memberitahu cara-cara membentuk jati diri pelajar yang kukuh.

Tulis sepucuk surat kepada rakan anda selengkapnya.

**Soalan 3 - Domain Pendidikan**

Dalam usaha ke arah mewujudkan negara yang kuat, teguh dan makmur, pengalaman sejarah Malaysia wajar diketahui dan diambil teladan

Sumber : *Buku Teks Tingkatan 4*, 2019
( Profesor Emeritus Datuk Dr. Abdullah Zakaria bin Ghazali, Pensyarah.)

Petikan di atas, menyatakan sejarah bermaksud peristiwa yang berlaku pada tahun-tahun tertentu. Dalam bahasa Arab sering dipanggil sirah. Setiap peristiwa yang berlaku sama ada besar atau kecil akan dicatatkan sebagai sejarah, sama ada sejarah negara atau sejarah dunia.

Nyatakan kepentingan-kepentingan mempelajari mata pelajaran sejarah kepada generasi muda.

**Soalan 4 - Domain Kerjaya**

Saban hari, tugas dan peranan Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) dilihat semakin meluas serta mencabar yang memerlukan anggotanya sentiasa bersiap sedia untuk menempuh apa-apa jua halangan yang mendatang.

Sumber: *Akhbar Sinar Harian*, 02 Januari 2021

Petikan di atas merujuk kepada kerjaya bomba yang merupakan satu profesion yang memberikan perkhidmatan kebombaan dan penyelamatan bagi menyelamatkan nyawa dan harta benda demi kesejahteraan rakyat.

Bincangkan tanggungjawab anggota penyelamat dalam menjaga keselamatan awam.

# BAHASA MELAYU
# Kertas 2
# 2 Jam 30 Minit

## BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA
## [35 Markah]

### SOALAN 1 : MORFOLOGI

*Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan* **dua kata nama am** dan **dua kata kerja**. *Kemudian anda dikehendaki membina* **satu ayat anda sendiri** *daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Kerajaan juga memajukan sektor ekopelancongan yang kaya dengan khazanah alam semula jadi, contohnya Taman Negara dan Taman Negara Kinabalu yang telah diiktirafkan sebagai Tapak Warisan Dunia oleh UNESCO. Malah, kerajaan juga menyediakan agro pelancongan dalam acara-acara Pesta Buah-Buahan Tempatan dan Pesta Flora. Kerajaan juga memajukan industri pelancongan dalam bidang perubatan dan pendidikan. Dalam pendidikan pula, kerajaan menarik masuk pelajar-pelajar luar negara untuk menimba ilmu dengan pelbagai kursus bertaraf antarabangsa. Selaras dengan usaha kerajaan, Kempen Zoom Malaysia juga dilancarkan untuk penggunaan "Segala-galanya terdapat di Malaysia".

Dipetik dan diubah suai daripada
Artikel Industri Pelancongan di Malaysia.
Kementerian Pelancongan, Budaya dan Seni Malaysia,
Julai 2016

[8 *markah*]

### SOALAN 2 : SINTAKSIS

*Petikan di bawah mengandungi beberapa ayat. Kenal pasti jenis-jenis ayat yang bergaris. Nyatakan sama ada ayat tersebut* **ayat penyata, ayat tanya, ayat seruan** atau **ayat perintah.**

Kebanyakan guru yang menyertai persatuan penulis ialah guru yang mempunyai minat yang mendalam terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi. Mengapakah dikatakan guru tersebut mempunyai minat mendalam terhadap bahasa Melayu? Hal ini dikatakan sedemikian kerana guru tersebut mempunyai jati diri yang tinggi dan kecintaan tidak berbelah bahagi terhadap bahasa Melayu. Golongan ini juga sangat besar jasa mereka terhadap perkembangan bahasa Melayu sejak sebelum merdeka hingga kini. Usaha mereka harus diteruskan oleh semua guru yang masih berkhidmat pada hari ini. Syabas, kepada golongan ini! Akhirnya, marilah kita meneruskan perjuangan mereka demi memartabatkan bahasa kebangsaan.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Guru dan Perjuangan Memartabatkan Bahasa Melayu'
Oleh Aminuddin Mansor
*Pelita Bahasa, Bil. 5/2019*

[6 *Markah*]






**SOALAN 3: PENYUNTINGAN**

*Petikan perbualan ini* **mengandungi tiga belas kesalahan bahasa**. *Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada tiga belas kesalahan yang terdapat dalam petikan. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.*

| | |
|---|---|
| Hui Ling: | Nathan, cuba baca berita tentang kes kematian akibat penyakit Covid-19 di negara Indonesia. |
| Nathan: | Aduh, malangnya banyak mangsa-mangsa penyakit Covid-19 yang terkorban. |
| Hui Ling: | Warganegara-warganegara Malaysia patut bersyukur kerana penyakit tersebut dapat dikawal di negara kita di atas kerja sama semua pihak. |
| Nathan: | Benar, kita perlu mematuhi Standard Operasi Prosedur (SOP) yang kerajaan tetapkan. Kita pun perlu sentiasa memakai penutup mulut dan mengekalkan jarak sosial di antara satu sama lain. Jangan sekali-sekala lalai. |
| Hui Ling: | Kita perlu mengamalkan normal baharu untuk menghadapi wabak yang telah mengubah corak hidup kita. |

[13 markah]

**SOALAN 4: BAHASA MELAYU STANDARD**

*Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam* **bahasa Melayu standard** *tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.*

Maka, orang Siam terlalu hairan melihat kelakuan Tun Umar itu. Telah hari malam, maka Awi Dicu pun datanglah. Maka oleh Bendahara Paduka Raja segala pohon kayu bakau dan nyirih dan tumpu api-api itu sekaliannya disuruh tambati punting api. Telah dipandang oleh orang Siam api tiada terbilang banyaknya, maka kata hulubalang Siam, " Terlalu banyak kelengkapan perahu Melaka ini, tiada terbilang lagi. Jikalau ia datang apa hal kita? Sedang sebuah perahunya tadi lagi tiada terlawan oleh kita."

Dipetik daripada
Burung Terbang Dipipiskan Lada
Kementerian Pendidikan Malaysia.

[6 markah]






**SOALAN 5 : PERIBAHASA**

*Dialog di bawah mengandungi beberapa peribahasa. Senaraikan* **dua** *peribahasa sahaja, kemudian berikan* **peribahasa lain yang sama maksud atau hampir sama maksud** *dengan peribahasa tersebut.*

Darina: Sedapnya kek ini. Pandai kamu membuatnya Wawa.

Wawa: Terima kasih, Darina. Biasa-biasa saja kek ini. Lagipun saya membuat kek ini sambil menemani ibu memasak di dapur, bak kata pepatah sambil menyelam, sambil minum air.

Cindy: Sebenarnya, kamu mewarisi kepakaran daripada ibu kamu, Wawa. Ibu kamu memang pakar dalam bidang masakan, bak kata pepatah ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi.

Wawa: Mungkin juga tu. Eh, kita ni asyik berbual-bual saja! Marilah kita ke pusat sumber sekolah. Tentu Cikgu Zakiah sudah lama menunggu kita.

Darina: Bagus juga idea tu. Marilah kita bersama-sama membantu Cikgu Zakiah menghias pusat sumber sekolah, bak kata pepatah berat sama dipikul, ringan sama dijinjing.

[4 *markah*]

(i) Peribahasa:

________________________________________

Peribahasa yang lain:

________________________________________

(ii) Peribahasa:

________________________________________

(iii) Peribahasa yang lain:

________________________________________




**BAHAGIAN B: PEMAHAMAN**
**[35 Markah]**

**SOALAN 6 : PETIKAN UMUM ( 10 MARKAH )**

*Baca* **Bahan 1** *dan* **Bahan 2** *dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

**Bahan 1**

Perasaan marah disebabkan oleh faktor luaran dan faktor dalaman. Faktor luaran merangkumi lingkungan sosial dan alam sekitar. Faktor lingkungan sosial adalah seperti suasana kerja, bebanan tugas, dan sikap rakan. Faktor alam sekitar pula adalah seperti cuaca dan bencana alam. Faktor dalaman pula berkaitan dengan sikap seperti panas baran dan tidak mampu mengawal diri untuk menghadapi tekanan.

Apabila anda marah, kadar denyutan jantung dan tekanan darah akan meningkat. Selain itu, tahap hormon tenaga, adrenalina dan noradrenalina juga akan bertambah. Oleh itu, anda mungkin akan bertindak agresif terhadap orang yang dimarahi. Kemarahan yang tidak dikendalikan dengan baiknya boleh menimbulkan masalah yang lain pula. Perhubungan silaturahim juga akan terjejas.

Kemarahan juga menghasilkan ketegangan fizikal serta psikologi seseorang. Bagi mengurangkan rasa ketegangan tersebut, seseorang perlu kembali ke posisi normal. Sekiranya dia sedang marah dan ketika itu dia sedang berdiri, maka dia perlu duduk. Seandainya kemarahan semakin sukar untuk dikawal, dia perlu berbaring untuk menenangkan emosi

Seseorang yang dalam keadaan marah juga cenderung untuk mengeluarkan kata-kata kesat. Oleh itu, apabila seseorang dalam keadaan marah, dia perlu mendiamkan diri. Perlakuan diam ini dapat meredakan pertengkaran daripada berlarutan. Tindakan ini dapat mengelakkan perkara yang lebih buruk daripada berlaku dan tidak mengeruhkan keadaan.

(Sumber : *wwwmyhealth.gov.my/pengurusan-kemarahan*)

(i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud rangkai kata lingkungan sosial.

[2 *markah*]

(ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan persamaan dan perbezaan cara untuk mengawal kemarahan.

[3 *markah*]

(iii)Pada pendapat anda, mengapakah kita perlu menangani sifat marah ?

[4 *markah*]

(iv)Rakan baik anda seorang yang panas baran, dia sering kali marah-marah apabila berada dalam keadaan tertekan. Sebagai kawan apakah tindakan anda ?

[4 *markah*]

## SOALAN 7: PETIKAN SASTERA

*Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

**Bahan 1**

Tau meluahkan kerisauannya terhadap hutan yang sedang diteroka tanpa batasan. Dia risaukan masa depan kampung halamannya. Dia bercakap dengan abangnya Ludin mengenai perkara ini. Ludin turut melahirkan rasa simpatinya terhadap Tau yang melalui banyak keperitan dan masih berusaha menjaga hutan ini. Tau juga memulaukan dirinya daripada *orang awam*. Tau dengan bangganya bercakap tentang Itai yang telah berguru dengannya. Itai telah menjadi seorang yang telah mempelajari segala ilmu perhutanan yang diwariskan kepada Tau.

(Dipetik daripada novel *Kembara Amira*,
karya **Rozlan Mohamed Nor**,
Utusan Publications dan Distributors Sdn. Bhd)

**Kuingin Berterima Kasih**

Sesekali kuingin berterima kasih
kepadamu hujan bagai tetamu
jiwa pun menjadi angin
api amarah menjadi terpadam.

Sesekali kuingin menyemai budi
kepadamu tanah yang hidup
kerana perutmu setia menghamilkan
rezeki buat petani.

Sesekali kuingin berbisik kepadamu
ikan-ikan yang riang
liar di belantara samudera
kerana sudi membebaskan cerita
nelayan tua di pondoknya.

Sesekali kuingin kalungkan kagum
kepadamu pejuang negara
kerana tanganmu pernah berdarah
darah kesetiaan seorang warga
kepada watan tercintanya

Sesekali kuingin pula menjadi bunga
menebarkan keharuman
di taman-taman keresahan hidup
menyerahkan keinsafan
kepada keangkuhan perang.

Alangkah indahnya dunia
andai semua merenung
kekosongan hidup ini.

*(Dipetik dari antologi Kuingin Berterima Kasih , halaman 12)*

(i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *orang awam*

[ 2 *markah*]

(ii) Berdasarkan **semua bahan** , nyatakan kelebihan-kelebihan menjaga hutan?

[4 *markah*]

(iii) Alam sekitar sangat penting kepada kehidupan manusia.
Pada pendapat anda, apakah cara-cara menjaga alam sekitar?

[3 *markah*]

(iv) Pada suatu hari , ketika anda berkhemah di dalam hutan, anda ternampak banyak sampah sekali gus mencemarkan hutan tersebut. Setelah anda siasat, didapati sekumpulan remaja membuang sampah merata-rata.
Sebagai remaja yang prihatin, apakah tindakan-tindakan yang perlu anda lakukan bagi mencegah pembuangan sampah tersebut agar hutan menjadi bersih dan kembali nyaman?

[4 *markah*]

**SOALAN 8 : NOVEL**

*(i) Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Kini datuk bercerita tentang cara-cara menyembuhkan penyakit secara tradisional. Memang dalam soal ini datuk boleh disebut pakar, macam doktor. Dia jenis manusia yang bijak memanfaatkan bahan sedia ada atau bahan percuma menjadi bahan kegunaan untuk kesihatan dan kecantikan. Misalnya, hampas kopi dijadikannya losen tangan. Hampas teh untuk menyegarkan mata, ubi kayu bagi menghilangkan buasir. Lobak pula bagi melancarkan air kencing dan mengurangkan sakit kepala. Biji mangga dijadikan tepung untuk masakan. Kulit mangga yang dikeringkan untuk membantu melancarkan pengaliran darah ketika datang haid.

Sebab, datuk minum kopi dan nenek minum teh, mereka menanam ubi kayu, lobak, dan mangga. Aku percaya, pasti banyak lagi petua yang belum aku dengar dan yang belum datuk beritahu, sebab ada banyak tanaman lain di belakang dan di halaman rumah datuk serta di kebun buah-buahannya.

Dipetik daripada novel *Jendela menghadap Jalan*,
Karya Ruhaini Matdarin
Kementerian Pendidikan Malaysia

Nyatakan cara-cara penjagaan kesihatan secara tradisional yang diamalkan oleh datuk dengan memanfaatkan bahan sedia ada atau bahan percuma di rumahnya.

[4 *markah*]

(ii) *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut*:

*a. Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latip Talib*
*b. Di Sebalik Dinara, karya Dayang Nor*
*c. Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin*
*d. Pantai Kasih karya Azmah Nordin*
*e. Songket Berbenang Emas, karya Khairuddin Ayip*
*f. Tirani, karya Beb Sabariah*
*g. Silir Daksina, karya Nizar Parman*
*h. Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusop*

Watak utama dalam sebuah novel memiliki nilai yang dapat dijadikan suri teladan kepada pembaca.
Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, jelaskan dua nilai yang dapat dikaitkan dengan watak utama dalam novel.

[6 *markah]*

**BAHAGIAN C : RUMUSAN**
[30 *markah*]

*Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah. Kemudian buat satu* **rumusan** *yang panjangnya* **tidak melebihi 120 patah perkataan**. *Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.*

Kebersihan amat penting bagi menjamin keceriaan hidup seseorang individu. Kesihatan merujuk keadaan tubuh yang tidak mengalami sebarang masalah. Terdapat pelbagai langkah yang boleh diamalkan untuk memiliki tahap kesihatan yang baik. Langkah pertama ialah kesedaran bahawa tubuh sangat memerlukan penjagaan. Perkara yang kedua cara adalah dengan mendapatkan maklumat tentang kepentingan penjagaan kesihatan.

Sukar untuk kita menjaga tubuh jika tidak tahu apa-apa mengenainya. Ibaratnya, kita hendak melawan musuh tetapi tidak memahami sebab dan cara untuk bertindak. Antara kaedah yang dapat diambil termasuklah pemeriksaan kesihatan berkala sekurang-kurangnya tiga kali setahun. Pemeriksaan begini mampu mengesan penyakit ketika masih pada peringkat awal seperti cogan kata ‘mencegah lebih baik daripada merawat’. Oleh itu, sebelum apa-apa yang tidak diingini berlaku, lebih baik jika kita melakukan tindakan awal pencegahan. Selain itu, aspek pemakanan juga amat penting bagi menjamin kesihatan yang baik. Kita haruslah mengamalkan pemakanan yang seimbang dan berkhasiat dalam kehidupan. Pengambilan makanan mengikut piramid makanan sangat disarankan oleh pakar kesihatan bagi menjamin tahap kesihatan yang baik berterusan. Diet yang seimbang dapat memastikan tubuh seseorang memiliki zat yang diperlukan.

Di samping itu, kita perlu melakukan senaman dua atau tiga kali seminggu agar tubuh dapat berfungsi dengan baik. Amalan minum air kosong juga perlu dititikberatkan bagi menggantikan cecair yang telah hilang di dalam badan. Tekanan juga dapat dihilangkan menerusi senaman. Oleh itu, untuk memperoleh kesihatan yang baik, rakyat Malaysia hendaklah mengamalkan senaman yang konsisten. Rehat dan tidur yang secukupnya juga merupakan ubat mujarab untuk mengekalkan kesihatan. Kita digalakkan tidur tidak kurang dari lapan jam sehari. Individu yang tidak mempunyai rehat yang cukup berasa letih dan mudah jatuh sakit, malah tidak dapat menumpukan perhatian terhadap aktiviti yang dilakukan.

(Dipetik dan diubah suai daripada ‘Nilai Kesihatan’
oleh Nur Amira Talib, Dewan Siswa, November 2016).

**Bahan 2-Grafik**



**BAHASA MELAYU**
**KERTAS 1**
**1103/1**

## BAHAGIAN A
**[30 Markah]**

Maklumat di bawah berkaitan dengan jenayah komersial. Huraikan pendapat anda tentang **jenayah komersial**. Panjangnya huraian anda hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan.**

Hari ini menggoreng tauhu,
Tauhu digoreng bersama gelama,
Marilah kita berganding bahu,
Banteras jenayah tanggungjawab bersama.



**BAHAGIAN B**
**[70 Markah]**

*Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis* **satu karangan** *yang panjangnya* **antara 350 hingga 500 patah perkataan.**

**DOMAIN AWAM**

Pengaruh teknologi maklumat dan komunikasi yang kuat dalam kehidupan pada zaman milenium ini telah menyebabkan modus operandi para penjenayah siber juga semakin canggih. Kini, jenayah digital yang menggunakan telefon pintar sebagai saluran modus operandi semakin berleluasa. Sebagai buktinya, banyak kes penipuan yang didalangi oleh Macau Scam sering dilaporkan oleh pihak media massa. Mangsa bukan sahaja mengalami kerugian dari segi wang malah turut menjadi trauma. Jenayah siber merupakan jenayah yang berprofil tinggi dan wajar dibendung dari awal supaya orang ramai tidak terus menjadi mangsa. Pihak polis meminta orang ramai supaya tidak mudah percaya dengan setiap panggilan dan khidmat pesanan ringkas (SMS) yang diterima daripada individu yang tidak dikenali. Kata peribahasa Melayu beringat sebelum kena, berjimat sebelum habis.

Sumber: Internet.

Petikan di atas menerangkan kes jenayah siber yang semakin berleluasa di negara kita.

Berdasarkan maklumat tersebut, bincangkan usaha-usaha yang boleh kita lakukan untuk menangani jenayah siber.






**DOMAIN PENDIDIKAN**

> Pantun, gurindam, sajak dan seloka merupakan antara karya sastera yang semakin dilupakan oleh golongan muda pada era milenium ini. Hal ini terjadi demikian kerana golongan ini lebih suka akan hiburan yang moden. Bagi mereka karya sastera lama sudah tidak relevan dengan peredaran zaman. Jika ditelusuri sejarah penghasilan karya sastera dahulu kala, kita akan dapat melihat betapa kreatif dan berseninya masyarakat pada zaman dulu dalam mencipta dan menulis sesebuah karya sastera. Setiap karya sastera yang dihasilkan sarat dengan pengajaran dan nasihat untuk mendidik anak-anak. Oleh itu, kepentingan mempelajari dan memartabatkan karya sastera sememangnya tidak boleh dipandang sebelah mata. Karya sastera harus dipertahankan agar tidak hilang ditelan zaman. Sesungguhnya, karya sastera ialah nadi kehidupan bagi masyarakat yang berbudaya.
>
> Sumber: Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4.

Petikan di atas menjelaskan keistimewaan karya sastera yang harus dipelajari dan dipertahankan oleh generasi muda dewasa ini.

Berdasarkan pernyataan di atas, jelaskan pendapat anda tentang langkah-langkah yang harus dilakukan oleh pelbagai pihak bagi memupuk minat golongan remaja terhadap karya sastera.

**DOMAIN AWAM**

| |
|---|
| Alam sekitar merupakan anugerah Tuhan yang tidak ternilai harganya bagi setiap insan. Alam sekitar perlu kita pelihara dengan sebaik-baiknya agar tidak dicemari atau dirosakkan oleh tangan-tangan manusia yang tidak bertanggungjawab. Namun, saban hari kita sering mendengar berita tentang pencemaran alam sekitar dilaporkan oleh pihak media massa arus perdana. Pencemaran Sungai Kim Kim, pembakaran sampah secara terbuka, dan pembalakan secara haram merupakan contoh pencemaran alam sekitar yang boleh mengundang pelbagai kesan negatif kepada manusia dan hidupan lain seperti haiwan dan tumbuh-tumbuhan. Pelbagai langkah yang proaktif perlu diambil bagi menangani masalah ini daripada menjadi semakin parah. Janganlah sudah terhantuk baru terngadah kerana sesal dahulu pendapatan sesal kemudian tidak berguna. Sesungguhnya, tanggungjawab untuk melestarikan alam sekitar adalah tanggungjawab bersama. Sepakat membawa berkat. |
| Sumber: Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4. |

Petikan di atas menerangkan kepentingan alam sekitar dan contoh-contoh pencemaran yang sering dilakukan oleh manusia yang tidak bertanggungjawab.

Berdasarkan pernyataan tersebut, anda telah diminta menulis sebuah rencana yang bertemakan alam sekitar. Fokus rencana anda ialah Usaha-usaha untuk Melestarikan Alam Sekitar. Tulis rencana itu selengkapnya.

**DOMAIN KERJAYA**

> Perkembangan pesat sektor pertanian di Malasyia boleh dikaitkan dengan alam semula jadi, iaitu mempunyai tanah yang kaya dengan mineral, corak taburan hujan yang baik dan bekalan air yang mencukupi untuk pertumbuhan tanaman. Kini produk pertanian Malaysia tidak terhad kepada hasil ladang seperti sawit, getah, dan koko yang menjadi komoditi besar negara.
>
> Sumber : BH Online, Sabtu, 7 Julai 2017.

Petikan akhbar menerangkan bahawa Malaysia merupakan negara yang sesuai untuk aktiviti pertanian. Walaupun sektor ini boleh menjamin masa depan akan tetapi kerjaya dalam sektor pertanian dikatakan kurang diminati oleh generasi muda terutamanya graduan lepasan ijazah.

Huraikan usaha-usaha yang seharusnya dilakukan untuk menarik minat graduan lepasan ijazah menceburkan diri dalam bidang pertanian.






**BAHASA MELAYU**
**KERTAS 2**
**1103/2**

## BAHAGIAN A

## SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

**[ 35 Markah ]**

### Soalan 1 : Morfologi

*Baca petikan di bawah ini dengan telitinya dan senaraikan* **tiga kata hubung.** *Kemudian anda dikehendaki membina* **satu ayat anda sendiri** *daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambah imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Setelah semua meja pelanggan di restoran itu didekatinya, dia keluar dari restoran itu. Dia berjalan ke arah bank lalu terserempak dengan Aswad.

"Beli dodol, bang," katanya kepada Aswad sambil tersenyum.

"Maaf, abang tidak makan dodol," kata Aswad.

"Abang boleh membeli dodol ini untuk ibu atau bapa abang. Mereka mungkin gemar makan dodol ini," kata budak itu. Dia masih tidak berputus asa.

"Abang tidak tinggal dengan ibu bapa tetapi tinggal dengan kawan-kawan" Aswad memberikan alasan.

"Kalau begitu, beli dodol ini untuk kawan-kawan abang," kata budak itu. Dia masih mahu mencuba nasib.

Dipetik dan diubah suai daripada *Buku Teks Tingkatan 3, DBP, 2018*

[ 6 markah ]

### Soalan 2 : Sintaksis

Baca petikan di bawah dengan teliti. Tukarkan **ayat majmuk** yang bergaris kepada **ayat tunggal** tanpa mengubah maksud asalnya.

Sisa elektronik ialah komponen elektronik yang telah usang atau tidak diperlukan oleh penggunanya. Sisa elektronik mengandungi bahan kimia berbahaya seperti asid, pelarut, raksa, dan plumbum. Bahan kimia ini mengancam kesihatan manusia dalam jangka masa pendek dan panjang. Di Malaysia, sisa elektronik dikategorikan sebagai sisa terjadual dalam Jadual Pertama Kod SW110 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127] Buangan Terjadual (2005). Sisa ini dikategorikan sebagai bahan buangan terjadual kerana mempunyai ciri-ciri kebolehnyalaan, menghakis, bertindak balas, dan bertoksik.

Dipetik dan diubah suai daripada *Buku Teks Tingkatan 5, DBP, 2020*

[6 markah]

**Soalan 3 : Penyuntingan**

Dalam petikan 1, terdapat **enam** kesalahan bahasa manakala petikan 2 terdapat **lima** kesalahan bahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap petikan anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam arahan soalan. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.

**Petikan 1**

Berkenaan dengan penggunaan bahasa rojak pula, beliau berpendapat bahawa perbuatan ini lazim berlaku bila kita mengetahui lebih dari satu bahasa. Namun demikian, kelaziman ini boleh dikurangkan atau dihapuskan. Hal ini tidak sukar untuk dilakukan kerana pepatah Melayu ada menyatakan bahawa alah bisa tegal biasa.

Beliau seterusnya menyerukan agar penggunaan bahasa Melayu yang bermutu digunakan seluas - luasnya. Sebagai bahasa kebangsaan, bahasa Melayu perlu senantiasa wujud dalam bentuk bestari daripada semua segi. Bahasa Melayu juga perlu digunakan didalam pelbagai bidang, iaitu pendidikan, perniagaan, dan lain-lain bidang.

Dipetik dan diubah suai daripada *Buku Teks Tingkatan 3, DBP, 2018*

[6 markah]

**Petikan 2**

Anis: Dr. selaku salah seorang petugas di bahagian perkembangan sastera; bolehkah Dr. jelaskan fungsi DBP dalam usaha memupuk dan melahirkan gulungan penulis kreatif yang berwibawa khususnya di kalangan remaja?

Zaidi: Di sekolah, sastera diajar kepada para pelajar melalui berbagai teori sastera. Pelajar-pelajar akan mengenali watak dan perwatakan, gaya bahasa, teknik penulisan dan sebagainya. Sementara DBP pula mahu menyampaikan hal yang lebih dari itu tentang sastera kepada para remaja.

Sumber: Internet

[5 markah]






**Soalan 4: Bahasa Melayu Standard**

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu Standard tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

> Adapun segala orang Siam yang kembali itu, telah ia sampai ke benua Siam, maka Awi Dicu pun masuk menghadap Paduka Bubunnya. Maka Paduka Bubunnya pun terlalu marah; maka ia sendiri hendak pergi menyerang Melaka itu. Maka ada seorang anak Paduka Bubunnya, Cau Pandan namanya. Maka ialah bercakap Ke Bawah Duli Paduka Bubunnya hendak menyerang Melaka, sembahnya "Duli Pra Cau, lengkapi patik, patiklah mengalahkan Melaka itu."
>
> Dipetik daripada prosa *Burung Terbang Dipipiskan Lada*
> dalam Antologi Sejadah Rindu

[6 markah]

**Soalan 5: Peribahasa**

Baca petikan di bawah dengan teliti kemudian nyatakan **tiga peribahasa** yang sesuai dengan situasi dalam petikan tersebut.

> Perpaduan rakyat menjadi tonggak kegemilangan negara Malaysia. Mereka saling membantu antara satu sama lain. Mereka amat sedar bahawa pada masa ini sikap negatif akan menyukarkan kerajaan untuk menyatupadukan rakyat. Sekiranya hal ini wujud, maka tiada sesiapa pun yang untung. Sebaliknya mereka akan kehilangan segala-galanya.
>
> Sumber: Internet

[6 markah]






**BAHAGIAN B**

**PEMAHAMAN**

**[35 Markah]**

**Soalan 6 Petikan Umum**

*Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

***Bahan 1***

KUALA LUMPUR: Pemegang Amanah Yayasan Perpaduan Malaysia, Tan Sri Lee Lam Thye, berkata perkara itu hanya boleh dicapai jika semua pihak menolak sebarang bentuk ekstremisme yang boleh menjejaskan keharmonian antara kaum dan agama. Berikutan itu, katanya, penting bagi semua rakyat yang sederhana dan patriotik untuk terus memperjuangkan usaha membentuk Bangsa Malaysia yang bersatu padu. Lam Thye berkata, perkara itu perlu kerana perpaduan dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum, agama dan budaya adalah cabaran terbesar negara pada tahun mendatang.

"Cabaran ini kunci utama kelangsungan hidup kita sebagai sebuah negara. Amat dikesalkan jika ada sesiapa yang membuat kenyataan panas dan provokatif yang boleh membawa kepada konflik dan ketegangan serius yang boleh *menjejaskan keamanan*, keharmonian dan perpaduan negara. "Apa yang Malaysia perlukan hari ini bukan wira etnik tetapi pembina jambatan etnik atau duta kedamaian yang dapat membantu memupuk semangat muhibah, saling menghormati, kedamaian dan keharmonian.

Dipetik dan diubahsuai daripada
bharian.com.my/berita/nasional/2019/09/605018/
peraduan-kaum-di Malaysia-perlu-terus-utuh Haika Khazi,
Berita Harian Online 9 September 2019

***Bahan 2***

PUTRAJAYA: Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin melancarkan Dasar Perpaduan Negara yang bersifat inklusif, jelas dan kohesif, demi memastikan Malaysia kekal sebagai sebuah negara yang kukuh teras perpaduannya. Menggariskan tiga objektif utama, Dasar Perpaduan Negara yang berkonsepkan Perpaduan Dalam Kepelbagaian itu menetapkan strategi jangka panjang dalam usaha berterusan untuk memupuk, mengukuh dan memelihara perpaduan dalam kalangan rakyat. "Hal ini selaras penerimaan rakyat Malaysia bahawa masyarakat negara ini adalah majmuk dan mempunyai pelbagai latar belakang pegangan agama, pengenalan bangsa serta budaya.

Berikutan perbezaan dan kepelbagaian ini, usaha ke arah mewujudkan perpaduan di negara ini perlu dilengkapi dan dilandasi usaha integrasi berterusan. Perdana Menteri berkata, penggubalan Dasar Perpaduan Negara juga berlandaskan kepada Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara, selain selaras dengan dasar utama negara seperti Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030, Rancangan Malaysia Lima Tahun dan dasar lain yang berkuat kuasa.
Beliau berkata, walaupun ada ketika wujud perbezaan, persaingan dan konflik, tetapi kesepaduan sosial yang wujud sekian lama dalam masyarakat di negara ini mengekalkan perpaduan rakyat sehingga kini.

*(Sumber : bharian.com.my/berita/nasional/2021/02/786274/3-objektif-utama-dasar-perpaduan-negara-pm)*

(i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *menjejaskan keamanan***.**

[2 markah]

(ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2,** nyatakan **persamaan** dan **perbezaan** cabaran dalam mempertahankan keamanan dan keharmonian negara.

[3 markah]

(iii) Aktiviti sukan berpasukan seperti bola sepak, hoki dan bola jaring mampu memupuk semangat perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia.

Bagaimanakah semangat perpaduan dipupuk ketika aktiviti sukan berlangsung?

[3 markah]

(iv) Kumpulan anda diminta menyiapkan tugasan (Project Based Learning) iaitu mencipta Pantun Dua kerat yang bertemakan Perpaduan kaum. Namun tugasan tersebut tidak berjaya diselesaikan.

Sekiranya kumpulan anda diberikan peluang kedua untuk menyiapkan tugasan yang sama dalam masa yang ditetapkan, cadangkan langkah-langkah untuk memastikan tugasan tersebut dapat diselesaikan.

[4 markah]






**Soalan 7 Petikan Sastera**

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**Bahan 1**

Kecek – (V)

1
seorang pengarah
membuka akaun semasanya
di sebuah bank ternama
tetapi dalam diam
dia mencantum kemiskinan
orang lain
ke dalam amanahnya
yang telah lama pecah.
2
di kampung
seorang petani
membuka akaun kemiskinannya
di ruang kedaifan
dan mengunci sedozen anak-anaknya
di dalam ***pagar sengsara***
tetapi dia tidak pernah mencantum
kekayaaan orang lain
ke dalam getirnya
yang sudah lama
berumbi.
3
di pantai
seorang nelayan
membuka akaun sengsaranya
di rahang laut ternganga
dan mengurung sederet anak-anaknya
di bawah pusaran nasib
tapi dia tidak pernah mengumpul
kesenangan orang lain
ke dalam kegusarannya
yang telah sekian musim
berlumut
di papan hidupnya.

*AWANG ABDULLAH*
*Antologi Dirgahayu BahasakuDewan*
*Bahasa dan Pustaka*






**Bahan 2**

“Kau nak buat tugu Pak Kaduk ke? Apa gunanya membina tugu dalam kampung ni. Mana ada pelancong yang nak datang melawat?” tanya Azam.

“Aku bergurau saja. Lagipun ini tanah kampung yang berstatus tanah pertanian. Apalagi yang wajar dibuat selain berkebun dan menternak. Aku sudah mendapat nasihat dan berbincang dengan beberapa orang. Aku sudah berbincang dengan agensi kerajaan yang bertanggungjawab memajukan bidang pertanian.”

Hakim merancang agar tanah Pak Kaduk dapat dimanfaatkan. Dia memutuskan untuk menternak ayam secara kontrak dengan sebuah syarikat besar. Syarikat ini beroperasi dan terkenal di seluruh dunia sebagai global Chicken. Global Chicken menubuhkan cawangan di Malaysia dengan nama rangkaian Jasa Agrikultur atau nama singkatnya RAJA. Hakim membuat keputusan memasuki bidang penternakan bersandarkan beberapa faktor. Dia selalu sangat mendengar para menteri dan pakar ekonomi berkata, “Pada masa sekarang ini kerajaan sangat mementingkan aktiviti pengeluaran makanan. Negara mesti mengeluarkan lebih banyak makanan.

*Dipetik daripada “Kaduk Ayam dan Raja*
*oleh Zurinah Hassan*
*Antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul,*
*Dewan Bahasa dan Pustaka*

**Bahan 3**

**Semarakan Pertanian dan Penternakan kita**

Teguh di sini pohon yang indah,
Bunga melati gugur ke bumi,
Waktu ini terbukti sudah,
Pokok jati penjana ekonomi.

Pokok keman tumbuh melata,
Rumpun keladi ubi berisi,
Kaedah tanaman kini tercipta,
Pokok padi terima inovasi

Batang ditarah daun dibelah,
Hendak digapai pucuknya tinggi,
Keringat diperah budi terserlah,
Hasrat tercapai tak mungkin tinggi

Indah nian bawah meranti,
Akar kani terus melata,
Agensi pertanian sedia berbakti,
Semarak tani Malaysia tercinta.

*Azean Hashim,*
*Che Yan Channel,*
*26 Oktober 2020*






(i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud ***pagar sengsara***

[2 markah]

(ii) Berdasarkan **semua bahan**, nyatakan usaha-usaha yang dilakukan oleh para petani untuk meningkatkan taraf hidup mereka.

[4 markah ]

(iii) Sektor pertanian merupakan sektor yang penting di seluruh dunia.
Pada pendapat anda, apakah kepentingan sektor pertanian di negara kita ?

[3 markah]

(iv) Sektor pertanian mempunyai potensi besar untuk dimajukan. Namun begitu, bidang pertanian ini kurang diminati oleh generasi muda kerana dikatakan generasi muda lebih berminat untuk bekerja makan gaji.

Sebagai anak muda yang suka akan cabaran, apakah yang perlu anda lakukan untuk meningkatkan minat anda dalam bidang pertanian?

[4 markah]






**Soalan 8  Novel**

i) Baca petikan novel di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

"Saya tidak bertujuan bercakap banyak.  Bagi saya, kerajaan sudah cukup memberikan kemudahan kepada kita. Baik air, elektrik, telefon dan tidak lama lagi akan dibina jalan bertar. Tetapi sikap kita tidak akan membawa kemajuan, jika tidak rela saling membantu. Maaflah, jika kata-kata saya tidak disenangi. Andainya tuan-tuan selepas ini tidak lagi memilih saya sebagai ketua, saya tidak kesal kerana sudah menyampaikan perkara yang simpan selama ini. Terima kasih."

Mungkin kesan daripada kata-kata Haji Sulaiman, perubahan begitu ketara dalam kalangan penduduk kampung. Rumahnya yang rebah, telah didirikan semula oleh orang-orang kampung secara gotong-royong. Kayu-kayu yang baharu, menurut Haji Sulaiman ialah sumbangan parti menggantikan kayu-kayu yang rapuh.

Dipetik daripada novel 'Songket Berbenang Emas'
oleh Khairuddin Ayip
Kementerian Pendidikan Malaysia

(i) Nyatakan perubahan yang telah berlaku kepada penduduk kampung setelah mendengar teguran

daripada Haji Sulaiman?

[4 markah]

(ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

a) Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latip Talib.
b) Di sebalik Dinara, karya Dayang Nor.
c) Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin.
d) Pantai Kasih, karya Azmah Nordin.
e) Songket Berbenang Emas, karya Khairuddin Ayip.
f) Tirani karya Beb Sabariah.
g) Silir Daksina, karya Nizar Parman.
h) Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusop.

Berdasarkan sebuah novel yang telah anda pelajari, jelaskan dua contoh peristiwa yang dapat dijadikan sebagai pengajaran dalam kehidupan.

[6 markah]






**BAHAGIAN C**

**RUMUSAN**

**[30 Markah]**

**Soalan 9**

*Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan, kemudian buat satu* **rumusan** *yang panjangnya* **tidak melebihi 120 patah perkataan**. *Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.*

Bahan 1 – Petikan

Bercakap soal sekuriti makanan negara, menjadi cabaran besar buat kementerian untuk mencapai sasaran tahap sara diri (SSL) 75 peratus. Ketika ini pengeluaran padi dan beras sebagai makan ruji negara hanya mampu memenuhi 70 peratus keperluan, manakala baki diimport dari pelbagai sumber.Banyak isu perlu dilihat termasuk kekurangan tanah pertanian, pengurusan tanah pertanian, kualiti benih dan baja, serangan penyakit, kekurangan sumber air, umur majoriti pesawah, isu dalam pelaksanaan subsidi dan insentif kerajaan, masalah kekurangan data serta isu lain pada peringkat rantaian pengeluaran. Hal ini juga menyebabkan kos pengeluaran padi tinggi di Malaysia.

Sudah sampai masanya pengeluaran makanan dibangunkan sebagai sektor moden, berdaya saing dan komersial. Kini Dasar Agromakanan Negara 2.0 (2021-2030) serta RMKe-12 (2021-2025) sedang dirangka dan pasti tumpuan khusus akan turut diberi kepada transformasi sektor ini melalui Revolusi Perindustrian 4.0 (IR4.0). Sasarannya untuk memberikan suntikan lebih moden.

Teknologi seperti penggunaan dron, sistem pertanian pintar, kecerdasan buatan (AI) dan data raya dengan dibantu peningkatan penggunaan mekanisasi, benih bermutu yang rintang penyakit serta berdaya tahan tinggi daripada kesan perubahan iklim serta amalan agronomik mapan, akan dapat mengubah landskap sektor agromakanan negara dalam tempoh lima hingga 10 tahun akan datang.Kementerian sentiasa memberikan galakan kepada kumpulan sasar untuk mengusahakan aktiviti pertanian secara moden dengan aplikasi teknologi dan inovasi.

Aspek guna tenaga serta produktiviti mengundang cabaran. Puncanya status petani yang sudah berumur dengan kekurangan pelapis atau pengganti serta masih mengamalkan kaedah pertanian konvensional atau kurang penggunaan mekanisasi dan automasi selari tuntutan IR4.0.Persepsi dalam kalangan belia bahawa bidang pertanian tidak memberikan jaminan kehidupan berkualiti serta dikelaskan sebagai 3D (sukar, berbahaya, kotor) juga membelenggu. Hal ini menyebabkan sektor pertanian terus bergantung kepada buruh asing.Lebih teruk mencetuskan polemik industri dari segi kos, sama ada untuk melabur dalam bidang teknologi yang mahal atau mendapatkan buruh asing yang jauh lebih murah. Buat masa ini hampir 37 peratus pekerja dalam industri ini tenaga kerja asing.Sejumlah RM1.9 bilion setahun diperuntukkan kerajaan, namun terdapat keperluan segera untuk memperbaik sistem pemberian subsidi sedia ada bagi mencapai hasrat kerajaan yang sebenar.

Teknologi ialah strategi utama bagi mengurangkan kebergantungan kepada buruh asing serta meningkatkan minat belia untuk menyertai sektor ini sebagai usahawan. Paling penting, industri ini mesti diremajakan dengan penyertaan lebih ramai belia.Dengan penggunaan teknologi digital menerusi pertanian pintar, kecekapan serta produktiviti sektor ini juga dapat dipertingkatkan.Lantas, persepsi negatif pertanian adalah pekerjaan 3D boleh dihapuskan dan nilai pendapatan petani moden pasti lebih tinggi.Kerajaan juga prihatin menyokong petani, nelayan dan penternak, terutama yang menceburi bidang keusahawanan dengan menyediakan dana bersesuaian.

Sumber: Datuk Seri Dr Ronald Kiandee
Menteri Pertanian dan Industri makanan
Mei 27, 2020@beritaharian

Bahan 2 - Grafik




Sumber :https://mobile.twitter.com/MyDSA_official/status/1206762022378934272








**BAHASA MELAYU**
**Kertas 1**
**2 Jam**

**BAHAGIAN A**
**[30 markah]**

*Gambar-gambar di bawah berkaitan dengan kempen percutian di Malaysia.*
*Huraikan pendapat anda tentang* **pelancongan di Malaysia.**

*Panjang karangan anda hendaklah* **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.






## KARANGAN B

[70 markah]

*Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis* **satu karangan** *yang panjangnya* **antara 350 hingga 500 patah perkataan.**

### DOMAIN PERIBADI

> Pengetahuan tentang penjagaan kesihatan membolehkan individu menjaga kesihatan diri, keluarga, masyarakat dan persekitaran menerusi amalan gaya hidup sihat untuk mencapai kesejahteraan hidup serta jangka hayat panjang yang berkualiti. Penjagaan kesihatan yang terancang dapat meningkatkan potensi individu pada tahap kesihatan optimum.
>
> *Sumber: myhealth.gov.my*

Petikan di atas menerangkan kepentingan penjagaan kesihatan diri demi kesejahteraan hidup.

Bincangkan amalan-amalan yang perlu anda lakukan untuk memastikan kesihatan diri sentiasa terjaga.

### DOMAIN PENDIDIKAN

> Secara umumnya, kurikulum persekolahan kebangsaan mendukung hasrat mulia negara bagi menyediakan pendidikan bertaraf dunia kepada generasi muda pada masa ini dan akan datang. Pendidikan yang berkesan akan dapat membentuk murid yang berilmu dan mempunyai jati diri unggul menjelang Transformasi Nasional (TN2050). Bagi memastikan hasrat ini tercapai, murid-murid juga perlu mempraktikkan sikap-sikap yang positif dalam menuntut ilmu .
>
> Sumber: Dipetik daripada Dewan Masyarakat
> "Menuju Ke Arah Pendidikan Berkesan"
> Ogos 2017

Berdasarkan petikan yang diberikan , huraikan usaha-usaha yang perlu dilakukan oleh murid untuk menguasai ilmu pengetahuan.

Bincangkan.

## DOMAIN KERJAYA

> Industri animasi di Malaysia semakin berkembang sekali gus mampu mewujudkan peluang pekerjaan dan pelbagai implikasi positif kepada masyarakat dan negara. Majoriti penonton gemar menonton kartun, menjadikan siri animasi dan filem animasi tempatan semakin menjadi pilihan. Kini, siri animasi televisyen atau filem cereka animasi bukan lagi siri yang diminati oleh kanak-kanak sahaja malahan remaja, golongan dewasa dan warga emas juga tidak ketinggalan.
>
> Sumber : Dipetik daripada temu bual
> Dr Ahmad Rafi Muhamed Eshaq
> (Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik )

Perkembangan dunia animasi tempatan seperti Upin Ipin, Ejen Ali dan Boboiboy mendapat sambutan yang sangat menggalakkan dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Oleh itu, tayangannya telah memberi kesan yang besar kepada masyarakat.

Bincangkan kesan-kesan perkembangan kerjaya dalam industri animasi tempatan kepada masyarakat dan negara.

## DOMAIN AWAM

> Masyarakat perlu memperbanyak interaksi sesama jiran tetangga. Sayang sekali, sekiranya kita tidak mengamalkan kehidupan berjiran dengan baik, kerana jiran kitalah orang terdekat yang dapat membantu kita ketika dalam kesusahan. Kita perlu mengamalkan toleransi serta mengelakkan perbuatan mengganggu ketenteraman jiran. Kita hendaklah berbaik-baik sesama jiran tetangga. Oleh itu, kita hendaklah berbaik-baik sesama jiran tetangga.
>
> Sumber : Dipetik dan diubahsuai daripada BH Online

